

Laporan Persidangan

**PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEDUABELAS**

Hari : ***22 April 2009 (Rabu)***

Tempat : ***(Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang)***

Jam : ***9.30 Pagi.***

HADIR

Speaker (Y.B. Tuan Abdul Halim bin Hussain)
Ahli Kawasan Air Putih (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng) – Ketua Menteri
Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Zainal Rahim bin Seman)
Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Dato' Supiah bt. Md. Yusof)
Ahli Kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy) – Timbalan Ketua Menteri II.

“ Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow)
“ Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim)
“ Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng)
“ Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang)
“ Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh)
“ Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang)
“ Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai)
“ Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi)
“ Machang Bubuk (Y.B. Tuan Tan Hock Leong) – Timbalan Speaker
“ Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai)
“ Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee)
“ Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady)
“ Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd Rahman)
“ Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik)
“ Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin)
“ Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu)
“ Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)
“ Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng)
” Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee)
“ Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen)
“ Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin)
“ Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji)
“ Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan)
“ Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee)
“ Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat)
“ Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)
“ Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)
“ Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid)
“ Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad)
“ Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed)
“ Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin)
“ Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah)
“ Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)
“ Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)
“ Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria)
“ Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab)

TIDAK HADIR

Penasihat Undang–undang Negeri (Y.B. Puan Faiza bt. Zulkifli)

TURUT HADIR

Encik Baharuddin bin Ahmad Suri - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

Dewan bersidang semula pada jam 9.40 pagi

Setiausaha:

Doa.

Y.B. Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, selaras dengan Peraturan 6 A (1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon supaya persidangan hari ini 22hb. April, 2009 dilanjutkan sehingga jam 7.00 petang.

Y.B. Tuan Speaker:

Ada sokongan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6 A (1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 22 April, 2009 dilanjutkan sehingga jam 7,00 petang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya." Ahli-ahli yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-Ahli Kerajaan:

"Ya."

Ahli-ahli Pembangkang:

"Tidak."

Y.B. Tuan Speaker:

"Ya" lebih banyak. Sebulat suara bersetuju. Usul dipersetujui.

Sebelum kita memulakan sidang pada pagi ini kita akan menyambung ucapan terima kasih Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Sebelum itu kita hendak maklumkan tentang atur cara sidang Dewan pada pagi ini. Kita tidak akan ada waktu rehat pada sebelah pagi tetapi minuman teh disediakan. Begitu juga sebelah petang kita tidak akan berhenti rehat kecuali untuk makan tengah hari pada pukul 1.00 tengah hari nanti dan minum petang disediakan. Dewan bersidang semula. Y.B. Sungai Dua dipersilakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Y.B. Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, hadirin, hadirat sekalian. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker di atas kesudian membenarkan saya membahaskan ucapan terima kasih T.Y.T. yang telah dibentangkan kelmarin.

Y.B. Tuan Speaker, terlebih dahulu kita ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang telah di sambung selama 2 tahun lagi dan kita harap dengan sambungnya Yang di-Pertua ini akan lebih memberikan kemudahan-kemudahan dan juga memberikan keselesaan pentadbiran terutamanya bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam urusan seharian. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru dilantik dan kita harap dengan pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri ini sebagai pegawai tertinggi ini akan dapat membawa perubahan sikap yang lebih baik lagi di kalangan pegawai-pegawai kerajaan di Negeri Pulau Pinang dan kita harap Setiausaha Kerajaan Negeri akan membawa kaedah mesra, selalu senyum, kena ada muka yang selalu senyum macam Y.A.B. Ketua Menteri kita selalu senyum, orang kritik pun senyum, tetapi kadang-kadang sedikit merah, tidak apa. Jadi kita harap senyuman ini akan memberikan kelebihan kepada pegawai-pegawai kita dan kita mahu pegawai-pegawai kita semua bekerja dengan satu hati, niat tujuannya untuk membina kekuatan bagi memastikan rakyat mendapat faedah-faedah dan manfaat daripada pentadbiran kerajaan negeri.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin membawa beberapa isu di dalam usul ini terutamanya tentang isu penutupan kuari. Y.A.B. Ketua Menteri telah pun mengarahkan supaya 3 kuari ini ditutup kerana untuk dapat gambaran yang lebih jelas tentang pembayaran royalti yang perlu dibayar oleh kerajaan negeri. Sudah tentulah apabila kita tutup kuari ini ada masalah yang berlaku ini tidak dapat dinafikan tetapi apa yang saya tidak faham kenapa Y.A.B. sebagai Ketua Menteri meminta supaya Ahli EXCO daripada Kawasan Bukit Tambun untuk mengetuai satu Jawatankuasa untuk mengemukakan laporan, 2 minggu diberikan tetapi sudah 2 minggu laporan itu belum lagi dibentangkan. Tetapi Y.A.B. sebagai Ketua Menteri yang menjaga Hal Ehwal Tanah sepatutnya Y.A.B. sendiri yang mengetuai, saya tidak tahulah mungkin kerana ada masalah dalaman, mungkin kerana ini masalah, belum dibentangkan lagi. Mungkin kerana masalah yang terlibat kebanyakannya orang PKR kot, Y.A.B. hendak menyelamatkan dirinya, dia hendak asingkan dirinya, dia biarlah bagi bebanan itu kepada Y.B. Bukit Tambun, supaya Y.B. Bukit Tambun dapat menyelesaikan isu ini. Tetapi apa pun saya berharap laporan ini dikemukakan kepada rakyat, semoga rakyat dapat tahu apakah sebenar yang terjadi. Dan sudah tentulah isu ini telah membawa kepada masalah-masalah yang lebih berat, kita tengok bekas Timbalan Ketua Menteri terpaksa letak jawatan kerana isu ini. Ini bukan saya kata, ini dikatakan oleh Angkatan Pemuda Keadilan sendiri yang mendedahkan, bukan UMNO yang mendedahkan, bukan GERAKAN yang mendedahkan, bukan MCA yang mendedahkan, tetapi yang mendedahkan Angkatan Pemuda Keadilan yang mendedahkan bahawa isu ini dan akhirnya membawa kepada masalah-masalah sehingga peletakan jawatan Timbalan Ketua Menteri.

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Sungai Dua, saya berharap tidak menyentuh tentang peletakan jawatan telah dibuat oleh Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya bukan hendak menyentuh itu, saya hendak menggambarkan bahawa isu ini, isu kuari ini sebenarnya telah menyebabkan keadaan ini berlaku dan ini kita harap apa yang dilaungkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan juga Parti Pakatan Rakyat yang mengatakan bahawa mereka bersih, maka jelas di sini bahawa ini telah pun tercalar, bahawa ini telah dicakar, kucing telah mencakar, sedikit sebanyak. Ini kita kata kita bersih, tetapi telah timbul isu ini makna nampak bahawa tidak bersih lagi dah. Betul tak Permatang Pasir?.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):

Y.B. Tuan Speaker, bolehkah perkara yang belum lagi diputuskan oleh mana-mana Mahkamah bolehkah kita buat *prediction*.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya kata bukan saya yang menuduh, kata ini didedahkan oleh Angkatan Pemuda Keadilan sendiri, bukan saya yang tuduh. Kita tidak pernah menuduh siapa. Sebab itu kita hadap perkara ini perlu di siasat, terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang telah mengarahkan supaya siasatan dilakukan, sudah tentulah siasatan ini akan dapat memberikan gambaran yang jelas kepada rakyat sejauh mana benda ini berlaku. Jadi Y.B. Tuan Speaker, kita harap laporan ini perlu diperjelaskan sejelas-jelasnya. Kita hendak tahu berapa banyakkah kerugian yang ditanggung oleh kerajaan negeri hasil daripada kurang kegiatan kuari ini sekarang? Hari itu dapat banyak mana, sekarang ini dah dibekukan, pasal apa dibekukan, dan berapakah hasil yang telah kerajaan negeri rugi, kerana tidak dapat memungut hasil pungutan kuari ini.

Y.B. Tuan Speaker, saya pun hairan, kerana sebegitu lama saya tidak mendengar bahawa seorang Y.A.B. Ketua Menteri melantik dirinya sendiri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tender, macam mana seorang Y.A.B. Ketua Menteri sendiri melantik diri sendiri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tender, mana ada ketelusan. Selalunya kita bagi pegawai kerajaan sendiri yang mengendalikan Pengerusi Jawatankuasa Tender, tetapi kita nampak Y.A.B. Ketua Menteri jadi Pengerusi Jawatankuasa Tender baik dalam PBA, baik dalam PDC. Saya tidak tahu mungkin projek-projek kerajaan negeri juga di mana Y.A.B. Ketua Menteri sendiri menjadi Pengerusi Lembaga Tender. Saya ingat perlu diberikan penjelasan apakah rasionalnya Y.A.B. Ketua Menteri senyum sedikit, lantik diri dia sendiri untuk menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tender ini.

Jadi ini kita boleh nampak bahawa tidak ada *transparent*, kurangnya *transparent*, bila seorang Y.A.B. Ketua Menteri yang tentulah sebagai seorang pemimpin badan politik bila dia duduk di situ tentu ada *bias* kalau pegawai kerajaan dia tidak ada sebab berdasarkan kepada fakta-fakta, berdasarkan kepada kebolehan, macam-macam maklumat lagi di lihat. Dan ini tidak pernah berlaku dalam mana-mana kerajaan sebelum ini, mana-mana kerajaan di negeri lain pun saya ingat tidak ada lah, di dunia saya tidak tahu. Tetapi yang saya tahu tidak ada, Y.A.B. Perdana Menteri sendiri pun tidak menjadi pengerusi mana-mana Lembaga Tender. Kita harap ini dapat dikaji semula supaya kita menggambarkan ketelusan sebenar, kita kata kita bersih, kita cekap, kita akauntabiliti, kita mahu ini dipraktikkan tetapi kalau dah kita duduk Pengerusi Lembaga Tender, macam mana hendak ada ketelusan, tidak ada ketelusan lagi, mungkin ada *bias* di dalam penilaian syarikat-syarikat yang masuk tender dan sebagainya.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga hairan macam mana Y.A.B. Ketua Menteri boleh mengarahkan PDC supaya melantik kawan baiknya untuk jadi Timbalan Pengurus Besar PDC sedangkan jawatan Timbalan Pengurus Besar ini sebenarnya adalah lantikan pegawai kerajaan, maknanya dengan pelantikan ini telah membantutkan pegawai-pegawai lain di PDC untuk naik pangkat. Ambil letak di situ, jadi orang lain punya *chance* untuk naik pangkat, pegawai-pegawai lain yang tunggu untuk naik pangkat, lama sudah jawatan itu kosong, tunggu-tunggu, tiba-tiba masuk kawan lain tanpa melalui prosedur-prosedur sebagai mengikut prosedur JPA. Kita hendak lantik jawatan Timbalan Pengurus Besar adalah berdasarkan Perintah-Perintah Am ataupun berdasarkan apa yang proses daripada Jabatan Perkhidmatan Awam yang mana perlu proses-proses temu duga dan sebagainya dan ini tidak berlaku dalam PDC jadi kita harap dikaji dan dilihat ini hendak menggambarkan ketelusan. Kita hendak kata telus, bila perlu mengadakan ketelusan. Setuju, kalau angguk tu dia lah.

Y.B. Tuan Speaker, kita bercakap tentang ketelusan, tetapi praktiknya, amalannya, apa yang kita lakukan sebenarnya tidak menggambarkan ketelusan. Kerajaan negeri macam mana kerajaan negeri telah dapat meluluskan sebidang tanah kepada seorang EXCO tanah kerajaan negeri. Tanah kerajaan negeri diluluskan kepada seorang EXCO bukan sahaja tetapi diluluskan sekeping lagi kepada isteri EXCO berkenaan. Kerajaan negeri di dalam mesyuaratnya pada 2.9.2008 telah meluluskan dan minit ini disahkan pada 10.9.2008. Mengesahkan sebidang tanah hak kerajaan negeri diberi kepada seorang Ahli EXCO, ini teluskah? Siapa hendak cabar, ini teluskah? Dan kepada isteri EXCO berkenaan, ini teluskah? Kita kata kerajaan telus CAT, mana ada CAT tidak ada CAT sebab itu kita harap kerajaan negeri jangan bercakap tidak serupa bikin. Makna kita dok kata orang rasuah, orang apa semua, tetapi perbuatan kita sendiri, amalan kita sendiri tidak menampakkan CAT. Jadi kita harap, kita jangan hanya mengharap tetapi sepatutnya kita praktikkan apa yang kita cakapkan.

Y.A.B. Ketua Menteri selalu cakap dalam *statement* dia, dia kata kuasa melantik Timbalan Ketua Menteri itu kuasa dia, dia bagi tempoh kepada Penasihat minggu depan kalau tidak bagi dia kata, dia akan umumkan. Tiba-tiba mai minggu depan dia kata dia tidak boleh umum, kita kena tengok, mana *power* Y.A.B. Ketua Menteri tu mana. Y.A.B. Ketua Menteri pula kata hendak rujuk kepada Anwar kepada Penasihat Datuk Seri Anwar, Penasihat bukan *president* pun, pasal apa hendak rujuk kepada Penasihat, *president* parti hendak ada, rujuklah kepada Presiden Parti. Kalau Presiden Parti hendak rujuk kepada Penasihat dia, itu dia punya caralah, tetapi kita dalam organisasi ini Presiden lah yang kita hendak nasihat, suruh dia jadi Presiden kenapa dia jadi Penasihat begitu lama, tak tau lah ahli pun dia tidak jadi, apa. Y.A.B. Ketua Menteri kena tunjukkan kuasa sebagai Ketua Menteri tidak orang tak akan *respect*, apa Ketua Menteri tidak ada *power*, orang tidak *respect* Yang Amat Berhormat, Y.A.B. bagus saya tahu, tetapi orang tidak *respect*. Jadi kita harap Y.A.B. Ketua Menteri dapat menggunakan kuasanya supaya tengok sekarang ini sudah, saya bercakap, Y.B. Tuan Speaker kata saya bercakap banyak tetapi saya hendak menggambarkan bahawa kenapa tiba-tiba kena ada pilihan raya kecil sedangkan orang masih sihat, bukan dia sakit, bukan dia terbaring dan tidak boleh berkhidmat, dia masih sihat ... (gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Sekali lagi bagaimana saya kata, itu menyentuh peribadi, bagaimana Y.B. Sungai Dua hendak membuat tuduhan, sebab orangnya tidak ada.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya cuma hendak menggambarkan bahawa pilihan raya kecil ini sebenarnya akan merugikan rakyat, buang tenaga, buang duit dan sebagainya, ini yang saya hendak tekankan di sini. Kerana tak pernah berlaku tiba-tiba letak jawatan. Dahulu Permatang Pauh juga tidak ada masalah, tiba-tiba Presiden Keadilan letak jawatan kerana hendak bagi suaminya bertanding, tidak ada sebab, merugikan rakyat siapa yang dok perabis duit rakyat, yang kita dok kata Barisan perabis duit, sapa yang dok perabis duit rakyat ni. Yang perabis duit rakyat ni, Keadilanlah, Parti Keadilan Rakyat. Duduk tak duduk.

Y.A.B. Ketua Menteri pun dok bercakap dalam surat khabar, dia kata dia tidak setuju, betul, senyumlah, betul atau tidak betul. Maknanya dia telah cakap, dia pun tidak setuju cara yang dibuat, sebab itu kita harap jangan lagilah, kalau boleh bincang lagi lah dalam Pakatan Rakyat. Kalau hendak buat pilihan raya biarlah betul-betul, ada masalah mati, sakit terukkah dan sebagainya. Ini tidak ada masalah suruh letak jawatan, buat pilihan raya, kesian. Sahabat saya, Y.A.B. Ketua Menteri saya tahu, hendak lantik dia, tetapi hendak buat macam mana ada halangan.

Y.B. Tuan Speaker:

Ini kali ketiga saya hendak kata. Amaran terakhir.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya minta maaf, saya terlajak. Kadang-kadang bila sedap bercakap, dia terlajak.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheng Heng):

Minta penjelasan. Terima kasih. Y.B. Tuan Speaker, tadi Y.B. dari Sungai Dua kata Y.A.B. Ketua Menteri sendiri melantik diri sendiri sebagai Pengerusi Tender, tetapi sebenarnya pada pandangan saya sebab tender itu ada masalah, di sini ada satu jawapan dari tahun 2003 hingga 2007, 21 projek tidak melalui tender diberi terus yang terlibat kewangan melebihi dari RM10 juta. Ini satu gambar menunjukkan ini tender ada masalah. Adakah Yang Berhormat bersetuju ketika masalah di bawah Kerajaan Barisan Nasional yang kurang rasional itu yang kerja terok begini? Ini semua ada buktinya. Terima Kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Terima kasihlah. Saya ingat kita kena faham bahawa Pengerusi Lembaga Tender adalah selalunya SS lah, Pengerusi Lembaga Tender. Adakah Yang Berhormat daripada Padang Lalang mempertikaikan kewibawaan pegawai-pegawai kerajaan dalam mengendalikan proses tender ini? Yang dok buat proses tender jadi pegawai Pengerusi Lembaga Tender tidak terlibat dengan politik selalunya. Dia terlibat dengan pegawai kerajaan yang mengendalikan, itu pegawai kerajaan yang menentukan berdasarkan kepada syarikat-syarikat mana yang berkemampuan untuk melaksanakan projek berkenaan. Ini yang dilakukan, tidak ada Ketua Menteri, Tan Sri Koh Tsu Koon dulu tidak pernah jadi Pengerusi Lembaga Tender, tidak ada. Sebab itu kita kata ketelusan, selalu kita duduk sebagai Pegawai Lembaga Tender sudah tentulah *bias*, kalau pegawai kerajaan dia tidak *bias*, dia meneliti berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang perlu syarikat ini perlu berkemampuan atau tidak.

Ini yang ditekankan di dalam kerajaan negeri perlu hendak kata telus. Kalau kita meletakkan Ketua Menteri sebagai Pengerusi Tender macam mana hendak ada telus. Kita boleh mempersoalkan sebagai pengerusi. Setiausaha Agung Parti DAP kita boleh mempersoalkan, tentu kawan-kawan dia juga akan masuk tender.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta penjelasan sikit. Terima kasih. Y.B. Sungai Dua kata, ini ikut yang tender, ikut *company* yang *background* yang kebolehan tapi pada pandangan saya, yang seperti baru-baru ini dibatalkan yang 4 kontraktor kebersihan, kesihatan tu. Itu semua *background* dari *company* yang UMNO. Itu yang mereka tak berusaha, jadi mereka dibatalkan kerja. Banyak projek-projek yang lalu, tidak mengikut tempoh untuk menghabiskan kerja. Sebab mereka tidak boleh dan itu pun di tender yang oleh *company-company* tersebut. Ini adakah yang menunjukkan kata yang mengikut mereka semua kebolehan, yang mereka punya kualiti, nampaknya tidak. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Tuan Speaker, itu bukan di nilai oleh sama ada EXCO ke atau Ketua Menteri ke, atau pun, tapi itu dinilai oleh Jawatankuasa Tender di MPSP. Jawatankuasa Tender di MPSP yang menilai *company-company* ini. Kemudian mereka lihatlah prestasi *company-company* tu. Kalau prestasi *company* itu bermasalah, depa *terminate*. Apa yang berlaku pada *company* di *terminate* kerana ada masalah. Tetapi saya tidak menyalahkan *company* itu sebenarnya. Kalau kita melihat, sebenarnya *company* itu bermasalah kerana MPSP lambat bayar duit kepada *company* tu dalam mengendalikan. Tiga bulan buat kerja, tak dapat duit. *Company ni company* kecil, dia nak pusing tak boleh. Bagaimana dia nak bagi perkhidmatan terbaik, nak bersih, nak nu, nak ni. Mana nak bayar tenaga kerja yang ramai, dia kurangkan kerja dia. Kerja jadi tak dapat bergerak kerana pembayaran yang lewat oleh pihak MPSP. Ini kita tak kaji masalah itu, kita terus *terminate*. Pasal apa kita tak bincang dulu. Panggil syarikat ni bincang, tanya apa masalah.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Boleh minta penjelasan sikit. Terima kasih. Katakan MPSP tak bayar, saya kurang bersetuju. Tapi katakan tidak bincang, saya lagi tidak bersetuju sebab sebelum saya jadi EXCO, jadi ahli wakil ADUN, sudah banyak kali saya pergi *complaint* dengan kesihatan di MPSP semenjak tahun 2005 dan saya nampaknya tidak kira di bidang mana-mana, jalan ka, longkang ka, kesihatan ka, sampah sisa ka, semua ada masalah. *Complaint* pun tak jalan, sebab mereka tak mahu layan. Dan inilah membuktikan, kesihatan punya kerja memang tak ada *standard*, tak ada satu kualiti. Dan apa yang *complaint*, bincang, memang tak ada guna, sebab pada pandangan mereka, *complaint* pun tak kisah. Ada *complaint* saya ubah pekerja, cuma wayang saja. Dan lepas itu, macam tu juga duduk atas angin cukup bulan terima cek. Ini dikatakan kakitangan tak cukup sebab tidak bayar. Yang saya faham, ada satu kontraktor di Taman Sri Rambai, saya tanya berapa kakitangan, *i* tanya dia punya kepala, 17 orang sahaja termasuk dia punya *driver*. Tetapi dia *cover* berapa taman, 22 buah taman. Adakah *you* bersetuju, 17 orang pekerja nak *cover* 22 taman, adakah cukup tak? Dan dia terima bayaran berapa dari MPSP? Adakah ini seimbang? Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Tuan Speaker, kita bercakap tadi tentang isu pelantikan Ketua Menteri sebagai Pengerusi Tender, dia merawit ke sana-sini. Saya nak beri penjelasan pergi *check* rekod dengan MPSP, syarikat-syarikat yang ditamatkan, berapa bulan yang MPSP tak bayar? *Pi check* rekod. Saya faham kerana salah satu daripada yang di *terminate* tu adalah koperasi. Koperasi ni mengadu kat saya tapi saya tak cakap kat MPSP tapi saya kata mungkin hangpa punya masalah, koperasi punya salah kerana tak menguruskan dengan baik. Tapi mereka bagi tahu, kerana mereka tak cukup wang pusingan kerana wang bayaran yang lewat oleh pihak MPSP.

Jadi, saya harap ini kena dijelaskan. Kita mahu ketuluan sebab itu saya cakap tadi, kita mahu ketuluan. Lagi satu Y.B. Tuan Speaker, saya ingin berbalik kepada isu masalah miskin tegar, saya nak dapat maklumat lebih lanjut daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, bagaimana kutipan wang atau sumbangan yang diminta, prosedur kewangan yang bagaimana yang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi kita nak pungut wang dan tabung mana yang dimasukkan oleh kerajaan negeri wang-wang yang dipungut oleh syarikat-syarikat ini, prosedur dia dan laporan dia bila nak dibentangkan. Adakah setiap kali Dewan Undangan Negeri bersidang perlu dibentangkan laporan kutipan daripada syarikat-syarikat berkenaan untuk membasmi miskin tegar ini dan sistem bagi duit ni berapa lama nak dipraktikkan? Bagaimana? Dan senarai yang kita dapat, senarai yang dikatakan miskin tegar ini hapus. Senarai ini bila dibuat? *Exercise* dia dilakukan baru tahun ini. *Exercise* dia tentulah cari orang-orang baru. Siapa yang cari?, yang cari adalah kroni-kroni juga, yang di cari oleh JKK kawasan-kawasan, ini kroni juga. Saya cakap kroni kerana saya ada bukti. Saya cabar, sila.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Tuan Speaker, sepatutnya saya nak biar dok *barking, barking*. Bila saya kata *barking, barking* tu, *you* fahamlah. Nombor satu, apabila telah diumumkan, telah jemput, telah jemput siapa. Telah jemput Ahli-ahli Yang Berhormat daripada..... (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Yang Berhormat Speaker, sekejap, saya minta laluan sikit sahaja. Saya nak minta penjelasan. Apa yang dimaksudkan *barking, barking at the wrong tree, please interpret*.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Di Pulau Pinang, memang ada 156 TASKA. Ada satu ...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya nak tahu. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Phee, sebab *barking....(gangguan)*.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Barking. Yes, you are barking at the wrong tree.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Barking at the wrong tree. What do you mean by barking at the wrong tree?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

This is a terminology, I thought about terminology you don't even understand the terminology.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

To whom, to whom, to whom you pointed the word barking?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Unless you are study the direction of my pointing then you are.

Y.B. Tuan Speaker:

...(dengan izin), Yang Berhormat Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Y.B. Speaker, perkataan *barking* itu menunjukkan kepada, kepada apa, binatang....(gangguan)

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Itu yang *you* cakap bukan saya. Kalau *you*...(gangguan)

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya tak bersetuju, saya tak bersetuju sebab, saya tak bersetuju sebab istilah itu ditujukan kepada ahli Sungai Dua. Saya tak setuju istilah itu ditujukan kepada ahli Sungai Dua....(gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk. Mungkin Yang Berhormat Sungai Puyu boleh terangkan apa maksud.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Iaitu kata, iaitu kata, satu orang yang dia itu tak tahu apa-apa dia hanya pi pokok atau dia pergi bukit dia tanya, berapa?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Bukan tanya Yang Berhormat, *barking*, yang saya faham perkataan *barking* ialah menyalak....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Duduk, minta izin tak ada....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya minta izin daripada Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat, Yang Berhormat Ahli Permatang Berangan, sila duduk. Kita bagi laluan pada Sungai Puyu.

Ini satu peribahasa, ini satu terminologi bahawa *you* tanya-tanya yang salah. Kalau dia tak faham Y.B. Tuan Speaker, saya telah umum di sini bahawa hanya ada satu TASKA yang berlesen dan saya rela bagi dia *scholarship* pergi sana pergi baca, kalau dia ingin. Datuk Speaker, kalau terminologi dia tak tahu, macam mana nak jadi Yang Berhormat faham tak?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta semua penjelasan tak dapat ni. Kita minta penjelasan *barking, barking*. *You* yang *barking*. Yang *barking* ni, *you*. *You* yang *barking* tak tentu hala. Kita bangun minta penjelasan tiba-tiba *you barking* sampai nak runtuh Dewan Undangan Negeri. Kalau macam ini, saya bagi *chance* kat *you*, *you* tak guna kemudahan yang saya bagi ini, *you* nak guna untuk nak *barking*, macam mana *you* nak *barking*.... (gangguan)

Y.B. Tuan Speaker:

Sila duduk, sila duduk. Jadi, Yang Berhormat Sungai Puyu, sila pendekkan dan cuba perelaskan apa yang nak diterangkan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Tuan Speaker, ini adalah satu bukti bahawa apabila mereka buat tuduhan, mereka membuat tuduhan melalui atas pengalaman. Dia kata begitu, bila dia mengatakan kroni-kroni dia, itulah pengalaman, *experience-experience* Y.B. Tuan Speaker. Apabila di mana, apabila buat apa kerja, melalui kroni, nombor satu Y.B. Tuan Speaker. Kedua, adalah apabila saya umumkan bahawa miskin tegar, Y.B. Tuan Speaker, semua telah dijemput, semua telah dijemput. Semua telah dijemput bahawa mengambil bahagian. Semua telah dijemput seperti ada ahli-ahli Yang Berhormat daripada UMNO juga telah dijemput secara rasmi untuk menjadi MMK. Ini semua enggan, Y.B. Tuan Speaker. Ini kerana mereka cuba, kalau saya kata menggunakan sabotaj, tak patutlah kerana mereka kawan juga. Akan tetapi mereka tidak mahu ambil bahagian kerana daripada segi politik bukan daripada segi kemanusiaan....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Speaker, ini bukan penjelasan, ini dia nak *debate* pula. Pendeklah penjelasan. Minta penjelasan, apa *you* nak minta penjelasan. Ini apa, kalau *you* nak gulung, Yang Berhormat tunggu *time* Yang Berhormat nak gulung.

Y.B. Tuan Speaker:

Saya bagi keputusan. Saya tak akan bagi masa yang lama. Saya tunggu Yang Berhormat habiskan ayat sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

laitu satu penjelasan. Satu penjelasan apabila telah satu orang hati yang suci, hati yang suci, jika benar-benarnya kehendak nak tolong orang miskin. Telah diumumkan bahawa tidak terlibat bangsa, tidak terlibat agama, tidak terlibat fahaman politik. Oleh yang demikian, saya telah menjemput ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang iaitu UMNO untuk hadir mesyuarat. Juga jadi MMK. Seperti ahli Yang Berhormat daripada Seberang Jaya, bila saya saya jemput, dia ada datang. Kerana dia di antaranya ada hati lebih sikit hati yang lebih bersuci. Bila ada PEMADAM, dia datang juga dan bila untuk taklimat juga, dia juga tak dapat datang, dia pun hantar dia punya wakil. Ini tunjuk ada sedikit sebanyak bertanggungjawab. Apakah yang lain? Apakah yang lain? Bilakah ahli Yang Berhormat daripada Sungai Dua, di mana telah dijemput datang, hadir atau hantar wakilnya. Ini telah membuktikan bahawa pada hari mula sehingga hari ini tidak ada sekalipun hati yang suci supaya mengetepikan perbezaan fahaman politik atau apa-apa pendirian supaya dapat mewujudkan satu masyarakat penyayang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Panjang berjela. Penjelasan sikit sudahlah. Saya fahamlah. Ini jelas menunjukkan bahawa Yang Berhormat daripada Sungai Puyu mengakui bahawa senarai yang di buat oleh Jawatankuasa Yang Berhormat ni tak betul. Ini diakui kerana kata tak jemput kita, bila jemput kita baru kita pergi, tidak mengapa. Yang Berhormat buat senarai tu bagi kita *check* pun tak apa, kita boleh bekerjasama. Senarai dah siap daripada Jawatankuasa Yang Berhormat bagilah kami ni *check* tengok. Betul ke tidak, tegar ka tak tegar. Tak apa, tak apa. Tetapi masalah yang saya dapati, ini senarai e-kasih. Senarai e-kasih ni di buat oleh USM dan juga Jabatan Perangkaan. Yang dia pi semua rumah, dia tak kira pegangan fahaman politik dia. Ini senarai miskin tegar dalam kawasan kita. Tetapi ini senarai Yang Berhormat punya yang di buat oleh JKK Yang Berhormat ni. Dan daripada senarai ini, ini senarai JKK. JKK tentulah dia pilih kroni. Sebab itulah saya tengok daripada senarai ini, hanya dua orang sahaja yang menerima bantuan ada di sini yang lain tak ada. Ini bermakna masih ramai lagi miskin, tapi tak apalah kalau nak bagi, bagi kat semua pun tak ada masalah. Tetapi ini bermakna masih ramai lagi miskin tegar yang tak dapat bantuan. Macam mana kita kata miskin tegar dihapuskan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Nak ceramah ka nak bagi penjelasan?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Saya nak bagi penjelasan. Y.B. Tuan Speaker, e-kasih ini adalah dimulakan pada akhir 2007 oleh Kementerian Luar Bandar. Pada mulanya, semua Pegawai Daerah ada access kepada apa maklumat yang ada di dalam. Akan tetapi, sistem e-kasih ini ada masalah-masalah tertentu. Selepas itu, semua Pegawai Daerah tidak ada access kepada e-kasih. Pada akhir tahun 2007, jumlah sebanyak 494 nama telah dikenalpasti dan daripada JKM Kuala Lumpur telah hantar senarai kepada JKM Pulau Pinang untuk disiasatkan. Haknya-haknya di bagi kepada Barisan Nasional dan juga

Jabatan-jabatan Persekutuan yang tertentu, yang tertentu. Program ini saya telah difahamkan, akan sehingga Jun 2009 supaya dapat disemak semula sebelum diagihkan. Mengikut apa yang dipanjangkan kepada JKM dan adalah 26 nama di sini. Di mana siasatan telah dijalankan pada bulan Januari. Daripada senarainya minta *check* dan saya baca satu persatu. Nama pertama, Rosli bin Othman, I/C nombor 650510075147, betul tak, nama pertama. Senarai yang telah dibagi oleh Ketua Pembangkang kelmarin.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta laluan. Itu senarai Penaga. Ini senarai Sungai Dua. *You* tak baca senarai tu, saya tak adalah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Tuan Speaker. Ini ada satu tunjuk, saya serah ini satu untuk dia semak.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Senarai mana?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Penaga.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya cakap Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Saya tunjuk bukti.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya pun tunjuk bukti.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Kalau kelmarin *you* ada hantar pada saya, esok saya akan jawab pada senarai kerana janganlah perkecilkan kecekapan pegawai-pegawai kerajaan. Mereka bekerja begitu kuat untuk menyiasat dan turun padang dan nak memperkecilkan mereka. Y.B. Tuan Speaker...(gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Sila Yang Berhormat Sungai Puyu, nak menjawab dalam penggulungan nanti.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Tuan Speaker, saya kena tunjuk bukti dengan segera. Kalau tidak nanti satu naik, satu senarai, satu naik, satu senarai. Saya kena tunjuk satu kelemahan sistem e-kasih ini Y.B. Tuan Speaker.

- (1) Pendapatan seluruh keluarganya RM800.00 satu bulan. Shahaludin bin Saad, dia pendapatan RM800.00 sebulan.
- (2) Mohd Nordin bin Abdul Rahman, pendapatan RM800.00 sebulan.
- (3) Darus bin Abas, pendapatan RM980.00 sebulan.
- (4) Ahmad Fuad bin Abdul Hamid, pendapatan adalah RM900.00 sebulan.
- (5) Ilias bin Ishak, pendapatan seisi keluarga adalah RM850.00.
- (6) Mohd Zamri bin Yusuf, pendapatan seisi keluarga adalah RM850.00 sebulan.

Y.B. Tuan Speaker:

Kita dah cukup....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Tuan Speaker. Ini saya nak bagi bukti bahawanya walaupun, pihak Kerajaan Pusat selalu cuba pinggirkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Negeri Pulau Pinang selalunya pun memberi kerjasama sepenuh-penuhnya kepada Kerajaan Pusat. Di sini saya nak kata, nak tanya satu soalan, e-kasih. Sampai Jun, baru habis dia punya *exercise*, supaya selepas tapisan baru buat satu keputusan. Di sini, apabila kami sudah dapat bahawanya dan sekiranya dapat di tolong terus di tolong seperti Mohd Fauzi bin Othman, bantuan OKU tidak bekerja, terus RM150.00 setiap bulan diberikan dan telah dibagi. Dan daripada 26 nama ni, 3 orang yang harus dibagi bantuan telah dibagi bantuan bulanan. Ini terbukti. Saya ingin nak tanya, jikalau e-kasih ini, hanya bulan Jun baru nak buat *exercise*. Saya nak tanya, hubungan daripada Kementerian Luar Bandar, di mana daripada e-kasihnya, 494 nama dalam senarai, mengapa hanya 22 orang akan diagihkan sebanyak 1.1 juta. Adakah ini e-kasih atau pilih kasih Y.B. Tuan Speaker?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B Tuan Speaker, nanti *time* gulung, gulunglah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Nanti, nanti, nanti, saya nak tanya....(gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Sungai Puyu...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Tuan Speaker, saya nak maklumkan di sini, nak tanya di dalam dewan yang mulia ini, mengapa daripada senarai 494 ini, hanya 22 orang dipilih untuk mendapat 1.1 milion? Adakah e-kasih atau pilih kasih? Saya telah menulis sepucuk surat kepada kementerian, supaya memaklumkan kepada saya nama 22 orang ini. Tetapi sehingga hari ini, tak ada hanya satu kelihatan untuk, atau untuk satu sistem kroni mereka....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Siapa yang pilih kasih ni? Siapa yang pilih kasih ni?

Y.B. Tuan Speaker:

Kita boleh sambung masa penggulungan nanti. Kita bagi ruang untuk Y.B. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Siapa yang pilih kasih? Siapa yang pilih kasih? Yang pilih kasih EXCO. Bagi tanah pada EXCO juga.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Tuan Speaker, saya nak dia tarik balik. Kerana apa yang jadi, dia cuba putar-belit dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Putar-belit apa? Saya ada bukti.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Kalau bukti, adakah seorang ini dia bukan seorang ADUN dia seorang EXCO...(gangguan). Saya nak bagi penjelasan, tapi *you* berdiri,...(gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat, Yang Berhormat, dua-dua Ahli Yang Berhormat, saya minta sila duduk....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ini adalah sikap orang yang empat penggal di sini tak tahu *standing of order* tu apa.

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Sungai Puyu, sila duduk.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Penjelasan. Y.B. Tuan Speaker, saya pun hairan juga Sungai Puyu ni, nampaknya dia tak begitu ikhlas nak bantu untuk selesaikan masalah kemiskinan ni. Buat apa kita nak *argue*, buang masa dewan. Kalau dah wakil rakyat, semua wakil rakyat ini. Berkhidmat untuk rakyat. Kalau kami dah bagi tahu kata ada yang belum dapat, pergilah siasat. Yang sibuk-sibuk nak bertengkar pasal-pasal senarai ini, nak buat apa?, buang masa

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Tuan Speaker, Y.B. Tuan Speaker. Saya nak minta laluan. Selamat pagi, selamat pagi. Saya minta laluan daripada Y.B. Tuan Speaker bukan anda. Y.B. Tuan Speaker telah bagi. Tak tahukah empat penggal punya ADUN?....(gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Jadi, Yang Berhormat Sungai Puyu, cuba buat satu *statement* saja. Saya minta Y.B. Sungai Dua teruskan. Tadi jawapan dan penjelasan telah diberikan daripada Sungai Puyu. Perkara-perkara lain boleh diberikan masa penggulungan nanti. Jadi, jawapan panjang telah diberikan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Tuan Speaker, saya minta izin sedikit saja, sedikit saja, tak sampai satu minit.

Y.B. Tuan Speaker:

Satu minit saja.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ya, satu minit saja, kerana saya nak ucapkan selamat pagi, selamat baru bangun kepada ahli Yang Berhormat daripada Telok Bahang kerana di sini bukan kata, minta tolong kata nama orang yang tercicir dalam senarai akan tetapi tuduhan-tuduhan pada sistem, tuduhan-tuduhan pada kecekapan kakitangan kerajaan itu saya tak terima, itu saya tak terima. Kerana saya terpaksa berdiri untuk pertahankan kakitangan kerajaan yang kerja begitu kuat. Dan tuduhan-tuduhan liar seolah-olah bahawa....(gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Sungai Puyu sila duduk. Duduk Yang Berhormat. Cukup, cukup. Yang Berhormat Sungai Puyu sila duduk. Terima kasih. Saya nak bagi, tak sampai lagi lima minit untuk Yang Berhormat Sungai Dua untuk teruskan kerana terlalu banyak masa yang kita ambil, kita kena bagi peluang kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya kata, tak kan nak biarkan orang yang miskin terus miskin sedangkan orang ni baru diberi bantuan. Sebab tu saya kata, ada dua saja, yang lain tu Yang Berhormat carilah, selesaikan. Saya tak tuduh pun pegawai kerajaan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Tuan Speaker, untuk....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya tak bagi dah, saya tak bagi dah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Untuk tolong-menolong saya minta senarai tu....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya tak bagi dah, saya tak bagi dah. Dah tak ada masa dah.

Y.B. Tuan Speaker:

Sungai Dua tak bagi laluan jadi...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Tuan Speaker, saya bukan nak minta laluan, saya hanya nak minta dalam dewan yang mulia ini, supaya dapat di bagi senarai tu supaya dapat disiasat. Saya, nak bagi senarai tak?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Sebentar lagi di luar saya bagi.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ini janji ya. Saya akan siasat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Janji, janji. Saya yang bawa mai pun sebab saya nak bagilah. Bukan bawa mai saja-saja, saya nak bagilah. Saya nak tunjuk bahawa ianya berlaku.

Y.B. Tuan Speaker:

Teruskan, teruskan. Yang Berhormat Sungai Puyu sila duduk.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Awat yang nak marah-marah pasal apa? Orang nak suruh berbetul bagi elok-elok nak marah. Semalam kot tidur lambat kot. Jadi, Y.B. Tuan Speaker, isu pelantikan Lembaga Pengarah, saya pun hairan bila Lembaga Pengarah ini dilantik. Siapa yang berkuasa melantik? Lembaga Pengarah PBA? Yang saya tahu Mesyuarat Agung PBA belum buat lagi, macam mana Lembaga Pengarah ini dilantik? Dan saya hairan, macam mana daripada, Y.B. Permatang Pasir yang tak dilantik, lantik Mat Sabu, kesian. Dan yang seronok tu, Lembaga Pengarah ni, di bayar elaun, elaun tetap, ni pengarah bebaslah. Pengarah bebas, elaun tetap pengarah bebas RM1500.00. Tapi yang seorang ni, yang saya kata tadi ni, dia ada pula elaun khas, elaun, elaun luar kawasan di bayar lagi RM1500.00. Orang lain semua tak ada elaun luar kawasan. Pasal apa dia ada elaun di luar kawasan, dia duduk di negeri lain kot. Di bayar elaun RM1500.00. Ini bukan saya kata, ini jawapan yang di beri kepada saya. Sebab tu saya kata perlu ada ketelusan. Tak ada ketelusan ini. Cakap kerajaan bersih. Jadi, kita harap kena teluslah. Kalau nak lantik, biar lantik orang dalam negeri kita, tak payah bayar elaun luar kawasan. Memang dia pun orang dalam negeri kita tapi tak tau lah dia di bayar elaun luar kawasan. Ini yang perlu kita, kita perlu tengok. Y.B. Tuan Speaker, kita perlu tengok walaupun jawatankuasa kira-kira kerajaan...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya nak mintalah supaya Y.B. Sungai Dua, tolonglah, orang yang tak ada dalam dewan ni, kita tak payah bincanglah. Benda ni kita...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ok, terima kasih. Saya pun tak mahu sebut. Betul, saya pun tak mahu sebut. Tak apa, saya cuma nak tunjuk simpati. Saya simpati, kata Kerajaan Pakatan Rakyat, tapi seorang wakil yang ada pun tak boleh nak duduk sebelah sana. Itulah nak buat macam mana. Bagilah *chance* sikit, saya simpati sebenarnya. Sampai kita nak tolong simpati pun tak boleh ni apa dia.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan. Saya rasa bukan soal orang tu ada ka tak ada. Soalnya, perbelanjaan yang digunakan, ialah duit negeri, duit rakyat Pulau Pinang. Itu yang dipersoalkan. Bukan orang tu ada sini tak ada sini. Itu yang dibangkitkan tadi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Jadi, Y.B. Tuan Speaker, kalau kita buat cerita yang sebenar, kadang-kadang tak boleh terima, tak bolehlah. Cerita yang sebenar, biarlah diperbetulkan, apa yang tak benar. Tak kan lah kita tak boleh nak bercakap benda yang tak betul. Kalau tak betul, kita tegur, itu kerja kita. Kita tegur benda yang tak betul. Betul tak Y.B. Perai? Tak betul kita tegur. Kita pembangkang, kita kena tegurlah. Kita tegur untuk kebaikan rakyat negeri Pulau Pinang, kerana kita dok mengaku kata kita ni teluslah, apalah semua. Tapi, tak nampak ketelusan. Nak bagi telus ni. Kalau dah kata telus, biar telus betul-betul. Jangan sekerat telus, sekerat tak telus.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, RM1,500 itu banyakkah? Banyak sangatkah?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Soal dia bukan RM1,500 itu banyak. Soal dia kenapa ada elaun luar kawasan. Dia seorang sahaja, dia pun ada elaun tetap, RM1,500, orang lain elaun tetap RM500, dia elaun tetap RM1,500, tak tahulah kalau salah *typing*, saya tidak tahu. saya pun terkejut ni. Elaun Pengarah Bebas, elaun mesyuarat RM300, elaun tetap RM1,500, elaun luar kawasan RM1,500, orang lain siapa pun tidak ada, CAT. Dato' Pegawai Kewangan Negeri pun tidak ada elaun itu. Dia pun luar juga, pergi balik, tidak ada.

Y.B. Tuan Speaker:

Jadi Yang Berhormat Sungai Dua, masa...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Gulung ya?

Y.B. Tuan Speaker:

Gulung saja

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Terima kasih banyak-banyaklah tetapi oleh sebab Sungai Puyu tadi dia ambil masa saya yang banyak, saya cuma minta masa sikit lagi, *injury time*, sikit lagi untuk biar nampak ketelusanlah, nak cover balik masa yang diambil oleh Sungai Puyu. Sungai Puyu ambil 20 minit lebih.

Y.B. Tuan Speaker:

1 minit sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya akur kepada Y.B. Tuan Speaker, Jadi Y.B. Tuan Speaker, kita pun tidak apalah ini elaun Ketua Menteri. Elaun Ketua Menteri sebanyak RM 34,787.99, itu elaun dia tetapi kalau kita campur dia elaun di PDC, elaun di PBA, elaun mesyuarat itu, elaun mesyuarat ini, elaun Ahli Parlimen, gedebuk –gedebak saya ingat hampir RM50,000.00, lebihkah? Lebih, saya kata hampir RM50,000.00 tetapi mereka kata lebih. Saya ingat tak tahulah tinggi atau tidak tinggi, sebagai Ketua Menteri wajar, layak bagi RM50,000.00, tidak apalah tetapi janganlah bila rakyat minta sedikit kata tidak ada peruntukan? Bagilah kena tengoklah.

Y.B. Tuan Speaker, lagi satu yang saya tengok di sini jawapan yang diberi kepada saya, lawatan ke luar negara. Bagus ada setengah yang di *sponsor* tetapi daripada 16 lawatan ke luar negara, 13 dibiayai oleh kerajaan negeri. Yang menarik perhatian saya ialah lawatan ke Medan, lawatan Medan Fair 17 orang termasuk Timbalan Ketua Menteri, seorang EXCO, 15 orang lagi pegawai. Perbelanjaannya RM164,222.00 untuk 17 orang. Saya bahagi, tidak tahulah saya bahagi RM164 bahagi 17 makna seorang dia belanja sebanyak RM9,966.00. Kadang-kadang mungkin pegawai ini pergi dua hari balik kut, tiga hari macam itulah. Ini duit kerajaan negeri, macam mana kata telus. Pergi Medan sahaja, bukan pergi mana pun, pergi Medan. Saya ingat pergi kapal terbang RM400 kut pergi balik, tidak sampai Air Asia berapa sekarang ini? Tidak tahu lama tidak pernah pergi, dulu duduk *back benchers* dulu mereka suruh pergi jugalah, jadi lama tidak tahu, takkan sampai RM9,000 lebih seorang. Depa makan besar kut di sana, duduk hotel 5 bintang kut, 6 bintang?. Ini duit Kerajaan, berhemah belanja kata bercakap Kerajaan telus CAT tetapi perbelanjaan Ya Allah. Kalau kita tengok perbelanjaan-perbelanjaan ini memang cukup tinggi. Jadi oleh sebab saya akur, sebenarnya banyak lagi Y.B. Tuan Speaker, banyak lagi nak bercakap. Pelancongan tidak bercakap lagi, perumahan tidak cakap lagi. Ini Penang Hill ini, yang bagi tender kata telus ini, bagi tender cara macam mana yang bagi tender. Siapa yang dapat tender? Saya mahu ini dijawab, tender ini bagi pada siapa yang kata telus itu? Macam mana cara pemberian dia, tender terbukakah? Tender bagikah cuba cerita mai? Oh! Padang Lalang nanti kita dengar. Bagi pada siapa, siapa yang terlibat, syarikat mana yang terlibat cerita terus terang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Hendak minta penjelasan?

Y.B. Tuan Speaker:

Sudah, sudah tutup dah

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Saya rasa silap orang, saya bukan EXCO. *You* tanya saya buat penjelasan, saya silap oranglah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tidaklah, sebab tadi *you* kata telus, saya cakap pasal telus, saya hendak suruh tengok sejauh mana ketelusan. Sebab itu Y.B. Tuan Speaker saya minta maaf kalau ada salah silap, kalau ada tersinggung perasaan saya minta maaf banyak-banyak terutama sekali kepada kawan baik saya Sungai Puyuloh tetapi dia memanglah dia suka hangat, nak buat macam mana, sekejap lagi kita minum kopi, jadi sekali lagi saya dengan ini mohon menyokong, terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Teruskan Yang Berhormat Datok Keramat, silakan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, selamat pagi salam sejahtera kepada semua yang hadir. Izinkan saya berbahas tentang perkenan yang telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua pada hari pertama persidangan ini. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk melaung apa yang telah dilaung oleh beliau, Tuan Yang di-Pertua dalam ucapan beliau di mana beliau telah mengucapkan tahniah pada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak di atas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keenam. Walaupun beliau mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Dato' Seri Najib tersebut saya ingin menyatakan di sini bahawa cara beliau menjadi Perdana Menteri nombor keenam Negara Malaysia kita itu mesti dipertimbangkan. Cara beliau mengambil alih tempat pertama menerajui *seat* Perdana Menteri daripada Pak Lah sebelum ini, itu satu cara yang mesti dipertimbangkan sama ada ia cara yang betul ataupun tidak. Pada saya, memang ini satu cara yang amat tidak betul kerana satu *president* telah ditetapkan di mana satu *seating Prime Minister* di dalam tempoh sebelum beliau mengakhiri tempoh beliau telah diminta letak jawatan dan satu Perdana Menteri yang baru telah mengambil alih. Pada saya itu satu *question mark*, satu *question mark* yang besar sekali.

Isu yang kedua berkenaan ucapan tahniah kepada Dato' Seri Najib ini saya ingin juga menyentuh tentang pada hari pertama beliau memegang jawatan Perdana Menteri tersebut, beliau telah turun ke padang dan menyatakan konsep atau memperkenalkan konsep "One Malaysia" beliau secara besar-besaran yang sehingga kini kita lihat masih diperbesarkan atau dilaung-laungkan konsep "One Malaysia" tersebut tetapi sebenarnya Y.B. Tuan Speaker, saya ingin menyatakan di sini bahawa itu bukan satu konsep baru. Konsep itu memang konsep yang telah diperjuangkan oleh Parti DAP selama-lama ini.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Y.B. Tuan Speaker, saya minta penjelasan

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya tidak beri, bagi saya habis dahulu, saya habis *point* ini dahulu, belum

Y.B. Tuan Speaker:

Datok Keramat belum habis lagi, biar kita dengar dahulu

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Konsep satu Malaysia ini bukan satu konsep baru. Ini konsep yang sudah lama sepertimana yang saya katakan tadi oleh Parti DAP di mana konsep tersebut ialah Bangsa Malaysia, so isu dan soalan dia ialah Perdana Menteri keenam kita ini dia kehilangan modal, dia mencelup idea DAP. Dia cuba hendak memperjuangkan satu konsep ataupun idea yang sudah lama kita perjuangkan tetapi saya ramalkan walaupun dia ingin memperkenalkan atau memperjuangkan "One Malaysia" ini saya meramalkanlah dia tidak akan berjaya kerana parti beliau Barisan Nasional itu bukanlah satu parti. Dia adalah berlandaskan kaum, so, selain atau selagi beliau tidak menukar cara beliau ataupun struktur parti beliau, konsep "One Malaysia" Perdana Menteri keenam kita ini tidak boleh berjaya. Itu yang saya ingin menyatakan. Saya berbalik kepada teks ucapan Tuan Yang Di-Pertua di mana...(gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Kalau Datok Keramat hendak teruskan yang itu mungkin boleh bawa ke Parlimen tetapi saya benarkan sebagai mukadimah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Ya, *just because* Tuan Yang di-Pertua ada sentuh ucapan tahniah kepada Najib, jadi saya ingin buat sedikit ulasan berkenaan itu Yang Berhormat. Ya, silakan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Y.B. Tuan Speaker, bahawa kita hendak bincang tentang Pulau Pinang bukan hal Kuala Lumpur, hal Parlimen. Saya nak pertikai tentang pelantikan yang disebut oleh Yang Berhormat Datok Keramat tentang beliau pertikaian tentang bagaimana Dato' Seri Najib menjadi Perdana Menteri. *By Convention* kita semua tahu *By Convention* daripada merdeka sehingga sekarang, Perdana Menteri Malaysia adalah datang daripada parti yang terbesar di Malaysia, UMNO. Jadi kalau UMNO telah buat keputusan, Pak Lah sendiri telah buat keputusan untuk menarik diri daripada bertanding Presiden dan Presiden disandang oleh Dato' Seri Najib automatik dia menjadi Perdana Menteri. *That is by convention* yang lama sejak merdeka sehingga sekarang selagi Barisan Nasional memerintah, jadi kita tidak boleh pertikaian itu, cara Dato' Seri Najib menjadi Perdana Menteri. Jadi tidak timbul hal ini, ini kelulusan telah dibuat oleh bekas Perdana Menteri sendiri, Tun Pak Lah. Jadi tidak patut dipertikaikan. Tentang Malaysia Satu Malaysia ini, satu konsep baru yang cuba dibawa oleh Perdana Menteri, patut kita dengar dululah, kita belum apa lagi kita telah pertikai, biar bagi peluang kepada Perdana Menteri untuk hendak bawa Konsep Satu Malaysia ini, biar dulu kita tengok apa yang hendak dibawa. Jangan kita pertikai peringkat awal lagi, kita tidak tahu apa langsung, kita terus hendak pertikaian, ini tidak kena sebagai rakyat Malaysialah, Y.B. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih Yang Berhormat Telok Bahang. Isu yang saya bangkitkan berkenaan "One Malaysia" ini ialah memang dia telah pun mula memperkenalkan konsep tersebut di mana teras utamanya ialah mempererat hubungan antara kaum, itu jelas mungkin Yang Berhormat Telok Bahang tidak *follow* berita yang terkini tetapi isu yang saya bangkitkan berkaitan dengan apa yang ingin diperjuangkan Dato' Seri Najib ini ia tidak boleh berhasil, ia tidak boleh berjaya selagi Barisan Nasional itu adalah satu parti yang adalah berdasarkan perkauman, itu isu yang saya bangkitkan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Mohon Penjelasan.

Y.B. Tuan Speaker:

Penjelasan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, sebenarnya saya setuju dengan pandangan daripada Telok Bahang bahawa isu ini adalah merupakan isu yang sedang dalam penjelasan tetapi walau bagaimanapun dari segi istilahnya sudah menampakkan ada perbezaan. Perjuangan yang dibawa oleh DAP ialah "Malaysian Malaysia" tetapi perjuangan yang dibawa oleh Dato' Seri Najib adalah "One Malaysia". Dari segi konteks atau istilah itu pun sudah ada perbezaan dan sebenarnya kalau kita merujuk kepada penjelasan Y.A.B. Dato' Seri Najib juga di dalam beberapa akhbar utama telah pun menggariskan maksud "One Malaysia" ini dan saya rasa semua pihak perlu mengkaji maksud tersebut kerana memang terdapat perbezaan yang amat nyata dalam perkara itu. Jadi saya mintalah wakil daripada Datok Keramat meneliti dan menganalisis terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa kenyataan, terima kasih Y.B. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Mungkin Yang Berhormat dapat membaca minda Dato' Seri Najib kerana orang yang sebenarnya menjawab apakah maksud konsep tersebut Dato' Seri Najib sendiri tetapi isu adalah ini, One Malaysia adalah percubaan daripada Barisan Nasional untuk mempererat hubungan antara kaum, itu jelas dan itu adalah konsep yang telah pun diperjuangkan oleh parti DAP selama ini. So, apakah isu baru konsep ini, apa yang ingin saya tekankan di sini ialah Dato' Seri Najib ini dia tidak ada idea original. Dia peniru, dia pencilup, dia mencelup idea daripada parti DAP, itu jelas.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Yang Berhormat Speaker, saya minta laluan sekejap, saya rasa isu ini elok dibangkitkan di dalam Parlimenlah. Biar Dato' Najib sendiri yang jelaskan di dalam Parlimen tentang isu tersebut. Jadi platform ini adalah platform untuk bincang Dasar Negeri, sila.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Datok Keramat. Saya rasa isu ini adalah isu yang melibatkan semua termasuk Negeri Pulau Pinang dan mana-mana negeri untuk menjadikan "One Malaysia" takkan Pulau Pinang tidak libat, Sabah tidak

libat, itu pun haruslah kita buka mindalah tentang konsep baru ini. Apakah Yang Berhormat Datok Keramat mungkin lupa bahawa DAP pun menjernihkan lagi konsep "Malaysian Malaysia" dengan slogan "Malaysian First", satu kempen yang kita laksanakan sebelum pilihan raya yang lepas untuk *inclusive* semua menjadi satu prinsip *inclusive* yang melibatkan semua rakyat Malaysia, jadi saya berharap Yang Berhormat Datok Keramat tidak kecil hati dan sepatutnya menyambut kalau Perdana Menteri yang baru ingin menggunakan konsep yang diperjuangkan oleh DAP selama ini dan diperjernihkan dengan "*Malaysian First Concept*" kita menyambut baik. Ini membuktikan perjuangan DAP selama ini adalah di atas satu landasan dan arah tuju yang baik untuk Malaysia. Kalau dia nak gunakan untuk memperkukuhkan apa yang diperjuangkan oleh DAP, kita mengalu-alukan tetapi kita pun nak ingatkan kepada mereka haruslah ada minda dan pemikiran yang baru sebelum konsep "*First Malaysia*" ataupun "Malaysian Malaysia", "*Malaysian First*" dapat menjadi kenyataan di bumi yang bertuah ini (tepukan).

Y.B. Tuan Speaker:

Saya akan benarkan perkara ini dibahaskan, konsep ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Cuma satu *point* yang penting yang dibangkitkan oleh saudara saya, rakan saya daripada Padang Kota bahawa hujah yang dibuat oleh rakan saya di sebelah sini bahawa ini adalah satu isu untuk di bicarakan di Parlimen adalah langsung tidak benar kerana seperti mana Y.B. Padang Kota menyatakan ia mempunyai kesan kepada semua rakyat Malaysia. Kedua apa yang saya khuatir ialah walaupun apa yang diinginkan, diperjuangkan itu konsep satu Malaysia daripada Y.A.B Perdana Menteri baru ini adalah satu perkara yang kita alu-alukan tetapi di dalam parti beliau, dalam struktur parti Barisan Nasional saya ramalkan ini tidak boleh berlaku. Mungkin sekiranya dia benar-benar ikhlas hendak jalankan dengan konsep ini mungkin Y.A.B. Dato' Seri Najib boleh datang parti DAP dan menyertai kita di dalam perjuangan kita untuk menjadikan satu Malaysia itu satu kejayaan.

Saya teruskan Tuan Y.B. Speaker, kepada apa yang telah dinyatakan dalam ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua pada hari Isnin. Dan saya pada hari Isnin juga ada membangkitkan satu soalan kepada waktu itu Y.B. daripada Perai sedang memberi penjelasan berkenaan isu sabotaj dan pada tarikh itu saya ada menyatakan bahawa saya ada baca satu surat khabar tentang itu, dan saya mendapatinya itu pada hari Ahad, surat khabar STAR.

Y.B. Tuan Speaker di mana tajuk *article* tersebut berbaca CM ...(dengan izin), *moves to sabotage Penang bound investment and* saya ...(dengan izin), membacakan *article* tersebut daripada Singapore, *certain government officials have tried to sabotage Penang bound investments by diverting them to other places including Iskandar Malaysia in Johor. Penang Chief Minister Lim Guan Eng said he was aware of such attempts. So,* ini adalah *article* yang saya bangkitkan isu tentang sabotaj tersebut. *Now* apa yang begitu penting, *point* yang begitu penting kita dapati daripada *article* tersebut sekiranya ia benar, kerana *article* daripada newspaper dari segi undang-undang seperti mana rakan saya hari itu dari Batu Uban menyatakan *is hear say*. Sekiranya benar saya berpendapat ini adalah satu perkara yang begitu serius sekali, begitu serius sekali kerana daripada berkenaan Tuan Yang di-Pertua hari Isnin, beliau sendiri menyatakan kita seharusnya mengetepikan semua fahaman politik dan menumpukan perhatian kepada membangunkan ekonomi di dalam keadaan ekonomi yang gawat di dunia kini.

Jadi berlanjutan daripada apa yang telah diperkenankan oleh Tuan Yang di-Pertua kalau ia adalah satu hakikat ada pihak-pihak yang cuba mensabotaj pelaburan yang masuk ke Pulau Pinang, saya berpendapat ini adalah satu pengkhianatan yang begitu besar. So dari segi itu sekiranya ada bukti ada pihak-pihak yang mensabotaj dan pihak-pihak ini daripada *article* tersebut merujuk kepada *government officials*, saya merujuk kepada *article* tersebut. Merujuk kepada *government official*, saya tidak tahu sama ada *government official* dari pusat ataupun dari negeri. Tetapi kalau ada bukti bahawa *government official* bertindak sebegini, saya berpendapat dan saya menyeru kepada kerajaan negeri sebaik mana boleh di dalam sistem negeri kita untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap ahli-ahli *government officials* tersebut, kerana mereka ini tidak memperjuangkan ataupun membuat apa yang perlu supaya membangunkan ekonomi seperti mana dinyatakan oleh Tuan Yang Terutama di dalam ucapan teks beliau. So, saya menyeru supaya tindakan tatatertib di ambil, satu tahun sudah. Kita tidak boleh menerima, kita tidak boleh menelan sabotaj sebegini lagi. Kita semua orang Malaysia khususnya rakyat Pulau Pinang mesti mengetepikan fahaman politik supaya di dalam masa ini seperti mana Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua menyatakan kita bangunkan ekonomi negeri di Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker, saya teruskan dengan ucapan saya pada satu isu yang lain iaitu di dalam ucapan TYT Yang di-Pertua bahawa beliau menekankan, beliau menekankan perlunya satu keluarga mempunyai satu rumah iaitu konsep yang dilaungkan oleh TYT Yang di-Pertua dan saya bersetuju sebulat suara dengan konsep tersebut. Dalam pada ini Y.B. Tuan Speaker, saya ingin membangkitkan beberapa isu, dari segi pembangunan kita tahu bahawa ada keperluan bahawa setiap pembangunan yang dijalankan itu diperlukan ada *low cost housing* ...(dengan izin), 30%. Now, baru-baru ini di bahagian Pulau terutamanya didapati beberapa projek di mana keperluan supaya ada *low cost housing* di dalam setiap pembangunan itu sebanyak 30% ini tidak dipatuhi, di mana ada pengecualian ataupun penangguhan.

Now, ini adalah satu perkara yang amat membimbangkan memandangkan daripada permulaan persidangan ini, kita telah dimaklumkan tentang *growth population* ...(dengan izin), Pulau Pinang, saya difahamkan sampai 1.6 juta dalam masa tahun depan. Ini adalah sesuatu perkara yang membimbangkan sekiranya keperluan *low cost housing* sebanyak 30% ini tidak dipatuhi maka ada banyak pihak yang mungkin tidak dapat memiliki rumah tersebut, rumah sendiri dan konsep satu keluarga satu rumah yang diperkenankan oleh TYT Yang di-Pertua itu tidak dapat dijayakan. Now, saya telah juga membangkitkan satu isu tentang satu pembangunan yang lama yang telah pun dalam fasa keduanya. Sekarang fasa satu telah siap, iaitu pembangunan E&O di Tanjong Tokong, Seri Tanjong Pinang.

Now, di Seri Tanjong Pinang Y.B. Tuan Speaker tiada daripada apa yang saya difahamkan tiada *low cost housing*, *in fact that is the for the* ...(dengan izin), *ultra rich* but tiada *low cost housing*. Fasa 2 dan Fasa 3 akan masih dalam jawapan kepada soalan bertulis saya telah dinyatakan bahawa peruntukkan rumah kos rendah 30% akan dibuat di Fasa 2. Apabila saya tanya sebab-sebab perjanjian asal Fasa 1 projek Seri Tanjong Pinang tidak mematuhi keperluan untuk membangun projek rumah pangsapuri kos rendah. Jawapan yang diberikan, saya ingin menyatakan Y.B. Tuan Speaker tidak begitu menjawab soalan saya. Ia cuma menyatakan bahawa peruntukkan projek kos rendah telah ditangguhkan kepada Fasa 2. So, soalan saya mengapa perjanjian pertama itu boleh dikecualikan pembinaan *low cost* tersebut. So, saya ingin mengetahui dengan lebih terperinci bagaimana ini telah berlaku, kerana ini adalah berkenaan satu perjanjian yang bertarikh 1999 iaitu di dalam *administration* yang lalu Y.B. Tuan Speaker.

Now, yang penting berkenaan isu ini juga adalah sekiranya pemaju ataupun *developer-developer* tidak menyediakan peruntukan untuk perumahan kos rendah, saya juga ada tanya dalam satu soalan Y.B. Tuan Speaker, bahawa sama ada pemaju-pemaju tersebut diperlukan untuk menyalurkan dana kepada satu tabung khas sekiranya pemaju tidak dapat melaksanakan pembangunan kos rendah tersebut. Dan jawapan yang saya dapati ialah bahawa dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang yang telah diwartakan pada 28 Jun 2007, telah menetapkan wang sumbangan perlu dikenakan kepada pemaju untuk yang tidak dapat melaksanakan pembangunan kos rendah. Tetapi yang saya hairan dan bimbang Tuan Yang di-Pertua ialah jawapan yang diberikan, kerajaan negeri telah menubuhkan jawatankuasa teknikal wang sumbangan untuk mencari formula pengiraan wang sumbangan tersebut, dan satu kertas makluman sedang disediakan untuk mendapatkan pandangan awal tentang formula ini sebelum ianya dimuktamadkan dan diguna pakai. Now, ini bermaksud selama ini kerana kita tahu umpamanya kes E & O tersebut daripada tahun 1999 sudah 10 tahun dan masih berterusan, formula tersebut kerana ia tidak dimuktamadkan ataupun diputuskan ia adalah satu pembaziran, *it is a drain* ataupun mempunyai kesan terus kepada Negeri Pulau Pinang. kerana Negeri Pulau Pinang melalui dana tabung tersebut boleh membangunkan projek-projek perumahan kos rendah sekiranya pemaju itu tidak boleh sendiri melaksanakan projek tersebut.

Nombor satu ialah satu kehilangan daripada segi kewangan kepada kerajaan negeri. Nombor dua secara langsung tidak konsisten dengan konsep satu keluarga, satu rumah sepertimana diperkenankan Tuan Yang di-Pertua. Saya merayu supaya formula tersebut yang sekian telah tangguh untuk diputuskan dapat diputuskan dengan secepat mungkin supaya pembangunan, *developer* boleh bertanggungjawab *it can be make responsible* kerana perlunya untuk mereka melaksanakan pembangunan kos rendah tersebut.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Penjelasan.

Y.B. Tuan Speaker:

Ya.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Terima kasih Y.B. Datok Keramat. Y.B. Tuan Speaker, dalam Dewan yang mulia ini saya bagi pihak penduduk Tanjong Tokong juga ingin mengulangi kenyataan MB Uda Holding Dato Jaafar bin Hassan yang mengumumkan di hadapan wakil-wakil penduduk Tanjong Tokong secara terbuka dalam satu perjumpaan anjuran kerajaan negeri di Komtar pada bulan Februari 2009. Kenyataannya bahawa pihak UDA Holding menawarkan satu unit rumah percuma kepada para pemilik rumah bernombor kelamin dan pemilik rumah tanpa bernombor yang terlibat dengan projek pembangunan semula Kampung Tanjong Tokong tetapi masih ramai penduduk yang ragu dengan tawaran dan janji tersebut kerana tidak ada mana-mana contoh begini di Malaysia untuk dijadikan landasan. Saya dalam Dewan yang mulia ini, mengesakan kerajaan negeri memohon pengesahan daripada kerajaan pusat. Menteri yang bertanggungjawab tentang UDA Holding hendaklah mengesahkan jika tidak tawaran tersebut hanya bersifat tawaran dan janji semata-mata.

Ramai penduduk yang bertanya saya mana dia rumah yang dijanjikan itu? Mengapakah projek tidak dinaikkan terlebih dahulu? Bukankah UDA Holding memiliki 54 ekar tanah kosong yang diperoleh secara percuma harga premium yang sangat rendah? Pasti jika projek dibuat terlebih dahulu sebahagian daripada masalah perumahan rakyat terpinggir yang kronik telah pun selesai. Jika tidak janji akan tinggal janji dan penduduk yang berpindah mungkin akan tersadai di rumah panjang begitu saja.

Dalam Dewan yang mulia ini, saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri mesti terlibat secara agresif untuk menambak laut dan membuat tebus guna laut secara besar-besaran di hadapan pantai Tanjong Tokong untuk mengatasi masalah kekurangan tanah di Pulau Pinang. Jangan biarkan kerja menambak laut dimonopoli swasta 100 peratus. Swasta orientasinya lebih kepada keuntungan dan sudah pasti tanggungjawab sosial terhadap rakyat tidak akan diutamakan seperti yang berlaku di dalam DUN Tanjong Bunga.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Tanjong Bunga habis?

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Habis. Terima kasih. Nanti sambung. *Thank you.*

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih Tuan Yang Berhormat Tanjong Bunga. Memang isu UDA ini juga satu isu yang mana satu projek yang sedang di dalam proses diusahakan oleh pembangunan dan adalah diharapkan sepertimana saya nyatakan tadi bahawa semua pembangunan mesti mematuhi keperluan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka supaya membangunkan sekurang-kurangnya 30 peratus rumah kos rendah untuk memberi peluang kepada banyak orang yang tidak berada untuk memiliki rumah di mana yang dinyatakan di dalam perkenan Tuan Yang di-Pertua pada pagi Isnin tersebut.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Yes.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Saya hendak bertanya Y.B. Datok Keramat adakah Yang Berhormat sedar bahawa kawasan penambakan laut di Tanjung Pinang yang dikendalikan oleh ENU itu tidak diwartakan dan sebarang pembangunan yang dicadangkan tidak perlu mematuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh MPPP?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih Y.B. Komtar yang membangkitkan perkara ini, in fact, satu daripada soalan yang telah saya tanyakan berkenaan projek Tanjung Sri Pinang dan Projek Tanjung Seri Pinang yang sudah sedia ada sekarang itu Y.B. Tuan Speaker fasa I. Ada dua fasa lain yang di dalam projek *master plan* beliau iaitu fasa II dan fasa

III yang akan *change the entire shape of Penang massively* ...(dengan izin). Saya ada tanya tentang sama ada fasa II dan fasa III ini akan diteruskan dan ini jawapan yang telah diberikan untuk makluman Y.B. Komtar.

Untuk makluman, Projek Sri Tanjung Pulau Pinang di Tanjung Tokong ialah projek yang dibangunkan secara penswastaan oleh Syarikat ENO Properties Sdn Bhd. Pihak pemaju akan meneruskan pemajuan fasa II dan tiga projek berkenaan. Walau bagaimanapun, kerja-kerja tebus guna tanah bagi fasa II dan III projek berkenaan masih belum dilaksanakan memandangkan pihak pemaju kini sedang menyediakan EIA serta pengemaskinian pelan induk. Dari segi itu saya boleh membantu rakan saya tapi mungkin jawapan yang sepenuhnya dapat didapati nanti daripada EXCO yang berkenaan.

Dengan itu, saya meneruskan pada satu lagi point yang telah dibangkitkan oleh TYT dalam perkenan beliau iaitu berkenaan isu pelancongan tetapi dikaitkan kepada masalah jenayah yang dikatakan berlaku kepada pelancong. Ini ialah satu perkara yang begitu membimbangkan saya tidak percaya ini boleh berlaku di Pulau Pinang kerana ini sememangnya kita tidak boleh benarkan ia berlaku kerana Pulau Pinang memerlukan pelancongan untuk menjanakan ekonominya. Di dalam ucapan Tuan Yang di-pertua menyatakan bahawa, saya baca. Selain daripada itu, aspek keselamatan tidak diabaikan ianya akan dipertingkatkan bagi meyakinkan para pelancong bahawa Pulau Pinang merupakan destinasi selamat untuk dikunjungi. Soalan saya ialah sama ada kes di mana pelancong telah menjadi mangsa jenayah sekiranya ini betul. Saya menyeru dan berharap ia dapat dipertingkatkan tempat-tempat pelancongan yang utama *especially* dan tempat-tempat mungkin membeli belah yang mana pelancong pergi supaya kehadiran pihak keselamatan termasuk polis dapat ditingkatkan supaya kita dapat atasi masalah ini.

Lagi satu isu yang berkaitan berkenaan pelancongan dan juga bagaimana ia dapat menjanakan ekonomi kita ialah Program MM2H Malaysian My Second Home. Tuan Yang di-pertua yang telah pun dianjurkan di Malaysia di mana saya difahamkan negeri Pulau Pinang adalah antara yang *top destination for* MM2H ...(dengan izin), pemohon-pemohon yang datang ke Malaysia memilih Pulau Pinang daripada tempat-tempat, lokasi-lokasi yang lain so Pulau Pinang ini mempunyai satu *pull* untuk MM2H. MM2H ini begitu penting kepada Pulau Pinang kerana apabila mereka datang ke Pulau Pinang bukan sahaja mereka akan mendapat satu tempat kediaman tetapi mereka juga akan *contribute* ...(dengan izin), kepada ekonomi kerana mereka tinggal di sini. *This is their retirement home, this is amazing*. Saya ...(dengan izin), menyatakan bagaimana MM2H ini betapa besar *contribute* kepada Pulau Pinang kita mesti tidak mengabaikan betapa penting MM2H tersebut kepada kita di Pulau Pinang. Berkenaan ini saya ada satu isu untuk dibangkitkan. Kita juga mesti selalu akur pada apa-apa masalah ataupun aduan yang dibuat oleh MM2H. Sesiapa yang tinggal di Malaysia, Pulau Pinang di atas MM2H ini dan saya mendapati ada satu kes di Tanjung Tokong di mana ada satu *flat apartment*. *Flat apartment* ialah pada lazimnya tempat di mana MM2H ini akan kebiasaannya mereka pergi ke flat atau pun *apartment condo* yang mewah mereka membeli kondo-kondo yang mewah ini.

So ada satu kondo di Tanjung Tokong yang di mana saya difahamkan ada menerima aduan di mana ada seorang peserta MM2H ini atau pun seorang *foreigner* telah membuat aduan tentang pencemaran bunyi yang selalu disebabkan oleh Penang Water Sport di situ. Kalau kita pergi ke Batu Feringhi dalam perjalanan ke situ akan kita lalui Penang Water Sport Center ada satu tempat di sebelah kanan banyak pangsapuri yang didiami oleh banyak orang yang adalah peserta MM2H ini.

Saya difahamkan bahawa banyak kali dia telah pergi ke sana untuk membuat aduan kerana ada bunyi bising pada waktu malam kerana Penang Water Sport Center itu digunakan atau pun disewakan pada orang luar digunakan untuk *dinner party* dan sebagainya dan ada bunyi bising sampai lewat malam dan satu kali juga apabila beliau pergi buat aduan beliau telah diserang, dipukul. Itu adalah apa yang saya dimaklumkan sebagai wakil rakyat saya telah diberikan makluman ini. Ini ialah suatu perkara yang kita tidak boleh ambil kira dengan *we cannot take this case lightly* kerana ia *effect foreigner* yang datang ke Pulau Pinang itu. Ia effect itu akan bagi tahu kepada kawan dia dan keluarganya di luar Pulau Pinang tidak datang ke sini. Kita mesti ambil aduan-aduan mereka dengan serius *and effect* telah membuat satu pertanyaan berkenaan Penang Water Sport Center ini kepada dan saya dapat satu jawapan berkenaan Penang Water Sport Center ini. Jawapannya ialah, soalan saya ialah kedudukan Penang Water Sport Center Tanjong Bunga. Tanjong Bunga sorry Y.B. Tuan Speaker. Sama ada tapaknya sah ataupun di sebaliknya. Memandangkan begitu banyak aduan berkenaan gangguan yang telah disebabkan maka apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasinya. Jawapan yang saya dapat ialah bangunan Penang Water Sport Center telah didirikan di atas tanah kerajaan negeri rizab pantai bagi kegunaan Majlis Sukan Negeri bagi pusat kegiatan dan latihan sukan air Negeri Pulau Pinang.

Dengan itu, Y.B. Tuan Speaker, ini penting dengan itu status bangunan tersebut adalah sah sebagai bangunan milik kerajaan negeri kerana ianya bukan saja terletak di atas tanah kerajaan negeri tetapi kos pembinaannya juga disediakan oleh kerajaan negeri dan diuruskan oleh agensi kerajaan negeri iaitu Majlis Sukan Negeri. Anehnya jawapan ini bertarikh 20 April ini jawapan kepada soalan tersebut yang saya dapatkan yang anehnya pengadu tersebut telah membekalkan saya dengan satu surat yang beliau dapati daripada Suruhanjaya Rasuah Malaysia berkenaan aduan beliau berhubung dengan pusat kegiatan air tersebut yang bertarikh 6 April tahun ini dan ia menyatakan bahawa daripada hasil siasatan tidak ada sebarang kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah dikesan. Walau bagaimanapun, siasatan mendapati pusat kegiatan air Tanjong Bunga telah dibina dan digunakan tanpa mendapat sebarang kelulusan daripada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Ya, silakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Ahli Datuk Keramat. Yang dikatakan *complain* ataupun rungutan-rungutan tadi adakah datangnya daripada seluruh penduduk di sekeliling itu sebab setahu saya pusat kegiatan sukan air ini ada banyak blok pangsapuri. Sebelah kiri, di belakang, kanan tapi yang datang *complain* ini dari berapa orang? Yang kata banyak ini dari semua di situ *complain* atau hanya dari seorang sahaja? Soalan kedua, kalau kita menimbangkan kepentingan yang *complain* ini adalah seorang bukan tempatan rakyat asing berbanding dengan kemudahan sukan ini yang dibina untuk rakyat Pulau Pinang yang boleh digunakan oleh bukan sahaja ahli sukan dan ahli majlis sukan negeri tetapi juga oleh masyarakat setempat untuk kegiatan sukan, rekreasi dan aktiviti, yang manakah lebih penting? Terima kasih.

Ahli kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker untuk membangkitkan isu yang tersebut. Berkenaan soalan pertama, iaitu pengadu, siapa pengadu dan berapa pengadu banyak aduan yang saya dapat daripada memang saya dapat aduan daripada satu warga asing menyatakan beliau peserta MM2H dan *of course* saya tahu sendiri bahawa di bangunan atau pun pangsapuri di kawasan tersebut banyak MM2H di situ *in fact common knowledge so*, isu memang saya ada terima satu aduan tetapi saya sebagai wakil rakyat kalau saya terima satu aduan bukan saya nak duduk saja, mahu tunggu sampai 100 aduan. Satu aduan pun saya buat saya punya kerja. So, dan ini penting bagi pelancong penarikan MM2H *that's the reason why* dan sepertimana yang Y.B. katakan tadi, memang, memang, memang betul bahawa pusat kegiatan sukan air memang mempunyai kelebihanannya positifnya seperti tempat rekreasi untuk sukan dan sebagainya tetapi isu dia ialah dua isu. Nombor satu, sama ada ia sah atau tidak untuk berada tapak di situ. Nombor dua, sekiranya sah atau pun sekiranya tidak sah kerana operasinya masih berlarutan sampai malam pukul dua belas, satu boleh dibenarkan aktiviti-aktiviti sebegitu untuk dibiarkan saya difahamkan Y.B. dulu menyandang portfolio sukan ini so mungkin Y.B. boleh nyatakan kerana saya dapat satu surat daripada SPRM menyatakan siasatan mereka mendapati pusat kegiatan tersebut telah dibina dan digunakan tanpa mendapat sebarang kelulusan daripada MPPP. So, *how can that have been allowed...*(dengan izin), Tuan Speaker *now...*(gangguan)

Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bi. Hamid) :

Terima kasih. Y.B. Tuan Speaker untuk makluman dewan pusat sukan air ini telah pun dibina sebelum saya memegang apa ni EXCO sukan tetapi kita amat menyokong kerana kalau nak dipandang dari segi *valuebility* tanah di Pulau Pinang di mana yang ada untuk kita mengadakan pusat aktiviti sukan air. Jadi memanglah kawasan itu strategik dan sesuai dan adala sedikit apa ni kemudahan yang boleh digunakan oleh orang ramai terutama sekali untuk pembangunan sukan dan sukan air dan mungkin masalah ini hanya dari segi kegunaan ya, ianya boleh diatasi dengan mengadakan satu bentuk pengawalan dari segi kegunaan supaya tahap bising tahap kegunaan yang tidak mencemarkan ataupun memberi masalah kepada penduduk tempatan yang mana ini perkara boleh dibincang dan diselesaikan.

Ahli kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Yang Berhormat, saya,..saya faham apa Yang Berhormat menyatakan tentang kegunaan kebaikan perlunya pusat kegiatan tersebut tetapi isu pokok di sini sekarang seperti mana diakui oleh Yang Berhormat sendiri ia telah dibina sebelum tetapi di dalam tempoh masa yang Yang Berhormat menyandang jawatan EXCO yang berkenaan mengapa tindakan tidak diambilkan untuk menghalalkan tempat tersebut. Sampai sekarang apabila saya dapat aduan kita *check* tentang sah atau tidak sah, dapati tidak sah sampai hari ini SPRM 06 April dalam *black and white* kepada pengadu yang memberi saya satu salinan menyatakan tidak ada kelulusan so saya ingin menyarankan kepada kerajaan negeri sekarang kerana saya juga ingin juga menyentuh satu perkara lagi yang *in fact* baru-baru ni lihat yang Y.B. secara tegas beliau telah cuba membersihkan seluruh pantai kita di Batu Feringhi daripada semua *illegal structure* ada banyak *illegal structure* dan saya ingat proses dia dalam pelaksanaan di mana ia akan dibuat ataupun mungkin sudahpun dimulakan *now* memandangkan ada iktibar ataupun ada usaha untuk mengatasi masalah tersebut sekiranya kita hendak robohkan ataupun *clear all illegal structure technically Penang*

Water Sport Centre is also illegal structure so adalah diharapkan dapat dilihat dari segi konsistensi apa yang perlu dibuat *the effect at the end of the day as I said* (dengan izin), daripada permulaan dia ialah kepada penghuni yes, warga asing satu perkara lain tetapi warga ..warga Pulau Pinang juga akan mengalami masalah yang sama juga so adalah perlu kita atasi isu ini yang Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker :

Y.B. Datok Keramat dah mengambil masa 40 minit, yang mungkin lagi 3 minit dan boleh tutup, gulung.

Ahli kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Last point saya sekarang ialah *point* yang selalu saya gemar menyentuh iaitu tentang banjir tetapi sekarang bulan April tempat saya nasib baik tak ada banjir lagi tetapi mesti sentuh juga kerana akan datang so kita tahu daripada perkenan Tuan Yang di-Pertua bahawa kerajaan negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah diberi peruntukan sebanyak 100.5 juta bagi melaksanakan projek tempatan banjir dan pengurusan sungai sebanyak 4.2 juta *and* selain daripada itu. Y.B. Tuan Speaker, kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah 6 juta bagi melaksanakan projek-projek rancangan pemeliharaan sungai membaiki sungai yang banjir dan lain-lain tetapi yang penting rancangan pemeliharaan sungai mendalamkan dan membaiki sungai 6 juta ini kita tau pada Datok Keramat masalah dia berpunca dari Sungai Pinang sepertimana dalam persidangan lalu. Saya telah nyatakan betapa terkejutnya saya mendapati apabila kita mengambil alih Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa dalam satu tempoh hampir satu dekad tidak ada usaha pun dibuat berkenaan pelaksanaan fasa 2 rancangan tebatan banjir Sungai Pinang.

Untuk makluman Y.B. sekarang ia dalam proses pelaksanaan itu perbezaan kerajaan dulu dan kerajaan sekarang, itu perbezaan saya nak laporkan pada Y.B. Tuan Speaker. Fasa 2 dalam pelaksanaan dia iaitu kita ada beberapa jawatankuasa ditubuhkan supaya menangani isu penempatan semula penduduk di tebing sungai, *that is the first step*, tetapi walaupun saya melaporkan ini saya ingin melaporkan sesuatu lagi tapi ini bukan mengambil masa setengah tahun atau satu tahun tapi *in fact* jangka masa untuk mengatasi isu penempatan semula *is at least 2 years from now, at least 2 years from now and then* lepas itu ialah pelaksanaan projek fizikal tersebut *that will take at least 3 years so* daripada sekarang *at least 5 years* dan projek RTB ini akan memakan belanja yang kita tahu dalam lingkungan 120 juta yang sudah masuk tetapi ditangguhkan kepada RMK-10. *Now* dalam 5 tahun itu YDP saya memohon di dalam pelaksanaan projek RTB ini fasa 2 Sungai Pinang yang mengambil masa 5 tahun saya merayu kepada kerajaan supaya mempertimbangkan dan saya telah mencadangkan supaya langkah jangka masa pendek, langkah-langkah mengatasi banjir jangka pendek di kawasan tersebut dapat dilaksanakan dengan serta merta.

Satu lagi projek iaitu projek pendalaman dan pelebaran Sungai Jelutong yang akan secara langsung menyelamatkan 2 buah Kampung Melayu yang begitu besar di kawasan tersebut iaitu Kampung Hashim Yahya dan Kampung Dodol yang mempunyai lebih kurang 2000 penduduk di situ yang akan tidak akan terjejas dengan masalah banjir dan cadangan-cadangan tersebut Y.B. Tuan Speaker, kalau dilaksanakan mengambil 1 tahun sekiranya kita boleh bermula dari bulan Jun 1 tahun boleh disiapkan dan kos dia *is a fraction only 3 million*, dalam 3 juta peruntukan kerajaan negeri yang dinyatakan selain daripada Kerajaan Pusat melalui JPS kerajaan negeri seperti mana yang saya katakan tadi ada RM6 juta.

Saya merayu supaya kerajaan negeri dapat mempertimbangkan ini kerana dengan pelebaran pendalaman Sungai Jelutong *over flow* di Sungai Pinang dapat di atasi kerana Sungai Jelutong *is...*(dengan izin), *one of the tributary give out flow to the coast* dengan itu, Y.B. Tuan Speaker, saya ingin ucap saya ingin habiskan ucapan saya, dan saya ingin menyatakan saya menyokong ucapan YDP. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Komtar.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Y.B. Tuan Speaker, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya menyertai perbahasan YDP Pulau Pinang sempena perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Kedua belas. Sudah setahun PKR memerintah, rakyat jelata inginkan lebih banyak perubahan dilakukan ke atas pemerintahan ini tetapi harapan mereka masih penuh terhadap kerajaan negeri di bawah pimpinan Y.A.B Ketua Menteri dalam tempoh setahun yang lepas. Kita telah menyaksikan pelbagai dasar yang baru telah digubal oleh kerajaan ini termasuklah urus stabil yang berpandukan CAT disampingkan memberikan layanan yang adil dan saksama terhadap keperluan asas semua kaum. Lebih-lebih lagi kerajaan negeri telah menunjukkan sikapnya yang berani dengan menyasarkan miskin tegar dihapuskan dalam tempoh yang singkat yang kurang genap setahun. Ini merupakan suatu pencapaian yang tidak mungkin dicapai oleh Barisan Nasional walaupun telah diberi mandat oleh rakyat untuk memerintah negara ini termasuk Negeri Pulau Pinang dalam tempoh 51 tahun yang lepas Syabas PKR, kita telah menggunakan satu piawaian atau satu tahap PGK yang lebih tinggi di mana kita telah menggunakan 500 sebagai satu tahap, satu sasaran untuk kita menghapuskan kemiskinan tegar dan bukannya PGK RM400 atau RM430 yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Walaupun ahli Y.B. Teluk Bahang telah menyatakan bahawa Barisan Nasional telah berjaya mengurangkan kemiskinan tegar, kadar kemiskinan dalam Negeri Pulau Pinang sehingga 0.3% sebelum ini tapi pada hakikatnya ini merupakan indah khabar dari rupa di mana senarai yang telah kita kumpul setakat ini adalah 728 keluarga miskin tegar di mana senarai yang digunakan Barisan Nasional sebelum ini hanyalah 324 keluarga saja. Jadi ini bermakna bahawa lebih ramai lagi keluarga miskin tegar yang tidak di kumpul oleh pemerintahan Barisan Nasional sebelum ini. Kita telah bersusah payah berusaha gigih mencari keluarga miskin tegar ini walau tak kira di mana mereka berada, tak kira mereka susah dihubungi kita tetap fikir ke arah ini. Jadi tapi ini tidak bermakna bahawa Barisan Nasional tidak prihatin terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan miskin tegar, lihatlah apa yang berlaku pada Program Perasmian Kemiskinan Padat Bandar yang dikelolakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang. Kerja-kerja penyelarasan bagi program tersebut adalah terletak di bawah Unit Penyelarasan Pembangunan. Bantuan diberikan termasuklah bantuan sewa rumah bantuan, kemasukan ke sekolah atau IPT, bantuan kemasukan ke sekolah, bantuan kos jagaan kanak-kanak dan sebagainya.

Kebelakangan ini, difahamkan ada satu arahan telah disampaikan oleh pihak atasan supaya kesemua permohonan bagi PPKB yang diterima di Negeri Pulau Pinang tidak diproses sehingga awal tahun lepas atas sebab yang agak aneh iaitu Negeri Pulau Pinang sekarang ini telah diperintah oleh PKR. Jadi saya nak tanya sebab adakah ini yang sebenarnya yang berlaku tapi apabila saya tanya secara yang lebih lanjut sebab yang lain diberikan kali ini alasannya ialah sistem komputer bagi Unit Penyelarasan Pembangunan sedang di naik tarafkan dan proses ini dijangka

berlarutan sehingga akhir tahun ini. Adakah undang di sebalik batu di mana kita terpaksa menunggu 6 tahun untuk sistem komputer kita dipertingkatkan tanpa perlu membuat sebarang kerja supaya semua permohonan yang diterima dapat diproses. Adakah golongan miskin tegar berupaya untuk menunggu tempoh yang begitu panjang tanpa sebarang bantuan dihulurkan kepadanya. Inilah sikap Barisan Nasional yang berbeza langsung dengan Kerajaan PKR. Barisan Nasional menghulurkan bantuan terhadap golongan miskin tegar untuk tujuan politiknya saja manakala Kerajaan Negeri PKR terus berusaha untuk mencari dan menghubungi setiap keluarga miskin tegar tanpa mengambil kira di mana mereka tinggal dan apakah latar belakang politik mereka. Sebelum itu, terdapat segelintir pegawai kebajikan lantikan MCA secara kontrak cuba sabotaj kerajaan negeri dalam mencapai sasaran miskin tegar sifar. Ini merupakan sikap kurang profesional dan tidak neutral yang tidak patut ditunjukkan oleh seorang kakitangan awam. Persoalannya, adakah sebarang tindakan disiplin telah diambil terhadap mereka?

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk melucutkan kesemua pegawai kebajikan yang berlatarbelakangkan parti politik supaya kakitangan-kakitangan awam kita dapat menunjukkan profesionalisme dan bersikap bebas demi dalam menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka? Mengikut Sistem Star Rating PBT yang diumumkan oleh KPKT, MPPP berada di tangga ke-21 dengan markah 68.75 manakala MPSP berada di tangga ke-16 dengan markah 72.05. Ini merupakan sesuatu rekod yang kurang membanggakan dan tamparan kuat bagi MPPP walaupun George Town merupakan PBT pertama di Malaysia yang mengadakan pilihan raya tempatan pada Disember 1951.

Adakah prestasi MPPP semakin merosot selepas Pakatan Rakyat menerajui pucuk kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, seperti didakwa oleh sesetengah pemimpin Barisan Nasional? Mengapakah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional hanya tahu menuding jari terhadap orang lain sedangkan MPSP terus mengalami bajet defisit yang menyebabkan penambahan penyusutan kumpulan majlis pada 2008 menjadi sebanyak RM248,395,316 berikutan pengurusan kewangan yang tidak cekap? Dengan pelantikan Yang DiPertua MPPP sebagai Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru, maka saya berharap kerajaan negeri dapat melantik seorang yang benar-benar berkaliber sebagai Yang DiPertua MPPP yang baru supaya rombongan besar lagi menyeluruh dapat dilakukan ke atas MPPP, selaras dengan kehendak CAT yang diamalkan oleh kerajaan negeri. Pendekatan yang sama perlu dilakukan ke atas MPSP supaya mana-mana pegawai yang tidak berprestasi CAT juga perlu dibersihkan.

MPPP dan MPSP merupakan dua agensi kerajaan yang penting dalam menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata setiap hari. Prestasi, kecekapan dan keberkesanan kedua-dua agensi ini dalam pelbagai aspek, khasnya kepantasan bertindak terhadap sesuatu aduan yang diterima, tempoh masa untuk memberi kelulusan terhadap sesuatu permohonan dan ketegasan serta keadilan dalam penguatkuasaan selalu dapat membentuk persepsi rakyat terhadap prestasi sesebuah kerajaan negeri. Tidak dapat dinafikan terdapat 'Little Napoleon' yang masih bermaharajalela dalam MPPP dan MPSP. Mereka cuba menggunakan segala kesempatan yang ada pada kelemahan sistem pentadbiran dan pengurusan untuk kepentingan-kepentingan tertentu. Walaupun keputusan yang dibuat melalui prosedur-prosedur yang ditetapkan adalah sah tetapi kesesuaian masih boleh dipertikaikan.

Satu contoh yang ingin saya sebut adalah berkenaan dengan pelantikan pekerja-pekerja kontrak yang kebanyakan dari Jabatan perkhidmatan Perbandaran ke lebih 100 jawatan tetap dalam MPPP telah mengakibatkan perasaan tidak puas hati di kalangan pekerja-pekerja kontrak yang lain, di mana mereka mendakwa terdapat pekerja-pekerja yang dilantik tidak berprestasi baik, termasuk sering mengambil cuti yang panjang, pernah dikenakan tindakan disiplin dan terdapat juga pekerja yang hampir-hampir digantung kerja atau ditamatkan kontrak atas masalah disiplin mereka.

Memandangkan perkhidmatan perbandaran MPPP akan diswastakan kepada E-Idaman Sdn. Bhd. Tidak lama lagi, jikalau pekerja-pekerja yang berprestasi baik tetapi tidak dilantik ke jawatan-jawatan tetap diambil alih oleh syarikat tersebut, maka ini merupakan suatu kerugian besar dari segi sumber manusia bagi MPPP. Penjelasan MPPP bahawa kesemua pelantikan dibuat dengan berdasarkan perakuan oleh panel temu duga adalah kurang memuaskan memandangkan tiada maklumat dibekalkan bahawa berapakah orang di kalangan mereka yang bermasalah disiplin telah dilantik ke jawatan-jawatan tetap tersebut dan apakah rasionalnya bagi pelantikan mereka.

Dari segi penguatkuasaan, Pihak berkuasa Tempatan perlulah bertindak tegas tanpa pilih kasih terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang. Terdapat suatu kes di mana sebuah restoran yang berhadapan dengan Red Rock Hotel, Jalan Macalister. Dibina semula oleh semunya restoran tanpa kelulusan pelan bangunan telah saya rujuk kepada MPPP untuk tindakan selanjutnya. Namun, pentakrifan undang-undang yang sempit oleh MPPP ke atas Akta Jalan, parit dan Bangunan 1974 telah melambatkan tindakan perobohan ke atas restoran tersebut, sehingga restoran tersebut masih dapat terus beroperasi sehingga hari ini. Penaksiran yang sempit ke atas Seksyen 72(1), Seksyen 72(6) dan Seksyen 97 akta tersebut menghendaki MPPP hanya mengambil tindakan perobohan ke atas sesuatu bangunan yang dibina tanpa kebenaran selepas notis ketiga dikeluarkan.

Notis pertama adalah dikeluarkan di bawah Seksyen 72(1) terhadap bangunan yang telah didirikan atau sedang didirikan atau hampir hendak didirikan atau meneruskan pendirian bangunan serta meruntuhkan bangunan itu dengan serta-merta atau dalam tempoh 7 hari. Notis kedua adalah dikeluarkan di bawah Seksyen 72(6) terhadap penduduk-penduduk bangunan yang menghendaki mereka mengosongkan bangunan itu dalam tempoh 30 hari dan PBT boleh selepas tamat tempoh itu memasuki bangunan dan memindahkan sesiapa jua atau apa-apa harta alih yang terdapat di dalamnya.

Notis ketiga adalah dikeluarkan di bawah Seksyen 97 supaya PBT boleh memasuki mana-mana rumah kediaman yang benar-benar diduduki dengan memberitahu penduduk itu 24 jam terlebih dahulu. Ini bermakna bahawa tindakan perubahan perlu diambil terhadap struktur bangunan yang haram selepas notis di bawah Seksyen 72(1) telah dikeluarkan. Jikalau tidak, sebarang struktur bangunan haram yang telah disiapkan tidak dapat dirobohkan dengan mudahnya jikalau bangunan itu telah diduduki orang.

Saya berpendapat bahawa pentakrifan undang-undang yang sempit terhadap undang-undang yang sedia ada sememangnya merupakan halangan bagi kerajaan negeri yang menegaskan prinsip-prinsip CAT untuk mengambil tindakan segera terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Jikalau tindakan penguatkuasaan tidak diambil dalam masa yang singkat, ini akan memberi gambaran salah seakan-akan pihak kerajaan tidak serius akan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan tersebut.

PBT tidak memandang serius terhadap atendan letak kereta haram yang bermaharajalela di sekitar kawasan bandar, seperti di Upper Penang Road, Taman Reservoir, Jalan Macalister, Jalan Masjid Kapitan Keling, Lebuhr Campbell, Esplanade, Lebuhr Chulia di bahagian pulau, dan Seberang Perai pula, berdekatan dengan Padang MPSP di Butterworth, sekitar Megamall Pinang di Perai dan sebagainya. Rekod menunjukkan hanya satu atendan letak kereta haram yang ditangkap pada tahun 2007 dan 13 ditangkap pada tahun 2009 oleh MPSP yang tertubuhnya unit polis bantuan. Bagi MPPP yang tidak tertubuhnya polis bantuan, maka telah dinyatakan bahawa Majlis tidak mempunyai bidang kuasa di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Minor Offences Act atau Undang-Undang Kecil yang lain untuk mengambil tindakan terhadap atendan letak kereta yang haram.

Dinyatakan bahawa Perintah Letak Kereta (Sistem Meter) dan Sistem Bertiket MPPP dikuatkuasakan oleh Penguatkuasa MPPP. Kedua-dua perintah tersebut dibuat di bawah Bahagian III akta Pengangkutan Jalan 1987 yang menetapkan di bawah Seksyen 72 perkara-perkara yang boleh diperuntukkan di bawah perintah berkenaan. Namun, dinyatakan bahawa isu berkaitan dengan kawalan atendan letak kereta haram tidak diperuntukkan di bawah Seksyen 72. Oleh itu, ianya tidak menjadi satu kesalahan di bahawa kedua-dua perintah berkenaan. Ini bermakna pegawai penguatkuasa tidak boleh mengambil tindakan terhadap atendan letak kereta haram selain daripada melaporkan kepada pihak polis dan meminta polis mengambil tindakan di bawah Seksyen 50(3) Akta Pengangkutan Jalan. Walaupun begitu, apabila saya memohon bantuan polis dalam konteks ini, polis pula mendakwa bahawa tanggungjawab tersebut sepatutnya dipikul oleh MPPP tanpa membebankan pihak polis yang sepatutnya menumpukan fokus terhadap pembanterasannya.

Jadi saya berharap bahawa cadangan ini dapat diatasi dengan serta merta di mana atau perintah-perintah atau undang-undang kecil di bawah MPPP ini ada kelemahan maka kelemahan-kelemahan tersebut perlulah diatasi atau diperbaiki. Walau bagaimanapun jikalau perintah-perintah atau undang-undang kecil itu memberi kuasa kepada MPPP untuk melakukan penangkapan terus kepada atendan letak kereta yang haram maka saya bercadang bahawa penguat kuasa MPPP boleh melakukan tangkapan orang awam atau "*citizen arrest*" ...(dengan izin), terhadap atendan letak kereta haram lalu diserahkan kepada pihak polis untuk ditangkap semula seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 27, Akta Kanun Prosedur Jenayah.

Sistem letak kereta yang MPPP pakai sekarang juga perlu dirombak, termasuk membatalkan sistem pelantikan kontraktor letak kereta serta mengambil tindakan yang tegas terhadap tapak letak kereta persendirian yang tidak berlesen. Hanyalah dengan sistem letak kereta dirombak, tambahan dengan penguatkuasaan yang berkesan, masalah berkenaan dengan atendan letak kereta yang haram dan kontraktor letak kereta yang dilantik yang menjalankan kerja di luar batasan mereka barulah dapat ditangani. Baru-baru ini saya membaca satu laporan di akhbar bahawa mereka yang berpendapatan tinggi telah ditamatkan kerja. Mereka ingin mendapat kerja sebagai atendan letak kereta haram, bukan haram atendan letak kereta MPPP untuk bekerja dengan MPPP sebagai atendan letak kereta. Jadi saya rasa bahawa jikalau kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh MPPP ini tidak dapat memenuhi kehendak arahan kerja kita maka kontrak mereka ditamatkan supaya kerja-kerja ini dan peluang pekerjaan ini dibuka kepada mereka yang benar-benar yang memerlukannya. Pada tahun 2006, 2007 terdapat lebih kurang 3,000 penggunaan TNB di Negeri Pulau Pinang didakwa mencuri elektrik dengan mengusik jangka meter mereka di mana kebanyakan alasan terdapat wayar *by pass* di dalam meter antara *incoming outgoing* ...(dengan izin), di mana tuntutan TNB melebihi RM 18 juta.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang semalam menyatakan bahawa kerajaan negeri perlulah menunjukkan tanggungjawab melaksanakan tanggungjawab moral mereka untuk membantu pengguna-pengguna TNB yang didakwa mengusik meter jangka elektrik itu. Kebelakangan ini, terdapat banyak pengguna telah menerima notis tuntutan daripada TNB bahawa bekalan elektrik akan dipotong jikalau bayaran tunggakan tidak dibayar. Ada yang menerima notis bahawa kes mereka akan dirujuk kepada bahagian undang-undang TNB untuk tindakan pendakwaan. Ramai pengguna masih tidak berpuas hati dengan tindakan TNB, khasnya pemeriksaan TNB yang tidak mematuhi prosedur serta memasuki premis pengguna mereka tanpa kebenaran walaupun kebanyakan kes ini merupakan kes-kes yang lama. Lebih-lebih lagi, terdapat banyak kes di mana bil elektrik sebelum dan selepas pemeriksaan dibuat tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dalam amaun bilnya.

Jikalau dakwaan bahawa jangka meter diusik adalah benar, maka bil elektrik bulanan bagi pengguna tersebut sepatutnya bertambah. Tetapi jika diambil suatu contoh, terdapat seorang pengguna yang didakwa mencuri elektrik dan jumlah tuntutan TNB adalah sebanyak RM10,892.72 bagi tempoh 38 bulan yang lepas. Ini bermakna pengguna tersebut kurang membayar RM286.00 bulan. Tetapi bil elektriknya selepas pemeriksaan masih kekal pada RM200 hingga RM230 sebulan. Apabila kes ini dirujuk kepada TNB, alasan mereka pula bacaan meter dan penggunaan elektrik masih boleh dikawal walaupun pemeriksaan telah dibuat. Adakah ini sesuatu alasan yang boleh meyakinkan semua? Alasan tersebut tidak masuk akal sekali, seolah-olah apa yang dilakukan oleh TNB tidak akan salah manakala pengguna-penggunanya semuanya adalah salah. Disebabkan TNB merancang untuk mengambil tindakan secara besar-besaran terhadap pengguna-pengguna TNB dalam masa terdekat, saya berharap pihak kerajaan dapat mengambil suatu pendirian tegas supaya semua tindakan TNB ditangguhkan untuk satu kaedah penyelesaian dapat dicapai di antara TNB dengan kerajaan negeri, ataupun dengan cara yang lain saya bercadang kerajaan negeri mengumumkan suatu pengampunan atau *amnesty* ... (dengan izin), di mana semua pengguna yang didakwa mencuri elektrik pada masa itu terus membayar amaun tunggakan 3 bulan tanpa TNB melanjutkan kes ini ke mahkamah.

Y.B. Tuan Speaker, selain itu, syarikat konsesi bagi tol Jambatan Pulau Pinang iaitu Penang Bridge Sdn. Bhd. telah mengumumkan pembatalan rebet 20% bagi pemegang kad *Touch & Go* yang menggunakan jambatan tersebut mulai 1 Mei 2009. Walaupun kaedah ini hanya berkuat kuasa ke atas pemegang kad *Touch & Go* yang baru, namun pelaksanaan kaedah ini hanya memanfaatkan syarikat berkenaan. Pengguna-pengguna jambatan perlu digalakkan untuk membeli dan menggunakan kad *Touch & Go*, dengan cara itu, kesesakan lalu lintas di hadapan plaza tol dapat dikurangkan. Jikalau rebet 20% tidak lagi diberikan, pengguna-pengguna kad *Touch & Go* tidak akan bertambah lagi dan kesesakan di atas jambatan tidak dapat diatasi atau bertambah serius lagi. Rebet 20% merupakan suatu keistimewaan yang hanya diberikan kepada warga Pulau Pinang yang menggunakan jambatan ini. Jikalau Penang Bridge Sdn. Bhd. dapat mengutip tol sebanyak RM1.7 bilion setahun, pemberian rebet 20% tersebut tidak akan menjejaskan keuntungan syarikat tersebut malah dapat menunjukkannya syarikat tersebut adalah sebuah syarikat yang bertanggungjawab sosial. Dengan itu, saya meminta pihak kerajaan supaya memainkan peranannya sebagai pengantara untuk berunding dengan syarikat itu supaya satu cara yang lebih baik dapat dicapai dan kaedah yang baru ini dapat dibatalkan dengan serta-merta.

Y.B. Tuan Speaker, Jumlah keseluruhan skim strata setakat 28 Februari 2009 di bahagian Pulau Pinang adalah sebanyak 884, di mana 342 daripadanya telah ditubuhkan Perbadanan Pengurusan (MC) dan 132 telah ditubuhkan Badan Pengurusan Bersama (JMB). Ini bermaksud terdapat 410 skim strata lagi yang belum ditubuhkan MC atau JMB. Bagi Seberang Perai, terdapat 459 skim strata telah dikeluarkan dan hanya 30 daripadanya ditubuhkan MC dan 57 telah ditubuhkan JMB. Dalam kata lain, terdapat 372 skim strata lagi yang belum ditubuhkan MC atau JMB. Akta Bangunan dan Harta Bersama Penyenggaraan dan Pengurusan 2007 memperuntukkan bahawa mana-mana pemaju yang gagal mengadakan mesyuarat pertama bagi penubuhan JMB boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya. Pindaan terbaru ke atas Akta Hakmilik Strata 1985 membolehkan pihak pemaju yang mempunyai kepentingan tertentu dalam pengurusan dan enggan menyerahkan hak tersebut kepada pemilik-pemilik dengan penubuhan MC walaupun sekurang-kurangnya 25% hak pindah milik telah disempurnakan boleh dikenakan denda RM25 ribu dan denda tambahan tidak melebihi RM2 ribu bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan. Namun demikian, Pesuruhjaya Bangunan atau Pejabat Pengarah Tanah dan Galian tidak bersikap tegas dan proaktif untuk memastikan setiap skim strata dapat menubuhkan JMB tidak lewat daripada 12 bulan dari tarikh penyerahan milikan kosong petak kepada pembeli dan menubuhkan MC setelah sekurang-kurangnya 25% pindah milik telah disempurnakan. COB dan Pejabat PTG hanya bertindak atas aduan-aduan yang telah dikemukakan. Bagi skim strata yang tiada aduan dikemukakan, maka tiada sebarang tindakan diambil oleh JM supaya JMB atau MC dapat ditubuhkan demi menjamin faedah dan kepentingan pembeli-pembeli petak. Jikalau JMB atau MC tidak dapat ditubuhkan dengan secepat mungkin, maka kumpulan wang penjelas *sinking fund* ... (dengan izin), akan disalahgunakan oleh pihak pemaju sehingga tiada sesen pun dipindahkan ke dalam akaun MC selepas MC lewat ditubuhkan.

Y.B. Tuan Speaker, suatu lagi masalah umum yang sering dihadapi oleh pembeli-pembeli petak adalah berkenaan dengan pindaan ke atas pelan bangunan diluluskan walaupun terdapat penjualan unit telah dimulakan. Ini akan mendatangkan implikasi jauh lebih serius terhadap pihak pembeli, di mana terdapat 700 petak aksesori bagi tempat letak kereta di bawah satu skim kemajuan diberikan kepada seorang pembeli petak. Jikalau mengikut kes ini ke mana pembeli-pembeli petak yang lain perlu meletakkan kenderaan-kenderaan mereka, terdapat pemaju tertentu yang cuba memanipulasikan sistem yang kita pakai sekarang untuk kepentingan sendiri sehingga menjejaskan kepentingan bersama bagi pembeli-pembeli petak atas sebab itu, saya bercadang supaya PBT dapat menggunakan satu pendekatan baru dalam memproses segala permohonan bagi pindaan ke atas pelan bangunan supaya tiada kelulusan dapat diberikan jikalau skim kemajuan itu telah memulakan penjualan unitnya dan kesemua kawasan umum perlu dilabelkan dengan jelas serta nisbah petak aksesori dengan pembeli petak mestilah seimbang untuk menjaga kepentingan awam.

Y.B. Tuan Speaker, dari segi keselamatan, saya berharap pihak polis dapat mendaftarkan pertubuhan-pertubuhan rondaan keselamatan yang ditubuhkan secara sukarela supaya kedua-dua pihak dapat bekerjasama dalam memerangi jenayah. Janganlah pihak polis tersinggung dengan penubuhan pasukan rondaan sukarela sebegini. Mereka tidak bertujuan untuk mengambil alih tugas dan tanggungjawab polis malah dapat membantu polis dalam membendung kadar jenayah yang semakin meningkat. Terdapat sesetengah Rukun Tetangga enggan meneruskan skim rondaan mereka atas sebab arahan oleh pihak atasan yang melarang Rukun Tetangga untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat.

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri tidak berhajat untuk bermusuh atau bertegang dengan mereka. Malah, kerajaan negeri telah menyediakan peruntukan RM1 juta untuk tujuan Pasukan Peronda Sukarelawan (PPS), supaya mana-mana Rukun Tetangga yang sudi bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam aspek rondaan sukarela dapat menikmati peruntukan kewangan tersebut. Jikalau bukan wujudnya arahan oleh pihak atasan, saya percaya bahawa kebanyakan Rukun Tetangga ingin bekerjasama dengan kerajaan negeri yang selalunya disokong penuh oleh rakyat Negeri Pulau Pinang ini. Dengan itu, saya ingin menggunakan kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk menggesa Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang baru dilantik dan bertanggungjawab ke atas hal ehwal perpaduan negara supaya menarik balik arahan tersebut. Wahai Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga anak watan Pulau Pinang, janganlah membuat sesuatu yang menjahanamkan anak-anak Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker, walaupun Perdana Menteri kita yang baru dilantik bukanlah seorang anak Pulau Pinang, namun pembangunan Negeri Pulau Pinang tidak boleh diabaikan. Sebagai seorang pemimpin negara yang disanjung tinggi, Y.A.B. Perdana Menteri haruslah mengotakan segala janji yang pernah dibuat terhadap Negeri Pulau Pinang, termasuklah mengembalikan projek monorel dan projek Lebuhraya Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR). Sehingga hari ini, masih terdapat banyak empunya tanah yang memiliki tanah yang terlibat dengan projek pembangunan PORR mengalami kesengsaraan berkenaan dengan tanah milikan mereka telah didaftarkan kaveat sehingga tiada sebarang urusan niaga atau pindahan milik dapat dijalankan. Terdapat juga penghuni-penghuni yang menghuni di atas tanah tersebut, termasuk juga penghuni-penghuni yang seketika dahulu menduduki tanah tersebut dengan lesen pendudukan sementara (TOL) hidup dalam kebimbangan atas sebab rumah kediaman mereka tidak diketahui bila akan diruntuhkan atau dirobohkan. Empunya tanah atau penghuni yang terlibat selalu bertanyakan kepada kita bilakah kaveat tersebut dapat dipotong. Kami, seluruh warga dalam Dewan yang mulia ini juga ingin bertanyakan Kerajaan Persekutuan di bawah kepimpinan Y.A.B. Perdana Menteri yang baru bilakah janji berkenaan dengan projek PORR dapat dikotakan demi masa depan dan pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang, mujurlah Y.A.B. Perdana Menteri atas budi baiknya dapat mengembalikan projek PORR kepada warga Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak membantah segala projek pembangunan yang dapat memanfaatkan rakyat jelata. Malah, kita menjimatkan berjuta-juta wang rakyat tanpa memboros hasil titik peluh mereka. Kita juga mementingkan pembangunan insan, intelektual, rohani dan jasmani selain daripada pembangunan fizikal. Kita mesti mencapai keseimbangan dalam segala aspek pembangunan supaya anak-anak Pulau Pinang dapat dijadikan insan yang sempurna dan tidak hanya gilakan kuasa dan wang seperti ahli-ahli Pembangkang kita. Sebelum mengakhiri ucapan saya, inginkan saya lafaz rangkapan seperti berikut:

Penanti sedang menanti kita,
PR dan BN bertempur semula;
Tak kira UMNO bertanding atau tidak,
Rakyat tetap inginkan perubahan.

Sekian, terima kasih.

Y.B. Timbalan Speaker:

Terima kasih, Y.B. Ahli Komtar, dipersilakan Y.B. Telok Ayer Tawar

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullah hiwarakatuh dan salam sejahtera. Saya ini merakamkan ucapan terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker yang telah memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan ucapan TYT semasa pembukaan rasmi Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama yang telah memberi ucapan yang begitu lengkap dan bernas sebagai panduan untuk pembangunan Negeri Pulau Pinang dan juga di atas pelantikan persambungan tugas TYT sebagai pemimpin untuk Negeri Pulau Pinang. Y.B. Tuan Speaker, memangnya masalah kemelesetan ekonomi ini menjadi satu perkara yang cukup utama, yang perlu kita bincang utamakan di dalam merangka apa bentuk rancangan sekalipun untuk Negeri Pulau Pinang kerana ianya berasaskan kepada sumber-sumber kewangan penunjuk-penunjuk kepada pembangunan negeri dan juga akan memberi hala tuju kepada perkembangan Negeri Pulau Pinang di masa hadapan.

Dari soalan yang saya kemukakan, Timbalan Ketua Menteri II telah menyatakan bahawa ekonomi Pulau Pinang telah menguncup sebanyak 3.7% pada tahun 2008 berbanding dengan 2007 dan dijangkakan akan menguncup lagi sebanyak 0.3% pada tahun ini. Satu daripada manifestasi daripada penguncupan ekonomi Pulau Pinang ini dapat kita lihat dari segi permohonan ataupun lesen-lesen perniagaan baru yang telah dikeluarkan oleh pihak Majlis Perbandaran. Saya memohon perangkaan untuk kesemua Negeri Pulau Pinang tetapi hanya dijawab untuk MPSP. Walau bagaimanapun ia cukup untuk beri satu penunjuk kepada kita tentang kegawatan ekonomi ini telah melanda negeri kita, iaitu kepada tahun 2007 sebanyak 2,670 lesen baru telah dikeluarkan oleh MPSP tetapi untuk tahun 2008 hanya 2,076 lesen. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak 606 lesen untuk MPSP sahaja. Jadi kalau kita boleh bayangkan untuk seluruh negeri mungkin melebihi 1,500. Ini menunjukkan bahawa kalau penguncupan 3.7% sahaja yang mungkin juga memberi kesan yang lebih mendalam kepada prospek ataupun prospek-prospek pembangunan ekonomi di negeri ini dan kita berharap kelemahan ini dapat diatasi bukan sahaja melalui pakej rangsangan yang telah diberi oleh Kerajaan Pusat yang kita harap yang akan memberi kesan yang menyeluruh termasuk untuk negeri kita tetapi pakej rangsangan yang kita berharap dapat juga dijanakan melalui kerajaan negeri untuk merangsang dengan lebih hebat kemajuan untuk masa hadapan. Dan kita harus juga ingat bahawa fenomena kemelesetan ini adalah global dan ianya juga perlu mengambil kira faktor-faktor luaran dan walaupun kita telah dimaklumkan lebih daripada RM10 bilion pelaburan akan masuk ke Negeri Pulau Pinang kita bimbang bahawa keadaan ekonomi yang lemah ini akan tidak akan memberi cukup galakan kepada pelabur-pelabur terutama sekali pelabur asing.

Oleh itu kita haruslah juga memberi penekanan dan galakan kepada pelabur-pelabur tempatan. Saya mengalu-alukan pengumuman bahawa dalam bajet 2009 ini Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan RM10 juta untuk mengurangkan krisis ekonomi negeri. Saya juga ingin bertanya dari RM10 juta ini bagaimanakah ianya telah dibelanjakan. Dan juga sama ada pembangunan 131 ekar tanah di Bukit Minyak ini untuk tapak perindustrian halal, hanya untuk memberi peluang kepada 2 syarikat besar iaitu Halalgel Malaysia Sdn. Bhd. dan Genulux Malaysia Sdn. Bhd. sama ada, ada ruang telah disediakan untuk IKS atau Industri Kecil dan Sederhana untuk bertapak di situ terutama sekali industri-industri tempatan yang mempunyai asas tani ataupun *agro base*. Kita juga berharap kerajaan negeri dapat memberi ruang yang secukupnya untuk membangunkan peniaga-peniaga Bumiputera. Soalan saya di sini setakat manakah dari segi pembangunan ini telah dapat menarik penglibatan peniaga-peniaga Bumiputera melibat diri di dalam Tapak Industri Halal Bukit Minyak ini dan juga Tapak Industri di PDC.

Y.B. Tuan Speaker, itu satu perkara yang saya ingin tanya kepada kerajaan negeri sama ada sumbangan yang telah diberikan oleh satu kumpulan ataupun sektor yang selama ini yang kita tidak akui secara statistik iaitu sumbangan yang diberi oleh suri rumah kerana mereka ini adalah penyumbang yang tidak nampak, tetapi adalah ... (dengan izin), *silent contributor* kerana bukan sahaja mereka buat kerja rumah yang harus dikira dari segi ekonomi tetapi juga sumbangan suri rumah secara tidak rasmi di mana mereka membantu bekerja di rumah membuat kuih, menjahit baju dan sebagainya yang menambah ekonomi rumah tangga. Jadi di sini kita perlu mengakui sumbangan suri rumah supaya sumbangan ini dapat difaktorkan ke dalam pengiraan penjanaan ekonomi negeri dan juga dapat difaktorkan untuk mendapat perhatian dan peruntukan untuk diberi perhatian untuk ditambah kemahiran dan menambah nilai kepada sumbangan mereka, jadi di sinilah kita berharap supaya ada peruntukan untuk memberi latihan-latihan tertentu untuk menambah baik atau menambah nilai kepada sumbangan daripada suri-suri rumah terutama sekali melalui konsep SOHO yang dikatakan *small office, home office* ini di mana boleh digalakkan supaya suri rumah dapat menubuhkan syarikat atau menjalankan aktiviti yang menambahkan pendapatan dari rumah itu sendiri.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin mengetengahkan masalah tentang pembangunan wanita, iaitu walaupun ucapan Tuan Yang Terutama telah menyentuh banyak perkara. Kita amat sedih yang isu ataupun program pembangunan wanita ini tidak langsung disentuh, mungkin juga ini tidak disengajakan. Walau bagaimanapun ini juga menunjukkan satu petunjuk, bahawa kerajaan negeri tidak memberi perhatian yang sepatutnya kepada pembangunan wanita. Dari soalan yang saya kemukakan, EXCO yang berkenaan menyatakan bahawa melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti, satu rumah pusat jagaan kanak-kanak telah dibenakan di Air Itam, jadi ini mungkin satu rumah setahun, saya tidak tahu tetapi biarlah bukan hanya satu yang memberi manfaat mungkin kepada 30 buah keluarga sahaja untuk Negeri Pulau Pinang. Biarlah semoga aktiviti ini iaitu penekanan kepada keluarga muda dapat diberi secara menyeluruh bukan memberi manfaat kepada satu komuniti sahaja di Negeri Pulau Pinang. Dan forum kerjaya untuk wanita, latihan kaunseling, motivasi, dibuat di Pusat Khidmat Wanita di Seberang Perai, juga tidak cukup kerana kita dapati bahawa permasalahan rumah tangga, pembangunan wanita memang satu masalah yang besar kalau kita tidak tangani terutama sekali dalam keadaan sekarang bila berlaku kemelesetan ekonomi. Ini adalah kerana melalui masalah-masalah yang dikemukakan kepada Rumah-Rumah Nur di bawah Majlis Pembangunan Wanita kita dapati bahawa kebanyakan masalah ini timbul daripada faktor ekonomi ataupun masalah kewangan. Oleh itu bukan sahaja perlu ada satu pusat rujukan untuk menangani isu-isu ini tetapi juga perlu ada usaha untuk mengatasi masalah secara bersepadu dengan agensi-agensi yang lain.

Saya mendapat jawapan bahawa oleh sebab kekurangan kewangan, kakitangan maka program-program tidak dapat banyak dilaksanakan. Saya rasa ini satu jawapan yang kita tidak boleh terima. Sebagai sebuah kerajaan negeri tentulah mempunyai keupayaan melalui jabatan-jabatan di kerajaan negeri dan juga melalui pihak-pihak lain selain daripada sektor swasta dan juga NGO-NGO untuk menggembelng tenaga untuk menjalankan pelbagai aktiviti untuk masyarakat terutama sekali wanita. Jadi di sinilah saya amat berharap bukan sahaja bergantung kepada agensi Persekutuan seperti LPPKN dan Jabatan Kebajikan untuk membantu tetapi juga banyak program-program boleh dilaksanakan yang mana tidak memerlukan kewangan yang banyak yang boleh menjanakan kewangan sendiri ...(dengan izin) *self finance* yang mana dapat memberi manfaat kepada lebih ramai masyarakat.

Jadi kita mengalu-alukanlah penglibatan agensi Persekutuan seperti LPPKN, Jabatan Pembangunan Wanita dan Keluarga yang telah banyak mengendalikan program-program ataupun pakej-pakej kekeluargaan dan juga untuk menangani masalah keluarga muda melalui *Program Smart Start Parenting At Work* dan sebagainya. Di manakah peranan kerajaan negeri untuk menambah ataupun memperbaiki keadaan kesejahteraan keluarga di Negeri Pulau Pinang? Biarlah ada satu kesungguhan dan usaha yang mendalam yang dilaksanakan untuk menangani masalah ini.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga berharap penglibatan Bumiputera di dalam sektor-sektor utama Negeri Pulau Pinang seperti pembuatan, perkhidmatan, sektor pelancongan dan sebagainya dapat diberi juga perhatian untuk ditingkatkan walaupun sudah ada sedikit inisiatif di sini dalam berbentuk insentif yang mana melalui jawapan yang diberi kepada individu atau pemaju Bumiputera untuk pembangunan telah diberikan rebat untuk caj pembangunan dan juga usaha untuk memberi sebuah syarikat Bumiputera untuk mengendalikan sebuah hotel. Hotel pun mungkin tidak ada bintang di Pulau Pinang, hotel di bawah PDC, itu satu dalam seribu, tidak memadai, tidak cukup. Saya hendak tanya sama ada usaha untuk ataupun agenda pembangunan Bumiputera di bidang ekonomi ini ada diberi perhatian yang serius dan setakat manakah usaha-usaha ini telah memberi kejayaan?

Penubuhan Klaster ICT Bumiputera atau lebih dikenali sebagai Taxbiss Penang bertujuan membantu *technoprounes* mengenal pasti pasaran dan membina jaringan perniagaan di samping mengukuhkan dan mempamerkan keupayaan dalam rantai nilai inovasi, amat dialu-alukan kerana kita dapati bahawa dari maklumat yang diberi di dalam sektor ataupun perniagaan ICT ini, memanglah penglibatan Bumiputera ini amat kurang. Oleh itu semua pihak haruslah memberi kemudahan ruang yang secukupnya bukan hanya di sektor yang rendah atau *low end* sektor seperti gerai, seperti kemudahan ataupun peluang membuat projek *home stay*, ini semua adalah di peringkat rendah, walau pun perlu bermula daripada peringkat itu. Semua pihak haruslah memberi kemudahan, ruang yang secukupnya bukan hanya di sektor yang rendah atau *low and*, sektor seperti gerai, seperti kemudahan ataupun peluang membuat projek *home stay*. Ini semuanya adalah di peringkat rendah, walaupun perlu bermula di peringkat itu, tetapi biarlah peluang atau kemudahan ini juga diberi untuk *high end* ...(dengan izin), sektor.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian tentang masalah yang kita tahu yang dihadapi oleh pihak MPSP dan juga MPPP di dalam menjana ataupun mendapat kewangan yang cukup untuk membiayai khidmat kemasyarakatan atau khidmat perbendaharaan kepada masyarakat Pulau Pinang. Dalam soalan yang saya kemukakan pihak atau pun Y.A.B. Ketua Menteri mengatakan bahawa MPSP sekarang sedang mengawal kos pentadbiran, mengamalkan perbelanjaan berhemah dan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mencari sumber hasil yang baru dan sebagainya. Ini memanglah satu usaha yang baik, tetapi saya hendak bertanya juga, kilang-kilang haram yang begitu banyak di seluruh Negeri Pulau Pinang, selama ini perlulah diambil usaha untuk diputihkan. Lama mana, kita hendak biarkan kilang-kilang haram yang begitu banyak, pertamanya hentikan penubuhan kilang-kilang haram dan keduanya putihkan yang boleh kilang-kilang yang ada ini, maksud saya biarlah mereka memasukkan pelan dan sebagainya dengan membuat permohonan supaya memberi hasil kepada kerajaan negeri.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Penjelasan. Terima kasih Y.B. Telok Ayer Tawar, tadi Y.B. katakan kilang-kilang haram untuk memutihkan mereka memasukkan pelan, maksudnya Y.B. juga bersetuju kilang haram, bukan sahaja baru tumbuh sehari dua, ini memang sudah membuktikan satu kelemahan yang ketika masa Barisan Nasional, yang tinggal dan sampai sekarang untuk kerajaan sekarang dan saya mengucapkan terima kasih Y.B. Telok Ayer Tawar telah mengakui ini satu kelemahan dari Barisan Nasional. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Y.B. Padang Lalang ya, terima kasih yang telah mengatakan bahawa ini adalah kelemahan, sebenarnya keperluan itu banyak, kehendak pun banyak, semuanya hendak membuat kilang di tempat yang dia hendak dan masalah itu besar kerana kalau kita kaji memanglah masalah penubuhan kilang haram ini dari mula sebelum negeri kita merdeka pun telah ada kilang haram. Oleh itu pertama kita kena usahalah jangan kita tambah-tambahkan lagi masalah ini ya, tetapi kalau pun masalah ini telah wujud bagaimana kita hendak menyelesaikannya, adakan satu *master plan*, adakan satu perancangan yang teratur yang telah dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah ini. Jangan kita tutup sebelah mata ataupun tutup dua-dua mata dan tidak pandang ianya sebagai masalah, ianya akan menjadi satu perkara yang bertambah rumit sekiranya kita membiarkan yang lama tidak selesai yang baru datang pula. Jadi apakah *master plan* ini adakah membuat satu *master plan* bagaimana untuk mengatasi masalah kilang haram.

Bukan sahaja mereka menimbulkan kesulitan kepada pembangunan, tetapi mereka tidak menyumbang kepada pendapatan hasil negeri. Saya juga berharap masalah kewangan yang dihadapi oleh pihak Kerajaan Tempatan ini tidak memberi kesan negatif kepada kualiti kehidupan warga perbandaran kerana kita dapati masalah kewangan, tong-tong sampah tidak dapat dibekalkan dengan cukup dan kontrak-kontrak ataupun usaha untuk membersihkan kawasan-kawasan awam, membaiki parit dan longkang ianya telah banyak dikurangkan oleh itu ini akan menambah masalah banjir, banjir kilat, binatang-binatang seperti gagak, tikus besar, yang menyebabkan kesihatan, kebersihan dan sebagainya.

Oleh kerana, khidmat perbandaran ini tidak dapat diberi dengan baik kepada masyarakat, oleh itu usaha-usaha yang perlu ditingkatkan ini hendaklah dijalankan dan saya berharap jawatankuasa khas yang telah ditubuhkan ini dapat mencari cara yang terbaik untuk mengatasi masalah dan saya ingin memohon kepada pihak MPSP dan ini melibatkan kawasan saya juga bukan sahaja dibuat perlaksanaan aktiviti pembersihan penyelenggaraan dan pengindahan tetapi juga biarlah ianya juga ditumpukan kepada pusat-pusat makanan yang telah diwujudkan. Memanglah menjadi rungutan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang bahawa kerajaan, MPSP ini telah banyak membelanjakan wang.

Walau bagaimanapun, saya hendak ucapkan terima kasih kerana pihak MPSP telah banyak membina kemudahan awam seperti tapak-tapak permainan kanak-kanak, pusat-pusat makanan, pasar awam yang mana telah banyak memberikan faedah kepada masyarakat. Walau bagaimanapun penyelenggaraan ini amat perlu supaya pusat-pusat tempat-tempat awam ini dapat kita jaga tahap kualiti supaya tidak memberikan masalah ataupun membahayakan kepada masyarakat.

Y.B. Tuan Speaker, kita juga harus berterima kasih kepada kerajaan pusat yang telah memberikan banyak peruntukkan untuk membaiki khidmat pihak polis. Dengan adanya penambahan kakitangan kereta peronda, membuka balai-balai polis di kawasan-kawasan perumahan dan hari ini kita dapat maklumat melalui surat khabar bahawa empat buah negeri telah dipilih untuk ditambahkan lagi khidmat polis kepada masyarakat dan antara empat buah negeri ini termasuklah Negeri Pulau Pinang, terima kasih banyak. Walau bagaimanapun kita dapati bahawa masalah 4R ini masih berleluasa ragut, rompak, rogol dan rempit. Jadi masalah ragut, rompak, rogol dan rempit ini amat berleluasa sehingga saya rasa tahap keselamatan di kawasan bandar kita, masalah ini berlaku di kawasan perumahan walaupun juga di kampung dan perlulah ditingkatkan tahap keselamatan ini kerana kita tidak boleh menjadi sebuah negeri yang selamat, bandar yang selamat kalau masih berlaku 4R. Oleh itu penubuhan peronda sukarelawan amat kita alu-alukan, tetapi saya hendak bertanya, peronda ini masih belum sampai ke kawasan saya, Telok Ayer Tawar, tidak dengar pula, apa-apa usaha untuk meronda pasukan sukarelawan pun tidak ada dan sama ada ini hanya bertumpu kepada kawasan-kawasan perbandaran sahaja. Saya berharap usaha untuk meronda dan juga peruntukan RM1 juta ini sampailah ke kawasan-kawasan menyeluruh di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuklah kawasan-kawasan KADUN yang di bawah pembangkang dan masalah remaja penubuhan jawatankuasa petugas anti ponteng sekolah di daerah. Ini bagus kita seronok dengar, tetapi harap dapat ambil tindakan sebab kes rogol, kes ragut baru-baru ini yang berlaku di rumah saya yang dilaporkan oleh orang ramai yang meragut itu beruniform sekolah. Ini eloklah jawatankuasa ini dapat mengambil tindakan untuk memantau pelajar-pelajar yang ponteng ini supaya mereka tidak terjebak dengan masalah-masalah jenayah dan masalah sosial.

Saya ingin mengambil perhatian juga Dewan ini kepada masalah-masalah yang berlaku di kawasan saya, di mana melalui jawapan daripada Y.A.B. Ketua Menteri memaklumkan bahawa sebuah padang di Taman Senangan, kawasan di Telok Ayer Tawar ini, yang mana pemajunya sepatutnya menyerahkan padang ini kepada pihak MPSP sebagai kawasan lapang, sampai sekarang tidak diserahkan dan ini menimbulkan masalah kerana ianya tidak dapat diselenggarakan oleh pihak MPSP kalau tidak diserahkan dan juga terdapat usaha-usaha oleh pemaju untuk membangunkan pula tapak ini. Kita bimbanglah dan usaha jawapan ini menyatakan bahawa mengikut rekod MPSP walaupun mengikut rekod MPSP tidak ada sebarang permohonan kebenaran merancang dikemukakan tetapi desas-desus kita pun dengar bahawa pemaju hendak membangunkan tapak ini, saya harap pihak MPSP dapat mengambil tindakan segera. Begitu juga dengan padang Sekolah Menengah St. Marks. Y.B. Tuan Speaker, Sekolah Menengah St. Marks adalah antara sekolah yang tertua di Seberang Perai. Padang sekolah ini amat diperlukan oleh masyarakat setempat kerana bukan sahaja ianya menjadi padang untuk aktiviti sukan Sekolah St. Mark, tetapi juga menjadi padang untuk aktiviti masyarakat setempat kerana kita tidak ada padang. Saya mendapat maklum bahawa tanah ini telah diluluskan untuk pemajuan padang sekolah ini oleh MPSP pada 18 Jun 2008. Walaupun mendapat bantahan dari banyak pihak, bantahan oleh pemilik tanah berhampiran, bantahan daripada masyarakat, bantahan daripada saya sendiri sebagai ADUN, kerana kawasan padang ini seboleh-bolehnya kita hendak kekalkan untuk kemudahan sekolah dan orang ramai dan di sini saya amat kesal kerana bantahan-bantahan ini tidak diambil kira dan tanah ini telah pun diluluskan untuk pemajuan, maknanya lepas ini tidak ada padang untuk sekolah dan untuk kawasan itu, apa hendak buat nasi telah menjadi bubur. Saya berharap di masa hadapan tidak akan menjadi seperti ini, saya tidak tahu macam mana kalau padang Sekolah St. Marks ini akan menjadi masalah besar kepada pihak sekolah.

Y.B. Tuan Speaker, George Town sebagai warisan dunia, kita bangga kerana atas usaha kerajaan sebelum ini, George Town telah disenaraikan tapak warisan dunia oleh Dunia Bersatu. Sama ada George Town setanding dengan Hi Giang di China, Luang Prabang di Laos, Fes di Morocco ataupun Ayutthaya di Thailand. Ini satu perkara yang perlu kita ambil perhatian. Di samping kita berbangga dengan penyiaran George Town haruslah kita mengambil usaha untuk memastikan bahawa asas kepada pertimbangan atau perakuan George Town ini diberi pengiktirafan sebagai Bandar Warisan Dunia iaitu suasana kehidupan dan struktur pembangunan yang lama yang telah dibina yang masih kekal dan kita kena berusaha untuk memastikan bahawa bukan sahaja dapat mengekalkan suasana yang unik ini yang boleh kita promosikan sebagai satu produk yang cukup istimewa tetapi juga kita harus juga memberi pengiktirafan kepada beberapa faktor iaitu bahawa George Town yang telah diberi nama bahawa King George Third ini, nama British semasa pemerintahan British dapat juga mempamerkan atau mengetengahkan ciri-ciri sejarah yang sebenarnya.

Maksud saya sejarah sebenar di sini janganlah kita terlampau ghairah dengan label George Town sebuah bandar yang dibangunkan oleh British dahulu sebagai penjajah di negara kita tetapi kita seharusnya mempamerkan warisan kita yang sebenarnya ini dan kita harus mengambil kira semua faktor sejarah termasuklah sumbangan-sumbangan tokoh atau pun mereka-mereka sebelum British datang ke pulau ini. Sebagaimana yang kita semua tahu, menyatakan bahawa bandar George Town ini dimulakan dengan kedatangan Francis Light pada tahun 1786 dan diberi nama Prince of Wales Island. Sebenarnya Francis Light ini bukan pun wakil kerajaan negeri British, beliau adalah pekerja syarikat East of India Company yang *based*nya di India. Jadi hanya pada tahun 1867, George Town ini diperintah oleh British dan pada 1 Januari 1957, George Town diberi taraf bandar oleh Queen Elizabeth Kedua yang mana peguam bernama Goh Guan Hu pada masa itu menjadi Presiden George Town Municipal Council. Di sini pihak MPPP pada tahun 1990-an telah memberi pengiktirafan kepada D.S. Ramanathan dengan membubuh sebuah jalan iaitu Jalan Scotch sempena nama D.S. Ramanathan sebagai mayor atau pun Datuk Bandar Utama George Town.

Jadi di sini, pengiktirafan dengan memberi nama-nama kepada tokoh-tokoh di dalam sejarah kita haruslah diberi perhatian juga sebagai satu warisan. Ada jalan-jalan, tempat-tempat yang tidak beri makna langsung yang namanya British harus kita kaji supaya kita dapat ubah untuk memberi nama-nama kepada tokoh-tokoh tempatan. Kita akui D.S. Ramanathan, walau pun ia parti Buruh pada masa itu, elok bubuh nama dia kerana dia seorang Datuk Bandar Utama dan banyak lagi tokoh-tokoh ini sebelum penubuhan George Town yang harus kita beri pengiktirafan seperti Datuk Janardon, Nakhoda Intan, Syed Sheh Al Hadi, Ahmad Rashid Talu dan banyak lagi tokoh-tokoh Melayu yang berjasa yang ada sumbangan dalam sejarah Pulau Pinang yang harus kita beri pengiktirafan. Jadi inilah yang saya harap dapat diberi pertimbangan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di dalam persejarahan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia. Y.B. Tuan Timbalan Speaker,..... (gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Chue):

Penjelasan. Terima kasih Y.B. Telok Ayer Tawar. Y.B. Timbalan Speaker, saya telah pun membangkitkan tentang soal warisan Melayu dalam sidang Dewan yang lepas. Saya ingin menegaskan sekali lagi supaya pembangunan semula Tanjong Tokong tidak harus meminggirkan soal warisan. Syarat awal pemberian tanah daripada kerajaan negeri kepada UDA bahawa tanah yang disertakan ini akan dipergunakan untuk tujuan pemulihan, pembaharuan dan penyusunan semula

kampung Tanjong Tokong. Projek warisan mesti menjadi salah satu komponen dalam pembangunan semula Tanjong Tokong. Jadi dalam hal ini, kerajaan negeri sebagai pemilik asal tanah ini harus mengenakan syarat ini untuk dipatuhi oleh UDA Holdings kerana faktor latar belakang sejarah.

Jika kita sebagai negara yang merdeka bersifat terbuka dengan memulihara warisan penjajah sebagaimana yang dikata, mengapakah kita begitu jijik dan beku terhadap warisan kita sendiri. Jadi apa salahnya untuk sebuah agensi Kerajaan Pusat seperti UDA Holdings melaksanakan pembangunan warisan di sebahagian daripada pembangunan menyeru yang dilaksanakannya. Ini akan menjadi juga daya tarikan pelancongan dan suatu bentuk pelaburan semula memartabatkan budaya kita. Tidakkah Pulau Pinang adalah satu pintu masuk utama daripada sebelah Pantai Barat. Menerusi peninggalan warisan Melayu dan Nusantara, para pelancong akan mendapat gambaran awal tentang Malaysia dan Nusantara sebelum menjelajah ke tempat lain. Jadi Min Shen, seorang ahli falsafah Cina telah berkata saatnya kerja Tuhan sesuatu bangsa bermula apabila bangsa tersebut merendahkan kebudayaannya sendiri. Jadi marilah kita membangunkan kerencaman budaya Malaysia dengan tidak meminggirkan budaya apa pun kerana warisan adalah sebahagian daripada pembangunan yang meningkatkan tamadun kita yang kaya raya ini. Setujukah Y.B. Telok Ayer Tawar?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Terima kasih kepada Y.B. Tanjong Bunga. Saya setuju supaya kampung-kampung tradisional ini dapat dikekalkan tetapi biarlah ianya tidak menjadi penghalang kepada pembangunan dan kemajuan. Saya juga dimaklumkan bahawa masalah Tanjong Tokong ini sedang di dalam perbincangan. Kita serahlah kepada kebijaksanaan pihak-pihak yang terlibat untuk memikirkan satu kaedah yang sesuai yang dapat diterima oleh semua pihak. Walau bagaimanapun, isu kampung-kampung tradisional ini haruslah diberi perhatian supaya tidak hilang ditelan dek zaman. Misalannya *The Klang Jetty*, kita hendak supaya ianya dapat dikekalkan, diperbaiki dan diperindah supaya menjadi satu produk pelancongan dan juga lain-lain tempat yang mempunyai sejarah di Pulau Pinang supaya ianya dapat diketengahkan dan dipromosikan supaya menjadi produk-produk dan juga kebanggaan kepada sejarah Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheng Heng):

Penjelasan, Y.B. Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih Y.B. Telok Ayer Tawar telah memberitahu kata di Pulau Pinang ada banyak tokoh-tokoh mesti diberitahu perwujudan mereka sebagai kita jadi kena peringatan tetapi dengan peringatan tadi, itu sudah juga menunjukkan selama 51 tahun, Barisan Nasional tidak menjalankan kerja-kerja ini dan bagaimana Y.B. dari Telok Ayer Tawar harap kita boleh menjalankan semua ini dalam setahun? Mungkin rakyat Pulau Pinang kena beri Pakatan Rakyat lebih dua, tiga penggal untuk menghabiskan kerja-kerja ini.

Kita juga tidak lupa tadi Yang Berhormat kata apa yang sejarah tetapi yang saya ingat baru-baru yang melakukan Datuk Hisyamudin dalam sejarah kita punya sekolah, dia cuma katakan hanya orang Melayu dengan kerajaan Maharaja paling awal untuk *fight* untuk kita merdeka. Ini tidak benar. Sebenarnya sejarah memberitahu kita adalah Malaysia tiga kaum pergi ke London untuk mendapat merdeka kita tetapi ini telah diubah-ubah dan tidak sesuai. Ini pun kita kena harus ingat dan patut diubahsuaikan dan terima kasih sahaja.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Saya tidak mahu bincanglah apa yang telah dibangkitkan yang mana perlu boleh menjadi pengetahuan am dan sejarah ini perlu kita lihat di dalam pelbagai aspek sama ada saya rasa tidak sesuai untuk saya bincangkan dengan perkara itu tetapi memanglah kita hendak supaya sebab saya sedang bercakap tentang Bandaraya George Town.

Jadi saya ingin teruskan di sini, Y.B. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Dewan, sekurang-kurangnya untuk orang Seberang Perai, kalau kata hendak datang ke sini, mereka tidak kata pergi George Town. Mereka kata hendak pergi Tanjong sebab memang itulah yang menjadi nama tempat ini. Entah macam mana kita asyik kekalkan George Town. Saya tidak tahu tetapi mungkin ini akan menjadi satu *assignment* kepada kerajaan negeri yang baru untuk kita balik kepada yang asal. Saya ingin menyarankan supaya kita tukar kepada nama Tanjong sebab inilah yang popular yang kita gunakan. Tidak pernah kalau kata kita hendak datang sini, saya hendak pergi George Town. Kita kata kita hendak pergi Tanjong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat tetapi dengan nama George Town ini telah pun digunakan oleh kerajaan lepas apabila membuat permohonan kepada UNESCO. So, kerana ia telah disenaraikan dan telah pun diiktiraf dan diakui, saya rasa buat masa kini, kita pun kena gunakan George Town. Hari ini pun digunakan semasa Y.B. lepas dan itu adalah sesuatu yang telah menjadi hakikat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Tidak boleh dinafikan memang permohonan itu dibuat atas nama George Town mungkin suara-suara kita untuk mengubah nama memberi pengiktirafan kepada sejarah dan penggunaan Tanjong ini telah tenggelam oleh kerana tidak cukup kuat. Walau bagaimanapun, kita bangga George Town termasuk disenaraikan sebagai World Heritage City ...(dengan izin), semoga sejarah ini akan dapat kita lihat di dalam dua aspek kebanggaan George Town sebagai sebuah bandar yang ditubuhkan oleh British yang telah menjajah kita dan juga George Town ini telah banyak memberi pembangunan kepada jajahan di sini, pulau dan Seberang Perai.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, akhir kata saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua agensi-agensi kerajaan peringkat pusat dan negeri yang telah banyak membantu untuk memudahkan urusan di kawasan saya dan menyelesaikan banyak masalah di kawasan saya. Saya juga ingin menarik perhatian kepada ucapan TYT. di-Pertua Negeri Pulau Pinang semasa pembukaan Dewan ini bahawa kita ini seharusnya berhubung dengan mematuhi peraturan, adab dan tatasusila. Sebagai semuanya dalam Dewan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat, biarlah kita mengendalikan diri supaya dihormati. Oleh itu, tidak perlulah kita sentiasa menggunakan order ini bahkan selama ini Dewan telah bersidang berpuluh tahun jarang sekali kita menggunakan *standing order*. Amat jarang sekali tetapi sejak setahun ini, *standing order* ini telah jadi *order of the day*...(dengan izin), sentiasa digunakan pada hal sepatutnya kita dah tahu semua yang ada dalam *standing order* dan tak payah sibuk nak guna *standing order* tak perlu. Sepatutnya kita tahu tatacara untuk berhubung supaya ianya seperti yang Terutama Yang Utama nyatakan mengikut peraturan adab dan tatasusila saya ucapkan terima kasih. Dan saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Terima kasih Ahli Telok Air Tawar dipersilakan Ahli Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):

Y.B. Tuan Speaker saya mengucapkan salam sejahtera dan peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua pada hari ini. Suasana ekonomi yang global dan tidak stabil sedang melanda bukan sahaja di rantau ini tetapi juga negara kita Malaysia. Nasib baiklah kewibawaan dan kebijaksanaan Ketua Menteri mengubah berbagai dasar pembangunan negeri telah memberikan kesan impak positif ke atas kualiti taraf hidup Pulau Pinang dalam menangani keadaan ekonomi yang meleset ini. Pembangunan secara menyeluruh dalam pelbagai bidang seperti usaha dan menggalakkan pelaburan asing, penyediaan kemudahan asas awam, usaha membasmi kemiskinan, pembangunan modal insan, kebudayaan, kebajikan, pembangunan ICT, pembangunan alam semula jadi, pelancongan, telah memperkukuhkan pembangunan Negeri Pulau Pinang dari segi ekonomi dan sosial. Negeri Pulau Pinang mempunyai keadaan politik yang lebih stabil jikalau berbanding dengan negeri lain. Kelebihan ini membolehkan kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat menumpukan perhatian yang lebih dalam memperkembangkan keadaan ekonomi negeri ini.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan syukur dan syabas ke atas kerajaan negeri dalam usaha menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang mencapai pada sifar kemiskinan tegar di Malaysia. Menangani kemiskinan adalah satu tanggungjawab yang tidak ada kompromi bagi sesetengah suatu kerajaan demi mengekalkan sifar kemiskinan tegar ini kerajaan negeri mesti membantu golongan rakyat bagi setiap aspek baik dari segi keperluan asas misalnya perumahan rakyat, bekalan air dan elektrik luar bandar ataupun aktiviti-aktiviti ekonomi yang boleh menjana pendapatan dan mengurangkan perbelanjaan. Usaha murni ini boleh dilaksanakan melalui program-program ekonomi yang berdaya saing dan mampan secara berkelompok khusus untuk golongan miskin dan termiskin dengan melibatkan agensi-agensi pembimbing untuk melaksanakan pelbagai program dalam sektor pertanian, perikanan, penternakan dan perniagaan kecil-kecilan. Pembangunan Sumber Manusia dalam bidang pendidikan untuk pelajar-pelajar golongan miskin tegar biasiswa boleh diperuntukkan. Kemiskinan hanya boleh dihapuskan melalui pendekatan yang realistik dan berterusan ini adalah satu agenda yang besar dan mempunyai nilai yang murni yang melibatkan kerjasama semua pihak di setiap peringkat walaupun di peringkat persekutuan ataupun peringkat negeri ini.

Y.B. Tuan Speaker, dalam persidangan Dewan pada bulan November pada tahun lepas, saya pernah mencadangkan kerajaan negeri meningkatkan kedudukan Pulau Pinang sebagai satu hab pendidikan antarabangsa, saya yakin dengan mewujudkan status Pulau Pinang sebagai hab antarabangsa akan dapat menyumbang kepada usaha kerajaan negeri untuk mencapai kedudukan sebagai bandar raya antarabangsa. Kejayaan yang dialami oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, German, Jepun adalah teladan yang paling baik di mana tahap penguasaan ilmu, kemahiran, inovasi dan usaha rakyat gigihnya merupakan unsur mustahak untuk mencapai taraf antarabangsa. Dalam usaha menyediakan prasarana ke arah ini, kerajaan negeri mesti menggalakkan universiti antarabangsa atau institusi-institusi pengajian tinggi yang masyhur untuk membuka cawangan di Pulau Pinang.

Sekiranya Pulau Pinang penuh dengan universiti pengajian tinggi antarabangsa, pusat-pusat penyelidikan dan kolej swasta yang membolehkan Negeri Pulau Pinang menjadi sebuah hab pendidikan antarabangsa, saya yakin ini akan memperkasakan kedudukan Pulau Pinang sebagai Bandaraya Antarabangsa. Saya telah diberi jawapan mengenai soalan bertulis saya di mana tiada rancangan oleh kerajaan negeri untuk menaiktarafkan PSDC (Penang Skill Development Center) ke taraf sebuah universiti kerajaan negeri seperti Universiti Industri Selangor, sebuah universiti yang ditubuhkan dan ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Namun begitu, kerajaan negeri mesti berusaha menggalakkan institusi-institusi pengajian tinggi yang terkenal untuk membuka cawangan di Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker, Kerajaan negeri mesti memastikan urusan tadbir CAT diterima pakai secara penuh di peringkat PBT. Ini adalah kerana pihak PBT adalah peringkat pentadbiran yang terdekat dengan rakyat jelata. Sebarang penyelewengan pentadbiran dalam pihak PBT akan menjejaskan imej kerajaan negeri dalam mata rakyat jelata. Baru-baru ini, mengikut Sistem Star Rating daripada KPKT, MPSP berkedudukan ke-16 sementara MPPP hanya berada di kedudukan ke-21. Kedudukan sebegini memang tidak berapa menyeronokkan khususnya bagi MPPP. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan bahawa untuk mencapai taraf sebagai sebuah bandar raya antarabangsa, komitmen yang tinggi dan usaha yang bersungguh-sungguh daripada pentadbiran kerajaan negeri serta pihak pengurusan dan pentadbiran PBT adalah sangat mustahak. Pihak PBT mesti sentiasa bersikap positif dan optimis terhadap hasrat dan cadangan oleh kerajaan negeri untuk menaikkan taraf Pulau Pinang yang bertaraf antarabangsa. MPPP dan MPSP mesti berusaha menaiktarafkan diri Majlis Perbandaran kepada Dewan Bandaraya. Pada asasnya, di antara aspek-aspek penting yang diambil kira untuk usaha ini ialah berhubung dengan kredibiliti pihak majlis menguruskan pentadbiran dengan efisien, menyelia dan mengendalikan jentera pentadbiran dengan baik dan berkesan serta pengurusan hasil dan kewangan yang cekap. Kerajaan negeri serta agensi-agensi kerajaan yang lain harus sentiasa memberikan pelbagai bantuan dan kerjasama kepada PBT, dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran Majlis bagi menjamin kemajuan dan kemakmuran serta persekitaran hidup yang lebih baik dan selesa kepada rakyat selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan negeri kita sebagai negeri yang maju.

Kakitangan pihak PBT mesti sedar untuk mencapai status bandar raya, ia akan menghadapi cabaran yang besar dan kompleks dari segi fungsi dan tanggungjawabnya. Dalam hubungan ini, semua kakitangan PBT juga tidak dapat lari daripada memikul tugas dan tanggungjawab yang amat mencabar ini. PBT akan berhadapan dengan peningkatan tuntutan dan kehendak dari orang ramai di dalam pelbagai aspek khususnya kemudahan prasarana dan infrastruktur serta perkhidmatan bandar sesuai dengan tarafnya sebagai PBT yang bertaraf antarabangsa seperti Singapura. Walaupun MPSP dan MPPP hanya diberikan rating 3 *star* sahaja oleh KPKT, saya berharap kedua-dua PBT ini dapat mengambil kejadian ini sebagai cabaran. Saya amat berharap pentadbiran kerajaan negeri dan pihak PBT dapat memberikan tumpuan dari perhatian yang serius serta profesional untuk memenuhi tuntutan tersebut secara berterusan berdasarkan kemampuan yang ada. Jika sekiranya dapat dipenuhi tuntutan tersebut saya yakin imej MPPP dan MPSP di kalangan masyarakat umum akan sentiasa berada pada tahap yang amat membanggakan.

Di antara perkara-perkara yang berkaitan dengan mutu perkhidmatan perbandaran dan kualiti hidup yang perlu diberi penekanan oleh PBT adalah dalam aspek kebersihan dan penjagaan alam sekitar serta pemberian perkhidmatan dari layanan yang mesra kepada pelanggan. Isu kebersihan umpamanya, sering

dibangkitkan oleh kerajaan termasuk oleh Y.A.B. Ketua Menteri sendiri, di mana tahap kebersihan di setengah-setengah tempat masih tidak begitu memuaskan. Perkara ini perlu diberi keutamaan oleh pihak PBT kerana ianya boleh memberikan gambaran yang sebenar sama ada setiap perkhidmatan yang diberikan itu memuaskan ataupun tidak.

Oleh yang demikian PBT perlu menumpukan perhatian terhadap isu kebersihan ini. Di antara lokasi-lokasi yang perlu dipertingkatkan tahap kebersihannya adalah tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai seperti pasar, stesen bas, kawasan rekreasi, taman-taman awam, premis makanan, tandas awam dan lain-lain lagi. Jika aspek kebersihan ini tidak diberikan perhatian yang sewajarnya, seperti terdapatnya longgokan sampah sarap, longkang tersumbat sehingga menyebabkan berlakunya banjir kilat ataupun kebersihan premis makanan diabaikan, sudah tentu perkara ini akan mendatangkan imej yang buruk kepada PBT dari pandangan masyarakat. Sebaliknya jika sekiranya perkhidmatan yang diberikan dapat memuaskan hati semua pihak, perkara ini boleh dijadikan sebagai aset untuk menarik lebih ramai para pelancong datang ke sini berulang-ulang kali bersama-sama rakan-rakan yang lain, sekali gus ia akan dapat membantu negeri kita menarik lebih ramai pelancong asing datang ke Pulau Mutiara ini.

Y.B. Tuan Speaker, begitu juga dalam hal-hal yang melibatkan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai, di mana pihak pengurusan PBT hendaklah sentiasa peka terhadap maklum balas dari masyarakat serta menghayati budaya mesra rakyat dan mesra pelanggan. Saya suka menyarankan agar pegawai dan kakitangan PBT termasuk juga Ahli-ahli Majlis mengamalkan budaya turun padang untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dibangkitkan oleh orang ramai. Penyertaan masyarakat juga perlu digalakkan di mana pendapat dan idea mereka diambil kira. Di samping itu perkhidmatan di bahagian kaunter juga perlu diperkemas dan dipertingkatkan supaya orang ramai yang berurusan dengan PBT mendapat layanan yang mesra dan masalah yang dikemukakan oleh mereka diselesaikan dengan cepat dan berkesan. Saya percaya kerajaan negeri dan pihak pengurusan MPPP dan MPSP akan dapat menangani cabaran-cabaran ini dengan baik dan sempurna, berasaskan kepada pengetahuan dan pengalaman serta komitmen kakitangan yang sentiasa memberikan sepenuh kerjasama dan bantuan serta khidmat nasihat di antara satu sama lain bagi mewujudkan sebuah PBT yang dinamik, responsif dan cemerlang di alaf baru ini.

Y.B. Tuan Speaker, masalah sosial khususnya di kalangan murid-murid sekolah adalah satu perkara yang perlu diambil perhatian dan ditangani. Kerajaan negeri mesti memainkan peranannya dalam menangani masalah ini. Sehubungan dengan ini, kerajaan negeri mesti melaksanakan program-program latihan khususnya bagi pengajar-pengajar di Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) yang menitikberatkan kepada pembangunan akhlak kanak-kanak "*character building*".

Pada tahun akan datang, peranan Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti akan menjadi lebih penting untuk membawa wanita maju ke hadapan dan tidak terpinggir dalam arus perdana pembangunan negeri. Justeru itu, Kerajaan Persekutuan patut bekerjasama dengan kerajaan negeri dengan peningkatan peruntukan supaya Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dapat memperluaskan program-program tahunannya di peringkat akar umbi. Dari segi pelaksanaan program-program, kerajaan negeri mesti terus memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti bagi memperkasa wanita dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran tertentu meliputi bidang-bidang ekonomi, sosial, undang-undang, kesihatan, pendidikan dan kepekaan gender di samping memberi kesedaran kepada wanita berhubung dengan hal ehwal wanita.

Dari segi ekonomi, tumpuan akan diberi kepada latihan kemahiran bagi membolehkan wanita mengusahakan projek-projek yang menjana pendapatan melalui aktiviti perniagaan dan pertanian. Manakala dalam bidang sosial, tumpuan akan diberi kepada kemahiran mengendalikan bimbingan, kaunseling serta mengendalikan tekanan “stress” supaya masalah-masalah yang dihadapi sebagai akibat daripada konflik yang berlaku dalam persekitaran keluarga dapat diatasi dan tidak akan menghalang wanita meneruskan kehidupan seperti biasa. Bidang pendidikan akan memberi tumpuan kepada ICT di samping memberi penekanan tentang kepentingan pendidikan kepada ibu bapa dan anak-anak khususnya di luar-luar bandar.

Bidang pendidikan akan memberi tumpuan kepada ICT di samping memberi penekanan tentang kepentingan pendidikan kepada ibu bapa dan anak-anak khususnya di luar-luar bandar. Bidang undang-undang akan memberi kemahiran dan pendedahan kepada wanita tentang proses-proses yang terlibat dalam undang-undang khususnya berkaitan dengan tuntutan nafkah, harta dan sebagainya. Bidang kesihatan akan memfokuskan kepada program kesedaran serta kempen tentang penyakit barah yang mana dilaporkan masih tinggi di kalangan wanita. Dalam bidang kepekaan gender, usaha akan terus dilaksanakan untuk menyebarkan konsep dan perspektif gender dalam pembangunan.

Saya ingin menyentuh sedikit mengenai sistem penyampaian pihak JKR. Saya berpendapat sistem penyampaian bagi pihak JKR masih lagi tidak memuaskan. Pihak kerajaan negeri telah cuba memperbetulkan dasar-dasar baru sejak mengambil alih pentadbiran pada bulan Mac tahun lepas untuk menghapuskan “corpsy” serta mempertingkatkan ketelusan dan kecekapan dalam pentadbiran. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa kelajuan pelaksanaan dasar-dasar berkenaan perlulah dipertingkatkan dalam satu tahun ini saya telah belajar satu slogan baru dari beberapa agensi atau jabatan. Contohnya pihak JKR, slogan yang sering saya dengar ialah tidak ada bajet atau tidak ada peruntukkan. Walaupun saya belajar dengan AOB Undang-undang di universiti tetapi saya telah belajar ekonomi di universiti. Kita difahamkan bahawa sumber-sumber yang sedia ada di dunia ini memang tidak boleh memuaskan semua pihak. Jadi perlulah kerajaan mengagihkan sumber-sumber secara bijaksana dan secara adil. Kita memahami kesulitan dalam memenuhi permintaan semua penduduk, namun demikian sebuah agensi kerajaan perlu mengatur bajet mengikut keperluan rakyat. Selain itu cara menggunakan bajet juga perlu dipantau secara sentiasa. Oleh kerana bidang kuasa atau *jurisdiction* ... (dengan izin), MPPP hanya sampai ke “*City limit*” ...(dengan izin).

Oleh itu, jalan raya, lampu isyarat dan pelbagai infrastruktur di luar kawasan luar George Town adalah di bawah bidang kuasa JKR. Saya bagi contoh di KADUN saya ada sebuah sekolah rendah, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kong Meng, cawangan 2 telah memohon supaya lampu isyarat di pasang di hadapan sekolah demi menjaga keselamatan seramai 1200 orang guru dan pelajar tetapi permohonan ini telah ditolak oleh pihak JKR atas alasan tidak ada bajet, tidak ada peruntukkan. Lagi satu, saya telah memohon pihak JKR untuk menukar satu penutup longkang yang telah rosak di Taman Oriental di Paya Terubong sejak bulan Disember tahun 2008. Pihak JKR telah bagi tahu saya akan dibuat pada bulan Januari tahun ini tetapi sampai hari ini penutup longkang ini masih tidak ditukarkan atas alasan masih tidak ada peruntukkan. Oleh saya ingin menyeru kepada kerajaan negeri supaya dapat mengambil berat terhadap perkara ini khususnya kepada KADUN-KADUN yang berada luar bidang kuasa MPPP sebab untuk KADUN-KADUN yang berada di luar kawasan George Town banyak perkara bergantung kepada JKR. Tanggungjawab JKR mesti di pantau oleh kerajaan negeri supaya keberkesanan dapat dijaga untuk KADUN-KADUN di luar kawasan George Town.

Y.B. Tuan Speaker, sejak persidangan dewan tahun lepas saya telah bertanya bolehkah kerajaan negeri memperuntukkan di mana-mana tanah di Paya Terubong untuk membina sebuah bangunan pasar awam demi menempatkan ratusan penjaja di tepi jalan di Paya Terubong. Setiap kali saya meminta tapak tanah untuk dijadikan pasar di Paya Terubong, jawapannya amat ringkas iaitu tidak ada tanah. Langsung tidak ada penerangan selanjutnya. Sepatutnya saya sedang menunggu jawapan seumpama tak akan cari tapak sekarang dan berharap akan mendapat jawapan selanjutnya dari masa sekarang. Y.B. Tuan Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai “Net TV”. Memandangkan Internet ada begitu umum popular pada zaman kini, saya mencadangkan kerajaan negeri boleh mempertimbangkan untuk menubuhkan “Net TV” yang dipunyai oleh kerajaan negeri sendiri. Cadangan ini adalah membolehkan *info-info* kerajaan negeri dapat disalurkan ke rakyat jelata di seluruh Malaysia supaya rakyat jelata mendapat maklumat benar mengenai Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sebenarnya ideal saya ini adalah berasal daripada “Net TV” yang ditubuhkan oleh Kolej Hiang Chiang di Pulau Pinang. Saya berpendapat “Net TV” Kolej Hiang Chiang telah dijalankan dengan sangat berjaya oleh itu saya menyeru kerajaan negeri dapat mempertimbangkan ideal ini selaras dengan misi kerajaan negeri menjadikan negeri Pulau Pinang sebuah negeri WiFi, dengan adanya WiFi, saya percaya “Net TV” kerajaan negeri sekiranya ditubuhkan dapat menjadi satu “Net TV” yang popular yang di kalangan rakyat jelata dan juga boleh menebus kongkongan *info* oleh media seperti ...(dengan izin), TV Satu, TV Dua, Utusan.

Y.B. Tuan Speaker baru-baru ini sempena “Hari Dunia” satu forum mengenai larangan atau tidak melarang beg plastik telah diadakan di Kompleks Masyarakat Penyayang. Di sini saya ingin menyatakan pendirian saya bahawa saya bersetuju untuk melarang beg plastik mungkin pada permulaannya ada bantahan bahawa kesusahan mungkin di wujudkan kerana tidak ada beg plastik. Tetapi saya percaya pada satu tempoh tertentu akan faham akan biasa dengan tidak menggunakan beg plastik seperti di Singapura pada dahulunya Kerajaan Singapura melarangkan “*chewing gum*” ...(dengan izin), di seluruh Singapura dalam masa pengelolaannya larangan ini memang mendapat bantahan ramai daripada warga Singapura dan juga ada orang mengatakan Kerajaan Singapura adalah satu kerajaan yang gila kerana melarang “*chewing gum*” . Mungkin juga sekiranya kerajaan Negeri Pulau Pinang melarangkan beg plastik ada sekumpulan orang akan mengatakan kerajaan negeri Pulau Pinang sebuah kerajaan yang gila. Tetapi saya percayai juga ada kumpulan atau NGO atau juga orang awam yang akan menyokong Kerajaan Negeri Pulau Pinang melarang beg plastik. Beg plastik menemani kita sepanjang hari hampir semua barang yang kita beli menggunakan beg plastik. Isu beg plastik ini memang satu isu yang besar. Pengurusan sampah-sarap di negara kita sukar ditangani kerana majoriti sampah yang sukar dilupuskan atau di kitar semula adalah berasaskan plastik. Bahan buangan daripada plastik mengambil masa 400 hingga 1000 tahun untuk mengurai bersama tanah. Jika plastik tidak ditanam ia boleh dikitar semula dengan melarut bersama bahan kimia yang sama digunakan untuk menghasilkannya sekejap ia cair dan boleh membentuk bahan sintetik baru. Namun bahan sintetik baru ini tidak begitu selamat digunakan semula. Ada pula yang menyatakan dari “*Discovery Channel*” beg plastik memerlukan satu juta tahun untuk mengurai bersama tanah, ini disebabkan polimer dan bahan sintetik yang digunakan untuk membuat bahan plastik tersebut susah diuraikan. Beg plastik juga tidak boleh dibakar sebab ia akan mengakibatkan “CFC”. Oleh demikian, usaha perlu dilakukan oleh kerajaan negeri untuk menggalakkan pelbagai pihak khususnya kedai-kedai dan pusat membeli belah cuba menukarkan penggunaan beg plastik dengan beg kertas atau beg kitar semula. Saya berpendapat kerajaan mungkin boleh menetapkan satu tempoh selama 2 atau 3 tahun untuk “*slowly*” ...(dengan izin), melarangkan penggunaan beg plastik sebaliknya

menggalakkan penggunaan beg kertas atau beg kitar semula. Untuk menjadi sebagai teladan saya sendiri setiap hari telah menggunakan beg kitar semula untuk membawa nota-nota saya untuk ke dewan ini, ke pejabat atau ke mana-mana saja dan saya percayai bahawa Ahli-ahli Dewan Undangan yang mulia ini juga patut menjadi satu teladan untuk menggunakan beg kitar semula. Sekiranya usaha ini kita dapat berjaya Negeri Pulau Pinang bukan sahaja sebagai sebuah negeri pertama yang ada WiFi, sebuah negeri pertama yang tidak ada kemiskinan tegar dan juga akan menjadi sebuah negeri pertama yang tidak ada beg plastik. Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas kepada Y.A.B Ketua Menteri dan juga kerajaan negeri dalam usaha-usaha menjalankan dasar-dasar yang dapat membawa kebaikan kepada rakyat jelata dan saya percayai bahawa impian untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah Bandaraya Antarabangsa tetap akan “crystallizes” sekiranya CAT ini dapat diteruskan. Y.B. Tuan Speaker, dengan akhirnya saya menyokong, terima kasih.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Terima kasih ahli Paya Terubong, Dewan tamat perbahasan sekarang dan akan disambung pada pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.15 tengah hari

Dewan bersidang semula pada jam 2.45 petang.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Silakan Y.B. Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Weng):

Terima kasih kepada Y.B. Speaker kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan usul terima kasih kepada ucapan TYT yang berlangsung pada hari Isnin yang lalu. Ucapan TYT tersebut tidak banyak menyentuh isu perumahan cuma beliau menyatakan bahawa kerajaan negeri telah mengambil langkah untuk memperbaiki dan juga menambahbaikkan sistem tawaran perumahan melalui Internet iaitu melalui sistem e-perumahan mulai bulan Mei tahun ini, dengan harapan sistem tersebut dapat mengagih permohonan perumahan dengan lebih telus. Saya percaya isu perumahan dalam Negeri Pulau Pinang ini adalah lebih jauh lebih banyak daripada yang dinyatakan dalam ucapan TYT. Seperti yang kita sedia maklum, rumah adalah satu keperluan asas dalam kehidupan harian dan berhubung dengan itu, saya pohon izin untuk memetik sebahagian daripada Artikel 25, the Universal Declaration of Human Rights yang berbunyi sedemikian. (Dengan izin)...., *everyone has the right to a standard of living, adequate for the health and wellbeing of himself and of his family including food, clothing, housing and medical care.* Ini bermakna taraf hidup yang mencukupi termasuk makanan, pakaian, rumah dan perubatan adalah satu hak asasi manusia.

Maka berlandaskan prinsip ini saya percaya kerajaan mahupun kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan mempunyai tanggungjawab bersama untuk memainkan satu peranan yang cukup penting dalam memastikan sasaran satu keluarga satu rumah itu tercapai. Menurut jawapan kepada soalan bertulis saya, kerajaan negeri buat masa kini tidak mempunyai rancangan untuk mengambil alih peranan pemaju swasta dalam membina perumahan kos rendah dan sederhana

rendah dan halangan utamanya ialah kerajaan negeri cuma mempunyai sumber kewangan yang terhad. Ini bermaksud pemaju swasta memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan negeri membina rumah-rumah mampu milik iaitu rumah kos rendah dan sederhana rendah di bawah dasar kuota 30% untuk saiz pembangunan yang melebihi 99 unit di kawasan pembangunan dan 140 unit di luar kawasan pembangunan.

Kita perlu mengakui bahawa konsep sumbangan sosial iaitu *social contribution* ...(dengan izin), oleh pemaju swasta sebenarnya mempunyai beberapa kelemahan di mana kerajaan negeri perlu atasi. Saya percaya Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini pernah didatangi pemohon rumah kos rendah untuk merayu agar tawaran kepada mereka ditukar kerana projek rumah kos rendah yang ditawarkan pada asalnya pada pendapat mereka terletak di lokasi yang kurang sesuai. Misalnya tiada kemudahan pengangkutan awam yang sampai di situ. Selain itu kita juga boleh perhatikan dalam sesuatu projek perumahan biasanya kita dapati bahawa lokasi rumah kos rendah yang dibina dalam sesuatu projek pembangunan, lokasinya adalah tidak begitu strategik. Misalnya sama ada terletak di sebelah loji Indah Water ataupun kolam takungan atau kedudukannya jauh ke dalam daripada jalan utama. Faktor-faktor tersebut sedikit sebanyak telah menyebabkan sesetengah projek rumah kos rendah kurang mendapat sambutan. Kalau keadaan ini tidak dapat diatasi, mungkin kita dapat mencapai sasaran kita dari segi angka sahaja di atas kertas, di mana bilangan unit rumah cukup untuk permintaan di Pulau Pinang tetapi pada hakikatnya sasaran satu rumah satu keluarga tidak dapat dicapai.....(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan The Yee Cheu):

Penjelasan, Y.B. Bukit Tengah. Y.B. Tuan Speaker, tentang polisi satu keluarga satu rumah, saya ingin membuat satu tambahan mengenai keadaan di kampung Tanjong Tokong. Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang baru memerintah selama setahun ini berhempas pulas menangani masalah rakyat khususnya di kawasan Tanjong Bunga. Mengikut perangkaan secara rambang, hampir 1,500 hingga 2,000 keluarga yang tidak mempunyai rumah, kenapa masalah ini begitu gawat dan kritikal. Jawapannya agensi Kerajaan Pusat, Uda Holdings yang telah diamanahkan untuk menggerakkan pembangunan semula di kampung ini seawal tahun 1970 an telah meninggalkan terus projek ini dari tahun 1990 hingga tahun 2006. Implikasinya, itulah yang saya katakan, bilangan yang tidak mempunyai rumah telah meningkat secara mendadak sehingga 1,500 hingga 2,000 keluarga. Mereka baru teringat, maksud saya Uda Holdings, untuk menggerakkan semula projek apabila nilai tanah telah melonjak naik agak tinggi ke paras RM250 hingga RM300 sekaki persegi.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Tanjong Bunga, sebenarnya minta apa penjelasan tadi. Jangan pergi tajuk lain.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan The Yee Cheu):

Sedikit sahaja. Tanah seluas 80 ekar di kampung dan di hadapan pantai Tanjong Tokong ini diperoleh dengan harga premium yang amat rendah daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 70-an dan 80-an dan nilainya mencecah lebih RM1 bilion mengikut harga pasaran semasa. Dari masa Tun Razak pada tahun 70-an dan Tun Abdullah Badawi juga turut ke padang memberi harapan kepada

penduduk dan sekarang sudah sampai Perdana Menteri yang ke enam iaitu Dato' Najib, bermakna penduduk sudah menunggu begitu lama, lebih daripada 30 tahun. Saya harap kata-kata bapa Y.B. Dato' Najib itu harus ditunaikan oleh anaknya iaitu Perdana Menteri ke 6, Y.B. Dato' Najib.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Weng):

Saya rasa tiada yang perlu saya jelaskan. Cuma sebenarnya minta laluan. Baik saya teruskan. Faktor-faktor di mana kedudukan rumah kos rendah yang tidak strategik itu kalau tidak diatasi mungkin kita boleh mencapai sasaran satu keluarga satu rumah dari segi angka sahaja di atas kertas, kerana kalau rumah kos rendah itu siap dibina, bilangan itu ada tetapi tidak mendapat sambutan pada hakikatnya. Ini bermaksud masih ramai lagi yang tidak mampu memiliki sebuah rumah. Perkara ini juga dinyatakan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP 2020) di mana di dalamnya mempunyai satu kenyataan stok perumahan semasa adalah melebihi keperluan tetapi bekalannya tidak seimbang dari aspek keperluan dan kehendak sebenar terutamanya dalam penyediaan rumah kos rendah. Maka di sini saya berharap agar pihak-pihak yang terlibat dalam meluluskan projek-projek pembangunan terutamanya pihak berkuasa tempatan dapat memberi perhatian semasa memberi kebenaran merancang, ...(dengan izin), *planning permission*, bagi mengurangkan faktor-faktor logistik seperti yang saya terangkan tadi yang akan menyebabkan sesetengah pembangunan rumah kos rendah kurang mendapat sambutan.

Rumah sudah siap di bina, sekarang isu pengurusan rumah. Pengurusan ... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Penjelasan. Y.B. Tuan Speaker, kita juga harus bercakap mengenai isu perumahan, memberi perhatian kepada hakikat bahawa kalau di lihat di seluruh Peninsula Malaysia, harga rumah seunit adalah paling tinggi di Pulau Pinang kalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Kita dapati bahawa tumpuan diberikan oleh pemaju-pemaju kepada rumah-rumah dalam lingkungan RM500,000 atau lebih. Kita mendapati bahawa golongan masyarakat di Pulau Pinang secara amnya yang mempunyai pendapatan yang kurang daripada RM1,000 atau RM1,500.00, hanya mampu memiliki flat 2 bilik dengan keadaan keluarga yang besar. Kita dapati bahawa ini adalah perkara yang harus diberi perhatian kerana yang berada di dapati dalam keadaan yang selesa, keadaan rumah yang luas dan tanah yang lapang untuk anak-anak mereka bermain. Tetapi yang tidak mampu memiliki rumah seperti tersebut, kita mendapati mereka semuanya terkongkong dalam sebuah flat yang mempunyai 2 atau 3 bilik. Ini adalah satu lagi masalah yang kita hadapi yang kita telah, ...(dengan izin), *inherit* daripada kerajaan Barisan Nasional sejak 50 tahun kerana perhatian tidak diberikan sama ada kepada orang India, orang Melayu dan Cina. Kita mendapati kos rumah di Pulau Pinang adalah yang paling tertinggi di Malaysia. Jadi saya sarankan di sini kepada kerajaan yang baru untuk mengambil inisiatif dan langkah-langkah, kalau boleh diberi tumpuan kepada pemajuan yang boleh membenarkan masyarakat berbilang kaum daripada golongan berpendapatan rendah juga menikmati keadaan rumah yang selesa seperti semua. Ini adalah satu perkara yang ingin saya sarankan di sini, terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Weng):

Terima kasih kepada Y.B. Seri Delima. Setelah rumah siap diduduki orang, isu pengurusan timbul. Pengurusan bangunan berpetak sentiasa menjadi isu perbincangan dan saya percaya Yang Berhormat di sini yang mempunyai kawasan yang banyak rumah bangunan bertingkat sering menghadapi pengalaman di mana banyak aduan-aduan ditujukan untuk meminta dan membantu masalah yang timbul daripada pengurusan bangunan berpetak. Juga menurut jawapan daripada soalan bertulis saya, di mana kerajaan negeri berpendapat bahawa konsep Badan Pengurusan Bersama ...(dengan izin), Joint Management Body (JMB) dan Perbadanan Pengurusan, ...(dengan izin), Management Corporation (MC) merupakan kaedah yang berkesan dalam menguruskan bangunan berpetak. Kedua-dua badan ini ditubuhkan untuk menguruskan hal ehwal pentadbiran dan pengurusan bangunan berpetak, ini bermaksud JMB atau MC ini bertanggungjawab ke atas harta bersama iaitu *common property*, ...(dengan izin), dan penyelenggaraan bangunan berpetak mereka sendiri. Penubuhan kedua-dua badan ini dilaksanakan berlandaskan konsep tanggungjawab dan kewajipan bersama semua pemilik berpetak dan penglibatan mereka dalam pengurusan bangunan berpetak mereka sendiri. Sebelum harta bangunan dan harta bersama, penyelenggaraan dan pengurusan 2007 iaitu Akta 663 digubal dan dikuatkuasakan, cuma ada MC yang perlu ditubuhkan setelah hak milik strata dikeluarkan kepada pemilik petak dan sementara tempoh di mana hak milik strata tidak dikeluarkan, pengurusan sesebuah bangunan berpetak itu dipertanggungjawabkan ke atas bahu pemaju. Memandangkan pengeluaran hak milik strata sering kali tertangguh lama dan pemaju telah mengurus bangunan berpetak, sama ada diurus oleh pemaju itu sendiri atau melalui mereka melantik agen pengurusan hartanah.

Dalam situasi sebegini, sering kali kita dengar ketidakpuasan hati terhadap mutu kualiti pengurusan dan penyelenggaraan oleh pemaju sehingga sesetengah pemilik petak enggan membayar yuran penyelenggaraan. Hubungan tegang antara pemilik petak dan pemaju sebenarnya telah menimbulkan sedikit sebanyak masalah apabila Akta 663 dikuatkuasakan di mana Akta 663 mewajibkan semua bangunan berpetak yang belum dikeluarkan hak milik strata setakat 25% perlu menubuhkan JMB yang dianggotai oleh semua pemilik petak dan bersama dengan pemaju. Penubuhan JMB merupakan mekanisme bagi membolehkan para pemilik petak mengurus bangunan berpetak itu bersama dengan pemaju. Sebelum Akta 663, kita ada situasi di mana pemilik petak sering kali mengadu pengurusan bangunan bersama pemaju sangat tidak memuaskan. Pemaju pula mengadu mereka tidak dapat menguruskan bangunan dengan baik kerana pemilik petak tidak mahu membayar *maintenance fee*. Situasi ini telah membawa satu hubungan yang tegang dan apabila Akta 663 dikuatkuasakan banyak masalah timbul setelah itu. Antaranya pemilik petak kurang faham dengan tanggungjawab atau peranan mereka dalam JMB ini. Kedua timbul salah faham pula di antara sesama pemilik petak di mana terutamanya terhadap mereka yang ingin menubuhkan JMB. Ada yang menyangka mereka sekelompok dengan pemaju.

Sehubungan ini, saya bercadang kerajaan negeri bersama dengan badan NGO dan juga badan-badan profesional menjalankan program-program kesedaran atau pendidikan kepada pemilik-pemilik petak tentang peranan JMB ini di mana lebih-lebih lagi bangunan berpetak yang merupakan flat kos rendah termasuk flat-flat yang dimajukan oleh pemaju swasta. Saya juga ingin mencadangkan agar pihak kerajaan negeri mengkaji sama ada pihak kerajaan sama ada kerajaan negeri atau melalui Pihak Berkuasa Tempatan melalui struktur yang sedia ada atau menubuhkan satu unit yang baru bagi mengambil alih pengurusan bangunan berpetak terutamanya

pengurusan bangunan berpetak rumah kos rendah yang juga termasuk terutamanya yang dibangunkan oleh pemaju swasta. Selain itu walaupun di sesetengah bangunan berpetak, JMB telah berjaya ditubuhkan tetapi cabaran yang seterusnya ialah mereka tidak mempunyai wang yuran penyelenggaraan yang cukup di mana pungutan yuran penyelenggaraan agak susah di mana juga ada terdapat penghutang yuran penyelenggaraan ini yang tegar. Juga mereka mempunyai penyerahan *sinking fund* oleh pemaju kepada JMB ini telah tertangguh lama meskipun Akta 663 itu memperuntukkan mekanisme undang-undang bagi tujuan mendapat balik yuran penyelenggaraan yang tertunggak dan juga tindakan undang-undang kepada pemaju-pemaju yang tidak dapat mengemukakan akaun yang telah diaudit namun sehingga hari ini di mana Akta 663 ini telah berkuat kuasa 2 tahun tetapi pelaksanaannya masih terhad dan banyak pula jurang yang perlu diisi.

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Bukit Tengah, saya hendak minta mungkin pendekkan kepada 5 minit untuk sesi petang ini. Saya ingin membuat pengumuman saya akan memperuntukkan masa antara 20 hingga 30 minit kepada semua pembahas-pembahas jadi cuba hadkan kepada tempoh masa yang dibenarkan. Di samping itu juga waktu rehat, kita tidak ada waktu rehat, kita akan berhenti pada pukul 7 yang mana usul dibuat tadi yang mana pukul 7 petang ini. Jadi minum petang disediakan tetapi kita tidak ada waktu rehat pukul 4.30 hingga pukul 5.00 petang, teruskan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Memang sudah hampir sampai ke penghujungnya pun. Meskipun Akta tersebut telah berkuat kuasa 2 tahun, masih ada banyak jurang yang perlu diisi sepanjang proses pelaksanaan ini. Saya juga dapati bahawa *unit commissioner of building* di kedua-dua PBT Pulau Pinang ini masih kekurangan kakitangan di mana *posting* kakitangan adalah sebenarnya daripada Kerajaan Persekutuan. Berhubung dengan mengutip balik yuran penyelenggaraan daripada penghutang yang tegar, saya juga ingin mencadangkan pihak kerajaan negeri mengkaji sama ada kita boleh melaksanakan satu mekanisme di mana kalau mereka mempunyai tunggakan yuran penyelenggaraan yang cukup tinggi, mereka mungkin akan menghadapi satu kemungkinan di mana bekalan air mereka dipotong sementara. Adalah tidak dinafikan bahawa isu pengurusan bangunan berpetak ini merupakan satu cabaran yang cukup besar memandangkan *trend* pembangunan di Pulau Pinang ini sentiasa bertemakan bangunan yang bertingkat. Dengan ini saya mengakhiri perbincangan saya dengan ucapan ribuan terima kasih. Saya pohon menyokong.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Y.B. Tuan Speaker

Y.B. Tuan Speaker:

Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Dia kena tender dulu. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera, selamat petang. Y.B. Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Pertama sekali saya ucapkan terima kasih di atas

kesempatan yang diberikan untuk saya juga turut membahaskan ucapan yang telah pun disampaikan oleh Tuan Yang Terutama semasa hari perasmian yang berkenaan. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas pelantikan bagi penggal yang berikutnya sebagai Yang di-Pertua Negeri dan juga setinggi-tinggi tahniah kepada Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru dilantik baru-baru ini.

Y.B. Tuan Speaker, merujuk kepada ucapan Tuan Yang Terutama Tun banyak menegaskan kepada pembangunan insan, pembangunan infrastruktur walaupun ianya adalah merupakan satu ucapan yang menegaskan perancangan-perancangan yang telah pun dibincangkan sejak daripada Persidangan Dewan bagi sesi pada tahun ini. Saya ingin menyentuh kepada beberapa isu untuk diambil perhatian oleh pihak kerajaan negeri. Yang pertama sekali ialah berkenaan dengan isu pemilikan tanah. Saya difahamkan bahawa semua tanah-tanah yang di *acquire* oleh kerajaan negeri atau agensi-agensi pemohon, bahawa tanah-tanah yang selesai diambil alih hanya dibolehkan didaftar di bawah State Secretary Incorporated atau pun SSI. Jadi oleh yang demikian, saya membuat satu persoalan pertanyaan secara bertulis bagi mendapatkan penjelasan secara rasmi daripada pihak kerajaan negeri bagi isu tanah-tanah yang diambil untuk tujuan hal ehwal Agama Islam. Jadi jawapan yang telah saya peroleh daripada pihak Y.A.B. Ketua Menteri maka jawapan tersebut telah menjelaskan bahawa "kerajaan negeri telah mensyaratkan supaya semua tanah-tanah yang diambil dengan menggunakan peruntukan kerajaan negeri diletakkan di bawah nama State Secretary Incorporated atau SSI termasuklah tanah-tanah yang digunakan untuk tujuan pembangunan hal ehwal Agama Islam." Jadi timbul satu isu, sebelum ini semasa Kerajaan Barisan Nasional kita telah pun membenarkan setiap pengambilan tanah oleh kerajaan negeri bagi maksud pembangunan Islam maka tanah ini hendaklah diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang seperti tanah-tanah yang diambil untuk tujuan pembinaan masjid, sekolah agama, tanah perkuburan dan lain-lain lagi tujuan untuk kegunaan hal ehwal Agama Islam. Saya melihat di sini ada sedikit percanggahan antara apa yang terkandung dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 2004 Seksyen 89 yang menyebut walau apa pun, apa-apa peruntukan yang berlawanan, yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau pun perisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal iaitu :

- (a) Semua wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas
- (b) Semua nazar am dan segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan Agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut hukum syarak setakat apa-apa harta yang tersentuh oleh wakaf nazar am atau pun amanah itu dan terletak di dalam Negeri Pulau Pinang.

Bagi seksyen 89 ini menjelaskan kepada kita bahawa setiap tanah yang kita ambil bagi tujuan pembangunan wakaf dan sebagainya dan suka saya maklumkan di sini bahawa untuk tujuan pengambilan masjid, tanah perkuburan, sekolah agama rakyat dan sebagainya kesemuanya ini adalah akan menjadi wakaf. Jadi oleh yang demikian adalah sewajarnya tanah-tanah yang diambil bagi maksud-maksud tersebut hendaklah diserahkan kepada Majlis Agama Islam mengikut Seksyen 89 tadi didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam sebagai pemegang amanah tunggal. Jadi saya mohon supaya pihak kerajaan negeri mempertimbangkan dan juga mengambil perhatian tentang kedudukan seksyen 89 di dalam Enakmen Pentadbiran Agama

Islam Negeri Pulau Pinang seterusnya mengecualikan syarat peletakan hak di bawah SSI bagi semua tanah-tanah pengambilan kerajaan negeri yang mana membawa maksud untuk pembangunan hal ehwal Agama Islam bermakna di sini bahawa kita perlu meletakkan nama bagi pengambilan tanah-tanah ini kepada Majlis Agama Islam sebagai wakaf dan ia tidak akan dapat digunakan untuk apa-apa tujuan selain daripada apa yang dimaksudkan oleh wakaf atau *deed* yang disediakan tadi. Oleh yang demikian, sebagai kesimpulan bagi isu yang pertama ini pihak kerajaan negeri diharapkan atau pun diminta supaya mengembalikan hak tanah-tanah wakaf yang didaftarkan ini kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Yang kedua, Y.B. Tuan Speaker, saya ingin menyentuh sedikit atau pun untuk mendapatkan sedikit penjelasan daripada Y.A.B. Ketua Menteri. Dulu semasa Y.A.B. Ketua Menteri menjawat jawatan sebagai Ketua Menteri, Y.A.B. Ketua Menteri telah pun menyebutkan di dalam media bahawa beliau tidak akan menduduki rumah rasmi kerajaan negeri di atas alasan ingin menjimatkan wang rakyat atau wang kerajaan negeri tetapi pada 21 Jun 2008, Y.A.B. Ketua Menteri telah pun masuk dan mendiami rumah kerajaan Seri Teratai. Saya tidak kisah, memang itu hak Y.A.B. Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Peraturan Y.B. Tuan Speaker, Peraturan Y.B. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Peraturan pasal apa pula dah

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Peraturan Y.B. Tuan Speaker, kita kacau dia, peraturan dulu. kita minta Y.B. Tuan Speaker buat *ruling*. Y.B. Tuan Speaker, saya percaya perkara ini telah dibangkitkan dalam perbahasan sesi lama dan memang terdapat di dalam handsard kita pun telah lalui dan perkara itu pun telah dibahaskan. Di dalam perkara 46(7) jika sekiranya di dalam satu perbahasan itu cuba menimbulkan semula sesuatu perkara yang telah pun diputuskan di Dewan dalam tempoh 6 bulan yang lepas maka ini adalah perbuatan yang melanggar peraturan. Semua kita tahu bahawa isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang sama.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

46 (8) bukan 46 (7)

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Ya, 46 (8) ya minta maaf, terima kasih, terima kasih untuk memperbetulkan. Jadi saya rasa perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang sama jadi kenapakah perkara ini dibangkitkan? Adakah niat yang tersurat dan tersirat untuk mempolitikkan isu ini? Kita pun tahu Ketua Menteri telah masuk dah(gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Saya minta Yang Berhormat duduk, kita minta Permatang Berangan untuk jelaskan. Dia belum habis lagi.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, saya tidak tahulah kalau boleh tolong tunjukkan handsard itu. Saya cuma ingin minta kepastian bahawa pendirian yang disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dahulu kata tidak mahu membazirkan dan surat khabar memberikan liputan yang cukup meluas tentang satu pendirian Ketua Menteri yang berjiwa rakyat tetapi persoalannya perbelanjaan sebanyak RM122,603.03 telah dibelanjakan dan tidakkah ini merupakan satu pembaziran sedangkan dalam jawapan ini menyebutkan bahawa kediaman tersebut berada dalam keadaan baik namun terdapat kerja-kerja tambahan kerana sebab Y.A.B. Ketua Menteri hendak menghuni rumah tersebut. Kalau Y.A.B. Ketua Menteri tidak menghuni rumah tersebut, keadaan rumah tersebut berada dalam keadaan baik. Saya tidak pertikai pun, dan tidak salah pun cuma saya terkilan sikit kerana dahulu Ketua Menteri menyebutkan bahawa dia tidak mahu menggunakan atau membazirkan wang rakyat dengan menduduki rumah tersebut dan rela beliau duduk di rumah keluarganya sendiri sebuah rumah kedai dan mendapat satu liputan. Tidakkah itu satu perkara yang pada saya bercanggah dengan prinsip CAT tersebut, tapi yang ingin saya timbulkan dan kalau katakan perkara tersebut setelah ditanya dan tak boleh ditanya lagi sebagainya kenapa saya bertanya dalam soalan bertulis apa kenapa dijawab?.

Sepatutnya jawab pada saya kata soalan ini telah ditanya dan telah dijelaskan terlebih dahulu dan tidak dibenarkan diulang balik. Tapi saya mendapat jawapan secara rasmi daripada Yang Berhormat yang menjawab daripada pihak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, jadi saya tak tahu dan saya tak boleh menerima kata saya tak boleh menerima semula sebab apa yang saya bertanya dijawab dan saya ingin mendapatkan satu penjelasan dari segi sikap. Itu sahaja jadi saya perlukan..

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan sikit. Saya juga ingin mendapatkan daripada Yang Berhormat kerana saya dapati bahawa Ketua Menteri dibayar elaun rumah anggota pentadbiran RM4,000 sebulan adakah beliau masih dapat sedangkan beliau telah memasuki kuarters kerajaan atau rumah kerajaan. Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Yang itu kena tanya. Y.B. Tuan Speaker, saya berhenti isu ini setakat ini dan saya minta benda ini diperjelaskan dari segi pendirian dan sikapnya persoalan ini adalah persoalan sikap dan bukan dari segi hak. Yang ketiga saya ingin membangkitkan satu isu iaitu berkenaan dengan masalah pencemaran najis babi atau najis khinzir di Kampung Selamat. Persoalan saya najis babi ini atau isu najis babi ini di Kampung Selamat sehingga mengalir ke kawasan-kawasan pertanian di Tasek Gelugor di kawasan Seberang Perai Utara.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Thanasekharan a/l Autherapady):

Minta laluan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Silakan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Thanasekharan a/l Autherapady):

Terima kasih. Tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang persoalan sikap jadi pukul 1.30 petang tadi saya ada melawat di kawasan saya ini mengenai isu sikaplah. Pokok telah jatuh terbelah dua sebab angin kuat bahagian pokok sebahagian pokok dimakan oleh anai-anai jadi yang tumbang itu atas dawai TNB dan Y.B. Speaker boleh tengok pendawaian ini, TNB sudah masuk sebagai *exhibit* A dalam handsard dia masuk dia potong dan masukkan ke dalam balik pacak tiang dia dan dia balik.

Bomba datang, cerdik ini pegawai kita dia kata yang ada dahan atas rumah dia potong. Habis dia balik. JKR datang, JKR kata ini bukan kawasan kita ini tanah milik PDRM balik. Lepas itu MPPP datang dia kata kena dapat kelulusan daripada penghulu dulu baru kita bincang. Pokok kat depan itu saya balik dari tempat itu tak akan pegawai-pegawai kerajaan prihatinlah sikit. Pokok jatuh mengganggu halangan jalanan saya baru balik dari sana penduduk merungut tadi jika bomba pun yang datang semua pegawai-pegawai...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Yang Berhormat itu sikap lain pula kita buat

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Batu Uban sepatutnya minta penjelasan tentang apa yang dibahaskan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Thanasekharan a/l Autherapady):

Saya minta penjelasan mengenai sikap kerajaan macam ini. Bagaimana kita nak atasi? Saya minta kerjasamalah terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, itu saya no komen itu sikap lain sikit dengan sikap yang kita bincangkan tadi ya. Mungkin semasa tak apalah bagi peluang kerana dia bawa benda itu susah. Yang Berhormat Speaker dan Ahli-ahli Dewan saya ingin menyentuh sekali lagi saya ulang isu pencemaran najis khinzir atau najis babi di kawasan penternakan khinzir di Kampung Tasek Gelugor, Kampung Selamat di mana saya telah pun menyoal perkara ini secara soalan bertulis saya telah mendapat jawapan daripada pihak ahli bertanggungjawab maka kita sudah faham dan tahu bahawa isu pencemaran najis babi di Kampung Selamat ini sudah berlarutan begitu lama sejak pada dulu sampailah hari ini dan dalam penjelasan yang saya dapati salah satu daripada jawapan ini tak perlulah ulasan daripada Jabatan Pertanian sendiri.

Mengikut Jabatan Pertanian kesan daripada aktiviti penternakan khinzir di Kampung Selamat telah mencemarkan Sungai Kerih di Daerah Seberang Perai Utara akibatnya kawasan tanaman padi di dalam skim Pokok Tampang, skim Sungai Kerih mendapati 20 hingga 30 peratus daripada keseluruhan kawasan skim Pokok Tampang dan skim Sungai Kerih di tanah seluas 396 hektar tercemar dan memberi kesan ekonomi dan kerugian kepada pesawah dan sudah pasti kerugian ini juga merugikan kerajaan Negeri Pulau Pinang atau rakyat Negeri Pulau Pinang.

Kesan daripada aktiviti penternakan khinzir ini juga mengakibatkan kandungan nitrogen dalam tanah melebihi kandungan kepada keperluan tanaman padi yang menyebabkan pengurangan hasil di antara 10 hingga 20 peratus daripada potensi padi di kawasan tersebut. Ini adalah penjelasan perakuan daripada Jabatan Pertanian. Yang kedua, saya cuba mendapatkan pandangan ini dari sudut keagamaan kerana pencemaran najis khinzir ada berkaitan dengan isu-isu keagamaan dan isu syarak. Oleh yang demikian pihak Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberikan satu pandangannya daripada hasil siasatan dan pemantauan yang telah dijalankan. Pihak Mufti mendapati laluan air najis khinzir dari kawasan Kampung Selamat telah memasuki kawasan Sungai Kerih dan bercampur dengan air sungai tersebut sebelum dipamkan untuk kegunaan sawah di sekitar Kampung Air Melintas Kecil, Kampung Tok Bedu, Kampung Pokok Tampang, Tasek Gelugor Seberang Perai Utara. Air ini telah bercampur ia ada ketikanya bila air musim hujan air itu banyak dan ia bercampur lalu tak nampak sangat kesan hasilnya. Kesan impak negatif, tetapi bila air mula kering ataupun bila hujan tidak ada maka pembuangan najis-najis ini masuk semula ke dalam sungai-sungai disebutkan tadi dan menyebabkan air sungai menjadi kurang dan air yang kurang menjadikan air tersebut bertukar menjadi kehitaman bercampur air najis khinzir maka keadaan ini air itu tidak lagi menjadi suci. Dalam hukum Islam apabila air sungai yang berkenaan cetek sedikit dan bercampur pula dengan najis khinzir tadi lalu air mengalir masuk ke dalam kawasan-kawasan sawah padi dari segi agamanya dari segi syariatnya dia merupakan najis berat.

Maksud najis berat ialah najis yang menyebabkan seorang Muslim yang menjadi petani, pengusaha dan penanaman sawah padi dan sebagainya di situ menjadikan dirinya dia kena menyucikan dirinya kes berat tadi itu yang kita panggil menyamak dan sebagainya adalah merupakan satu perkara yang cukup payah nak dilakukan dengan kaedah-kaedahnya dan bayangkan kalau setiap hari petani ini waktu 7.00 pagi turun ke sawah, pukul 12.00 dia balik solat zohor samak badan dia lepas itu pukul 2.00 petang dia turun semula untuk mengerjakan sawah. Pukul 5.00 dia balik dia nak sembahyang asar dia kena samak lagi begitulah hari-hari selain daripada dia terdedah kepada penyakit. Dan apa pun bagi seorang Islam isu pencemaran najis khinzir ini adalah merupakan satu isu yang cukup-cukup sensitif dan selalu kita menjaga hubungan antara kaum dan sebagainya melalui faktor-faktor sebegini sebab itu kita sama-sama cukup ambil berat cukup hati-hati. Kita melihat pemimpin-pemimpin kita dari kalangan bukan Melayu pun cukup berhati-hati dan menjaga supaya isu-isu khinzir menjadi sebab kepada perselisihan dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya mohon kepada pihak kerajaan negeri supaya melihat isu pencemaran najis khinzir di sawah-sawah padi bagi kawasan-kawasan yang disebutkan tadi dapat diatasi dengan segera dan dengan sempurna kerana sekarang saya telah kemukakan dua pembuktian hujah iaitu yang pertama ialah pandangan daripada Jabatan Pertanian itu sendiri yang menunjukkan bahawa kerugian itu yang ditanggung begitu besar oleh industri pertanian kita dan menjejaskan pendapatan para petani. Dan yang kedua isu dari segi agama sendiri pihak Jabatan Mufti sendiri telah memberikan pandangannya perkara ini perlu diselesaikan dengan cekap dan diselesaikan dengan kadar segera.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd Hamdan bin Abd. Rahman):

Penjelasan sikit boleh? Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya bersetuju apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Permatang Berangan ini iaitu mengenai khinzir ini tetapi sedar Yang Berhormat persoalan isu najis khinzir ini atau babi ini adalah isu yang sudah lama daripada Kerajaan Barisan Nasional lagi.

Saya beberapa kali bawa perkara ini dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan isu ini supaya kerajaan dulu dapat saya pernah mencadangkan supaya

kerajaan negeri pada ketika itu menuruti suatu peraturan ataupun satu akta yang telah dibuat oleh Kerajaan Pusat yang dipanggil sebagai *feed funding area* itu adalah peraturan yang diadakan oleh Kerajaan Pusat. Tetapi kerajaan negeri pada ketika itu walaupun ada sebidang tanah walaupun sudah ada sebidang tanah di sebelah Nibong Tebal sana di Seberang Perai Selatan tetapi dia tak buat. Ini persoalan lama saya setuju itu tapi ini persoalan yang lama jadi saya bersetujulah dah beritahu baru nak buat tidak boleh kata kerajaan baru ambil setahun. Sebab ia sudah larut ia sudah larut lama sepatutnya lama telah selesaikan. Sekian.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih di atas sokongan Y.B. Permatang Pasir terhadap isu itu.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan. Senang saja kerajaan lama tak buat jadi kami pun tak payah buat. Itulah maksudnya. Saya baru nak mula bercakap. Masa kerajaan dulu sedar tak Yang Berhormat dia sudah pun membuat perancangan untuk mengadakan Ladang Khinzir tertutup dengan *zero discharge* tidak ada air yang keluar dari kawasan itu. Itu yang nak dibuat dan hampir nak dilaksanakan tiba-tiba kerajaan baru ambil alih tak buat apalah ada usaha yang diambil. Ada usaha yang di ambil.

Yang Berhormat *you* bercakap orang tak faham. Dengar orang bercakap. Kemudian sekarang ini perkara yang dibangkitkan apakah perancangan yang nak dilaksanakan oleh kerajaan negeri ini? Itu sahaja bukan cerita fasal lama. Betul ke? Apa yang nak dibuat? Kalau dulu di *zero discharge* dan akan dilaksanakan tiba-tiba tidak dapat dilaksanakan. Sekarang ini apakah dalam rancangan ini?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Cukup, cukup masa saya pendek sahaja, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Permatang Pauh yang turut menyokong cadangan ini dan saya bersetuju dengan Y.B. Penaga bahawa sebenarnya usaha ini bukan tak pernah dibuat dan usaha sebagaimana dijelaskan tadi ini adalah usaha yang berterusan usaha yang perlu dilakukan menanganinya secara berhemah sebab itu saya rasa apa yang kerajaan kita sama ada PKR atau Barisan Nasional tetapi saya rasa kita menyelesaikan masalah isu penternakan khinzir di Pulau Pinang ini cukup berhemah dalam keadaan masing-masing menghormati kepentingan masing-masing.

Jadi sebab itu isu penternakan khinzir di Pulau Pinang walaupun dibangkitkan setiap kali dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri dia tidak mencetuskan polemik sehingga menyebabkan kita menjadikan ianya isu perkauman. Itu satu benda yang kita perlu *we have to appreciate* ...(dengan izin). Kita perlu terima jadi dalam pada hari ini yang saya berikan saya kemukakan ialah rakyat dalam kawasan saya jadi masalah isu pencemaran najis khinzir ini belum dapat kita selesaikan. Dan kita juga jangan nafikan bahawa pihak kerajaan negeri dulu dan sekarang, dan melalui jawapan yang saya terima memang ada langkah-langkah yang dibuat termasuk pengawalan BOD dan sebagainya.

Jadi usaha ini memang sedang dijalankan oleh semua orang baik dulu baik sekarang baik kerajaan dulu baik kerajaan sekarang yang itu tidak menjadi masalah. Yang menjadi masalah sekarang ialah kita mesti meneruskan lagi usaha ini dan saya ingin mendapatkan satu penjelasan yang lebih konkrit daripada kerajaan negeri,

apakah cara dan kaedah supaya kita boleh menyelesaikan masalah ini. Sebab

masalah bukan mesti selesai dalam satu tempoh masa singkat tetapi mungkin mengambil masa sebab itu dia tarik masa yang agak panjang untuk selesaikan masalah ini kerana kita hendak selesai secara baik. Jadi sekarang ini saya minta kalau boleh kerajaan negeri menjawab, mengemukakan apakah perancangan yang lebih efektif? Kalau dulu kita kata akan di antara peranan yang telah kita mainkan dengan mengemukakan kaedah-kaedah pengawalan air pelepasan ladang khinzir tidak melebihi VOD 50 e.p.m. itu kita buat tetapi masalah masih lagi berlaku. Jadi apakah kita tidak ada perancangan lain untuk mengatasi masalah tersebut. Itu saja persoalan dia kerana mengambil kira sensitiviti dan juga mengambil kira pengurangan hasil yang berlaku akibat daripada pencemaran tersebut. Jadi saya berpandangan bahawa isu ini difahami oleh pihak kerajaan negeri dan saya menunggu jawapan pada hari penggulangan nanti.

Isu yang keempat ialah berkenaan dengan isu perumahan awam kos rendah PAKR bagi Kampung Besar Tasek Gelugor dan Padang Chempedak Tasek Gelugor. Kedua-duanya adalah dalam kawasan saya di mana di Kampung Besar sebanyak 429 unit rumah kos rendah telah dibina dan di Padang Chempedak ialah 435 unit. Saya ucapkan terima kasih di atas ucapan Tuan Yang Terutama Tun yang telah menyebutkan bahawa kerajaan negeri sedang bersungguh-sungguh untuk merealisasikan satu dasar satu keluarga satu rumah tapi kita perlu fikir dan kita perlu renung kembali sejauh mana dasar ini boleh ataupun berjaya memberikan rumah kepada rakyat Negeri Pulau Pinang sedangkan rumah di Kampung Besar, Padang Chempedak yang telah memperoleh OC pada 27 Jun 2008 sehingga hari ini tidak diduduki. Hampir setahun rumah tadi memperoleh OC dan sekarang ini kalau kita pergi melihat keadaan fizikal rumah tersebut amat-amat menyedihkan. Lantainya sudah pecah, bumbungnya juga sudah pecah, dikelilingi dengan lalang dan juga belukar. Tingkap serta jerak tingkap dicuri dan penutup-penutup longkang sudah tidak ada. Keadaan tidak selesa tidak selamat. Saya difahamkan jawapan yang saya minta saya diberikan penjelasan bahawa hari ini penduduk tidak dapat masuk kerana isu bayaran. Bayaran daripada pembeli ada isu kata pembeli tidak dapat pinjaman. Ada yang mengatakan isu pembeli tidak menjelaskan pembayaran kepada kerajaan negeri. Apa juga isu pada hari ini kerajaan negeri sekarang adalah bertanggungjawab untuk menjadikan perumahan awam kos rendah Kampung Besar dan Padang Chempedak ini sebagai satu tempat yang baik dan selesa untuk dihuni oleh rakyat Negeri Pulau Pinang. Apa juga tindakan perlu dibuat dengan segera kerana sudah hampir setahun rumah itu kosong. Rumah itu tidak dihuni dan amat-amat menakutkan kalau hendak dihuni kerana dengan semak-samun yang timbul mungkin ada ular, binatang-binatang yang berbisa dan sebagainya.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Y.B. Permatang Berangan saya beri dua minit lagi untuk membuat kesimpulan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Haji Yahaya):

Sikit saja lagi. Ini isu rakyat. Jadi, saya minta kerajaan negeri isu ini juga sebenarnya saya timbulkan pada sesi yang lepas tapi oleh kerana tidak ada langsung pergerakan pencapaian maka saya timbulkan lagi sekali dan saya harap perkara ini tidak akan ditimbulkan lagi sekali empat bulan yang akan datang. Jadi saya minta tolong kepada ahli yang berkenaan untuk mencari jalan dan menjelaskan kepada kita. Jangan lagi menjelaskan tentang isu masalah bayaran dan sebagainya kerajaan negeri patut memikirkan apakah kaedah dan konsep dan mungkin kalau boleh saya

cadangkan kalau bukan untuk isu Padang Chempedak dan Kampung Besar tetapi

untuk isu-isu yang akan datang boleh kalau kerajaan negeri melancarkan atau menubuhkan tabung pembelian rumah kos rendah. Maknanya bagi rakyat yang rasa bahawa dia adalah pembeli rumah kos rendah maka mereka boleh menabung daripada skim yang dibuat oleh kerajaan negeri dan apabila ingin membeli rumah tersebut maka boleh digunakan sumber tabungan itu untuk terus membuat pembelian dan tidak lagi berkait dengan masalah karenah perbankan dan sebagainya. Itu cadangan dan boleh dipertimbangkan sama ada sesuai atau tidak.

Y.B. Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang saya hormati sekalian, saya juga hendak membangkitkan satu isu berkenaan dengan poster ini kecil saja. Poster ahli-ahli Dewan Undangan Negeri kita sudah ada atau belum? Sudah setahun, sampai sekarang sebenarnya saya hendak katakan, *truly speaking* hendak kata kita pun bukan kenal habis semua kawan-kawan dalam Dewan Undangan Negeri ini. Kita tidak kenal, kita kenal empat bulan sekali selepas itu balik lupa tapi kalau ada poster itu balik kita boleh tengok balik, ini ADUN Kawasan ini, boleh kita berhubung. Rindu juga tidak dengar *once of order* pun, rindu juga. Saya memang tertunggu-tunggu tiap kali empat bulan memang hendak dengar *once of order* ini satu yang unik bagi sesi ini. Jadi, saya minta kalau boleh poster ADUN ini dikeluarkan cepat dan hanya kedua pelan kedudukan ahli dewan ini kalau boleh dibekalkan kepada semua ADUN, kepada kita satu pelan jadi senang kita ini hendak tengok bukan nampak pun jauh. Hendak baca pula itu jadi kalau boleh ada pelan ini senang kita berurusan. Ini untuk tujuan pemantapan Dewan.

Akhir sekali, saya hendak menyentuh tentang satu isu dan hendak mendapatkan penjelasan tentang daripada Y.A.B. Ketua Menteri berkenaan dengan Kedudukan Tabung Modal Pusingan Peniaga dan Penjaja Kecil Pulau Pinang. Jadi, kita difahamkan melalui satu laporan akhbar bertarikh 8 April yang menyatakan bahawa PDC didakwa membekukan Tabung Dana Pusingan Modal Peniaga. Jadi, Tabung Dana Pusingan Modal Peniaga ini telah pun disebut dan dibentangkan di dalam bajet 2009 oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan peruntukan untuk tabung tersebut ialah sebanyak RM500,000.00 dan bantuan akan diberikan dalam bentuk pinjaman dengan jumlah maksimum sebanyak RM10,000.00 seorang yang layak tapi tabung atau dana ini telah dibekukan dan kita minta perkara ini dijelaskan. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, kerana saya membenarkan saya untuk mengambil bahagian bagi pihak rakyat Jawi pada petang ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Kerajaan dengan rakyat lain.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Ha! Apalah, kerajaan Jawi.....(gangguan). Saya mengambil kesempatan di sini bagi pihak rakyat Jawi untuk mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun kerana di bawah payung naungannya Negeri Pulau Pinang

telah pun semakin makmur dan maju jaya. Saya juga ingin mengucapkan tahniah

kepada setiausaha baru kita iaitu Dato' Zainal kerana dilantik secara rasminya semalam. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan negeri di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri kita kerana telah pun berjaya meletakkan hala tuju dan matlamat perjuangan rakyat pada landasan pembangunan yang betul dan tepat menerusi prinsip pegangannya iaitu CAT. Rakyat Jawi juga rasa penuh dengan keyakinan dan bangga dengan pentadbiran dan pengurusan kerajaan baru kerana menekankan pembangunan demi untuk kesejahteraan rakyat tanpa mengira fahaman politik kaum agama dan jantina. Bukan seperti macam BN. Apa yang lebih membanggakan kami adalah wawasan kerajaan untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa dan disukai ramai. Hari ini kemiskinan tegar dalam kawasan Jawi boleh dikatakan telah pun hampir selesai yang ada cuma tinggal sisa bakinya sahaja. Saya yakin tidak lama lagi ia pastinya.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Mohon laluan untuk penjelasan

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Boleh, silakan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Y.B. Tuan Speaker saya ingin mendapatkan penjelasan sahabat saya Jawi mengatakan dari segi pentadbiran Pakatan Rakyat ini tidak kira siapa tidak kira ahli cuma saya hendak tanya jumlah senarai miskin tegar yang diberikan berapa orang ahli UMNO, MIC, MCA, Gerakan dan Parti Keadilan. Hendak tunjuk kata tidak kira fahaman politik.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Y.B. Tuan Speaker, saya rasa Y.B. Sungai Aceh ini hanya tahu parti sangat. Dalam otak hanya parti sangat. Apa yang penting sekali kita kena selesaikan masalah miskin tegar.....(gangguan) mengikut jadual berkala kita bukan mengikut bilangan bukan parti UMNO, ini untuk you punya pemikiran? Apa-apa hendak sebut, Y.B. Sungai Aceh silakan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Dia sebut tadi berjaya menyelesaikan miskin tegar di Jawi. So berapa dia kira tadi dia tidak kira jumlahnya, tidak kira soal politik, semua dia tidak kira. So saya minta UMNO berapa, MIC berapa, MCA berapa? Saya minta hendak tahu terima kasih Y.B. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Saya rasa Y.B. Sungai Aceh kena ubah dia punya fikiran pasal apa dia punya pemikiran itu tidak melihat lebih luas, dia kena lihat lebih luas ke hadapan. Jangan lihat parti UMNO, parti MCA, parti DAP. Kita cuba kalau boleh bantu rakyat Malaysia.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Ya silakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya tidak mahu cakap tentang parti saya cuma hendak minta penjelasan. Dalam KADUN Jawi berapa banyak miskin tegar telah dikenal pasti. Berapa orang? Y.B. kata tadi sudah selesai. Berapa ramai yang telah diselesaikan? Y.B. sudah berapa kali sudah masuk KADUN Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Terima kasih Y.B. Sungai Dua saya rasa Y.B. Sungai Dua dia biasa tidak buat kerja dia tidur pejabat saja. Dia kena faham apa, kalau tidak selesai. Perkara ini bukan sehari dua kita boleh selesaikan. Kalau tidak selesaikan masalah ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Nanti.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya ingat Y.B. ini tidak faham soalan. Kalau Y.B. tidak faham soalan jawab tidak faham soalan ini tidak. Saya tanya soalan yang mudah Y.B. Speaker dia kata saya tidak faham. Saya tidak tahu soalan macam mana saya hendak bagi lagi. Berapa ramai dalam ADUN Y.B. Jawi ini yang miskin tegar. Berapa ramai yang telah beri bantuan. Saya tanya itu saja. Itu pun tidak faham *you* tidak masuk jawi kot?

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Sebenarnya saya baru hendak masuk jawapannya. Kena dengarlah saya ingat Y.B. Sungai Dua sudah tua. Baru-baru ini kita cuma bagi bantuan lima orang saja.... (gangguan) Nanti, yang sebelum ini apa sebab kita *recommend* banyak sekali, boleh kata sebulan, tiap-tiap kali apa sebulan lebih dari 300 buat permohonan mengenai bantu kepada orang miskin. Jadi apa cara kita buat kerja saya rasa Y.B. Sungai Dua kena belajar sikit.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Tuan Speaker, tidak akan baru lima orang sudah selesai miskin tegar? Ini cakap apa ini. Tidak akan dalam Jawi ada lima orang saja miskin tegar. Saya ingat Y.B. Jawi ini tidak buat kerja kot? Dia merapu dari tadi. Soalan senang pun tidak boleh jawab. *You* tolong nasihat dia.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Minta kebenaran dulu, nanti saya jawab, habis saya jawab, sebenarnya benda ini rancang sejak kita pegang jawatan lagi, kita bukan kerja waktu, hujung, hujung nak umum masa itu masa boleh nak selesai kalau macam itu kita yang apa kita buat bulan

ke bulan bukan hendak buat cara mulut sahaja, ok saya teruskan perbahasan saya nanti dulu, apa banyak cakap banyak sangat...(ketawa), nanti minta kebenaran (ketawa).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi b. Haji Yahaya):

Y.B. Tuan Speaker, mungkin saya salah dengar Y.B. Tuan Speaker, Y.B. Jawi kata miskin tegar belum selesai lagi, tapi Y.A.B. Ketua Menteri kata telah selesai. Ini macam mana ini, yang mana satu mahu pakai.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Sebenarnya hampir selesai.....(ketawa) yang ada cuma tinggal saki baki, saya ingat Y.B. Sungai Dua kena belajar sedikit belajar bahasa Malaysia, bukan bahasa kampung..... (ketawa) saya teruskan ucapan saya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta penjelasan, sikit punya *you* baik punya, ini bermakna yang kerajaan Y.A.B. Ketua Menteri mengumumkan bahawa miskin tegar, negeri pertama di Pulau Pinang telah hapus sama sekali, tidak betullah, pasal Y.B. Jawi mengaku hampir selesai, masih ada lagilah, mana dia, ada saki baki lagi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Habis, habis saya hendak teruskan ucapan saya. Saya punya ucapan seterusnya, yang ada cuma saki baki sahaja. Saya yakin tidak berapa lama lagi yang pasti dapat dihapuskan dengan sepenuhnya tapi Y.B. Sungai Dua dengar orang cakap dia mencelah masuk, saya terkejut, okey. Kerana kerajaan kita bukan sahaja bagi ikan malahan kerajaan juga memberi jala kepada orang miskin tegar untuk supaya hidup lebih berdikari.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud b. Zakaria):

Berapa banyak jala yang telah diberikan kepada miskin tegar ini tadi, terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Jala yang dimaksudkan buka peluang kepada orang miskin tegar, jangan salah faham soalan, ini satu peribahasa okey. Y.B. Tuan Speaker, tidak lama juga saya rakyat Jawi juga berpeluang kemudahan WiFi, kemudahan WiFi itu BN pernah ada sediakan, saya ingat tiada, tidak biasa, penggunaan WiFi bukan kena duit tapi percuma tau kerana bekalan WiFi tidak pernah dengar, tidak bagus kah, ini telah pun jelas menunjukkan bahawa kerajaan kita adalah sebuah kerajaan yang sebenar-benar berjiwa rakyat. Kerajaan berjiwa rakyat ini bermakna kita cakap tapi ada buat bukan cakap tak serupa buat seperti apa yang BN buat... (ketawa). Ahli-Ahli Yang Berhormat ok, sebelum sidang ini bermula lagi, ramai rakyat di Jawi sering kali mengingatkan saya supaya jangan lupa mengingatkan saya salam kasih sayang dan terima kasih mereka kepada kerajaan yang mereka percayai dan kasihi, apalah "ho ho ho".... (ketawa) okey, saya teruskan kerana telah pun berjaya menyelesaikan berbagai masalah telah pun dihadapi oleh mereka seperti penghapusan bau khinzir, bau tahi

khinzir, Y.B. Sungai Acheh ada bau kah di Jawi sana, ada lagi kah, saya ingat bau kentut Y.B. Sungai Acheh sahaja..... (ketawa), saya ingat benda ini sudah selesai, pagi tadi juga saya cuba siasat kawasan itu, memang tidak ada bau lagi, cium kita terlalu dekat ..

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Barangkali Yang Berhormat hidung Y.B. Jawi ada masalah agaknya.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-Ahli Yang Berhormat kurangkan gangguan kepada Y.B. Jawi, masa sudah hampir cukup.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Saya harap di tol Jawi dengan sepenuhnya. Okey pemberian bantuan wang air sebanyak RM100 melalui PBA sedikit sebanyak telah pun mengurangkan beban bagi kebanyakan keluarga miskin di Jawi. Kerana dalam musim kegawatan ini kehidupan rakyat di seluruh Jawi mahu pun di seluruh negara adalah bagaikan hidup segan, mati tidak mahu sahaja. Dengan adanya bantuan yang sedikit mana pun yang sudah pastinya telah melegakan hidup mereka dan tertekan akibat dari sara urusan dan sara tadbir oleh Kerajaan Pusat. Secara tidak langsungnya juga tindakan ini telah pun dapat memimpin untuk melepasi saat-saat genting yang dihadapi oleh mereka.

Y.B. Tuan Speaker, ada beberapa isu yang agak kritikal yang ingin saya kemukakan pada petang ini, perkara-perkara yang saya maksudkan mengenai masalah-masalah banjir yang terjadi dan berterusan di tebing Sungai Jawi dan masalah kerosakan jalan kampung yang begitu terus sekali di kawasan KADUN Jawi. Sebagaimana yang telah kita sedia maklum pada tanggal 29 September yang lalu kebanyakan penduduk yang tinggal seperti tebing Sungai Jawi, kawasan sekitar persimpangan Caunter Hall, Jalan Perak, SPU dalam negeri telah mengalami banjir kilat yang menakutkan, apa pasal benda ini terjadi, saya tidak faham 50 tahun BN memerintah negara kita sampai hari masalah macam ini pun masih terjadi jadi lagi, apa yang saya nampak dalam kejadian banjir tebing Sungai Jawi. Air bukit turun dengan melimpah-limpah daripada banjaran ladang yang berhampiran, saya tidak faham Ketua Pembangkang mana dulu dia EXCO kenapa ...(ketawa) dalam sekelip mata sahaja air bukit turun di kawasan kediaman sekitar kampung saya, macam Kampung situ, Kampung Bagan Buaya, Titi Hitam orang sana tidak tahu, *you* tidak kasihan orang kampung, *you* hendak jadi wakil rakyat, saya hairan juga boleh tenggelam sekejap saja. Jadi boleh kata penghuni-penghuni yang di kampung sana saya tidak tak tahu terpaksa di kawasan penempatan banjir. Apa yang lebih menyulitkan saya pada masa itu ialah kaum Muslim tinggal di Kampung Citu dan Titi Hitam dan Bagan Buaya terpaksa berhari raya dalam keadaan basah kuyup dan menumpang terdapat juga sebahagian besar menumpang raya dekat rumah sanak saudara.

Ini adalah suatu agak sengsara yang telah pun ditinggalkan oleh Ketua Pembangkang kita Ahli EXCO bahagian saliran. Masalah ini bukan saja berterusan malahan saya pun ada nampak kesan-kesan bahaya, yang mungkin boleh mengancam nyawa manusia kita saya tidak faham kenapa BN masalah ini berlarutan sampai hari ini tidak selesai. Sebagai kerajaan baru saya memang merayu kepada

kerajaan baru untuk mengambil perhatian yang serius terhadap masalah ini kita takut manusia terkorban akibat daripada ancaman air bah yang turun dari bukit banjaran itu. Pada waktu itu juga saya ada bersama dengan Y.B. Bukit Tambun, Ahli EXCO yang baru buat siasatan terhadap keadaan di sepanjang Sungai Jawi sana.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Silakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya tidak tahu berapa ratus juta Kerajaan Persekutuan bagi untuk menyelesaikan banjir selama ini. Adakah Kerajaan Pusat tidak memainkan peranan ratus juta yang lain-lain itu kerajaan negeri buatlah sama bagi selesaikan, kawasan saya, saya pun akan bangkitkan perkara yang sama.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Saya rasa selama ini duit yang Kerajaan Persekutuan bagi, saya tidak faham yang wakil rakyat yang apa BN buat terhadap, kalau hendak selesai sekejap sahaja, bukan masa yang panjang, bukan pakai wang yang begitu banyak. Setahu saya macam pihak BN pasir dari parit duduk dekat tepi sewaktu hujan lebat itu pasir turun balik apa guna, itu duit lah yang begitu banyak.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan, sungai parit, longkang hendak pergi ke mana dia hendak pergi kawasan yang hujung dibawah. Pasal itu Kerajaan Persekutuan dia buat rancangan tebatan banjir mula dekat Kuala Muda, pergi tempat lain, air bukit turun sampai ke bawah, yang kecil-kecil ini kerajaan negeri buatlah. Hendak korek balik ka, pasir yang jatuh ke dalam sungai ka, sudah ada peruntukan, tapi kena terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah buat banyak sebenarnya, kalau tidak banjir, tenggelam Jawi itu.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Saya memang faham, Kerajaan Persekutuan ada buat kerja tapi kerja dia macam mana, keputusan kerja macam mana kita kena kaji balik ...(ketawa).

Y.B. Tuan Speaker:

Jawi boleh buat kesimpulan sekarang, masa sudah hampir cukup.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Ada beberapa perkara yang saya rasa kerajaan baru kena ambil perhatian. Pertama, iaitu mengenai limpahan air bukit yang mendadak selepas hujan lebat dari atas bukit di sana iaitu Bukit Jawi. Oleh kerana limpahan air, air boleh ia membawa lumpur dengan pasir. Ini menyebabkan sungai dia menjadi cetek dan menyebabkan takungan air pada sungai berkenaan tidak dapat menakung air yang begitu banyak

pada masa yang sama. Satu lagi masalah air itu mengenai saiz sungai yang kecil dan cetek dan rupa bentuk sungainya yang bengkok bengkok yang ada masalah yang mungkin kita kena ambil perhatian yang serius untuk mengatasi masalah ini. Langkah awal untuk mengatasi masalah ini bagi pandangan sayalah, saya memang harap kerajaan kita dapat buat rancangan pemindahan penduduk-penduduk di kawasan Kampung Setu sana dengan segera, dengan secepat mungkin untuk mengelakkan sebarang kejadian mati lemas mungkin akan terjadi pada bila-bila masa sahaja. Langkah ini juga adalah sesuai dan perlu pun meletakkan rakyat-rakyat di sana berada dalam keadaan yang lebih selamat.

Y.B. Tuan Speaker, perkara yang kedua ingin saya utarakan kepada Dewan Yang Mulia ini adalah mengenai masalah kerosakan jalan kampung yang teruk sekali di Jawi. Jalan-jalan yang di dapati di perkampungan Jawi, Lalang Cangkat dan Kampung Victoria adalah beberapa tempat yang perlu diberi perhatian yang serius kerana telah pun ramai penghuni dan orang luar yang tersungkur di atas jalan. Setakat hari ini, ada lebih daripada 30 kes kemalangan jalan yang telah berlaku di sana dan mengorbankan beberapa nyawa yang tak berdosa. Saya di sini apa yang saya nampak jalan kampung yang ada di perkampungan Jawi telah pun berpuluh-puluh tahun dinaiktarafkan. Saya tak faham apakah wang cukai yang dikutip oleh kerajaan persekutuan kita, apa guna dia wang cukai itu. Tak pernah pun dipedulikan nasib rakyat sana. Itu sebab rakyat buat keputusan 8 Mac nak tukar kerajaan, apa pasal. Barisan Nasional kena sedarlah saya ingat. Saya ingat benda ini Barisan Nasional boleh tahan tapi rakyat boleh tahan kah?

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Jawi boleh akhirkkan ayat.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Sikit lagi, sedikit lagi. Memandangkan kedua-dua perkara ini adalah serius saya ingin menyeru kepada jabatan-jabatan yang berkaitan seperti JKR ataupun Pejabat Daerah tolong buat siasatan yang segera dan memperbaiki dalam masa yang singkat kalau boleh, demi untuk keselamatan dan kebaikan rakyat. Tak kira Jawi sahaja, kalau tempat lain terjadi begini kita kena ambil tindakan yang sama. Itu sahaja. Sekian terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Permatang Pasir, silakan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera. Y.B. Tuan Speaker, terima kasih diucapkan kerana telah memberi keizinan kepada saya untuk bangun dalam Dewan Yang Mulia ini bagi turut membahaskan ucapan dasar Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di dalam pembukaan persidangan Dewan Undangan Negeri pada 20 April 2009, kelmarin dulu. Justeru itu tidak lengkap rasanya kalau saya sebagai Ahli Dewan saya tidak turut memberikan ucapan terima kasih kepada TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang telah memberikan amanatnya kepada kita dalam Dewan Yang Mulia ini begitu panjang. Dan selepas daripada setahun kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih tampuk pemerintahan daripada Barisan Nasional. Saya juga mengambil kesempatan untuk

mengucapkan tahniah kepada TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang telah dilantik semula untuk menjadi Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang selama 2 tahun oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong baru-baru ini. Semoga Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua akan diberi kekuatan oleh Allah untuk menjalankan tugas dan amanahnya kepada rakyat dan juga kepada Negeri kita Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker, ucapan TYT kelmarin ada menyebut berbagai-bagai persoalan yang selalunya diambil iktibar oleh semua pihak dalam Dewan Yang Mulia ini termasuk oleh kerajaan negeri sendiri, di dalam menguruskan persoalan rakyat, menguruskan persoalan masyarakat, menguruskan persoalan negeri kita Pulau Pinang ini supaya rakyat menjadi terbela dan rakyat mendapat keadilan. Saya akan *point out* ...(dengan izin), *point-point* yang diberi oleh TYT, kalau saya nak bagi semuanya sudah tentu sudah makan 2 / 3 jam. Jadi saya bagi *point form* sahajalah. Pertama TYT telah menyebut supaya kerajaan dapat menerajui kerajaan kita ini ke arah mempunyai dedikasi, keikhlasan dan kejujuran.

Yang keduanya menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang menjadi lokasi pilihan para pelabur walaupun di dalam keadaan ekonomi dunia yang agak menurun buat masa ini. Dan ketiganya menjadikan agar setiap keluarga Pulau Pinang memiliki rumah sendiri berkonsepkan kepada satu keluarga satu rumah khususnya bagi rakyat yang berpendapatan rendah. Dan cuba sedaya upaya bagi memastikan agar kebajikan pekerja-pekerja swasta yang menghadapi risiko kehilangan pekerjaan di bela dengan mengujudkan pusat bantuan kerjaya latihan atau lebih dikenali sebagai Penang Carer & Training, CAT CENTRE ...(dengan izin). Yang seterusnya ialah menggalakkan pembangunan Halal Industrial Hub bertaraf antarabangsa di Pulau Pinang ini kerana seterusnya memberi fokus kepada peningkatan tahap kemudahan pengangkutan awam termasuk mengadakan bas yang dilengkapi kemudahan bagi orang yang kurang upaya tidak lama lagi. Teruskan melaksanakan pembesaran Empangan Mengkuang bersama kerajaan persekutuan di bawah kajian separuh penggal kesembilan dan Pulau Pinang mencapai sasaran bagi menghapuskan miskin tegar mulai tahun ini dan seterusnya menghargai komitmen pihak berkuasa keselamatan yang selama ini berusaha membanteras kejadian jenayah dalam negeri kita di Negeri Pulau Pinang ini. Dan seterusnya cuba mengatasi masalah banjir dalam negeri kita dengan projek-projek rancangan pemuliharaan sungai melalui peruntukan sebanyak RM6 juta oleh kerajaan negeri dan serta peruntukan persekutuan kepada JPS sebanyak RM120.5 juta. Dan seterusnya terus mengerakkan sektor pertanian agar bergerak maju seiring dengan sektor lain serta lain-lain persoalan rakyat dan masyarakat yang seharusnya diberi tumpuan oleh semua pihak yang terlibat khususnya seperti yang disebut tadi oleh kerajaan negeri di dalam mengekalkan kesejahteraan serta keadilan kepada seluruh rakyat dalam negeri kita Pulau Pinang ini.

Y.B. Tuan Speaker, dalam ucapan saya ini, saya ingin *respon* sedikit terhadap apa yang dibangkit oleh sahabat saya iaitu Y.B. Sungai Dua dalam semasa perbahasan soal jawab pada 20 April 2009. Y.B. Sungai Dua ada bangkitkan masalah kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang ini tidak menjemput beliau dan pembangkang untuk menyertai dalam Majlis Mesyuarat Tindakan Daerah, betul tak? Di sini izinkan saya untuk membandingkan sikap kerajaan Barisan Nasional dahulu di mana pada ketika itu di penggal daripada penggal kesepuluh dan kesebelas iaitu pada tahun 1999 sehingga tahun 2008, dua penggal, di mana saya dan juga beberapa Adun Pembangkang pada ketika itu tidak dijemput ke Majlis Mesyuarat Tindakan Daerah. Saya masih ingat lagi pada tahun 1999 sehingga 2008, saya pada ketika itu

dengan Ketua Pembangkang daripada Penanti, wakil daripada Penanti dan wakil daripada Batu Lanchang membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini mengenai persoalan yang sama yang dibangkit oleh Y.B. Sungai Dua. Saya masih ingat lagi Y.B. Sungai Dua pun pada masa itu mencelah, pasal tidak ada apa-apa dalam Majlis Tindakan Daerah, apa yang susah-susahanya, pembangkang nak masuk buat apa, tak ada apa-apa, tak ada apa dalam ini. Jadi, dan saya pernah bertanya lagi soalan dalam soalan bertulis dan pernah di bawa ucapan oleh Ketua Pembangkang pada masa itu. Pada tahun penggal yang kesebelas saya bersama-sama Y.B. Sungai Puyu menjadi pembangkang bawa juga dalam Dewan Yang Mulia ini mengenai dengan persoalan itu.

Akhirnya Ketua Menteri pada masa itu, Dato' Koh Tsu Koon dia menjawab bahawasanya dia menerima arahan daripada Perdana Menteri pada masa itu supaya negeri-negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional, pembangkang tidak dijemput di dalam mesyuarat Majlis-majlis Tindakan Daerah. Ini jawapan daripada Ketua Menteri. Boleh *check* hansard ya kalau tidak percaya. Jadi saya mahu supaya Y.B. Sungai Dua ini cuba tanya-tanya habak kepada kawan-kawan di sana. Pasal apa sekarang ini kumpulan perintah diperintah oleh Barisan Nasional. Dan Perdana Menteri yang tersebut walaupun dia hilang 2 / 3 tahun sekarang dia muncul balik, menjadi penasihat kepada Perdana Menteri kita yang baru. Tetapi walau bagaimanapun saya ingat Y.B. daripada Batu Maung ada *respon* sedikit kepada persoalan yang dibangkit oleh Y.B. Sungai Dua ini bahawasanya kerajaan ini akan mengkaji, mengkaji persoalan untuk mengajak pembangkang ini duduk dalam Majlis Tindakan Daerah dan saya pun hari ini, saya bersetuju dengan Y.B. Batu Maung supaya apa salahnya kita *try* tengok bahawa pembangkang ini masuk dalam Majlis Tindakan Daerah. Tetapi persoalannya kita dalam kerajaan Pakatan Rakyat ini kita juga telah menjemput kawan-kawan kita daripada pembangkang untuk duduk di dalam beberapa jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Lagi besar daripada Majlis Tindakan Daerah, macam kita tengok Y.B. Sungai Puyu menjemput pembangkang untuk duduk, khususnya Y.B. daripada Sungai Acheh untuk duduk dalam Jawatankuasa Kesihatan dan Kebajikan Negeri. Demikian juga Y.B. Batu Maung kita jemput untuk duduk sebagai *Consumer Watch*, boleh periksa barang-barang ini, dalam negeri kita Pulau Pinang ini. Bagi sijil, bagi penghormatan tetapi tidak ada sesiapa yang mahu, sekarang nak masuk dalam Majlis Tindakan Daerah, yang ini saya pun(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Dulu kalau kata kerajaan Barisan Nasional kata ada arahan daripada Perdana Menteri, itu kata Y.B. Permatang Pasir. Sekarang ini kerajaan Pakatan Rakyat arahan daripada siapa yang tak bagi kami ini duduk dalam Majlis Tindakan Daerah.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):

Sudah, cukup. Yang itu tak timbul saya cuma bagi tahu sahaja dia punya, saya dah kena. Bukan saya cakap di atas *strategik, retorik*, orang kata tetapi saya sendiri kena. Saya sendiri sedih pada ketika itu tak dijemput atas arahan Perdana Menteri, tau tak. Sekarang ini kita akan mengkaji kata Y.B. daripada Batu Maung, Insya-Allah kita akan mengkaji dan saya pun mencadangkan supaya kerajaan kaji untuk ambil balik. Tetapi masalahnya pasal apa yang lantik yang itu tak mahu, ha itu sahaja *point* dia.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Boleh sikit lagi.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):

Cukup dah, ini tak ada masa ini, kita dah...(gangguan). Y.B. Tuan Speaker, keduanya ialah mengenai dengan masalah miskin tegar sifar, sebagaimana yang nak dijalankan ataupun yang telah dijalankan oleh kerajaan negeri, Miskin ini dia ada dua, satunya miskin tegar dia panggil *absolute poverty*(dengan izin). Yang keduanya miskin biasa, *relative poverty*. Ada dua, jangan tak faham itu, yang bila kerajaan nak hapus, miskin tegar (*absolute poverty*). Tetapi soalnya apabila kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang cuba nak membuat suatu benda yang baru macam ini, dengarlah bunyi itu, bunyi ini nak angkalah, nak apalah. Saya di kawasan saya, saya mengikuti apa yang dibentangkan oleh Pejabat Daerah saya, saya tidak akui, di lain-lain pun saya ingat(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta sikit penjelasan, sikit saja, saya pun kasihan kepada Ahli Kawasan Permatang Pasir dia punya belalah Kerajaan Pakatan Rakyat ini, tetapi dia pun mereka tidak beri tempat....(gangguan), tidak habis lagi hendak minta penjelasan (gangguan), saya minta Ahli Batu Maung tengoklah macam mana, macam MOU kitalah, bagi selesai masalah. Y.B. Permatang Pasir saya cuma hendak minta penjelasan sebenarnya, memang kita membicarakan tentang miskin tegar tadi yang kita dok cakap itu ialah miskin tegarlah, yang kita persoalkan kenapa orang-orang yang miskin tegar ini tidak dibantu kemudian ada nama-nama lain yang dimasukkan pula orang ini yang dibantu, sedangkan yang miskin tegar masih miskin itu persoalan yang kita bangkitkan, jadi Yang Berhormat tidak usah celaru kata miskin kita pun faham yang mana satu miskin, yang mana satu miskin tegar.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):

Y.B. Tuan Speaker, persoalan itu kita biarkan jabatan-jabatan kita *check* selepas ini dan beri jawapan yang sempurna, betul tak tetapi apa yang dibuat oleh kerajaan negeri sekarang ialah melihat kepada satu anggaran yang dikata miskin tegar yang dikeluarkan oleh pihak pusat 324 orang mula, 324 orang tetapi kerajaan negeri rasa tidak puas hati bila tidak puas hati dia buat satu penyelidikan bersama dengan kumpulan sosial ekonomi dari Universiti Sains Malaysia (USM) bukan kerajaan negeri sendiri buat, tetapi bersama kajian itu dengan USM dan apabila kajian itu dibuat terdapat lebih kurang dalam lima ratus orang lebih tetapi tidak sampai seribu akhirnya diperoleh angka 728, ini saya beritahu angka-angka yang diberitahu secara rasmi oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam pelancaran, 728 orang yang diberi miskin tegar ini.

Y.B. Tuan Speaker, jadi inilah angka yang diberi bantuan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di dalam menghapuskan miskin tegar ini, apa pun keadaannya kerja ini adalah kerja yang terbaik.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Minta laluan, Y.B. Tuan Speaker, cuma hendak dapat penjelasan katanya tadi senarai nama-nama dapat daripada USM, betul.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):

Y.B. Achek tidak faham, duduk-duduk dulu saya nak bagi, hak tu pun tidak kena soalan itu, soalan itu soalnya ialah

Ahli Kawasan Sungai Achek (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Saya tutup yang itu, ok minta cuma saya hendak tahu bagaimanakah penilaian ini dibuat menentukan seorang itu miskin tegar atau tidak? yang kedua siapakah *committee*? mana yang memutuskan penentuan seorang itu miskin tegar tidak, sebab kita hendak dapat penentuan seseorang itu berpendapatan berapa, kita kena ada bukti kalau sekadar kita bertanya bertemu duga awak dapat berapa pendapatan kalau orang itu perlu pertolongan sudah semesti dia akan menyebut pendapatan dia rendah bawa daripada RM400 atau sebagainya, jadi soalan saya bagaimanakah dapat dibuktikan seseorang itu berpendapatan bawah RM500 yang menunjukkan dia adalah seorang miskin tegar? yang kedua jawatankuasa manakah yang menentukan ianya dikategorikan sebagai miskin tegar? terima kasih Y.B. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):

Itu kena tanya kepada EXCO yang bertanggungjawab selepas ini dia akan jawab dengan *detail* persoalan ini. Apa yang saya katakan tadi ialah kajian ini dibuat oleh kerajaan negeri bersama pakar sosial ekonomi daripada USM bukan USM yang mengeluarkan ini tetapi kajian dibuat bersama dengan pakar-pakar ini yang mengeluarkan 500 orang dan sekarang ini 728 orang tetapi angka yang sebenar ataupun persoalan sebenar yang akan dihuraikan oleh EXCO kemudian nanti insya-Allah.

Y.B. Tuan Speaker, saya pergi, saya hendak bagi laju ini. Y.B. Tuan Speaker, TYT ada membuat suatu penegasan sebagaimana yang lazim dibuat pada masa-masa yang lalu iaitu pembangunan negeri kita Pulau Pinang ini mungkin tidak akan lengkap dengan hanya difokuskan kepada aspek ekonomi dan juga kebendaan semata-mata, tanpa diseimbangkan dengan soalan kerohanian. Apabila disebut mengenai dengan kerohanian ini ertinya ia bersangkutan dengan soal agama, dan sudah tentulah juga apabila disebut agama ia tidak terhenti kepada Agama Islam, iaitu dalam konteks negeri kita di Pulau Pinang ini semata-mata tetapi ia juga kepada agama-agama lain. Walau bagaimanapun dalam konteks ucapan saya hari ini saya ingin fokuskan sedikit kepada persoalan Agama Islam kerana saya tidak begitu memahami tentang agama-agama lain walaupun saya menghormati agama-agama lain dalam negeri kita tetapi saya hendak huraikannya saya tidak pengetahuan. Apa lagi, apa yang saya ingin sentuh dalam soal kerohanian melalui aspek Islam ini ialah mengenai persoalan pendidikan Islam. Kerana untuk melahirkan seorang Islam yang baik ialah melalui pendidikan atau apa yang disebut iaitu melalui tarbiah. Oleh itu dalam membentuk persoalan kerohanian yang berkesan ialah melalui pendidikan. Oleh itu kita berharap yang pihak kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri akan terus memberi perhatian terhadap persoalan pendidikan Islam ini. Walau bagaimanapun kita bersyukur kerana baru-baru ini kerajaan negeri telah mengeluarkan satu peruntukan RM1.5 juta kepada sekolah-sekolah Agama Rakyat yang menjalankan pendidikan Islam di samping memberi peruntukan kepada agama-agama lain seperti agama Hindu, Cina dan sebagainya dalam negeri kita ini mencapai peruntukan kewangan, mengeluarkan kewangan sebanyak RM8.5 juta cumanya

sekarang ini saya hendak bangkitkan di sini persoalan ini ialah sekarang ini walaupun berat rasanya saya hendak bercakap. Sekarang ini keadaan pentadbiran dalam umat Islam negeri kita ini sampai ke satu persimpangan yang agak rumit kerana kita yang memerintah negeri, ertinya kita ambil alih pemerintahan kita menjadi EXCO ertinya kitalah yang kena buat polisi berkenaan agama Islam ini. Pada hal dari satu segi Majlis Agama Islam dipengerusikan oleh Barisan Nasional dan UMNO, saya bangkitkan ini supaya ini soal sikap macam dikatakan oleh Y.B. Permatang Berangan persoalan sikap bukan persoalan apa, saya tidak pertikai Y.B. Permatang Berangan menjadi YDP Majlis kerana ini lantikan oleh Yang Dipertuan Agong kita tidak boleh pertikai tapi soal sikap kita semua pihak kena berfikir soal ini supaya rakyat jangan bertanya kepada kita macam mana EXCO lain, Majlis Agama lain, kita pemerintahan Pakatan Rakyat tapi yang pegang lain, saya mintalah supaya perkara ini diselesaikan oleh semua pihak termasuk kerajaan negeri dalam soal ini.

Y.B. Tuan Speaker, ini adalah masalah perumahan untuk rakyat. Masalah perumahan untuk rakyat ini telah dibincangkan dalam Dewan ini sudah lama, walaupun penyelesaiannya tidak begitu ada yang jadi dan ada yang masih terbantut. Jadi saya harap supaya kerajaan baru ini, Kerajaan Pakatan Rakyat ini dia dapat membuat suatu kajian. Saya telah kemukakan dalam Dewan ini dulu pun supaya dia dapat membuat kajian beberapa banyakkah lagi rakyat kita yang tidak mempunyai rumah supaya setiap orang mampu membeli rumah kerana Tuan Yang di-Pertua pun ada menyebut satu keluarga satu rumah ini perlu diberi perhatian oleh pihak EXCO perumahan yang baru ini kerana kerajaan-kerajaan di negeri lain banyak telah selesaikan masalah perumahan misalnya Singapura pun telah selesai lamanya. Oleh itu kita mahu supaya negeri ini juga dapat menyelesaikan persoalan perumahan untuk rakyat ini dan saya hendak bangkit di sini masalah rumah ini ialah bersangkutan dengan satu persoalan yang ditimbulkan oleh penduduk-penduduk Tanjong Tokong satu kes lama yang cukup mengharukan kita.

Di Tanjong Tokong ini sekarang ini perumahan sedang dibuat untuk rakyat Tanjong Tokong, untuk penduduk-penduduk Tanjong Tokong tapi persoalannya dia bersangkutan dengan UDA. UDA di bawah Kerajaan Persekutuan jadi perjanjian atau pertemuan telah dibuat beberapa kali dengan UDA dan juga bahagian perumahan kerajaan negeri tetapi tidak selesai, cuma UDA ada berjanji untuk memberikan pelan keseluruhan projek Tanjong Tokong hendak memberi senarai penduduk yang layak dan hendak memberikan surat perjanjian dengan setiap penerima secara sah ini adalah kenyataan daripada UDA. Sekarang ini UDA tidak menyempurnakan persoalan ini lagi walaupun dalam jawapan yang saya peroleh daripada EXCO perumahan mengenai dengan soal ini, dia kata UDA akan menyediakan draf perjanjian akan menghantarkan draf perjanjian, tetapi draf perjanjian yang diberi itu hanya dikeluarkan kepada bekas-bekas pemegang tol sahaja ini memorandum yang dihantar oleh penduduk-penduduk Tanjong Tokong kepada Media dan satu salinan diberi kepada saya untuk saya bantangkan di dalam Dewan yang mulia ini dan saya harapkan supaya bahagian perumahan kita dapat mengambil perhatian dalam masalah ini kerana masalah ini sudah lama. Kalau Kerajaan Pakatan Rakyat dapat menyelesaikan soal ini maka ini adalah satu benda yang cukup baik bagi rakyat kita, khususnya bagi orang-orang Melayu di Tanjong Tokong ini, kelmarin kawan saya daripada Tanjung Bunga pun telah bangkit persoalan ini dalam Dewan yang mulia ini.

Y.B. Tuan Speaker, ini adalah masalah yang bersangkutan dengan soal kesihatan. Kita tahu bahawasanya, ini di dalam Hospital Bukit Mertajam Y.B. Tuan Speaker di mana di bahagian X-ray Hospital Bukit Mertajam ini dia hanya satu petugas lelaki untuk menjalankan kerja-kerja X-ray. Saya diadukan oleh rakyat di kawasan saya, kawasan Penanti dan Permatang Pauhlah, apabila seorang lelaki dok tunggu

buat kerja di bahagian X-ray ini orang perempuan apabila dia hendak pergi X-ray jadi masalah, dia tidak ada orang perempuan di situ sekurang-kurangnya pihak hospital kena letak seorang perempuan supaya, maklumlah kalau pergi X-ray dia kena buka baju dan sebagainya, ini menimbulkan masalah kalau sekiranya orang lelaki yang menjaga X-ray itu jadi inilah saya bangkitkan untuk perhatian dalam Dewan yang mulai ini supaya dapat diatasi persoalan rakyat kita. Jadi saya rasa itulah yang hendak disampaikan di dalam Dewan yang mulai saya ucapkan terima kasih dan akhirnya, sikit lagi saya hendak beritahu pasal masalah yang dibangkitkan kepada saya ini sama ada di dalam Dewan sama ada cara orang kata, cara lawak saya terpaksa bangkit dalam Dewan ini. Pasal masalah jawatan ini. Kita ini bukan masalah nak ligan jawatan saya ini kerajaan negeri melantik kepada saya berapa jawatankuasa, berapa jawatankuasa ni bukan kata tidak ada apa ni saya sampai tidak larat hendak datang mesyuarat banyak sangat tetapi saya terpaksa mai kerana tanggungjawab dan amanah kepada rakyat terpaksa kena mai. Saya hendak baca jawatankuasa ini saya hendak beritahu kepada kawan-kawan kita ini dari Barisan Nasional, kawan-kawan daripada pembangkang, ini cara rasmi saya beritahu dalam Dewan ini. Saya dilantik sebagai Jawatankuasa Tebatan Banjir Negeri, bukan nak bangga ini tetapi dia kata saya tidak ada apa yang itu saya hairan. Yang keduanya Jawatankuasa Keselamatan Jalan dan nama jalan di bawah Y.B. Bagan Jermal. Yang ketiga Jawatankuasa Kebajikan Negeri di bawah Y.B. Sungai Puyu dan Jawatankuasa Pembangunan dan Koperasi Negeri di bawah Y.B. Timbalan Ketua Menteri 1 dahulu dan Timbalan Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Perpustakaan Negeri di bawah Y.B. Timbalan Ketua Menteri 2 dan juga Jawatankuasa Sekolah Penimbangan kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat bersama dengan Y.B. Batu Maung, jadi sudah banyak. Dah nak habis ni, dah nak tutup ini, Telok Bahanglah ni, soalan ini nak pi kok lain ni (gangguan suara ramai dengan gelak ketawa)

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Minta penjelasan, Y.B. Tuan Speaker, berapa jawatankuasa tadi, 6 jawatankuasa persoalannya Pas adalah *partner* kepada Pakatan Rakyat takkan kelayakan Pas cuma duduk dalam jawatankuasa sahaja, *not fair* tidak adil patut duduk sana, sini pergi sana,

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):

Yang itu kalau hendak buat kerja jenuh dah hai, kita soalnya hendak buat kerja, diberi jawatankuasa kita boleh buat kita kena buat kerjalah, jawatankuasa pun tidak mengapa kita tidak boleh meminta jawatan ini sampai besar sangat, yang ini dah pun kadang-kadang tidak makan cekak, cumanya kita dalam Pakatan Rakyat ini kita perlu memberi satu pertolongan agar rakyat kita terbela dan agar rakyat kita terjamin itu soalnya....(tepuk), bukan soal jawatan(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta sedikit penjelasan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):

Cukup, cukup.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Sikit saja, tak minta dah.

Y.B. Tuan Speaker :

Sungai Dua, laluan tidak dibagi. Sila duduk.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Y.B. Tuan Speaker, Y.B. Ahli-ahli Dewan Undangan, Tuan-tuan dan Puan-puan salam sejahtera. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk ucapan terima kasih ke atas TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada Mesyuarat Yang Pertama Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke12 pada hari ini.

Y.B. Tuan Speaker, ekonomi adalah isu yang penting bagi setiap negara dan sering kali ekonomi merupakan isu antarabangsa yang akan mengancamkan ekonomi tempatan. Buat masa kini ekonomi dunia telah mengalami kemerosotan teruk. Sebagai kerajaan negeri kita bertanggungjawab kepada rakyat jelata untuk membantu mereka daripada krisis ekonomi ini. Sebelum saya mengemukakan cadangan membincang tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata yang mana punca asalnya dari kerajaan negeri sendiri.

Y.B. Tuan Speaker, pada 19 Februari 2009 yang lalu satu kemalangan lalu lintas yang berlaku di bahagian tengah Jambatan Pulau Pinang. Kemalangan ini telah menyebabkan kesesakan lalu lintas yang amat teruk. Pihak berkenaan pula mengambil masa lebih kurang 8 jam untuk memulihkannya. Lebih daripada 10 ribu orang telah mengalami kerugian daripadanya. Antaranya adalah yang telah dibahagi tempat pekerjaan dalam masa yang lewat dan ada yang tidak dapat sampai ke lapangan terbang dalam masa yang telah ditetapkan. Kilang-kilang tidak dapat menjalani aktiviti mereka seperti biasa kerana pekerja mereka terpaksa sampai lewat dan justeru pengeluaran dan *shipping* ...(dengan izin) juga akan jadi lambat. Peluang-peluang untuk perniagaan mungkin hilang kerana kelewatan. Berpuluh-puluh ribu ringgit telah hilang akibat daripadanya dan ini tanpa mengambil kira kos masa lagi. Tetapi dua bulan telah berlalu, masih tidak ada apa-apa cadangan, tindakan serta-merta untuk mengelakkan masalah seperti ini berlaku.

Y.B. Tuan Speaker, selain daripada itu belum ada satu rancangan ataupun pelan induk untuk menyelesaikan masalah lalu lintas Pulau Pinang yang diputus mahu pun dicadangkan. Masalah-masalah seperti pemberhentian kenderaan di tepi jalan sesuka hati yang menyebabkan kesesakan, *illegal parking*(dengan izin), kekurangan pengangkutan awam, dan kesesakan lalu lintas yang teruk masih merupakan masalah utama negeri. Saya bercadang supaya satu pelan induk diadakan untuk pengangkutan awam. Saya difahamkan bahawa terdapat beberapa cadangan untuk meningkatkan sistem pengangkutan seperti monorel dan *aero bus* telah dicadangkan tetapi sehingga sekarang tidak terdapat satu pun yang diputuskan. Saya harap kerajaan akan menentukan satu keputusan secepat mungkin dengan memutuskan pelan induk untuk pengangkutan awam. Kita juga dapat mengembangkan ekonomi negeri melalui projek-projek ini. Ramai pekerja diperlukan untuk membina jalan-jalan atau stesen-stesen.

Selain itu, Pekerja untuk mengendalikan pengangkutan awam itu juga diperlukan maka ia akan mempercepatkan peluang pekerjaan untuk penduduk-penduduk tempatan. Walau bagaimanapun kerajaan negeri mewajibkan syarikat-syarikat yang terlibat mesti mengambil pekerja tempatan. Sudah lebih daripada satu tahun untuk kerajaan baru ini mengambil alih kuasa di Pulau Pinang tetapi masih tidak ada apa-apa perubahan tentang sistem teksi. Salah satu unsur pendapatan negeri adalah daripada pelancongan. Teksi yang tidak bermeter akan mengakibatkan pelancong asing hilang keyakinan terhadap negeri kita. Mengikut jawapan oleh Y.B. Padang Kota untuk soalan bertulis saya, beliau menjawab bahawa “Memandangkan penguatkuasaan teksi bermeter adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan sebuah agensi Kerajaan Persekutuan, tindakan kerajaan negeri adalah sebagai pemudah cara dalam hal ini. Oleh itu kerajaan negeri tidak boleh memberi satu tarikh untuk *legislative* sistem teksi bermeter di Pulau Pinang.” Adakah ini bermaksud kerajaan negeri tidak dapat berbuat apa-apa terhadapnya? Adakah kerajaan negeri akan membiarkannya mengancam imej Negeri Pulau Pinang sahaja? Selain daripada itu adalah difahami bahawa teksi-teksi di lapangan terbang dimonopoli. Ini telah menyebabkan teksi-teksi di lapangan terbang berharga tinggi dan tidak *reasonable*.

Y.B. Tuan Speaker, selain daripada itu masalah *taxi stand*...(dengan izin), juga perlu diperhatikan. Kesemua *taxi stand* ini hanya membenarkan ahli-ahli teksi mereka untuk mengambil dan menurunkan penumpang. Ini telah menyusahkan pemandu-pemandu teksi di mana mereka dapat mengambil penumpang dari sesuatu *taxi stand* ...(dengan izin), tetapi tidak dibenarkan mengambil penumpang dari *taxi stand* yang lain. Di mana mereka telah menurunkan penumpang di atas sebab ianya tidak menjadi ahli. Ini juga akan mengurangkan pendapatan mereka dan kosnya kerana terpaksa kembali ke *taxi stand* tanpa penumpang.

Y.B. Tuan Speaker, penjaja adalah satu sektor yang penting di Pulau Pinang. Masalah penjaja tanpa lesen telah semakin serius, sejak semasa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional. Oleh itu Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pakatan Rakyat sekarang harus berusaha beberapa kali ganda untuk menyelesaikan masalah yang timbul sejak sekian lama ini. Satu pelan birokrasi harus dijalankan. Saya bersetuju dengan Y.B. Telok Ayer Tawar yang kata yang lamanya tidak selesai tetapi yang barunya timbul pula. Saya bercadang beberapa langkah seperti berikut:-

- 1) menentukan satu tarikh sebagai satu tarikh akhir untuk membezakan penjaja tanpa lesen lama ataupun yang baru;
- 2) mendaftarkan kesemua penjaja tanpa lesen yang lama;
- 3) analisis punca-punca menentukan prioriti untuk selesai pelan induk mesti dirancang;
- 4) penguat kuasa harus mengambil hukuman keras ke atas penjaja-penjaja tanpa lesen yang baru selepas tarikh tersebut;
- 5) menentukan tapak-tapak yang terbengkalai tetapi yang masih sesuai untuk tapak penjaja;
- 6) penjaja-penjaja tanpa lesen akan dibahagikan ke tapak-tapak penjaja yang tersebut;
- 7) menubuhkan satu jawatankuasa untuk mempercepatkan kelulusan tapak penjaja swasta atau kedai kopi, masalahnya mesti mengambil masuk stor penjaja tanpa lesen.

Y.B. Tuan Speaker, kerajaan negeri harus sentiasa ingat, kita harta benda rakyat negeri ini tetapi bukan mengganggu dan membawa masalah kepada rakyat. Misi kakitangan kerajaan adalah berkhidmat untuk negara. Oleh itu saya mencadangkan penguatkuasaan sentiasa mengingatkan prinsip ini mereka mengambil tindakan. Saya ingin memberi penjelasan terhadap langkah-langkah yang saya cadangkan tadi. Untuk menyelesaikan masalah penjaja tanpa lesen ini, kerajaan tempatan harus menyiasat dengan teliti dan menyediakan satu laporan bahawa berapakah penjaja tanpa lesen di Negeri Pulau Pinang dan punca-puncanya. Satu pelan induk untuk relokasi penjaja tanpa lesen ini harus dilakukan. Jikalau tidak saya amat bimbang bahawa semasa penguat kuasa kerajaan tempatan menjalankan tugasnya tanpa pelan induk maka mungkin menimbulkan masalah dan perselisihan faham antara kerajaan tempatan dan rakyat. Jikalau masalah penjaja tanpa lesen ini tidak dapat diselesaikan, dengan satu pelan induk satu relokasi yang teliti mungkin menimbulkan satu masalah seperti pengangguran. Kedai penjaja tanpa lesen ini selepas dirobohkan ia akan kehilangan peluang pekerjaan dan punca pendapatannya. Ini akan membahayakan dan menyusahkan anak Pulau Pinang. Oleh itu saya juga mencadangkan supaya sebelum pelan induk dan laporan dikeluarkan. Semua penjaja tanpa lesen yang berdaftar akan menerima satu lesen sementara. Kerajaan tidak akan memberikan saman sehingga penyelesaian ataupun *solution* ...(dengan izin), telah ditentukan oleh kerajaan tempatan. Ini akan mengurangkan penggangguan penjaja tersebut juga kurangkan beban pentadbiran kakitangan pelesenan dan penguat kuasa. Kerajaan juga menunjukkan transparensi dan sistematik untuk menyelesaikan masalah-masalah penjaja. Peluang untuk rasuah dan penyelewengan kuasa akan dikurangkan.

Y.B. Tuan Speaker, di sini saya ingin menjelaskan pendirian saya bahawa saya membantah tentang penguat kuasa kerajaan akan mengambil tindakan ke atas penjaja tanpa lesen. Saya cuma ingin mencadangkan satu *solution* selepas tarikh ditentukan kerajaan tempatan akan memaklumkan tarikh di Pulau Pinang supaya tidak lagi wujud penjaja tanpa lesen yang baru, di merata tempat dengan suka hati. Saya harap penguat kuasa akan dapat menjalankan kuasanya ke atas kesemua penjaja tanpa lesen tidak lagi campur tangan dengan Ahli Dewan Undangan Negeri. Kerajaan akan mengikut laporan tersebut dan akan mengikut keutamaan. Kerajaan juga perlu cari kesemua gerai atau tapak penjaja yang ketinggalan atau terbengkalai. Tapak-tapak tersebut selalu menunjukkan tidak sesuai. Saya minta kerajaan menyiasat semula supaya menentukan tapak yang sesuai dan tidak sesuai. Yang tidak sesuai, carikan satu resolusi supaya dapat penukaran tanah kegunaan yang lain. Tapak yang sesuai akan dibaiki secepat mungkin dan disewa kepada penjaja-penjaja yang berdaftar. Kerajaan tempatan harus mempromosi tapak-tapak tersebut dengan memberikan tiga atau enam bulan percuma. Menjalankan promosi atau *event-event* ...(dengan izin), untuk menolong penjaja tersebut supaya menarik perhatian pelanggan. Saya dapati di dalam MPPP, kawasan MPPP ada 14 tapak penjaja di kawasan pulau adalah terbengkalai.

Y.B. Tuan Speaker, satu pandangan saya, pekerja asing tidak boleh diberi bekerja *front line* seperti memasak dan menyediakan makanan dalam sebuah penajaan. Kerja-kerja ini mesti diberi kepada pekerja tempatan supaya reputasi dan nama baik makanan-makanan Pulau Pinang dijaga terutama tahap kesihatan mereka tidak terjamin dipersoalkan kerana mereka tidak pernah menerima suntikan ataupun pemeriksaan perubatan mengikut panduan kerajaan. Kalau isu ini tidak diberikan perhatian, banyak makanan tradisi rakyat Pulau Pinang akan hilang kepada pekerja asing.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Padang Kota di atas soalan bertulis tentang isu penjaja-penjaja tanpa lesen. Saya difahami pihak Universiti Sains Malaysia telah dilantik oleh kerajaan negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk menjalankan kajian penjaja tanpa lesen tepi jalan. Saya ingin menarik perhatian Y.B. Padang Kota bahawa tiada tarikh ditunjukkan di bawah keputusan dari kajian tersebut dilaksanakan mengambil masa berapa panjang kajian ini di selesai.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri di atas kejayaannya yang menarik lebih banyak pelaburan lebih daripada RM10 bilion pelabur asing ke Pulau Pinang. Di sini saya juga ingin menarik perhatian kerajaan negeri bahawa janganlah hanya memberatkan pelabur asing sahaja, malahan kerajaan juga harus mengambil berat akan sektor-sektor yang lain seperti infrastruktur, pelaburan, perindustrian kehijauan, IKS, perindustrian *smokeless* dan termasuk juga sektor pelancongan yang akan membawa nama baik Pulau Pinang ke mata dunia. Di samping itu kerajaan negeri juga berusaha untuk menarik pelabur asing. Saya difahami kerajaan negeri juga mementingkan pelaburan tempatan iaitu IKS. Ini yang dapat memajukan negeri kita secara berterusan pada masa hadapan. Saya cuma harap kerajaan negeri boleh menitikberatkan lagi ke atas pelaburan tempatan. *Branding Penang*, ...(dengan izin), haruslah menjalankan slogan-slogan bagi Negeri Pulau Pinang untuk kesemua sektor. Contohnya Taiwan, Kerajaan Taiwan menolong pelabur-pelabur tempatan dalam tahun 80-an supaya menunjukkan perhatian dalam peningkatan jenama produk-produk atau dalam sektor eksport ke luar negeri. Saya mencadangkan kerajaan negeri supaya mengadakan suatu peruntukan khas dalam rancangan untuk mempertimbangkan jenama-jenama produk dan perkhidmatan industri tempatan melalui promosi, pameran, lawatan perniagaan, forum dan laman web. Kerajaan negeri haruslah belajar dari Negara Taiwan dari segi sektor *branding* ini. Kejayaan *branding* seperti ACER, ACCUS dan lain-lain juga membayangkan kejayaan Negara Taiwan. Satu contoh lagi di Hong Kong, pihak kerajaan menubuhkan satu jabatan yang dipanggil Hong Kong Trade Development Council, ... (dengan izin), khasnya untuk mempromosi jenama dan syarikat tempatan ke pasaran antarabangsa.

Y.B. Tuan Speaker, seperti yang selalu diperkatakan oleh Ketua Menteri iaitu aset yang utama ialah sumber manusia. Kerajaan haruslah mengetahui bersama sektor swasta mempertimbangkan aset sumber manusia dengan melabur dalam bidang latihan seperti latihan semula, ...(dengan izin), *retraining* dan pembangunan sumber manusia. Kerajaan negeri juga mesti menyediakan platform perniagaan untuk golongan belia dan wanita supaya mempunyai peluang untuk berniaga. Saya menarik perhatian kerajaan bagi industri pelabur asing yang mana perbelanjaan kapital utama mereka ialah *machinenary*. Perolehan kewangan ini akan terikat dalam kapital tersebut sahaja, kalau kelulusan projek-projek infrastruktur dipercepatkan seperti monorel atau *aerobus* dan lain-lain akan membawa kesan kepada perkembangan ekonomi serta-merta dan membawa keuntungan kepada orang tempatan.

Industri hijau adalah satu industri masa hadapan. *Green industry*, ...(dengan izin), adalah satu jenama antarabangsa yang popular, *green industry*, ...(dengan izin), adalah satu sektor yang mempunyai ruang besar dalam perkembangan pada masa hadapan. Saya mencadangkan kerajaan negeri menstrukturkan organisasi kerajaan supaya dapat menjejak langkah ke arah masa hadapan. Satu jabatan yang mengendalikan semua *green activities* yang termasuk memajukan *hoteliers*, ...(dengan

izin), *flimming*, pelancongan, *software development* ...(dengan izin), warisan UNESCO, penerbitan kebudayaan, kesenian dan *education* dan lain-lain. Saya mencadangkan kerajaan negeri supaya melantik seorang EXCO untuk bertanggungjawab ke atas industri tersebut.

Y.B. Tuan Speaker, sektor pelancongan adalah amat penting kepada Negeri Pulau Pinang. Ia merupakan sumber pendapatan dan sumber pekerjaan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Dimaklumkan terdapat 21% perkembangan di dalam sektor ini berbanding pada tahun lalu. Namun demikian, negeri kita harus mempertimbangkan pemajuan pelancongan dengan lebih serius. Saya mencadangkan lima elemen yang penting di mana kerajaan harus mengambil berat. Pertama, mementingkan penerbangan terus, *direct flight*, kedua, infrastruktur dan kemudahan untuk pelancongan, ketiga, *event* dan promosi, keempat, program sahabat pelancong dan kelima menambahkan tapak pelancong yang baru.

Tidak boleh dinafikan bahawa penerbangan terus, *direct flight* ...(dengan izin), amat penting untuk menarik pelancong kepada negeri kita. Saya difahami kerajaan negeri sedang berusaha dalam mengkoordinasi untuk menambahkan beberapa penerbangan *direct*. Sila nyatakan di dalam Dewan ini, saya minta kerajaan untuk *target* supaya mengadakan penerbangan terus dengan bandar-bandar jiran terutamanya perjalanan tidak melebihi 5 jam. Bandar yang berdekatan ini adalah satu pasaran pelancongan yang amat besar kepada negeri kita. Infrastruktur dan kemudahan untuk pelancongan, papan tanda iklan haruslah ditambahkan dan dengan rekaan canggih untuk menarik perhatian pelancongan terutamanya di lapangan kapal terbang, lebuh raya yang masuk ke Pulau Pinang ataupun Port Swettenham. Ini merupakan tingkat dan imej utama negeri kepada pelancong, ...(dengan izin), *first impression*. ini amatlah penting untuk menarik pelancong kepada Negeri Pulau Pinang. Papan tanda jalan juga penting untuk kemudahan pelancong. Kerajaan Tempatan juga harus bekerjasama dengan jabatan pelancongan untuk mendirikan papan tanda pelancongan untuk pejalan kaki terutamanya di kawasan Warisan, kemudahan teksi, bas, tandas awam, informasi kaunter dan lain-lain infrastruktur yang berkaitan dengan pelancongan harus dipertingkatkan. Satu talian bebas untuk pelancongan harus diadakan supaya dapat menyenangkan pelancong, ini amat penting kerana imej yang baik akan menentukan dan menarik pelancong tersebut untuk balik semula pada masa hadapan.

Y.B. Tuan Speaker:

Boleh buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Y.B. Tuan Speaker, saya akan mempercepatkan. Tapak pelancongan di Pulau Pinang yang kurang menarik kerana sudah beberapa tahun tidak di naik taraf dan kerajaan mestilah berusaha dan memperbaharui elemen-elemen yang menarik ke atas tapak-tapak pelancongan yang sedia ada. Seperti tapak warisan yang telah disenaraikan sebagai Warisan Dunia UNESCO pada Julai 2008, kerajaan harus mengesahkan satu simbol sebagai peringatan untuk merayakan kejayaan ini. Contohnya tugu peringatan atau muzium warisan atau taman warisan yang boleh membayangkan kejayaan ini. Ini akan menunjukkan kepentingan kepada Negeri Pulau Pinang supaya semua anak Pulau Pinang akan berasa bangga atas kejayaan ini. Kejayaan ini mesti disertai bersama rakyat untuk menjalankan aktiviti selanjutnya.

Y.B. Tuan Speaker, terdapat jawapan dari Y.B. Padang Kota bahawa USM membantu untuk mengkaji isu *illegal* penjaja di tepi jalan dan juga pelan induk pengangkutan awam. Saya ingin mendapatkan penjelasan bahawa adakah perbelanjaan kajian dibayar oleh kerajaan. Saya juga difahami bahawa UPEN telah pun menaja banyak kajian melalui USM, apakah hasil kajian? Adakah kajian di publisiti kepada orang awam ataupun hanya untuk kegunaan kerajaan? Adakah ADUN dapat access kepada kajian tersebut? Adakah hasil kajian dipertimbangkan di peringkat kerajaan negeri?

Y.B. Tuan Speaker, dalam perhatian saya kejayaan tersebut adalah polisi meninjau kembali yang berkesan. Saya juga ingin bertanya adakah EXCO atau jabatan-jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pernah meninjau kembali ...(dengan izin), *review*, polisi-polisi yang lama. Saya bercadang supaya kerajaan negeri dapat meninjau kembali semula semua polisi-polisi kerajaan negeri ...(dengan izin), *review local and the state government policies* dalam masa tertentu, saya mencadangkan dalam masa setahun kerana telah lama diperintah oleh parti Barisan Nasional dan juga *review* dari masa ke semasa adalah diharuskan.

Y.B. Tuan Speaker, saya minta Kerajaan Tempatan untuk menyelesaikan kesemua masalah ini dalam jangka masa yang tertentu. Saya juga harap semua EXCO dan kerajaan negeri memberi jawapan ke atas soalan-soalan dalam Dewan yang mulia ini, ianya haruslah mempunyai tarikh untuk menyiapkan rancangan ini. Kes-kes seperti Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020 untuk MPPP sehingga sekarang masih bertaraf draf dan masih belum dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Pulau Pinang lagi. Untuk Seberang Perai pula bagi Draf Pelan Tempatan 2005 – 2020 masih belum diluluskan dan memandangkan sekarang sudah 2009, bilakah kerajaan akan menetapkan satu tarikh untuk kesemua kes ini diluluskan dan dijalankan? Saya harap polisi-polisi kerajaan negeri ini akan ditetapkan dalam satu tempoh masa supaya kerajaan kita tidak dilabelkan sebagai kerajaan yang hanya pandai bercakap tetapi tidak ada tindakan. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Silakan Y.B. Seberang Jaya. Y.B. Pulau Betong sakit mata tak boleh masuk. Okey, Y.B. Pulau Betong, sekejap.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Saya bangun untuk turut serta dalam usul ucapan terima kasih di atas ucapan TYT Tun di Persidangan Dewan Undangan Negeri yang ke 12 ini. Saya bersyukur kerana kita semua dapat bersidang di Dewan ini walaupun tanpa satu kerusi yang di kosong oleh Y.B. Penanti. Tidak disangka pula teguran yang saya buat pada sesi yang lepas rupa-rupanya ada kebenarannya terutamanya berkenaan *under performance*. Sebagai wakil rakyat apatah lagi sebagai pihak pembangkang saya akan terus menegur kerajaan negeri, bukan kerana tidak suka kepada kerajaan negeri tetapi kerana saya sayang anak-anak negeri, memberi pandangan kepada kerajaan negeri bukan kerana kerajaan negeri tidak pandai tetapi anak-anak negeri perlu pembelaan dan kebenaran.

Y.B. Tuan Speaker:

Tadi Yang Berhormat menyebut *under performance*, saya rasa tidak perlu menyentuh tentang itu. Itu adalah andaian-andaian yang cukup merbahaya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Okey, terima kasih. Saya tarik balik. Saya bersyukur kerana kerajaan negeri amat prihatin dengan kemiskinan di negeri ini. Dalam ucapan perasmian Dewan, telah dinyatakan bahawa program sosial kerajaan negeri telah mencatatkan satu kejayaan yang membanggakan dan mengharumkan nama Negeri Pulau Pinang yang menjadi negeri pertama yang bebas dari miskin tegar di Malaysia. Negeri Pulau Pinang yang pertama mencapai miskin tegar sifar pada 13 Mac 2009. Ini merupakan satu kenyataan yang selalu dipertikaikan oleh anggota masyarakat, mata penilaian CAT telah dikelabukan oleh perasaan yang saya rasa tidak di bumi nyata. Kerajaan negeri dengan sengajanya terlupa bahawa kalau ada angka 9, kalau tidak dicampurkan satu tidak akan menjadi 10, kalau dahulu guru-guru KAFA diberi pertambahan sebanyak RM50.00 tetapi telah diuar-uarkan bahawa kerajaan negeri telah membayar gaji KAFA sebanyak RM500.00, tanpa langsung menyebut bahawa Kerajaan Persekutuan telah memberi wang sejumlah RM500.00 selama ini kepada semua anggota KAFA. Hari ini dengan menambahkan sedikit wang ada yang RM100.00, ada yang RM50.00 membuat kenyataan angkuh bahawa kerajaan negeri telah berjaya mensifarkan miskin tegar. Bukan lebih manis, lebih elok, lebih telus, lebih *possible*, lebih cekap kalau dikatakan kerajaan negeri telah melengkapkan sumbangan besar yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dengan menjadikan jumlah pendapatan keluarga RM500.00. Kenyataan benar ini perlu untuk mengkhabarkan kerajaan CAT, jika tidak, tidaklah seindah polisi CAT yang di dokong kerana CAT bukanlah cekap, tetapi celarukan bukan akauntabiliti tetapi angkuh, bukan telus, tapi terpesong.

Y.B. Tuan Speaker, kalau kerajaan negeri adalah CAT, maka dengan penuh kesedaran dan keinsafan tidak akan membuat kenyataan yang mengelabukan mata dan perhatian rakyat. Saya tidak berhajat untuk bercakap tentang senarai penerimaan bantuan. Saya hendak tahu kajian yang digunakan oleh pihak UPEN berdasarkan kajian USM yang digabungkan senarai Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat Daerah dan kemudiannya diminta oleh pihak JKKK membuat kajian. Adakah itu muktamad atau hanya setakat kajian sahaja?

Saya rasa bukan semua JKKK yang telah lengkap membuat kajian, bukan semua kajian adalah tepat. Y.B. Penaga telah memberikan bukti dalam penjelasan beliau, Y.B. Sungai Dua juga telah membahaskan isu yang sama. Saya juga mempunyai bukti bahawa tuntutan miskin sifar di Pulau Pinang adalah tidak betul sama sekali. Satu kerajaan yang celaru dan terpesong.

Y.B. Tuan Speaker, kejayaan mengurangkan kemiskinan dan membasmi kemiskinan tegar adalah program berterusan Kerajaan Barisan Nasional yang telah lama bermula dan tidak pernah berhenti. Disebabkan kerajaan negeri angkuh dengan angka-angkanya saya dengan rendah diri memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini kepada semua mengikuti perbahasan ini bahawa Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan projek-projek berikut untuk membasmi kemiskinan sama ada tegar mahu pun *relative*. Agenda memperluaskan kemiskinan adalah agenda Kerajaan Persekutuan, mengumumkan kerajaan negeri bahawa kemiskinan tegar di Pulau Pinang yang telah dihapuskan adalah bersifat *political gimmick and rectory*. Kerajaan Persekutuan melalui perbagai agensi persekutuan telah menjadikan pelbagai peruntukan program membasmi kemiskinan di bawah RMKe-9. Di antaranya, satu penternakan itik dan pemesanan telur masih antara oleh KKRW, RM120,000.00.

Usaha *Micro* MARA RM2 juta, *Incredible* Teknikal RM2 juta, Rangkaian Niaga RM2 juta, Ekonomi *Micro* PERDA RM140,000.00, membaiki pulih rumah PBR pada tahun 2008 RM1.2 juta, pada tahun 2008 juga oleh KKRW sebanyak RM189,000.00 dan juga terdapat peningkatan pendapatan kepada RM111,000.00. RM896,000.00 pula untuk membaiki rumah, RM575,000.00 untuk 50 peserta untuk membuat dan membaiki rumah mereka. Sementara itu, ada lagi RM58,000.00 program untuk kemiskinan bandar di MPSP iaitu 42 orang dan MPPP 35 orang pada tahun ini.

Di samping itu, menjadikan jumlah RM10.5 juta di samping itu dalam perancangan ICU tahun 2009, Program Bina Insan RM200,000.00, Program Jalinan Kasih RM12,000.00. Sementara di Kementerian Luar Bandar pula untuk 2009, program Kecemerlangan Pendidikan RM100,000.00, Program Modal Insan RM100,000.00. Jumlah RM712,000.00 dan ada banyak lagi yang saya kira termasuk lagi yang akan dibina rumah-rumah baru oleh pihak RISDA sebanyak RM10 juta peruntukkan ini, tidak termasuk wang sumbangan zakat. Ini menunjukkan bahawasanya Y.B. Tuan Speaker, usaha membasmi kemiskinan bukannya usaha kerajaan negeri semata-mata. Kita di pihak pembangkang bersama Kerajaan Persekutuan lebih lama prihatin. Kami telah bersama-sama mahu memberikan anak Pulau Pinang ini miskin tegar dan mensifarkan miskin tegar ini pada masyarakat kita. Walau pun begitu tuan-tuan dan puan-puan, Y. B. Tuan Speaker....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Minta, penjelasan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Ya.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Y.B. Tuan Speaker, sedarkah wakil daripada Pulau Betong, bahawa dalam usaha untuk membasmi kemiskinan Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam juga telah pun menumpukan usaha-usaha yang begitu berkesan di antaranya ialah program bantuan bina rumah di mana pada tahun 2008 sahaja, Pusat Urus Zakat telah membelanjakan sebanyak RM1,352,762.00 manakala pada tahun 2009 telah dibelanjakan RM1,774,762.00 untuk membina rumah-rumah kepada fakir-fakir miskin dan bagi bantuan baik pulih rumah sahaja pada tahun 2008 sebanyak RM1.2 juta telah dibelanjakan untuk membaiki rumah dan RM1.64 juta telah dibelanjakan pada tahun 2009. Jadi saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Y.B. Pulau Betong bahawa pembangunan dan juga usaha untuk mengatasi fakir miskin malah miskin tegar adalah di terujui oleh pihak-pihak lain yang lebih berkesan berbanding dengan kerajaan negeri. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Y.B. Tuan Speaker dan Y.B. Permatang Berangan sesungguhnya, saya insaf bahawasanya program menghapuskan kemiskinan ini tidak boleh kita seorang *claim* kata kita seorang yang membuatnya, ianya adalah program bersepadu oleh semua pihak yang memberi dan juga menerima pemberian.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Y.B. EXCO nanti, apakah asas yang digunakan oleh kerajaan negeri dalam mengumumkan miskin tegar telah terhapus? berikan angka-angka mengikut daerah, di manakah sumber kewangan yang diperoleh oleh negeri untuk memberi bantuan membasmi kemiskinan? Saya difahamkan sumbangan dari pihak swasta, siapa syarikat swasta tersebut, kuasa dan bidang kuasa negeri dalam memungut dalam wang dari orang ramai. Sumbangan daripada syarikat boleh memperkasakan politik jika boleh ditaksirkan sebagai habuan dalam unsur penyelewengan dan saya hendak tahu, apakah ada dana negeri diwujudkan?

Y.B. Tuan Speaker, saya bersyukur kerajaan negeri itu juga memberikan penumpuan kepada sektor pelancongan di negeri ini. Dalam ucapan perasmian Dewan telah menyatakan bahawa mana kala Penang Global Tourism Sdn. Bhd. bertujuan menjadi jentera pemangkin sektor pelancongan berikutan keputusan Kementerian Pelancongan membatalkan memorandum persetujuan berhubungan dengan kegiatan pelancongan di Negeri Pulau Pinang di antara MTEN dengan kerajaan negeri. Saya telah menyemak, dari kenyataan ini memang benar MOU di antara MTEN, kerajaan negeri telah pun dibatalkan selepas Pilihan Raya ke 12, kerana MTEN tidak boleh bertanggungjawab dan menerima arahan daripada EXCO pelancongan. Ini ialah pegawai-pegawai MTEN adalah bertanggungjawab kepada menteri, tetapi Kerajaan Persekutuan tidak pernah, saya ulangi bahawa Kerajaan Persekutuan tidak pernah memberhentikan pengagihan peruntukan untuk pelancongan di negeri ini. Dewan telah dimaklumkan bahawa Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTEN) telah ditubuhkan oleh kerajaan negeri pada 5 Mac, 2009. bagi saya ianya bukanlah tempat masanya tetapi telah lewat ditubuhkan kerana isu kewangan melanda di seluruh dunia pada bulan Oktober 2008.

Kerajaan negeri sengaja melengah-lengahkan masa dan hanya menyalahkan pihak lain. Jika boleh disalahkan kepada pentadbiran yang lepas tidak ada usaha ikhlas bagi menangani krisis ini. Telah dinyatakan dalam ucapan perasmian terdapat 3 jawatankuasa telah ditubuhkan, tetapi tidak pula menghuraikan strategi-strategi yang pada setiap sektor menghadapi krisis ini. Apakah strategi-strategi pelancongan dari segi pemasaran, sasaran, pasaran, dan produk misalnya, tidak dihuraikan? Y.B. Tuan Speaker, Dewan yang mulia ini dimaklumkan tentang penubuhan *chief minister incorporated* yang telah dikatakan akan diberikan dimensi baru kepada institusi aktiviti pelaburan. Ada penubuhan *chief minister incorporated* ini bercanggah dengan *state secreted incorporated* yang telah sedia dengan fungsi dan plan yang sama. Mewujudkan kecelaruan di sini, seolah-olah ada jabatan dalam jabatan kerana seolah-olah Y.A.B. Ketua Menteri tidak percaya agensi-agensi yang ada. Perubahan ini merangkumi semua kegiatan yang dijalankan oleh InvestPenang, PDC dan agensi lain kalau begitu, bagi mengurangkan perbelanjaan dan mengelakkan pembaziran seperti yang dinyatakan dalam CAT lebih baik dimansuhkan Invest Penang dan PDC kerana fungsi mereka telah diambil oleh *chief minister incorporated*.

Saya ingin tahu mengapa kereta kabel yang dicadangkan dari Taman Botanical Pulau Pinang. Bukankah tanah yang di kawasan kuari yang bersebelahan dengan Taman Botani merupakan sebahagian daripada projek pembesaran Taman Botani. Bayangkanlah hanya satu jalan sahaja yang menuju ke Taman Botani dan bagaimana jalan-jalan dalam kawasan perumahan tersebut dapat menampung peningkatan lalu lintas. Jika di sana dibina satu lagi stesen pengangkutan ke Bukit Bendera. Adakah penubuhan perbadanan Bukit Bendera berkait dengan cadangan kabel car ini? Siapakah yang mencadangkan pertalian seperti ini? Adakah penubuhan perbadanan Bukit Bendera berkait dengan cadangan kereta kabel ini? siapakah yang merancang talian seperti ini?

Penubuhan perbadanan akan menyebabkan perbadanan ini mencari punca kewangan sendiri, adakah undang di sebalik batu? Adakah perbadanan ini hanya menyerap semua tanah yang ada di Bukit Bendera untuk dimajukan bagi menjana punca kewangan? adakah perbadanan ini akan dikuasai atau dipengaruhi oleh pihak yang mahu memajukan Bukit Bendera pada awal tahun 90-an? Walaupun dikatakan tender terbuka, ada maklumat mengatakan bahawa projek kabel ini berkaitan dengan personaliti korporat di Pulau Pinang yang mahu menjadikan Bukit Bendera pada tahun 90-an. Projek kereta kabel ini juga bercanggah dengan pelan asal ke Taman Botani, bagaimanakah pula dengan dan apakah pula akan terjadi kepada perancangan Taman Botani?

Y.B. Tuan Speaker, seperti mana dalam penjelasan saya dalam sesi dua hari yang lepas. Kerajaan ini mungkin juga bukan sahaja *copy CAT*, tetapi hari ini saya perasan ianya *cut and paste*. Contohnya Alter City Team Park di Juru, sebenarnya telah di popular oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini dengan cadangan sebuah syarikat Jepun, malahan Kerajaan Barisan Nasional telah memberi sokongan kepada cadangan tersebut pada bulan April 2007. *Team Park* tersebut yang dicadangkan di atas tanah seluas 36 ekar. Ini dilaporkan di dalam akhbar The Star 23 April, 2007. Oleh itu apa sebenarnya berlaku, kerajaan *cut and paste* juga mahu mengambil kredit daripada cadangan kemajuan klip-klip dalam fail-fail *washing*. Aktiviti ini sebenarnya sudah lama dimulakan dipengerusikan oleh bekas ADUN Jawi Tan Chin Liang. Beliau telah menubuhkan majlis pelancongan di Seberang Perai pada tahun 2007 bagi mempromosikan ekopelancongan di dalam kawasan Nibong Tebal yang merangkumi klip-klip Sungai Kerian. Usaha tersebut mendapat sokongan dan bantuan kerajaan negeri pada ketika itu dengan membiayai pelbagai program.... (gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Dan promosi termasuk laporan khas dalam terbitan *Ogled Places*, satu terbitan majalah Majllis Perundangan Pulau Pinang bersama dengan The Star. Apa yang mahu oleh kerajaan sekarang, semuanya di *cut and paste* daripada apa yang dirancang, dilaksanakan, dilakukan dan dipromosikan oleh kerajaan Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Terima kasih Y.B. Pulau Betong, Y.B. Tuan Speaker soalan saya, tahu kah Y.B. Pulau Betong, siapa pengasas pelancongan *fire fly* yang sebenar? bilakah *fire fly* yang ada di Sungai Kerian itu bermula? tolong berikan kepada saya jawapan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Jawapan itu, mungkin kita minta EXCO jawab tetapi saya difahamkan di dalam Dewan yang mulia ini, inilah yang diutarakan oleh Y.B. Jawi pada masa itu, tarikhnya, siapakah dia yang sebenarnya? tanya EXCO dia boleh jawab.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Tolong berikan laluan sekali lagi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Cukup-cukup masa tidak ada. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri dan syabas terutamanya pada EXCO Pelancongan kerana telah berjaya mengetengahkan polisi dan cara kerja pelancongan baru *cut and paste* dalam kerajaan CAT Pulau Pinang. Kerajaan negeri ini seperti kata, seperti ayat Y.B. Datok Keramat, pencelup dan peniru. Kerajaan negeri mahu memberi penumpuan kepada pelancongan berasaskan ekopelancongan, bagus, saya amat bersetuju kerana saya sentiasa mendukung pelancongan semula jadi ini, tetapi mereka terlupa tentang access apa yang terjadi di negeri ini. Apa yang berlaku pada taman atas State Park di Pulau Jerjak. Apakah yang berlaku di Taman Negara Pulau Pinang? Jika harapan, jika kerajaan negeri benar-benar mahu memajukan ekopelancongan, perhatian perlu diberi kepada kedua-dua taman ini daripada *Tiger Park*, contohnya Taman Negara Pulau Pinang iaitu penyu, penyu yang datang secara semula jadi, apa kedudukannya sekarang. Kalau dahulu Kerajaan Barisan Nasional memperuntukkan hampir RM100 ribu setahun bagi pemulihan penyu, apa yang dibuat oleh kerajaan sekarang, yang adil, yang asli tidak dijaga, yang di luar di bawa masuk, yang mahu di tepis, mahu dijaga, yang CAT pula yang di biar merajuk. Saya ingin menegaskan pada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Persekutuan banyak membantu sektor pelancongan di negeri ini, malangnya tidak pernah dihargai oleh kerajaan negeri. Saya sendiri sebagai anak negeri tidak rela membiarkan Pulau Mutiara ini negeri kelahiran saya ini tertinggal dalam sektor pelancongan.

Kerajaan Barisan Nasional telah dan akan terus memberi perhatian kepada sektor pelancongan di negeri ini, untuk makluman Dewan dan seluruh warga industri pelancongan, suka saya maklumkan bahawa di antara projek pelancongan yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

1. Membina Hotel Seri Malaysia di Kepala Batas bernilai RM35 juta
2. Sistem kereta api Bukit Bendera bernilai RM60 juta
3. Naik taraf Koloktal India bernilai RM1.6 juta
4. Menaik taraf kemudahan Pulau Aman bernilai RM227 ribu
5. Muzium Perang Fasa II bernilai RM5 juta
6. Pusat makanan laut Batu Kawan bernilai RM3.8 juta
7. Kemudahan sistem stesen bawah tanah Bukit Bendera bernilai RM5 juta
8. Pembangunan pelancongan Taman Perbandaran RM4 juta
9. Menaik taraf chalet Seri Idaman Telok Tempoyak RM200 ribu
10. Pembangunan pelancongan Taman Botani, RM7 juta
11. Peningkatan kemudahan pelancongan Taman Mutiara Laut, RM2 juta.

Di mana jumlah keseluruhan adalah RM127,827,000.00, satu jumlah yang cukup besar. Untuk makluman dewan juga, dari sejumlah RM495 ribu yang telah diperuntukkan kepada *Tourism* Malaysia Pulau Pinang, sebanyak RM240 ribu telah

diperuntukkan untuk tujuan promosi. Di samping itu, sejumlah RM1.8 juta juga telah dibelanjakan oleh Kementerian Pelancongan untuk program pelancaran *homestay* Pulau Pinang, Zoom Malaysia Travel Fair di Queens Bay, dan *Cuisine and Culture Extravaganza* Pulau Pinang. Semua ini adalah bertujuan untuk mempromosikan bumi tercinta negeri Pulau Pinang ini. Semua ini juga jelas membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional, sentiasa mengambil-berat tentang pelancongan di negeri ini. Biarlah kerajaan negeri dengan *copy* CAT nya, *pussy* CAT nya, *cut and paste* nya, Kerajaan Barisan Nasional tetap rasional dan prihatin dengan masyarakat Pulau Pinang dan akan terus membantu *tourism industry player, we will continue support in this industry*, insya-Allah.

Saya juga ingin memaklumkan dewan bahawa beban Unit Polis Pelancongan, bukanlah perkara baru. Tapi sebenarnya telah lama diwujudkan oleh kerajaan sebelum ini. Saya juga ingin memohon pertimbangan kerajaan negeri supaya perkhidmatan bas percuma, yang kini hanya tertumpu kepada kawasan bandar sahaja. Saya berpendapat bahawa rakyat di kawasan luar bandar juga memerlukan perkhidmatan yang serupa. Begitu juga dengan *Project Cherry Blossom* juga, hanya tertumpu di kawasan bandar. Saya lihat, seolah-olah rakyat negeri ini hanya ada di sekitar bandar sahaja. Kerajaan negeri seolah-olah hanya mengambil kira penduduk bandar, dan lupakan, dan tidak sayangkan penduduk luar bandar lagi.

Tabung Modal Pusingan sebanyak RM500 ribu yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Ketua Menteri pada sesi yang lepas. Y.B. Tuan Speaker, siang tadi, ada seorang peniaga kecil datang berjumpa dengan saya, minta saya membuat pengesahan kepada Tabung Modal Pusingan kepada PDC ini. Saya tanya pada dia, ada duit kah tabung ini? Dia kata ada Y.B., ramai dah dapat dah. Saya kata betul kah, dia kata betul, dia kata. Saya buka jawapan saya. Jawapan yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada saya, saya tunjuk kepada dia. Saya kata, ini jawapan bertulis kerajaan negeri. Setakat ini, belum ada bantuan kewangan yang dikeluarkan kepada mana-mana pemohon kerana memerlukan penelitian cadangan projek dan melibatkan peraturan kewangan. Tersentak dia, muka dia berubah, sedih, kerana besarnya harapan dia kepada kerajaan negeri, tetapi telah dihampakan, perkara yang telah diuar-uarkan pada 6 bulan dulu, sampai ke hari ini pun tidak dikeluarkan. Dalam akhbar juga dikeluarkan, bahawa PDC beku dana modal pusingan peniaga. Mungkin EXCO atau Yang Berhormat Ketua Menteri boleh *explain* perkara ini.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin beralih kepada isu setempat pula. Tahniah kepada Kerajaan CAT Pulau Pinang kerana telah mewarisi sebuah pasar yang cukup cantik di Balik Pulau. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan CAT kerana telah berjaya menjimatkan wang MPPP kerana sampai kepada hari ini masih ada janji-janji yang telah diberikan dalam jawapan kepada saya yang lepas tetapi masih belum ditunaikan. Kata jawapan yang tersebut, antaranya:-

Soalan Y.B. Pulau Betong adalah bertepatan. Bahagian Pelesenan MPPP telah pun merujuk kepada jabatan berkenaan MPPP, untuk memasang papan tanda hala dan tuju arah.

Jawapan CAT inilah yang saya berikan kepada peniaga di Pasar Besar Awam. Ini jawapan yang sudah. Mereka begitu gembira apabila melihat jawapan ini. Mereka kata, hebat kerajaan negeri ini. Tetapi, pada hari ini, setelah 6 bulan berlalu, apa kata mereka, janji hanya tinggal janji. Satu tanda pun tak ada. Yang ada hanya tahi cicak yang membuat tanda-tanda di merata-rata tempat. Manis kata di bibir sahaja, tapi hati lain bicara, andai ini adat bekerja, polisi CAT sia-sia saja.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Beri laluan. Tolong beri laluan. Saya rasa Y.B. Pulau Betong, apa cakap tak betul. Apa yang saya tahu, papan tanda itu bubuh kat tempat pelancongan. Apa yang BN sumbangkan dalam hal ini? Dan nak tuduh orang apa, apa yang buat, tak buat kerja la, dia buat kerja ka, itu semua tak betul. Saya rasa tuduhan Y.B. Pulau Betong tu, keterlaluan sangatlah. Tahi cicak pun ada, nak nilai sesebuah keputusan sampai macam tu. Saya rasa Pulau Betong kena fikir juga, yang apa, yang kemampuan kerajaan untuk membasmi kemiskinan lebih penting dari apa yang dituduh oleh apa, apa yang disebut-sebutkan tadi, itu papan tanda untuk pelancong saja. Tapi kalau kerajaan ada duit lebih, kerajaan mungkin akan boleh buat pembangunan macam tu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Saya pun tak faham. Saya cakap tentang Pasar Awam Balik Pulau, papan tanda. Jawapan diberikan, akan di pasang, tapi sebenarnya, belum di pasang, kalau tak percaya turun ke padang. Tak payah babitkan papan *tourism* pula. Sudah, sudah, sudah, buang masa saya saja. Saya tak bagi, Tuan Speaker. Saya tak bagi. Orang cakap lain, *you* cakap lain.

Y.B. Tuan Speaker, mewakili peniaga di Pasar Awam Balik Pulau, mereka juga memohon supaya kadar sewa dikurangkan. Alasannya cukup mudah, Kerajaan CAT Pulau Pinang adalah kerajaan prihatin dan sayangkan rakyat. Kalau yang miskin tegar ditambahkan dengan wang, menjadikan mereka tidak tegar, maka, mengapa tidak yang tegang urat bekerja mencari nafkah juga di bantu. Mereka memohon dan merayu, supaya kadar sewa di kaji semula dan dikurangkan serendah yang boleh, bagi membantu mereka menghadapi situasi ekonomi yang kian mencabar. Alasan yang lain yang mereka berikan adalah kerana jumlah pelanggan yang terhad. Saya memberi contoh, ASTAKA, sewa RM120.00, lesen RM36.00, jumlah RM156.00, tidak termasuk api dan air. Pendapatan bulanan hanya sekitar RM500.00 sahaja. Bazar sewa RM160.00, lesen RM30.00, jumlah RM190.00 tidak termasuk api dan air. Dan banyak lagi yang saya ada di sini Y.B. Tuan Speaker. Apa yang mereka minta supaya kalau boleh kerajaan yang prihatin ini, tolonglah, kurangkan kadar sewa mereka itu.

Sementara itu Y.B Tuan Speaker, terdapat dua orang wakil yang juga wajar di tolong. Mereka bersemangat untuk berdikari tetapi tidak mampu membayar sewa yang tidak setimpal dengan pendapatan mereka. Akhirnya, mereka terpaksa menggunakan wang yang mereka peroleh daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menampung membayar perbelanjaan mereka itu.

Isu yang kedua juga Y.B. Tuan Speaker berkisarkan kepada jawapan yang diberikan pada dewan yang lepas tetapi masih belum diambil tindakan. Saya ingin merujuk kepada jawapan pada soalan dewan yang lepas, berkaitan banjir berhampiran dengan kawasan pasar di Balik Pulau. Jawapan yang saya terima, mengikut laporan daripada Pengurus Projek, tidak ada banjir berlaku di kawasan sekeliling tapak projek. Saya hairan, kenapa pemasalah sebegini di rujuk kepada pemaju? Dan bukannya kepada Pejabat Daerah. Terlalu mudah untuk menulis jawapan dengan merujuk kepada Pengurus Projek. Kenapa tidak turun ke padang dan rujuk sendiri kepada pembeli-pembeli rumah dan mendapatkan jawapan dari mereka sendiri. Apakah kerana mereka itu mungkin Ahli Gerakan contohnya, maka, EXCO pakatan tidak boleh turun ke padang berjumpa dengan mereka?

Ini adalah contoh terbaik, untuk mengamalkan cara bekerja CAT yang diperkatakan sebagai cekap, jujur dan telus. Cekap kerana mendapat jawapan dengan cara yang paling mudah. *Accountable*, dengan melepaskan tanggungjawab kepada pihak ketiga dan telus, kerana mempunyai agensi sendiri tetapi tidak mempercayai mereka. Sekarang ini musim hujan, dan berkemungkinan banjir akan berlaku. Saya mahu dengan ikhlas, saya mahu jawapan yang ikhlas dan telus daripada EXCO, nak selesaikan masalah atau pun tidak? Kalau tak nak bagi tahu, saya boleh cari cara lain untuk menyelesaikan. Supaya orang tidak mengharap seperti menunggu durian yang tak runtuh.

Kalau padi katakan padi,
Tidak mereka tertampi-tampi,
Kalau sudi katakan sudi,
Tidak mereka ternanti-nanti.

Y.B. Tuan Speaker isu ketiga, ini juga masih berkisar kepada soalan yang lepas, yang masih belum ada tindakan. Isu ketiga ini, berkaitan dengan pengorekan tanah bukit dan penimbunan tanah sawah. Jawapan diberikan, pengorekan tanah bukit adalah dibenarkan atau tidak dibenarkan, pihak mana yang tidak mematuhi syarat boleh di dakwa di mahkamah. Jawapan yang cukup ringkas. Sebagaimana pengorekan tanah bukit, adalah satu kerja yang salah. Maka, penimbunan tanah sawah di kawasan pengairan di Sungai Nibong juga adalah salah dengan merujuk kepada Warta 161 Tahun 1953. Saya mahu jawapan kepada isu ini di hantar terus EXCO Pertanian melalui surat saya bertarikh 04 Mac 2009. Saya telah bermesyuarat dengan Pejabat Daerah bersama-sama dengan JPS dan Jabatan Pertanian tetapi mengapa sampai hari ini masih belum ada apa-apa tindakan yang di ambil di atas kawasan timbunan tanah di lot 421. Y.B. Tuan Speaker, saya telah memberikan tiga tadi, tiga kisah benar isu yang telah diutarakan pada dewan yang lepas yang masih menanti penyelesaian. Kerana ketidakcekan kerajaan negeri, kerana tiada akauntabiliti kerajaan negeri, kerana ketidaktelusan pengurusan kerajaan negeri, maka, hal-hal yang sepatutnya diselesaikan dengan kadar segera telah dilengahkan. Sungguh sedih. Ditangguhkan sehingga menyusahkan rakyat. Rakyat diperkotak-katikan sesuka hati. Janji kosong bunyinya kuat, isinya tiada. Andai ini adat memuja, pincanglah CAT, hancurlah negeri, musnahlah masyarakat. Sekian, saya memohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Terima kasih Ahli Pulau Betong. Dipersilakan Ahli Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker kerana bagi peluang pada saya untuk turut serta membahaskan ucapan Tuan Yang Terutama, Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun kerana sudi memberi satu ucapan yang amat bernas di dalam persidangan kali ini.

Mungkin di dalam perbahasan saya hari ini, berkaitan beberapa perkara mengenai prinsip CAT iaitu kerajaan negeri ini akan dipertikaikan sedikit. Rakyat negeri ini merasakan bahawa keupayaan dan kecekapan kerajaan negeri amat lemah walaupun banyak perkara dan pencapaian yang telah pun diuar-uarkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam jawapan kepada soalan lisan saya nombor 14 pada hari persidangan saya yang mulia ini.

Walaupun ada yang berpendapat soalan ini akan memberi impak dan ruang, kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk menceritakan pencapaian kerajaan negeri. Tetapi sebenarnya jawapan yang di terima jelas menunjukkan bahawa jika hala tuju kerajaan negeri, adalah bergantung kepada kebanggaan bagi jawapan yang diberikan itu, nescaya, pertumbuhan ekonomi negeri Pulau Pinang ini akan merosot jika dibandingkan dengan negeri-negeri di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional yang profesional. Cuba kita lihat daripada portfolio yang diamanahkan kepada Pejabat Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri.

Selain memperkenalkan urus tadbir CAT, yang masih dipertikaikan keberkesannya, perkara-perkara yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional selama 50 tahun dahulu, dilakukan kosmetik tertentu oleh kerajaan negeri sekarang dan kemudian dipersembahkan sebagai kebanggaan dan pencapaian kerajaan negeri sekarang. Kerajaan negeri dahulu juga telah berjaya membawa pentadbiran kerajaan negeri yang cekap berasaskan kepada pelan integrasi, pelan integriti nasional atau pun PIN, *sorry*. Dan oleh itu, kecekapan pegawai-pegawai kerajaan yang ada sekarang ini, telah pun memberikan satu *advantage* ...(dengan izin), kepada kerajaan negeri sekarang. Kita harus mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Barisan Nasional yang profesional dan cekap dahulu yang telah membawa negeri Pulau Pinang ke tahap kejayaan yang membanggakan.

Bercakap berkenaan dengan ketelusan, apakah hasil siasatan mengenai penyelewengan tanah yang digembar-gemburkan sebelum ini? Apakah kedudukan peruntukkan RM500 ribu yang disalurkan kepada PDC berkenaan tabung modal yang dibangkitkan oleh banyak Wakil Rakyat pada hari ini? Bercakap juga mengenai kecekapan kerajaan negeri sekarang dengan peruntukkan RM1 juta untuk tujuan pasukan rondaan sukarela atau PRS. Yang sebenarnya duit ini telah pun awal-awal lagi telah pun di bayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada KRT-KRT. Jadi, saya hairan kalau kerajaan negeri masih nak gunakan duit ini juga untuk bagi pada tujuan yang sama, nak tumpang 'toi' sekali di dalam satu tindakan yang telah pun ada bajet persekutuan mengenainya. Jadi, saya percaya ini adalah satu tindakan yang kurang cekap yang diambil oleh kerajaan negeri yang telah membelanjakan wang rakyat yang tidak mengikut prioriti atau pun keperluan yang mendesak.

Selain daripada itu, jika kita kaji polisi-polisi yang kononnya diperkenalkan oleh kerajaan negeri, rasa amat lucu sikit. Apabila kita jawapan – jawapan yang diberikan oleh YAB Ketua Menteri dan juga EXCO-EXCO kepada soalan lisan saya nombor 30 yang saya kemukakan. Mengenai dengan perancangan ekonomi tidak ada satu pun dasar baru yang jelas yang dapat kita menaruh harapan di dalam jawapan diberikan. Mengenai Pendidikan Sains, Teknologi dan Inovasi jawapan diberikan adalah dilihat sebagai satu *general statement* sahaja langsung tidak ada satu strategik *planning* bagi mencapai sesuatu matlamat. Untuk Kerajaan Tempatan dan Pengusaha lalu lintas saya rasa okey lah nampaknya sebab itu tak banyak nak komen. Tetapi ada juga polisi-polisi yang saya rasa yang tak cukup “umph”. Bagi portfolio MMK Kerajaan, MMK Kerjaya dan Utiliti sebenarnya banyak perancangan yang harus dibuat mengenai perkara ini keadaan jalan-jalan yang perlu diselenggara lemah kerana selalu memberi jawapan tak cukup peruntukan dan sebagainya. Jalan-jalan baru yang harus dibina dengan bantuan ataupun dengan menggunakan kaedah “*Vision from the Internet Imaging*” sepatutnya dapat membantu di dalam perancangan jalan-jalan baru dan juga jalan-jalan pintas di negeri ini. Tetapi dari perancangan yang dibuat dan jawapan yang diberikan saya tengok amat lemah sekali kerana visi portfolio yang telah diamanahkan ini.

Y.B. Tuan Speaker setakat ini saya ingin tahu berapakah ribu masjid, surau yang telah diberikan kelulusan oleh kerajaan negeri dan berapa banyak pembiayaan telah dibuat bagi maksud ini dan kawasan manakah kerajaan negeri yang telah berjaya membina masjid, surau dengan menggunakan peruntukan kerajaan negeri sendiri. Saya rasa apakah yang di guna pakai oleh PBT supaya masalah pembinaan haram tidak lagi wujud bagi rumah-rumah ibadat dan sebagainya. Apakah peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli majlis PBT bagi maksud ini dan apakah kelayakan ahli-ahli majlis dilantik dan kenapakah pegawai-pegawai daerah digugurkan sebagai ahli majlis di dalam PBT? Tahukah kerajaan negeri bahawa pengalaman dan kelayakan yang ada pada pegawai daerah amat penting untuk menjadi input di dalam sesuatu PBT? Adakah sesuatu agenda tersirat kerajaan negeri atau apakah tujuan lain yang tindakan drastik ini dilakukan? Setakat manakah pengukuran prestasi ahli-ahli majlis ini dibuat sehinggakan ada yang menuduh bahawa ada di kalangan ahli-ahli majlis yang rajin yang komited yang tahu buat kerja tapi tidak terpilih semula? Adakah ini sesuatu tindakan yang diambil kerana mengamalkan kronisme di dalam kerajaan negeri sekarang?

Di dalam menambah polisi-polisi yang sedia ada apakah polisi-polisi baru yang telah diperkenalkan oleh kedua-dua PBT. Bagaimanakah garis panduan mengenai dengan pembangunan lereng bukit? Apakah cara kawalan bagi pembangunan di atas kawasan tebus guna? bagaimanakah kawalan ke atas pembangunan baru yang tidak akan mendatangkan masalah kepada kesesakan lalu lintas, banjir kilat, penyambungan perhubungan dari satu kawasan pembangunan baru dengan kawasan yang berdekatan dengan daerah. Nampaknya kerajaan negeri lembap tak banyak idea-idea baru yang memberangsangkan. Pegawai-pegawai yang cekap janganlah diberikan tekanan sehinggakan melemahkan semangat mereka untuk tumpu kepada kerja-kerja mereka. Dulu kerajaan negeri tuduh MPSP tak pandai urus kewangan negeri hantar pasukan untuk buat audit dan lain-lain. Tuduh orang ni rasuah tuduh orang tu rasuah jadi apakah keputusan siasatan terhadap MPSP. Saja nak cari publisiti murah nak tunjukkan kerajaan negeri membuat sesuatu.

Y.B. Tuan Speaker kerana kecekapan Tuan Yang Dipertua MPSP yang bertugas dari masa Kerajaan Barisan Nasional memerintah dahulu di Pulau Pinang ini, berjaya untuk buat pertama kalinya untuk membuat *Surplus* Bajet untuk MPSP seperti yang dinyatakan oleh Ahli Komtar. Ini menunjukkan bahawa kerajaan Barisan Nasional telah pun berjaya memberikan budaya cara kerja yang amat positif kepada pegawai-pegawai kerajaan dan kerajaan negeri mewarisi satu pasukan pegawai kerajaan yang cekap di bawah pengalaman yang diberikan oleh kerajaan Barisan Nasional semasa memerintah dahulu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta laluan... bagi tahun bila MPSP bagi satu bajet yang ada *Surplus* tahun yang mana?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Mengikut maklumat yang diberikan oleh ADUN Komtar tadi nyatakan bahawa pada tahun ini MPSP telah pun akan mengisytiharkan bajet *Surplus* sebanyak RM3 juta. Jadi berpandukan maklumat itu saya pun nyatakan di sini.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Minta penjelasan. Ini atas usaha siapa? Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat. Silakan.....(ketawa).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sebab itu saya mahu soalan itu di bangkit kerana dia akan tanya soalan yang saya minta untuk dijawab. Inilah atas daya usaha Kerajaan Barisan Nasional yang telah berjaya untuk melatih dan memberikan pengalaman yang begitu cekap kepada seorang Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Seberang Perai yang begitu cekap dan akhirnya berjaya untuk mendapatkan *Surplus*.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Bagi laluan Y.B. Seberang Jaya, tahukah Y.B. Seberang Jaya kelemahan-kelemahan yang terwujud di dalam MPSP sebelum ini? Pernahkah Y.B. Seberang Jaya memikirkan masalah yang terwujud dalam MPSP? Nanti soalan saya belum habis lagi sikit lagi. Saya rasa apa cara budaya kerja PM itu memang bagus tapi dia tak transparensi, itu yang apa yang kita nampak, saya rasa tahukah Y.B. Seberang Jaya kemajuan yang telah dicapai apa oleh MPSP buat masa sekarang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Terima kasih ADUN Jawi, sebenarnya apa yang dilakukan oleh di mana-mana jabatan lah, tak usah kata MPSP saja dia punya produktiviti, keupayaan pegawai-pegawai kerajaan melaksanakan penambah baik setiap sesuatu dia akan berlaku dan akhirnya pada masa sekarang kita dapat lihat MPSP dapat mendapatkan *Surplus* sedemikian kerana kecekapan mengutip balik mungkin daripada cukai-cukai dan sebagainya yang dilakukan sebelum ini pun dia cuba dilakukan. Tetapi pada masa sekarang proses pengutipan itu telah sampai pada masa pengutipan yang dapat lebih tinggi sekali dan akhirnya dia menunjukkan bahawa pegawai ini adalah pegawai yang amat cekap sekali. Apa pun yang penting sekali ialah saya ingin nyatakan di sini takkanlah lembu punya susu sapi nak ambil nama. Jadi *must be given to the those who deserve* ...(dengan izin). Saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Dipertua MPSP kerana kecekapan tuan telah menunjukkan bahawa pegawai kerajaan yang diwarisi di zaman kerajaan Barisan Nasional di Negeri Pulau Pinang dahulu telah berjaya menimba pengalaman dan kecekapan dari pada pimpinan Barisan Nasional yang dulu dan memberi impak yang besar di dalam sistem pentadbiran kerajaan. Janganlah lagi ada tuduhan pegawai atau pekerja MPSP atau MPPP rasuah, kalau ada buat laporan terus ambil tindakan. Jangan sehingga ada pengarah yang cekap terpaksa berhenti kerja jangan sampai ada pegawai ataupun pekerja MPPP merasa kurang sedap hati dengan ancaman tuduhan rasuah atau salah guna kuasa dan lain-lain. Kasihan depa, depa ini pegawai kerajaan

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Minta penjelasan...minta penjelasan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Ubah lah perangai wahai Pakatan Rakyat, bawalah ke meja keadilan jika benar-benar ada bukti jangan duk hentam kromo saja. (gangguan) Hal ini terbukti.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Minta penjelasan...minta penjelasan. Saya nak minta Y. B. Seberang Jaya namakan mana-mana pegawai yang rajin bekerja, yang berkaliber tapi dihentikan kerja. Silakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Dia apabila diberikan tekanan psikologi terhadap sesuatu pegawai termasuklah kalau kita lihat di dalam sesuatu PBT saya tak mahu sebut kerana ianya akan mengakibatkan baik-baik tindakan yang tak akan diambil pada pengarah sedemikian seterusnya di ambil akhirnya di dalam satu PBT, Pengarah tersebut telah pun terpaksa meletakkan jawatan dan ada lagi di kalangan pengarah yang merasa kurang senang, sebab itu saya kata suasana kerja janganlah terlalu sangat kita ingin dapatkan satu imej atau satu nama yang baik dan akhirnya kita bagi tekanan yang sedemikian. Apa pun tak apalah yang penting sekali ialah, kita jaga hati semua orang di samping kita ingin mendapatkan pengiktirafan kecekapan pentadbiran dan sebagainya. Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian dan Tuan Yang Dipertua ...(gangguan) kena bagi tambahan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tan Cheong Heng):

Ya, terima kasih Y.B. Seberang Jaya, tadi Y.B. kata sekarang MPSP ada tambah usaha yang lebih baik maksudnya prestasi yang lebih baik dan ini waris daripada Barisan Nasional tetapi sebenarnya dari *point* ini saya kurang bersetuju, katakan sekarang kewangan ada lebih kukuh ataupun lebih baik disebabkan masa kutipan dah sampai ini pun tidak benar dan kita tahu juga tafsiran dan pintu cukai UMNO yang hutang sebanyak RM200 lebih ribu selama *more than 10 years* ini pun lama selama ini tak bayar dan akhir ini ligan-ligan baru nak bayar, sebab hutang dan sekarang boleh guna ini duit. Saya rasa ini bukan secara warisan daripada pimpinan Barisan Nasional, sebenarnya pegawai yang kakitangan PBT sedar ini kerajaan Pakatan Rakyat memang tidak bersama dengan Barisan Nasional yang dulu, kita memang bekerja usaha-usaha dan kita serius kita nak ubah bukan saja ubah yang di 308 buang undi hari itu saja, kita ubah dengan *mind set* yang bekerja yang betul-betul, ini yang sebenarnya yang kita nak ubah. Terima kasih

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Tak apalah, apa yang nak cakap *you* cakaplah tapi bagi saya bagi kredit kepada pegawai sebab saya rasa pegawai telah memahami bahawasanya apabila MPSP khususnya telah dituduh menyatakan *Deficit and Reserve Fund* MPSP merosot terpaksalah guna kuasa dan sebagainya, aniaya nama MPSP jadi busuk sebab akibat yang menyatakan bahawa mereka punya *Reserve Fund* dah rendah dan sebagainya. Selain daripada mungkin (gangguan) selain daripada kita bagi kredit kepada mana-mana EXCO yang berkenaan dari segi polisi Ahli Kawasan Padang Kota saya tidak banyak pertikaian tetapi dari segi keupayaan *positive thinking, positive attitude* pegawai berkenaan sebab itu kadang-kadang kita kena ingat apabila berlakunya sesuatu yang berjaya di dalam sesuatu jabatan kita kena sentiasa bagi kredit kepada yang *deserve* yang lain nak tumpang toi sekali sekaki ke tumpang lah. Jadi saya tak mahu cakap banyak berkenaan perkara yang tersebut, cuma saya ingin memperingatkan kalau boleh jangan kita jadikan *skateboard* mana-mana pegawai kerajaan untuk kepentingan propaganda sesuatu kerajaan dan sebagainya. Memang ada sedikit kelemahan seperti yang dinyatakan di dalam pentadbiran PBT dan sebagainya, dan ianya memakan proses untuk menambah baik dari segi pentadbiran di dalam zaman Kerajaan Barisan Nasional memerintah dulu pun saya sendiri sebagai ADUN duduk lebih kurang di meja situ juga banyak mengemukakan masalah dalam MPSP.

Alhamdulillah hari ini pun banyak telah pun tercapai kerana sesuatu yang telah berlaku itu, kalau orang nak beranak pun kadang-kadang 9 bulan baru tercapai ini bermakna ianya adalah dari warisan yang telah pun dilakukan oleh pegawai-pegawai semasa mereka berada menimba pengalaman daripada Barisan Nasional yang lalu. Maka ...(gangguan) saya nak habiskan topik ini. Y.B. Tuan Speaker kadang-kala aduan dibuat mengenai dengan longkang tersumbat, kebersihan kawasan dan sebagainya tidak diurus. Ini adalah kelemahan, benda sekecil-kecil longkang tersumbat dengan sampah lah sebagainya kadang-kadang rakyat yang kena buat aduan, mana pemantaunya, mana dia pegawai daripada PBT untuk memantau perkara ini.

Kerajaan negeri Ini harus memperkemaskan pentadbiran dan menambah baik pengurusan secara *hands on* ...(dengan izin), barulah perkara-perkara yang akibatkan seperti banjir kilat dan sebagainya di taman-taman perumahan tidak menjadi teruk umpamanya kalau kita tengok di kawasan Seberang Jaya di kawasan Chai Leng Park. Dulu 3 jam hujan tidak ada apa, la setengah jam hujan nak pi masuk selekoh Chai Leng Park pun dah banjir. Bila masuk di Jalan Tenggiri di Seberang Jaya pun dah rasa banjir, kerana apa ? Kerana salah satu sebab ialah *scuba drain* yang dibina itu tidak sesuai kepada kawasan yang ada takungan air semasa hujan. Sepatutnya pegawai PBT mengambil kesempatan untuk mereka membuatkan lawatan kepada kawasan-kawasan tersebut semasa hujan supaya mereka tahu lokasi sepatutnya di bina *scuba drain* supaya aliran air tersebut dapat diuruskan dengan sebaik mungkin. Sebab itu saya setuju dengan cakap Padang Lalang tadi ada baik dan ada tak baik yang ada kelemahan (gangguan) ini kita berikan peluang supaya kerajaan sekarang melalui EXCO Padang Kota memberikan tambah nilai berkenaan dengan *attitude* supaya pegawai-pegawai bawahan yang lainnya di dalam PBT juga mereka turut serta menjadi satu kemegahan pula di dalam pemerintahan kerajaan negeri kalau nak dapatkan kredit.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Saya nak tahu bila kerajaan Barisan Nasional saya di fahami jawapan daripada dewan ini dikatakan kawasan Chai Leng Park tanah yang lebih rendah daripada permukaan air laut adakah itu benar, *that means the land is lower? It's that correct or not?* daripada kerajaan Barisan Nasional mereka jawab dahulu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Ini lah tanggungjawab apabila kita beli satu syarikat, kita *take stock amphere* kita ambil aset kita akan ambil liabiliti jadi kita akan ambil juga jika ada sesuatu masalah kita kena selesai juga kalau kata kawasan Chai Leng Park itu rendah dan sebagainya saya percaya ahli dalam kawasan Padang Kota akan cari kaedah bagaimanakah harus mereka melakukan sesuatu tapi apa yang kita buat kajian yang kita akan lihat sekarang ialah di kawasan Chai Leng Park dan di kawasan Seberang Jaya masalah pengaliran yang sedang di hadapi dan kerana masalah banjir kilat yang di hadapi ialah kerana satu longkang yang memang tersumbat. Yang kedua *invert level* bagi longkang-longkang tidak sama, kadang-kadang kawasan dari satu tempat nak pi ke satu tempat lain dia jadi kawasan perumahan yang lain tu dah tinggi semacam dengan kawasan perumahan yang ada. Air pengalirannya itu tidaklah seelok dan sebagainya. Ini adalah satu kajian yang dibuat jadi Jawi....(gangguan), tunggu sat, saya bagi cakap kemudian.

Jadi di samping itu juga saya nak menekankan di sini iaitu kalau boleh kita bagilah balik supaya yang Dipertua, pegawai-pegawai daerah menjadi ahli majlis sebab kalau nak bawakan isu-isu dalam Majlis Tindakan Daerah banyak Y.B nak cakap, banyak pegawai lain nak jawab, jadi yang penting sekali apabila pegawai-pegawai daerah ada menjadi ahli majlis, perkara-perkara yang dibincangkan di dalam Majlis Tindakan Daerah maka akhirnya dia duk ada situ sebagai *chairman*, pengerusi Majlis Tindakan Daerah dan dia boleh bawa kes tu juga di dalam MPSP dan akhirnya dapat menyelesaikan masalah, sebab itu janganlah kita ketepikan pegawai-pegawai daerah. Pegawai daerah ini ialah pegawai yang paling banyak *accessibility* untuk *solving problem*.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta penjelasan. Terima kasih Y.B. Seberang Jaya. Cadangan Y.B. Seberang Jaya tadi kata cadangkan pegawai daripada MPSP menjadikan MPSP ahli majlis, adakah ini cadangan di masa ketika dulu Barisan Nasional ada dicadangkan?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Tak apa lah saya katakan tadi , YDP MPSP maksud saya tadi ialah pegawai daerah. DO patut jadi ahli majlis bukan pegawai DO patut diberi sebagai ahli majlis jangan ditarik balik kelayakan mereka yang itu sahaja. Tak apalah Tuan Yang Dipertua saya mengambil kesempatan ini memberitahu kepada Ahli Kawasan Padang Kota kalau boleh kerana benda-benda kecil-kecil tapi kadang-kadang terpaksa bawa dalam dewan tak mahu bawa pun tak boleh umpamanya saya kata saya minta untuk diwujudkan satu *traffic light* daripada kawasan Chai Leng Park belok ke kanan ke Taman Bagan Jawapan yang diberikan dikata kerana LLP memberikan bantahan dan tidak memperakukan dan sebagainya tetapi ini adalah kehendak rakyat. Kalau boleh cari jugalah apa-apa mekanisme supaya kemalangan yang sering berlaku daripada *u-turn* yang depan Megamall itu dapat dielakkan, banyak kali sangat terutama apabila gangguan daripada motosikal dan sebagainya mengganggu kereta yang nak belok, *u-turn* untuk pergi ke Perai kerana anak-anak yang sekolah di Chong Hwa dan sebagainya. Ibu bapa kata bila dia nak hantar anak pi sekolah Chong Hwa depa selalu berlaku kemalangan kecil dan sebagainya. Begitu juga kalau boleh, bagi kawasan Seberang Jaya dulu kita nak buat satu stesen minyak sekarang dah ada dah stesen minyak esso. Bantahan dibuat, ada wakil rakyat dulu bantah dia hampir-hampir nak menangis *first time* jadi wakil rakyat untuk membantah kerana bantahan dia itu tidak diterima dia rasa semacam. Dan hari kawasan yang dinyatakan itu menjadi satu masalah *accident* walaupun kalau ikut garis panduan biasa tidak boleh diadakan *traffic light* dan sebagainya kita minta diberi perhatian letak juga *traffic light* di antara Persiaran Tenggiri berhadapan dengan esso sebab kawasan itu sudah menjadi satu kawasan yang mendatangkan masalah apabila terbinanya stesen minyak esso di situ.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta penjelasan, sedikit saja. Terima kasih Y.B. Seberang Jaya

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Ya, Ya, silakan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Tadi kata dekat BOR dekat Perai sana jalan itu *u-turn* di *traffic light* Megamall setelah saya masih ingat lagi ketika masa itu BOR masih belum di buka untuk jalan dan kita pergi sana buat sedikit tunjuk perasaanlah dengan penduduk situ dan masih ingat lagi Samy Vellu masih belum letak jawatan masih sebagai Menteri lagi. Dan dia buat perjanjian macam-macam dan akhirnya saya tak nampak apa pun kita memang sudah nampak kelemahan untuk jalan itu kalau dia tiada tapi sampai sekarang ini tiada apa-apa.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sebab itu saya rasa ahli daripada Padang Kota dia dengar dia tahu ahli Padang Lalang dua-dua padang jadi bila padang dengan padang bermain dengan seiring, dia satu frekuensi, akhirnya yang di seberang pun akan dapat dia punya manfaat memang tak boleh buat, jadi kalau boleh adalah jawapan diberikan lepas itu akan berjaya dan lepas itu bila mesyuarat yang akan datang bila persidangan saya akan di samping saya akan puji lah ahli kawasan Padang Kota. Di samping itu juga saya minta untuk adakan dewan di Seberang Jaya, jawapan yang saya terima yang mengatakan bahawa dewan di Seberang Jaya ini tak payah la dah ada dah dewan di tapak EXPO. Lagi pun ahli Padang Kota kata kita dah ada dewan MPSP Abdullah Ahmad Badawi, ada lagi dewan Sunway Carnival dan sebagainya. Masalahnya bukan macam itu, masalahnya yang di hadapi masyarakat Seberang Jaya sekarang ini kalau dewan di tapak EXPO daripada dulu pun kita dah kata dah dewan itu teruk *air-cond* tak ada dan sebagainya. Nombor 2 dewan itu dah jadi pulau satu pulau Tenggara, Siakap, Sutera dan Terubuk satu pulau sana jadi pulau Semilang jadi orang nak buat kenduri kendera kadang-kadang ada orang cina nak buat perayaan, orang India nak buat perayaan tak ada dewan langsung, secara kebetulan memang ada tanah PDC di beberapa kawasan termasuk di Jalan Tenggara.

Di Jalan Tenggara itu ada banyak masalah lain iaitu pasar, pun juga di tolak oleh ahli kawasan Padang Kota, pasar di Seberang Jaya ini orang yang gemuk macam saya ini kalau masuk pasar hari Ahad bila bertembung lagi dengan mami-mami manakah kiranya tak boleh jalan dah. Sebab pasar ini dibina beberapa puluh tahun yang lalu masa itu penduduk di sana mungkin ada dalam 5 ribu, 6 ribu la penduduk di sana 40, 50 ribu orang jadi dari segi keperluan penduduk setempat ianya harus diadakan bagi perwujudan pula di situ dengan ada pasar malamnya dengan ada *food court* nya jadi *traffic* di situ juga terganggu apabila *parking* di tepi jalan di jalan utama dilakukan, sebab itu saya memohon atas jasa baik Ahli Kawasan Padang Kota dan masa saya bawa saya belanja makan char kiew teow di situ, Kita duduk kita bincang Ahli Batu Maung selalu kita pi kat sekali semula runtuhkan *food court* yang duk ada yang lama di persimpangan robohkan juga market yang sedia ada kalau tak mahu roboh yang lain dulu buat yang dua ni, bangunkan secara bersepadu supaya pasar tu diperbesarkan atas tu boleh jadikan satu dewan yang besar untuk kegunaan semua iaitu di panggil dewan awam.

Dewan Sunway Carnival mahal tak mampu, saya sendiri pun tak mampu apakan pula orang lain kita minta tolong la benda kecil-kecil ni tapi kalau boleh atas jasa baik Ahli Padang Kota dapat diselesaikan seperkara yang lain ialah dalam kerajaan kemelesetan ekonomi janganlah duk keluar kan banyak saman.

Tadi saya puji dah Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai dan sebagainya itu kerana *credit distribute to be given* apa saja kepujian yang sepatutnya. Jadi kebelakangan ini penjaja tepi jalan duk dapat saman ada yang draf notis untuk diruntuh kerana pasang pisang seikat yang itu ja sikit, bagi peluang depa, kalau depa rasa dia buat itu telah melampau mengganggu lalu lintas atau mendatangkan kekotoran dan sebagainya bagi syarat – syarat tertentu sehingga yang di cadangkan oleh beberapa ADUN yang lain iaitu kita ada lagi satu tempat lain untuk berikan penempatan semula kepada mereka untuk mencari makan dan sebagainya. Tuan Yang Dipertua seperkara yang lain ialah berkenaan dengan lalu lintas dan pengangkutan awam sekarang ini. Banyak taman – taman telah wujud taman-taman baru, PERDA yang begitu lama pun pengangkutan awam bas tidak masuk jadi budak –budak nak pi sampai ke sekolah nak kena berhenti di satu tempat nak jalan jauh ke belakang. Kemudian ada Taman Sutera pula buat lagi satu bas pula tak masuk.

Saya pohon kepada ahli kawasan Padang Kota tubuhkan satu syarat di dalam *planning work* maknanya mesti dapatkan kepastian daripada jabatan berkenaan bahawa *bus services* akan ada sebaik sahaja *sequency* telah dikeluarkan. Kalau tidak akan keluaran CCP dan CPC atau pun sebagainya kerana masyarakat memerlukan pengangkutan awam yang lebih efisien dan sebagainya. Tuan Yang Dipertua saya juga memohon kerana di dalam keadaan sekarang ini di Pulau Pinang ini harus maju. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengatakan bahawa negeri ini bertarafkan antarabangsa. Okey, bertaraf antarabangsa tetapi apakah sistem pengangkutan yang bersesuaian kalau kata dulu nak buat LRT, nak buat monorel ke nak buat tren car ke, ataupun apa lagi sistem yang orang kata lebih futuristik ini juga harus kita lakukan sebab itu strategi kerajaan(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Penjelasan. Saya difahami itu semua bekas Perdana Menteri sekarang Tun Abdullah Ahmad Badawi bila datang ke Pulau Pinang dia bagi tiga janji tapi semuanya kita tau la Barisan Nasional mana mereka boleh tunaikan janji.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Pasal itu la tadi bila sebutkan kata janji saya sengaja nak umpankan supaya dia cakap pasal janji sebab Pakatan Rakyat sebelum itu janji warga emas kita bagi RM6 ribu, tol di Sungai Nyior akan dihapuskan selepas itu akan dibuat juga jalan dipanggil *alternative road* akhirnya ahli Padang Kota, ahli di Padang Jermal sorry, ahli Bagan Jermal menjawab kepada saya bahawa *alternative road* itu takkan dibuatkan lagi dan tak boleh. Sebab dulu janji kalau dah tol tak berjaya maknanya *you* kena bagi *alternative road* bukannya satu yang dah dibina di Jalan Todak. Ada lagi untuk di kawasan Bagan Jermal dan sebagainya harus dibina supaya masyarakat setempat ada seperti yang telah dijanjikan. Yang dikatakan hubung kait dengan Perdana Menteri yang lalu dan sebagainya kadang-kadang kita nak ambil duit dari poket bapa, kita janganlah marah bapa kita *eject-eject* la sikit, barulah kita dapat ambil duit daripada ibu bapa kita sebab itu kerajaan negeri tolong ambil pendekatan baru berbaik-baik seperti di zaman Tun Lim Chong Yoon dulu, semasa beliau menjadi Ketua Menteri pada masa itu pembangkang Pulau Pinang, kerajaan pembangkang, tapi beliau berjaya membawa masuk berbilion-bilion ringgit, bawa masuk berbilion-bilion ringgit ke dalam negeri Pulau Pinang dan akhirnya mewujudkan apa yang kita panggil *Free Trade Zone* dan sebagainya kerana kebijaksanaan dia untuk tunduk tetapi tidak menuntut akhirnya kita dapat manfaat. Sebab itu kurangkan sikit keangkuhan dan sebagainya. Asalkan poket bapa kita dapat ambil duit cukup.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Seberang jaya kata kita sebagai nak minta ayah bapa kena bodek sikit, saya guna kata bodek saya kurang bersetuju ini bukan bodek ini seperti “kaw tow” ... (bahasa Cina) . Pandangan dari segi demokratik rakyat di negeri Pulau Pinang mereka semua bayar cukai kepada negara kita dan ini bukan kata duit bapa, duit raya kita sendiri sepatutnya mereka kena uba suai balik pindah balik kepada semua negeri dia kena jaga dan pusat kerajaan dia ada tanggungjawab bayar balik kepada semua negeri-negeri yang bayar cukai. Jangan pakai seni kata “kaw tow ka”....(bahasa Cina), yang bodek-bodek duit ayah, saya tak bersetuju ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Ha.. itulah maknanya.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli Seberang Jaya saya bagi dua minit lagi

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya minta 5 minit saja, sikit saja, saya lompat-lompat, saya tadi ingin mengatakan lepas ini saya tak boleh layan yang celah-celah, saya nak sentuh sedikit saya sebenarnya sebagai seorang Melayu tak pandai berniaga, saya belajar daripada kaum Tionghoa sebab kaum cina pandai berniaga, sebab perkataan “kow tow” dan sebagainya datang daripada orang-orang Tionghoa orang-orang cina yang pandai berniaga. Jadi akhirnya kalau nak kita ikut kaedah yang sedemikian ikut kalau tak mahu ikut sampai ke tua tak dapat tak apa la. Jadi Tuan Yang Dipertua saya juga ingin mengatakan di sini kata-kata orang saya tak kata orang kata bahawa CAT ini cakap apa temberang saya tak tahu apa maknanya dia kata cakap mengenai kompetensi tetapi tidak mempunyai keupayaan untuk melaksanakan banyak perkara alpa kepada kesejahteraan rakyat sehingga tidak mempunyai cara atau kebolehan merealisasikan tuntutan rakyat dengan dan juga bertentangan dengan akauntabiliti seperti yang dijanjikan pada orang ramai temberang dia kata kepada rakyat dengan janji-janji yang dibuat termasuk dalam pilihan raya tetapi tidak dilaksanakan kemudiannya menuding jari kepada pihak lain apabila janji manis yang dilemparkan itu gagal dilaksanakan dan sebagainya.

Jadi oleh kerana masa amat suntuk sekali saya juga ingin membawakan sedikit perkara iaitu ada tuduhan yang mengatakan bahawa PDC sekarang ini ada *Deputy General Manager* dan sebagainya tetapi kononnya berlaku sedikit waswas di kalangan pegawai-pegawai iaitu mereka kata mereka punya *report* kepada DGM bukan kepada GM, jadi kalau boleh kalau benar benda ini tolong siasat supaya *hierarki reporting* sistem di dalam sesuatu organisasi itu janganlah kita ganggu dan sebagainya selain daripada itu berkenaan dengan masalah flat-flat di Seberang Jaya di Bagan, 20 lebih flat milik PDC, sekarang ini tidak di selenggara macam bapa serahkan anak kepada seseorang itu, kemudian tidak tanggungjawab. PDC serahkan supaya diwujudkan IMC beberapa tahun lalu dan sekarang JMB lepas itu dibiarkan begitu sahaja.

Akhirnya sekarang ini wakil rakyat yang teruk, wakil rakyat yang kena menyelesaikan tapi kerana tak mampu kerana terlampau banyak sangat flat dan baru-baru ini pula TNB nak pi potong api semua flat, maknanya makkik-makkik, “amah-amah”, nenek-nenek naik tangga itu gelap, lif esok tak boleh jalan, air tak boleh pam,

ini adalah masalah. Jadi kita harap PDC tolonglah, TNB hari itu kita panggil “meeting” pun tak pi pegawai, lepas tu janji nak cat bangunan tak dibuat, harus melakukan kerana sebagai kerajaan yang prihatin kita haruslah melakukan sesuatu supaya tidak menjadi masalah. Oleh kerana masa yang suntuk saya berharap supaya kerajaan negeri ubah kaedah kalau boleh kalau perlu nak bekerjasama dengan Barisan Nasional, tanya pucuk pimpinan saya, iaitu “One Malaysia” yang telah pun dilaungkan oleh Datuk Seri Najib maka akhirnya kita akan melakukan sesuatu supaya kita boleh perjuangkan demi untuk bangsa Malaysia yang satu, Melayu, Cina, India, Iban dan sebagainya dan dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong. Terima kasih Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Terima kasih Ahli Seberang Jaya. Dipersilakan Ahli Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Terima kasih Y.B Tuan Speaker. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang memberikan sedikit sebanyak pandangan saya dalam perbahasan ini, Saya amat bersyukur kepada Tuhan kerana Pakatan Rakyat telah berjaya mentadbir, memerintah Negeri Pulau Pinang dengan sistematik melebihi satu tahun. Tatkala itu dalam mempelajari dan membiasakan diri dengan tatanegara di samping mengharungi pelbagai cabaran, kesulitan, rintangan dan birokrasi sejak 8hb Mac 2008. Dalam menghadapi krisis ekonomi global, Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu lebih inovatif dan kreatif dalam menuju ke arah strategi “Blue Oceans” supaya kita tidak perlu menghadapi persaingan yang konvensional “Red Oceans” dari segi perolehan saham pasaran “acquiring of market share”, harga dan kos. Maknanya kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu merancang satu pelan jangka masa panjang dengan menggunakan kelebihan-kelebihan kita yang sedia ada seperti Zon Perdagangan Bebas “Free Trade Zone”, Zon perkilangan dan industri, pekerja-pekerja yang mahir dan boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris, sistem pentadbiran British yang mantap, sumber-sumber semula jadi yang kaya, lokasi geografi yang strategik, logistik yang murah dan efisien dan sebagainya yang dapat membantu memperkembangkan serta memajukan industri-industri tempatan dan pada masa yang sama dapat menarik dan mengekalkan pelaburan asing dan lalu menggalakkan pelaburan semula “reinvestment” oleh peniaga-peniaga tempatan dan luar negara dengan pelaksanaan dasar-dasar yang lebih memanfaatkan industri tempatan dan luar negara khususnya yang dapat menyokong pertumbuhan industri-industri tempatan.

Dengan adanya industri-industri tempatan yang kukuh dan mantap barulah kita boleh bersaing di pasaran dunia tanpa terlalu banyak bergantung kepada pelaburan asing. Memandangkan negara-negara yang terjejas oleh krisis ekonomi global pada masa ini adalah terdiri daripada negara yang banyak bergantung kepada pelaburan asing dan perdagangan. Contohnya syarikat raksasa seperti *Microsoft and Boeing* adalah antara syarikat yang tidak mempunyai persaingan yang banyak. Ekoran daripada impak krisis ekonomi global yang serius, saya menjangka ekonomi kita akan merosot dalam kadar 20 sehingga 30 peratus. Namun demikian, saya yakin bahawa sektor kewangan kita masih kukuh atas penggabungan bank-bank dan institusi-institusi kewangan serta pengetahuan regulasi-regulasi pinjaman yang dilaksanakan sejak krisis ekonomi yang melanda negara kita pada tahun 1997.

Akan tetapi, ekonomi kita akan pulih dengan lebih cepat dan stabil sekiranya kerajaan kita dapat meminumkan kebocoran "*leakages*" yang sedia ada khususnya budaya rasuah yang wujud dalam pelbagai bentuk seperti pembayaran komisen kepada pihak yang tertentu yang melibatkan kontrak kerajaan. Negara Korea pada suatu seketika dahulu merupakan satu negara yang korup. Ketika krisis kewangan melanda rantau Asia pada tahun 1997, ia merupakan salah satu negara yang terpaksa mendapatkan pinjaman daripada IMF "International Monetary Fund" walau bagaimanapun hasil daripada pertukaran kerajaan baru dengan pelaksanaan "*reform*" terhadap struktur, sistem pentadbiran "*fundamental*" dan polisi-polisi Negara itu terutamanya melalui pembasmian gejala rasuah dan jenayah perdagangan, Korea telah berjaya membangun semula dan berkembang dengan lebih pesat lagi. Korea kini mempunyai pelbagai bidang industri yang kukuh baik dalam industri premier atau industri sekunder.

Dua puluh tahun yang lalu kita jarang dengar jenama seperti Hyundai, KIA, Daewoo, Sangyong, Samsung, LG sebagaimana yang kita ketahui hari ini. Bahkan produk-produk Korea kini berada di pasaran dunia. Satu lagi contoh yang kita boleh meneladani ialah Negara Cina yang pesat membangun dengan kadar pertumbuhan dua angka setiap tahun. Cuba kita imbas kembali pada suatu ketika dahulu kita mendapati kebanyakan barangan yang kita beli di pasaran adalah buatan Jepun. Ada yang di kalangan kita pada masa itu mungkin pernah fikir bahawa barangan Jepun adalah tidak berkualiti tetapi sekarang kita cukup yakin dengan barangan buatan Jepun. Buat masa ini kitaran atau aliran masa kini pula condong ke arah produk-produk Negara Cina. Kita dapat melihat kepelbagaian barangan buatan dan industri Negara Cina dari segi barang keperluan asas, elektronik, kereta, kapal, kapal terbang sehingga ke teknologi *aerospace*. Dalam keadaan ini, barangan buatan Negara Cina semakin hari semakin mendapat sambutan yang baik di dunia sedangkan mutu barangannya juga semakin hari semakin bertambah baik.

Y.B. Tuan Speaker yang lebih pentingnya untuk sesebuah negara yang ingin maju-jaya hendaklah bebas daripada gejala rasuah dan lalu melabur dalam penyelidikan dan pembangunan (R & D) supaya tidak mengambil jalan yang pendek dan mudah semata-mata untuk mengaut keuntungan jangka masa pendek. Kononnya Proton iaitu kereta nasional kita tidak harus terlalu banyak bergantung bulat-bulat kepada pemindahan teknologi sahaja. Proton asyik menggunakan teknologi Mitsubitshi dan Lotus, namun demikian sehingga masa kini Proton masih belum mampu menghasilkan enjin, mesin-mesin, perkakas serta segala kelengkapan pengeluaran kereta. Padahalnya Proton bukan merupakan satu projek yang baru malahan sebelum itu Mitsubishi pernah melancarkan "*pilot project*" pemindahan teknologi yang pertama di Korea kepada Hyundai. Pada permulaannya Hyundai juga hanya bergantung kepada pemindahan teknologi yang sedia ada daripada Mitsubishi tetapi pada hari ini Hyundai telah berdikari di mana (R & D) nya telah berkembang dan maju sehingga ke satu tahap di mana Hyundai boleh menghasilkan atau *develop* teknologinya yang tersendiri terutamanya dalam pembuatan enjin, mesin-mesin, perkakas serta segala kelengkapan pengeluaran dan pemasangan kereta tanpa bergantung kepada teknologi Mitsubishi lagi.

Melalui contoh ini, saya sesungguhnya percayai kita boleh mengambil iktibar melalui kejayaan Hyundai dengan berpandu kepada strategi "Blue Oceans". Galakan penggunaan kereta elektrik. Sejak tahun yang lepas, harga pasaran minyak telah banyak menurun sehingga di bawah USD 50-00 satu tong namun demikian fenomena ini adalah sementara waktu sahaja memandangkan sumber minyak adalah terhad. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya membenar serta menggalakkan penggunaan kereta elektrik.

Dalam masa yang sama, kerajaan Pulau Pinang juga boleh mengambil kesempatan ini untuk menarik masuk pembuat kereta elektrik yang ternama untuk membuka kilang pemasangan yang pasti boleh mewujudkan peluang pekerjaan dan peluang perniagaan kepada pembekal-pembekal tempatan. Selain daripada membantu memulihara sumber minyak yang semakin terhad, kereta elektrik juga dapat mengurangkan pengeluaran *greenhouse gas* yang secara langsung akan mengurangkan kerosakan dan pencemaran kepada alam sekitar dan sebagainya. Tambahan pula, ianya adalah lebih *convenience* untuk kereta elektrik di caj semula di mana-mana tempat yang mempunyai bekalan elektrik 240V.

Rebat untuk *Rainwater Tanks* dan *Greywater System*. Di samping itu, akibat daripada perubahan cuaca global ini dan selaras dengan seruan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk berjimat cermat dengan penggunaan sumber air, saya ingin mencadangkan supaya satu program yang dikenali sebagai *Water For The Future* dilaksanakan di peringkat negeri di mana rebat akan diberikan kepada mereka yang memasang tangki-tangki air hujan *rain water tanks* atau *green system* sepertimana yang baru dilancarkan di Australia pada bulan Januari 2009. Saya percayai inisiatif ini amat sesuai dengan keadaan cuaca kita memandangkan negara kita banyak hujan sehingga banjir kilat yang berlaku tiap-tiap tahun. Ada baiknya sekiranya air hujan ini boleh di simpan dan di kitar semula untuk kegunaan harian seisi rumah. Keutamaan inisiatif pemasangan tangki-tangki air hujan *rain water tanks* atau *green water system* ialah ia dapat mengurangkan kegunaan air seisi rumah *household water*. Yang lebih pentingnya, program ini juga dapat mendidik kita tentang penggunaan air yang lebih bijak di mana para pengguna juga akan memainkan peranan yang besar dan penting dalam mempertingkatkan kecekapan penggunaan air serta lebih peka kepada perubahan cuaca yang dihadapi di seluruh dunia.

Rebat *Solar Hot Water*. Y.B. Tuan Speaker, selaras dengan usaha dalam mengurangkan penggunaan kuasa elektrik, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya memberi rebat kepada mereka yang memasang atau menggantikan sistem air panas elektrik dengan *solar hot water system*. Pemasangan *solar hot water system* secara langsung bukan sahaja akan mengurangkan kegunaan elektrik seisi rumah malahan ia lebih murah dan selamat digunakan dalam jangka masa yang panjang. Dalam mengakhiri ucapan saya, izinkan saya bacakan beberapa petikan ucapan yang dibuat oleh Allahyarham Dato' Onn Ja'afar yang disampaikan di persidangan Kongres Melayu pada 1hb Mac 1946 di mana saya telah menggantikan satu perkataan dalam ucapannya yang berbunyi seperti berikut :

“Pada hari ini lebih daripada lain-lain masa di dalam tawarikh bangsa Malaysia (ditukar daripada perkataan Melayu), adalah kita dikehendaki berkuat hati supaya dapat kita hadapi apa jua yang akan datang dengan kepercayaan di atas diri kita sendiri. Marilah kita tunjukkan kepada dunia, iaitu roh dan semangat datuk nenek kita itu masih ada dengan kita. Marilah kita tunjukkan, iaitu kita masih boleh mengangkat kepala kita dan menatap dunia bagaimana orang yang benar dan kuat hatinya membuat. Marilah kita tunjukkan, iaitu seberat-berat paluan boleh kita pertahankan dengan tersenyum dan berhidupan dengan lebih segar dari dahulu. Marilah kita tunjukkan, iaitu dengan persatuan di antara kita, maka kita berkehendak menzahirkan satu bangsa yang tegap dan subur, boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri dan mengambil tempat kita yang sebenar di sisi bangsa-bangsa lain yang tegap dan bersatu. Marilah kita mengaku akan diri kita tidak kurang sedikit pun dari lain-lain bangsa. Marilah kita bersatu dan berusaha bagi faedah bangsa kita dan marilah kita bekerjasama dan menyamakan perusahaan kita itu bagi melayakkan diri kita menjadi satu bangsa yang besar.”

Bersatulah sebagaimana belum pernah kita bersatu dahulu dan berusaha sebagaimana belum pernah kita berusaha. Tunjukkanlah bahawa kita ini sebenar-benarnya keturunan datuk nenek kita yang pernah menghadapi merbahaya dengan bersatu hati. Dengan bersatu hati sahaja akan dapat kita menghadapi masa yang akan datang dengan harapan akan jaya cita-cita kita itu." Insyallah, pada suatu hari kita akan hidup di dalam cahaya sinaran kemerdekaan, sama taraf dengan orang-orang yang merdeka dan akan menjadi kemegahan kepada diri kita sendiri."

Oleh yang demikian, marilah kita bersatu padu sebagai bangsa Malaysia tanpa mengira fahaman politik yang berbeza demi memperkasakan ekonomi kita supaya rakyat jelata dapat terus hidup dalam keadaan yang makmur dan harmoni. Dengan ini, saya memohon untuk menyokong. Sekian, Terima kasih. Wabilahi taufik walhidayah.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Terima kasih Ahli Kebun Bunga. Persilakan Ahli Sungai Bakap.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Bismillah hirahmannirrahim. Assalamualaikum Warahamtullah hiwabarakatuh. Terima kasih Y.B. Tuan Timbalan Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya menyertai perbahasan pada petang ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada TYT. Tun kerana dilanjutkan perkhidmatan beliau selama dua tahun lagi. Begitu juga ucapan tahniah kepada Y.B. Dato' Zainal kerana dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Y.B. Tuan Timbalan Speaker, bagi menyokong ucapan terima kasih kepada TYT. Tun kerana berkenan melafazkan ucapannya kepada Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya ucapan beliau telah menyentuh pelbagai aspek kejayaan yang dicapai oleh kerajaan pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri.

Begitu juga telah banyak isu yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada daripada pihak pemerintah atau pembangkang. Pada kesempatan ini saya ingin menambah beberapa cadangan yang mungkin dengan cadangan ini akan meleraikan beberapa permasalahan dan mungkin juga akan terjawab banyak persoalan-persoalan terutama daripada pihak pembangkang. Saya telah sabar mendengar semua ucapan-ucapan tetapi saya tidak berminat untuk bertelagah kerana saya melihat semuanya baik belaka, saling sokong menyokong untuk membantu mencapai kejayaan pemerintahan pentadbiran kita demi kebahagiaan rakyat Negeri Pulau Pinang. Sudah lama rancangan atau pun cadangan-cadangan ini saya fikir cuma menunggu masa dan kemungkinan inilah masa yang paling sesuai untuk dikemukakan. Ianya akan menjawab persoalan atau pun menyelesaikan banyak isu-isu dan masalah orang Melayu dan Islam tetapi bukan agenda Melayu kerana saya tidak risau dengan kemajuan negeri kita ke arah *global city*, *global state* atau negeri maju peringkat antarabangsa tetapi yang saya risau orang-orang Melayu kita yang disebut oleh Y.B. Telok Ayer Tawar tadi sebagai Bumiputera dan orang-orang Islam kerana apalah ertinya kemajuan dicapai melangit tetapi sebahagian besar daripada umat kita masih lagi terpinga-pinga, terkapai-kapai. Izinkan saya menjelaskan atau pun memberi pandangan sebenar apa yang terjadi atau pun sedang berlaku di dalam masyarakat orang Melayu. Orang Melayu Pulau Pinang kini terus menerus ditimpa masalah. Malahan belum sempat sesuatu petaka itu digarap atau difahami, apatah lagi ditangani dan diatasi, bala baru pula datang melanda. Sebagai contohnya, masalah penagihan dadah belum sempat ditangani dengan baik, datang pula masalah gejala merempit di jalan raya yang banyak meragut nyawa. Jadi kita fikir tentang jalan itu, jalan ini, sungai itu dan sungai ini, orang kita tidak tahu apa-apa lagi.

Generasi Melayu dan orang Islam seolah-olah tercari-cari identiti apabila terikut dengan trend hiburan yang melampau seperti rap, hip hop dan seumpamanya. Mereka tiada jati diri dalam mengharungi pentas negara yang berbilang bangsa dan juga pentas dunia yang semakin global serta hukum hakiki yang mengiringinya ialah pertandingan dan persaingan, yang kuat yang berkuasa mengaut keuntungan. Orang-orang Melayu masih belum kuat untuk mengharungi pertandingan global. Kekuatan yang ada pada orang Melayu semakin terhakis dan pupus. Namun kesedaran masih tiada. Remaja Melayu dihidangkan dengan pesta-pesta seperti Jom Heboh, Akademi Fantasia, Malaysian Idol, One In A Million dan seumpamanya. Ini menyebabkan remaja Melayu menjadi leka.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, walau pun kami di sini hanya ada tiga, empat orang, diharap janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak pembangkang risau. Saya masih ada untuk memikirkan hal permasalahan orang Melayu dan Islam dalam negeri Pulau Pinang ini cuma kalau diberi peluang pelan-pelan ini akan Insya-Allah dilaksanakan atau diusahakan. Kita siap, kita akan beri dan kalau Y.B. Seberang Jaya sokong dan suka. Bagi membantu orang Melayu dan orang Islam mengharungi pertandingan semakin global ini, saya dengan rasa rendah hati menyarankan atau ingin mencadangkan beberapa pelan yang memang siap lama dan Insya-Allah pelan-pelan ini merangkumi aspek-aspek kesihatan, pendidikan, perindustrian, sosial, ekonomi juga akhlak. Mungkin oleh kerana lambat sangat hendak keluar jadi sebahagian telah dijalankan, cuma selepas ini kita hanya perlu menyemak apakah ia selari dengan pelan kita walaupun pelan kerajaan lebih besar dan diutamakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan, adakah ini bermakna apabila Barisan Nasional menang kalau ada pertandingan di Penanti nanti, Y.B. Sungai Bakap jadi ahli EXCO lagi mudah bawa perkara ini.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya yang itu kena tanya atas dan Insya-Allah. Pelan-pelan yang dimaksudkan ini ialah pembasmian kemiskinan, integriti, sektor industri, sektor perumahan, perhotelan Islam, pengaktifan masjid, pengurusan harta wakaf, pengurusan zakat, pendidikan sekolah agama rakyat, masalah sosial, keusahawanan Belia Islam, peranan NGO Islam, hasil negeri, hospital Islam, isu-isu anak-anak nelayan, pelancongan Islam dan penambahbaikan sistem pengangkutan. Ada yang kita akan garap akan menjadi sebuah atau satu pusat pelancongan yang akan saya sebutkan nanti.

Jadi yang dimaksudkan dengan pelan-pelan ini ialah langkah-langkah yang akan diambil bagi menjayakan suatu pelan siap dengan langkah-langkahnya sekali iaitu bermula daripada asas pelan tindakan diikuti dengan mengkaji permasalahan, matlamat dan tujuan, menyusun strategi, menyusun kerangka kerja, menyusun jadual aktiviti dan akhirnya mencari sumber pembiayaan. Jadi setiap pelan ini sudah ada dia punya langkah-langkahnya dan diharap Ahli-ahli Yang Berhormat pembangkang jangan risau. Pelan ada dan sampai masa kita laksanakan. Insya-Allah akan datang, dia kurang sedikit kerana dia ada nampak sedikit hasil kerja kerajaan Pakatan Rakyat.

Sebagai contoh, mengapakah pelan-pelan ini dirancang? Umpamanya tentang sektor industri untuk Bumiputera dan sejauh mana Islam dapat diterapkan dalam sektor tersebut. Sektor industri terutamanya dikesan sebagai sektor yang paling

kurang pemilikan Bumiputera berbanding kaum lain. Punca utama kurangnya Bumiputera dalam bidang ini adalah kerana minat yang rendah berpunca daripada masalah kekurangan modal, jaringan perniagaan dan pemasaran yang terhad. Bahan mentah yang dikawal oleh bukan Melayu, tenaga mahir yang terhad serta kelemahan pengurusan. Untuk memastikan sektor industri ini diceburi oleh pengusaha Melayu maka kerajaan perlu menyediakan bantuan modal yang mencukupi, menyediakan latihan dan kursus dari asas hingga kepada kemahiran dan profesional. Menyediakan ruang pemasaran yang lebih luas kepada produk Bumiputera terutama menembusi *hyper market* tempatan serta mengembangkan sayap hingga ke luar negara. Perlu melahirkan pembekal bahan mentah dari kalangan orang Melayu dan Islam sekurang-kurangnya 30% di pasaran peringkat negeri. Menyediakan juga program inkubator bagi mereka yang baru berjinak dengan sektor industri.

Bagi perhotelan dan hospital Islam pula, sebagaimana yang kita berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang hub halal, kita kena beri peluang kepada Bumiputera tempatan kita terutama dalam hal ini. Dalam konteks Pulau Pinang, keperluan hotel Islam dan hospital Islam semakin relevan dan berdaya maju kerana pelancong daripada dalam dan luar negara semakin berminat untuk mendapatkan khidmat secara halal terutama apabila Pulau Pinang menjadi pusat industri halal. Beberapa lokasi di kenal pasti amat berpotensi untuk mendirikan hotel dan pusat perubatan Islam di Pulau Pinang dan Seberang Perai. Industri ini juga dapat menarik pelabur untuk melabur di Pulau Pinang(ganguan)

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan, jadi produk-produk halal yang akan di masuk itu kalau Cina dia ada 'bah kut teh' kita boleh ada tidak 'ciku teh halal' ke apa ke.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Industri ini juga dapat menarik pelabur untuk melabur di Pulau Pinang dan dapat membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada umat Islam. Kerajaan juga digesa untuk memberi sokongan yang tinggi untuk bumiputera yang berminat untuk menjalankan perniagaan hotel dan pelancongan yang berteraskan Islam. Hari ini orang-orang kita ada juga tetapi bekerja sahaja di hotel atau mungkin ada di tempat-tempat lain yang jadi tauke pun. Kenapa tidak kita ajak balik sini dan buka hotel di sini.

Sekiranya kerajaan dapat mengarahkan institusi kewangan membantu menyediakan modal secara Islam untuk pengusaha yang berminat pasti perkembangan perniagaan hotel dan pelancongan Islam akan lebih pesat. Begitu juga dengan penyediaan tanah dan lokasi yang berpotensi untuk tujuan hotel, pusat pelancongan dan pusat perubatan Islam perlu dipandang serius oleh kerajaan untuk membantu Bumiputera untuk menceburi bidang perniagaan ini. Latihan jangka pendek dan panjang yang sesuai dan berkala adalah perlu bagi menghasilkan tenaga kerja dan kepakaran yang mahir dan dedikasi untuk memenuhi tuntutan industri dari semasa ke semasa. Beberapa pusat pengajian tinggi awam dan swasta disarankan untuk mengambil bahagian dengan menyediakan kursus yang berkaitan dengan industri hotel, pusat pelancongan dan perubatan Islam.

Seterusnya mengenai contoh permasalahan keusahawanan Belia Islam. Saya tidak menyebut semua huraian pelan-pelan itu, saya hanya memetik sahaja. Menyentuh tentang keusahawanan Belia Islam, hari ini belia kita mencari-cari tambah-tambah lagi selepas kegawatan ekonomi ini datang ke pejabat kita mengadu, kita kena

buang kerja atau kita kena berhenti dan sebagainya. Apa peluang kerja kita hendak buat. Kalau ada peluang-peluang seperti ini boleh kita lanjutkan atau kita sarankan kepada mereka. Menyentuh tentang Keusahawanan Belia Islam kerajaan digesa untuk memberi ruang bagi penubuhan sekretariat Usahawan belia Islam Pulau Pinang. Penubuhan ini kini amat perlu dalam membantu mencambahkan keterlibatan belia Islam dalam bidang usahawan yang dapat mengeluarkan mereka dari garis kemiskinan. Kekurangan belia Islam berpunca di beberapa aspek negatif yang kurang membantu penglibatan mereka dalam bidang ini. Contohnya sikap takut berniaga. Jadi kita perlu beri mereka kursus, motivasi atau sebagainya, bimbingan yang terbatas, budaya bukan budaya Melayu. Berniaga ini bukan budaya Melayu, dia tidak biasa berniaga, kecuali Y.B. Seberang Jaya belajar berniaga. Tiada pendedahan, sukar mendapat modal dan prasarana, kurang kreativiti, sokongan pemasaran yang lemah, daya tahan saing yang lemah dan banyak lagi lah... Masalah orang kita dalam bidang keusahawanan ini. Saya ingin menyarankan kerajaan untuk mengatasi masalah ini dengan menyediakan perkara-perkara.....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B Tuan Speaker, selaras dengan peraturan mesyuarat 6a(1) peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon supaya masa persidangan hari ini 22hb April 2009 dilanjutkan sekali lagi hingga jam 10.00 malam, ada pun perubahan Y.B. akhir yang mana lebih awal dengan waktu rehat untuk makan malam pada pukul 7.00 malam hingga 8.15 malam. Ada sokongan?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah peraturan 6 (A)1 untuk melanjutkan tempoh persidangan hari 22 April 2009 dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju katakan "Ya". Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Tuan Speaker:

Semua bersetuju, usul dipersetujui. Saya ada satu, nak buat satu pengumuman jamuan makan malam disediakan. Ahli Sungai Bakap sila teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya ingin menyarankan kerajaan untuk mengatasi masalah tentang keusahawanan belia Islam ini dengan menyediakan beberapa perkara seperti berikut: Pertama, kemudahan kewangan yang lebih fleksibel, kursus keusahawanan serta kursus kemahiran berkala, sistem mentor pendedahan awal di peringkat remaja dan sekolah, mewujudkan Anugerah Tokoh Usahawan Belia Islam, lawatan sambil belajar dalam dan luar negara untuk belia Islam.

Seterusnya mengenai masalah sosial. Dalam menangani masalah sosial, sebagaimana juga disebut ahli-ahli Y.B. daripada Pembangkang ya, masalah orang-orang kita melepak sana melepak sini dan sebagainya yang berlaku di kalangan remaja Melayu dan Islam, saya menyarankan supaya agensi kerajaan, masyarakat hingga institusi keluarga untuk mengambil peranan masing-masing dalam membendung masalah sosial dari terus membelenggu remaja kita. Beberapa faktor telah dikenal pasti menjadi punca gejala sosial yang berlaku di kalangan remaja Melayu dan Islam kebelakangan ini, masalah pengabaian keluarga serta pengabaian kebajikan anak dan salah asuhan adalah menjadi punca utama kepada masalah ini, ini berkait rapat dengan kegagalan ibu bapa menjadi contoh yang baik untuk anak-anak dan juga gagal menerapkan program agama kepada anak-anak.

Selain itu, pengaruh budaya liar melalui media cetak, elektronik dan Internet juga dikesan sebagai punca masalah sosial kepada remaja Melayu, persekitaran rumah yang kurang selesa dan tekanan hidup juga adalah punca kepada masalah sosial ini. Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan digesa untuk menyediakan prasarana yang cukup dan sesuai untuk aktiviti yang lebih sihat di perkampungan Melayu dan Islam. Sebagai contohnya dewan, padang, tempat beriadah yang sempurna dan mencukupi. Sediakan konsep perumahan yang sesuai untuk budaya Melayu bagi merealisasikan “rumahku syurgaku”. Nak “rumahku syurgaku” macam mana duduk di flat. Sampai pukul 12 malam duk terangkat-terangkat kepala kawan balik tengah malam, rumah ada 2 bilik jadi bagaimana kita nak bagi cadangan dan menggambarkan rumah-rumah macam itu rupanya rumah sementara sahaja, rumah sewa atau rumah sementara nak dapat jadi anak besar. Anak dah ada 2 orang tak sesuai duduk kampung Melayu flat yang 2 bilik kena usaha meningkatkan ekonomi dan mungkin kena pindah ke rumah yang lebih selesa, baru dapat kawal kalau tidak pak hambat anak turun, anak duk pulas area kereta kawan kita di bawah. Tanggungjawab ketua masyarakat adalah menghidupkan program kemasyarakatan seperti hari keluarga, sambutan hari raya secara terbuka, program-program lawatan, program anak angkat, kembara masjid, program ceramah agama, program kuliah agama dan seumpamanya.

Di peringkat institusi keluarga pula perlu diperkukuhkan hubungan kasih sayang,, keimanan, program riadah,, percutian serta menyediakan rumah yang sesuai. mengikut kemampuan ertinya apa yang sedang kita bincangkan ini akan mengambil masa yang cukup panjang untuk menyelesaikan dan melicinkan semua aspek terutamanya hal sosial, apatah lagi berkaitan dengan orang Islam. Seterusnya mengenai Sekolah Agama Rakyat. Ya, dalam pendidikan Islam permasalahan yang sering berlaku berpunca daripada pentadbiran agak lemah dan disebabkan oleh sumber kewangan yang terhad sedangkan kos pengajian adalah tinggi, ini sekolah agama persendirian terpaksa mengenakan yuran, ada yang sampai lebih RM200 pun ada ibu bapa amat berminat menghantar anak-anak ke sekolah-sekolah seperti itu terpaksa membayar yuran yang begitu tinggi kerana prasarana ataupun kewangan tidak mencukupi terpaksa mengambil yuran yang tinggi, jadi kita kena melihat apakah bentuk bantuan atau bagaimana kita dapat mengurangkan terutama dari segi yuran dan sebagainya. Prasarana kurang menarik ya, malah masih terdapat sekolah agama masih lagi bangunan kayu.

Berkaitan kokurikulum pula didapati ianya kurang kemas yang menyebabkan tiada pengiktirafan dari pihak kerajaan, jadi itu semua kita kena lihat balik supaya biar seragam sehingga anak-anak ini bila keluar dari sekolah tersebut, dapat orang kampung kata apa “ke tepi ke tengah” nak ikut rentak kemajuan negara pun sesuai ataupun nak jadi orang baik pun amat sesuai. Bagi memartabatkan pendidikan Islam kerajaan disarankan untuk membantu dari segi kewangan dan prasarana bangunan

konkrit yang sesuai selain itu guru-guru Sekolah Agama Rakyat perlu diiktiraf dan dibiayai oleh kementerian supaya kos pengajian dapat dikurangkan. Jadi kalau diiktiraf mereka akan dapat gaji yang cukup dan tak perlu ganggu yuran pelajar, jadi yuran boleh dikurangkan. Perlu disediakan kursus dan bengkel pengurusan, kursus kepimpinan, wacana ilmu, kursus pengurusan kewangan dan kajian pembangunan sekolah Agama Rakyat juga memerlukan pengiktirafan dari pihak kementerian bagi membolehkan para pelajarnya dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dalam atau di luar negeri. Ahli-ahli Y.B. pelan-pelan ini insya-Allah orang kata pa, kita akan panjangkan serahkan kepada mana-mana EXCO yang ingin dan berminat untuk melaksanakan dan juga kita akan serahkan kepada YDP. MAIPP sekiranya perlu untuk ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Minta penjelasan. Adalah baik sekiranya rezeki jadi EXCO boleh bercakap dalam mesyuarat EXCO sekali la. Baguslah tu, didoakan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN) :

Dan-dan tahu dah soalan itu, Y.B. Tuan Speaker, mari saya cuba menggarapkan pelan-pelan yang akan dilaksanakan ini saya boleh bayangkan, marilah kita sama-sama membayangkan pemandangan di mana dengan projek yang agak besar ini menyelesaikan masalah insya-Allah, masalah orang Melayu Islam dan sekali gus membawa keuntungan yang besar kepada kerajaan negeri melalui pelancongan. Mari kita bayangkan ianya terletak di satu lokasi yang amat sesuai boleh dipandang dari jauh sebuah Bazar Islam Asia kalau tak mahu kata dunia pun besar sangat, Bazar Islam Asia terletak di tepi laut, ada sebuah masjid yang terapung sebelah sana ada satu masjid terapung sebelah sini ada satu lagi atau di mana-manalah yang terapung tu di laut lah, sebelah tu juga ada Bazar Islam Asia yang mana ia mesti ada makanan dan mesti ada dari segi kraf tangan ataupun cenderamata-cenderamata ini jadi orang daripada seluruh dunia yang nak mengecap nikmat makanan Islam Asia makanan Jepun ka, Korea ka, Thailand selalu dah Bangla ka Arab ka Iran ka ada di situ makan makanan Islam Asia daripada Arab sampai ke Jepun, lepas tu barang-barang yang boleh diambil sebagai cenderamata satu kawasan yang agak luas kalau nak beli yang biasa tu di *supermarket Giant* biasa. Di situ juga ada motel-motel Islam situ juga ada taman rekreasi, kita boleh bayang, berapa luas kalau kita nak ambil dari Shell kat Jelutong Ekspres pi sampai ke tepi kaki jambatan tu, lagi cantik tambun laut tak kacau tanah orang. Saya rasa, saya harap lepas ini jangan risau lagi. Y.B. Tuan Speaker, saya amat berharap pihak kerajaan memandang serius akan kebaikan untuk bantu orang Melayu dan Islam menempatkan diri di dalam persaingan nasional dan global. Adalah amat baik sekali kesemuanya 17, 18 perkara penting yang dibentangkan ini dilaksanakan segera mengikut keutamaan, saya percaya orang Melayu dan Islam masih menunggu-nunggu rancangan dan program dari kerajaan negeri untuk mereka sejak kemenangan PKR setahun yang lalu. Oleh itu, menyegerakan pelan pelaksanaan umat Melayu dan Islam ini memberi satu impak begitu baik terhadap imej Kerajaan Negeri Pulau Pinang di kalangan orang Melayu dan Islam . Dan akhir kata saya mohon menyokong terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Terima kasih ahli Sungai Bakap. Dipersilakan ahli Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Assalamualaikum warohmatullah hiwabarokatuh. Salam sejahtera Y.B. Tuan Speaker, EXCO kerajaan negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua jabatan, wakil-wakil ketua jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Pertamanya terima kasih di atas kesempatan yang telah diberikan kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam mesyuarat pertama penggal kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kali yang kedua belas ini dalam ucapan terima kasih Tuan Yang Terutama Tun baru-baru ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas pelantikan semula selama 2 tahun untuk menerajui Negeri dan rakyat Pulau Pinang. Di dalam masa yang sama juga saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Y.A.Bhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi akan peranan, tugas dan tanggung jawabnya selama menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kelima. Dalam masa yang sama juga saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pemimpin yang kita hormat lagi semua kita kasihi Y.A.B. Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak yang diberi mandat, tugas dan tanggungjawab untuk menerajui Malaysia, menjadi Perdana Menteri yang keenam baru-baru ini. Kesempatan yang telah diambil oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita yang baru iaitu apabila sampai masa dan ketikanya untuk melantik Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri jadi beliau dapat sempurnakan dengan sebaik mungkin walaupun ada ratusan calon-calon dan beliau dapat sempurnakan dalam masa 3 hari sahaja. Akan tetapi jika kita lihat di Negeri Pulau Pinang ini apabila ada satu kekosongan sebagaimana yang telah pun disebut oleh ramai kawan-kawan saya, kekosongan oleh Timbalan Ketua Menteri 1, Y.A.B. Ketua Menteri mengambil masa yang terlalu lama untuk menentukan siapakah calonnya. Saya tidak perlu mengambil masa, membuang masa untuk menghuraikannya kerana banyak di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah pun sentuh perkara ini tetapi sekadar untuk menyatakan bahawasanya Y.A.B. Ketua Menteri perlu ingat akan kelewatan untuk melantik pengganti akan menyebabkan banyak masalah yang akan timbul di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dan kesannya akan merugikan rakyat. Di manakah slogan CAT yang dilaungkan selama ini.

Y.B. Speaker, saya meneruskan perbahasan saya dengan menyentuh soalan-soalan lisan yang telah saya kemukakan dan saya ingin kemukakan pada petang ini iaitu yang ada hubung kait dengan kawasan saya soalan lisan yang telah saya kemukakan dan telah pun dijawab oleh Y.A.B. Ketua Menteri bagi saya ada serba sedikit kekurangan di dalam jawapan yang telah diberikan. Soalan saya yang berbunyi "Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang telah memerintah Negeri Pulau Pinang ini selama setahun dan sambutan meraikan ulang tahun pertama pemerintahannya telah diadakan pada 8/3/2009 yang lalu. "Soalan saya, apakah projek pembangunan atau prasarana yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bagi membangunkan Negeri Pulau Pinang sepanjang tempoh tersebut? Setelah diberi jawapan yang panjang lebar, kesemua KADUN telah disebut entah apa kerja buat yang telah pun dilakukan disempurnakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat ini dengan perbelanjaan RM162 juta lebih yang telah digunakan meliputi peruntukan-peruntukan kepada 9 jabatan kerajaan yang saya dapati kesemua 40 KADUN di Negeri Pulau Pinang ini telah dinyatakan mendapat manfaat daripada jumlah perbelanjaan yang telah digunakan pada tahun 2008. Saya tidak mahu hendak melihat kepada KADUN-KADUN lain. Tumpuan saya di bawah KADUN Pinang Tunggal di bawah saya iaitu melalui peruntukan pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri katanya telah mengadakan pengambilan tanah sebahagian lot 2442 mukim 6, Seberang Perai Utara untuk tujuan Dewan Rakan Muda Air Melintas Besar.

Untuk pengetahuan Y.B. Tuan Speaker dan Dewan yang mulia ini, pengambilan tanah ini telah pun disempurnakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Barisan Nasional. Tangan inilah apabila diberi mandat, tugas dan tanggungjawab kepada Pinang Tunggal pada tahun pertama lagi telah berusaha sedaya supaya untuk mendapatkan tanah ini dengan menandatangani surat permohonan kepada ICU, Unit Penyelarasan Jabatan Perdana Menteri dan kelulusan kewangan daripada Unit Penyelarasan, Jabatan Perdana Menteri dalam pada masa saya menjadi wakil rakyat. Begitu juga dengan Jabatan Hal Ehwal Agama dengan mengatakan bahawa kerja-kerja membaiki bumbung dan membina pagar berkaitan dengan Masjid Arifi di Paya Keladi, Kepala Batas dalam kawasan saya juga.

Saya hendak menyatakan kepada Y.B. Tuan Speaker dan Dewan yang mulia ini, bahawasanya tangan ini jugalah yang memohon peruntukan kepada ICU Jabatan Perdana Menteri untuk adakan atau baik pulih bumbung Masjid Arifi, Paya Keladi dalam kawasan saya. Macam mana Jabatan Hal Ehwal Agama atau kerajaan negeri menyatakan di sini merekalah yang membaiki bumbung dan sebagainya sedangkan peruntukan dari ICU belum lulus dan bumbung belum buat lagi pun, jadi saya merasa kecewa dalam perkara ini Y.B. Tuan Speaker bahawasanya ini yang dapat saya kesan melalui KADUN Pinang Tunggal melalui soalan yang telah pun saya tanyakan dengan jawapan yang telah pun diberikan jelas nampak penipuan, pembohongan yang amat ketara, temberang CAT kepada kita.

Y.B. Tuan Speaker, saya berharap dalam suasana dan keadaan hari ini yang Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat ini melaung-laungkan CAT ini banyak di kalangan rakan-rakan saya di dalam pihak pembangkang telah pun menyentuh pelbagai perkara supaya ianya jangan berlaku dan saya harap perkara ini tidak akan berlaku lagi. Saya juga ingin menyentuh pengumuman yang telah pun dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri iaitu untuk menubuhkan Sekolah Agama Rakyat sendiri. Kenyataan ini telah pun dibuat di dalam Harakah pada 5 September sampai hari ini kita menunggu untuk melihat di manakah Sekolah Agama Rakyat di dalam Negeri Pulau Pinang. Saya bersyukur kerana di atas usaha-usaha yang kita buat melalui Kerajaan Barisan Nasional untuk kawasan saya berkat tumpang tuah Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Tun Abdullah pada masa kini semasa beliau menjadi Y.A.B. Perdana Menteri untuk kawasan saya di Pinang Tunggal atas usaha-usaha yang kita buat kita mendapat 4 sekolah agama rakyat yang baru. Itu baru DUN Pinang Tunggal. Untuk Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat sehingga ke hari ini satu pun kita belum nampak.

Y.B. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang lain, ramai di kalangan wakil-wakil rakyat telah menyentuh terutama sekali Ketua Pembangkang melalui perkara miskin tegar, saya juga ingin menyentuh dalam perkara yang sama kerana ianya juga melibatkan kawasan saya. Pulau Pinang bebas miskin tegar sejak akhir Mac katanya. Kalau di Penaga, Yang Berhormat Penaga ada menyebut jumlahnya 26, di KADUN Sungai Dua juga ada 26 orang. Dalam masa yang sama saya hendak sebut setelah tumpuan dibuat dalam KADUN saya ada 31 orang akan tetapi setelah penelitian yang kita berikan, kita tumpukan 31 orang ini, 70% daripada jumlah 31 orang ini telah pun menikmati perubahan dalam hidup mereka. Ada yang telah mempunyai kenderaan dan sebagainya. Ini bermakna Kerajaan Barisan Nasional yang membantu menolong mereka, bukan baru-baru ini, mereka dah lama, bancia 3 tahun yang telah dibuat di kawasan saya, saya dapati 70% daripada 31 jumlah yang kita peroleh telah pun mempunyai pelbagai-bagai kemudahan yang ada untuk keluarga mereka. Akan tetapi dalam masa yang sama kalau kita lihat Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang aur-aur mengatakan membantu dan hendak pastikan 728 katanya dah selesai dan tumpuan kita di Parlimen Kepala Batas 122 katanya juga telah selesai akan tetapi setelah penelitian yang kita buat ianya entah ke mana. Jadi adakah tumpuan Kerajaan Pakatan Rakyat dalam bab basmi miskin tegar ini hanya tumpu kepada orang-orang miskin tegar semata-mata.

Kerajaan negeri mesti melihat juga bahawasanya orang yang hilang upaya, yang cacat, yang buta, anak-anak yatim, OKU dan sebagainya. Jadi Kerajaan Barisan Nasional yang telah pun melaksanakan tugas dan tanggungjawab sekian lama jelas bukti kepada dunia bahawasanya kita bukan sekadar untuk membantu bantuan bulanan yang tidak tahu bila penghujungnya, mungkin 3 bulan, 4 bulan akan tetapi apa yang telah Kerajaan Barisan Nasional buat pastikan sepertimana kata Ketua Pembangkang wujudnya Tekun, Amanah Ikhtiar dan sebagainya. Ayat yang saya senang sebut sebagai meringkaskan apa yang telah saya ulaskan kita memberi jala dan kita tidak memberi ikan.

Y.B. Tuan Speaker, dalam perkara lain yang hendak saya sentuh iaitu tentang apa yang telah pun disebut oleh kawan-kawan saya cuma yang saya hendak perincikan sikit iaitu tentang tabungan modal pusingan peniaga dan penjaja kecil. Ianya ditubuhkan dengan peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM500 ribu dan PDC RM500 ribu menjadikan RM1 juta. Banyak di kalangan kawan-kawan saya telah pun bertanya kepada perkara ini. Saya juga memikirkan ianya penting untuk ditanya lagi kononnya untuk membantu peniaga, penjaja kecil untuk mendapatkan kemudahan kewangan untuk memulakan perniagaan dan mempertingkatkan perniagaan. Tabung ini dikendalikan oleh PDC dan jumlahnya maksimum pinjaman tidak melebihi RM10 ribu akhirnya kata di kemudian-kemudian ini hanya tinggal RM2,000 dan ada juga yang RM1,200. Akan tetapi PDC juga dikatakan sudah membekukan tabung ini baru-baru ini. Katanya atas arahan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat alasannya untuk mengkaji semula mekanisme pemberian pinjaman.

Y.B. Tuan Speaker, beku, kaji, beku, kaji, akhirnya siapa yang menghadapi masalah dan saya juga mendengar khabar katanya ianya akan dibuka semula dan akan diberikan kepada semua tanpa mengira kaum walaupun sebelum ini ianya dikhususkan kepada bumiputera sahaja. Persoalan yang hendak saya timbulkan juga apa jadi pada tabung ini. Saya dalam kesempatan masa yang ada ini juga ingin menyebut tentang King of Tennis yang telah pun kita sentuh pada mesyuarat kita yang lalu. Dalam surat khabar ada menyebut baik pulih Padang Kota siap pertengahan April, kalau dulu Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat ada menyebut pihak kontraktor akan membayar segala kos yang ditanggung. Persoalan yang nak saya sebut berapakah perbelanjaannya? dan siapakah akan membayar perbelanjaannya? dan kita berharap kontraktornya akan menanggung segala perbelanjaan yang ada. Skandal kuari juga telah disebut di kalangan kawan-kawan saya daripada pihak pembangkang di mana baru-baru ini kerajaan negeri membuat kenyataan dan syarikat kuari disyaki melakukan penipuan dengan membayar royalti rendah daripada kadar sepatutnya. Kadar sepatutnya RM3 bagi satu meter padu tetapi bayar hanya RM1. Berapa banyak kerugian hasil daripada kerajaan negeri. Siapa dalang kuari ini? Kita mengharapkan hasil siasatan ini dapat didedahkan oleh kerajaan negeri. Kalau benar Kerajaan berpegang dengan prinsip CAT saya menaruh harapan yang sepenuhnya agar ianya dapat didedahkan segera. Dalam masa yang sama juga kesempatan saya ambil untuk menyentuh isu kebebasan media sebagaimana yang telah disentuh oleh ramai di kalangan wakil rakyat juga. kerajaan negeri tidak bercakap serupa bikin. Sebelum ini kerajaan negeri bercakap pasal kebebasan media tetapi kenapa ada media tertentu seperti New Straits Times tidak dibenarkan membuat liputan majlis rasmi yang dihadiri oleh Ketua Menteri malah ada arahan tidak rasmi kepada jabatan dan juga agensi Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat supaya tidak menjemput New Straits Times untuk hadir pada majlis rasmi masing-masing. Seorang pegawai Ketua Menteri pernah memaklumkan kepada penganjur majlis jika NST dijemput Ketua Menteri tidak akan hadir. Ini berlaku ketika perasmian Hotel Tune. Bagi memastikan Ketua Menteri hadir New Straits Times tidak dijemput. Jadi inilah yang dikatakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat bahawasanya konsep CAT ini merupakan kebebasan kepada media.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini, ada seorang yang telah pun menelefon saya dengan mengatakan bahawasanya untuk sampaikan salam perjuangan kepada Y.A.B. Ketua Menteri. Kata orang yang menelefon saya ini terima kasih banyak-banyak kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana selama ini telah pun menipu kami dengan tidak memberikan sebarang jawatan pun kepada wakil kami. Dia kata wakil dia PAS lah. Makna kata yang ini saya anggap orang PAS lah, tetapi saya tidak mahu tuduh orang PAS dia tidak mengaku bahawasanya dia ini siapa dia dan dia suruh sampaikan salam ini kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan katanya jangan bimbanglah, Y.A.B. jangan bimbang lepas ini kalau tempatkan wakil mereka PAS pun di mana-mana tempat sekalipun sama ada Timbalan Ketua Menteri kah atau EXCO kah mereka tidak akan mengundi Pakatan Rakyat pada pilihan raya masa depan. Jadi saya kena sampaikan salam ini supaya Y.A.B. Ketua Menteri kena faham bahawasanya semangat setia kawan yang sepatutnya ada di kalangan mereka yang telah pun mereka janji sesama mereka tidak seperti apa yang berlaku di dalam Barisan Nasional yang telah pun diperjelaskan oleh Ketua Pembangkang baru-baru ini.

Y.B. Tuan Speaker, bagi mewakili seluruh rakyat di Pulau Pinang, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya potongan gaji sebanyak RM10 sahaja daripada Y.A.B. Ketua Menteri bahawasanya kerana gagal di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam banyak perkara selama setahun sebulan 15 hari esok mentadbir negeri ini. King of Tennis gagal, skandal kuari berlaku, tipu RM2,500 kepada warga emas, cakap banyak kerja tidak buat, tipu pada rakyat DUN Pinang Tunggal. Jadi saya mencadangkan potong RM10 sebulan elaun Y.A.B. Ketua Menteri. Akhir sekali Y.B. Tuan Speaker, kelmarin Yang Berhormat Ahli Padang Lalang dan juga Ahli Yang Berhormat Padang Kota daripada awal perbahasan hingga tamat riwayat perbahasan mereka hentam Kerajaan Barisan Nasional, hentam tidak henti-henti. Jadi saya mengambil kesempatan di hujung-hujung perbahasan saya ini untuk hentam juga Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat, sekali sahaja saya tidak mahu daripada awal hingga habis, sekali sahaja. Ianya berbunyi begini Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang penipu besar di dalam dunia, saya mohon menyokong, Sekian, terima kasih.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan akan disambung semula pada jam 8.15 malam ini.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.05 malam.

Dewan bersidang semula pada jam 8.25 malam.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Ahli Kawasan Bertam silakan.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab) :

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera Y.B. Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri, Y.B. Ketua Pembangkang, Y.B. Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, Y.B. Adun-Adun, Y.B. Setiausaha Negeri, Pegawai-Pegawai dari Jabatan-Jabatan dan petugas-petugas dewan. Y.B. Tuan Speaker, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini merakamkan terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker

kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam usul ucapan terima kasih kepada TYT YDP Negeri Pulau Pinang, Tun Datuk Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman bin Abbas kerana sudi merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Kedua belas pada Isnin yang lalu.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Y.A.B. Datuk Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak yang dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke 6. Semoga Malaysia terus cemerlang di bawah kepimpinan beliau. Y.B. Tuan Speaker tidak lupa juga terima kasih kepada Y.A.B. Tun Dr. Abdullah bin Ahmad Badawi Perdana Menteri Malaysia ke 5 yang telah mengemudikan negara Malaysia hampir 6 tahun dengan menyaksikan pelaksanaan program pembangunan untuk rakyat jelata. Di samping itu juga, sekalung tahniah kepada TYT YDP Negeri Pulau Pinang, Tun Datuk Seri Utama Haji Abdul Rahman bin Abbas kerana tempoh perkhidmatan Tun disambung lagi oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Tuanku Mizan Zainol Abidin, sesungguhnya kehadiran Tun ke dewan ini amat bermakna sekali kerana beliau adalah payung kepada seluruh warga Pulau Pinang serta sebagai tempat rakyat jelata bernaung di bawahnya. Semoga Allah Taala memberi taufik dan hidayah untuk Tun terus menerajui Pulau Pinang juga sentiasa mendapat peliharaan daripada yang Maha Esa, Y.B. Tuan Speaker ucapan tahniah juga saya tujukan kepada Y.B. Dato' Zainal Rahim Seman yang telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baru, dengan pengalaman yang luas dalam pelbagai bidang dan jabatan kerajaan sebelum ini meyakinkan beliau mampu melaksanakan tugas dengan baik dan cemerlang serta menjadi jambatan penghubung antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Y.B. Tuan Speaker, tahniah kepada TYT Tun kerana ucapan yang agak menyeluruh yang secara langsung mencerminkan dasar-dasar kerajaan negeri yang diterajui oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Lim Guan Eng yang telah menjangkau 1 tahun lebih di samping itu juga, namun saya ingin menarik perhatian dalam ucapan TYT tidak memberi fokus mengenai hal ehwal wanita sedangkan wanita adalah kumpulan teramai dalam sesebuah masyarakat dan golongan yang paling produktif. Saya berharap untuk program pembangunan wanita diwujudkan secara menyeluruh adalah tidak wajar jika wanita dipinggirkan dari arus pembangunan Pulau Pinang. Sekali lagi ditegaskan wanita penting berperanan menggerakkan masyarakat dalam pelbagai bidang seperti petani, penternak, usahawan, korporat dan lain-lain. Oleh itu, perlulah didedahkan perancangan kerajaan yang lebih komprehensif tentang pembangunan wanita. Y.B. Tuan Speaker, kebajikan wanita di bandar dan di luar bandar perlu diberi perhatian yang serius. Banyak isu-isu berkaitan dengan wanita perlu ditonjolkan dan ditangani seperti wanita yang telah kehilangan pekerjaan akibat kemelesetan ekonomi, gangguan seksual, keganasan rumah tangga, kadar penceraian yang tinggi, isu kes ragut, bunuh dan lain-lain lagi perlulah diambil langkah untuk memastikan keselamatan wanita sentiasa terjamin.

Y.B. Tuan Speaker, menyentuh tentang belia, rancangan yang lebih tersusun dan berterusan perlu diberi perhatian serius agar pelbagai masalah dan gejala negatif yang melanda belia dapat diatasi dan mereka tidak terjebak dengan aktiviti yang kurang sihat. Seperkara yang perlu diambil kira sesuatu program yang dianjurkan perlulah diambil kira sensitiviti sesuatu kaum agar tidak berlaku pertembungan budaya yang boleh mencetuskan keadaan yang agak kurang selesa kepada pihak tertentu. Oleh yang demikian, saya berharap ini dapat dilakukan oleh pihak yang berkenaan, rangkakkanlah program yang benar-benar mencerminkan tahap ke intelektual yang tinggi sejajar dengan matlamat ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar raya antarabangsa.

Y.B. Tuan Speaker, menyentuh tentang perumahan iaitu kita berhasrat agar setiap keluarga di Pulau Pinang memiliki sebuah rumah sendiri berdasarkan konsep satu keluarga satu rumah. Oleh yang demikian, saya memohon agar kerajaan negeri mengadakan projek perumahan kos rendah lebih lagi bagi membolehkan setiap keluarga yang tidak memiliki rumah dapat dimiliki. Oleh itu, saya menyokong cadangan yang baik ini dan berharap perkara ini dapat mencapai matlamatnya. Akhir kalam, saya tak nak memanjangkan lagi terima kasih kepada semua pegawai-pegawai dan kakitangan serta petugas-petugas yang berperanan memajukan Negeri Pulau Pinang mengikut kategori dan peranan masing-masing Terima kasih juga kepada jawapan-jawapan yang telah diberikan kepada soalan-soalan kepada yang telah saya kemukakan. Dengan itu, Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong, terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Y.B. Sungai Acheh silakan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t, salam sejahtera dan salam penuh perpaduan. Y.B. Tuan Speaker dan seluruh rakan-rakan ahli dewan, hadirin dan hadirat sekalian terima kasih atas kebenaran Y.B. Tuan Speaker memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul terima kasih kepada TYT YDP Negeri Pulau Pinang. Perkara pertama yang saya ingin sentuh di sini berkaitan tentang dengan pelancongan, yang mana pada peringkat awal Y.B. yang memegang portfolio pelancongan telah menjawab soalan pertama berkaitan dengan naik taraf kawasan pelancongan yang sedia ada di antaranya disebut Pulau Aman, Batu Feringhi, Taman Hutan Simpanan Bukit Panchor, Kota Cornwallis termasuk Sungai Udang, Sungai Acheh dan sebagainya, terima kasih banyak atas pembentangan dan jawapan yang dibuat dan kita sedia maklum dan kita menaruh keyakinan bahawa tempat-tempat yang disebutkan tadi merupakan tempat pelancongan yang sebenarnya dipelopori oleh kerajaan sebelum ini dan terima kasih kerana kerajaan sekarang mengambil alih dengan niat yang lebih baik untuk menaik taraf atau mempertingkatkan kawasan-kawasan yang disebutkan tadi.

Oleh yang demikian, saya memohon supaya ianya dipertingkatkan sebaik mungkin, pertama sekali di Pulau Aman memang banyak ada chalet, *homestay* dan bagai-bagai lagi dan kita kerajaan negeri khususnya mesti mengambil berat supaya chalet, *homestay* yang disediakan ini dinaikkan taraf dan di sana juga terdapat Pantai Selut terutamanya di kawasan Pulau Gedung yang tidak disebutkan tadi di mana situ ada sebuah gedung yang dulunya disimpan dengan peluru-peluru senjata api jadi di pantai tersebut memang sebelum ini ramai ada pelancong-pelancong luar berkelah termasuk mat saleh cuma di situ ada sedikit pasir saja jadi eloklah kalau pihak kerajaan negeri dengan menggunakan teknologi tertentu dapat sedut pasir itu letak di situ supaya pantai itu lebih bersih dengan pasir dan menjadi tarikan pelancong kepada pengunjung-pengunjung luar.

Di samping itu, juga kita nak mencadangkan kalau mampu kerajaan negeri mengadakan satu *cable car* kalau boleh dari Pulau pergi ke Pulau Jerejak, Pulau Aman pergi ke Batu Kawan lepas itu balik semula, harapan kita begitu yang keduanya, Taman Hutan Simpanan Bukit Panchor memang kolam mandi yang sedia ada masih kotor, laluan masuk ke taman masih sempit dan ianya perlu dilebarkan sementara kelip-kelip yang terkenal di Sungai Kerian memang menjadi tumpuan cuma kita mohon

kerajaan negeri supaya dapat kita membersihkan dan menceriakan Sungai Kerian ini di samping kita perbanyakkan tanaman pokok-pokok merembang yang dikatanya dengan adanya pokok-pokok merembang, kelip-kelip akan banyak singgah di situ di samping itu juga sekarang ini Sungai Kerian terkenal juga dengan udang galah jadi ramailah peminat-peminat yang ingin memancing udang galah memancing udang galah di kawasan tersebut maka eloklah kerajaan negeri ambil perhatian bukan setakat di Kuala Sungai Udang kalau boleh ianya menjalar sampai ke kawasan USM di mana di situ ada tempat rekreasi yang cantik yang patut diindahkan lagi. Harapan kita juga untuk *homestay* di Sungai Jeram, Sungai Star, Sungai Duri di kawasan Sungai Acheh juga perlu diambil perhatian berat oleh kerajaan negeri hanya sekarang ini ianya menjadi ingatan oleh kerajaan persekutuan tadi atas pembentangan tadi kita nampak seolah-olah begitu hebat sekali kerajaan negeri menaikkan taraf tempat-tempat ini tapi malangnya kita tadi bila kita berdepan dengan Kota Cornwallis, kita nampak rumput-rumput cukup banyak tumbuh di tembok-tembok menghadap ke Dewan Undangan Negeri jadi cukup pedih matalah duk di depan Dewan pun ataupun sengaja dibiarkan untuk menarik pelancong.

Y.B. Tuan Speaker, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, yang kedua ialah isu soalan yang dibangkit oleh rakan saya daripada Batu Uban dan rakan saya Batu Maung menjawab seolah-olahlah keputusan aduan yang dibuat dalam tindakan daerah ini agak jawapan yang diberi oleh Batu Maung kurang konkrit ,seolah-olah tindakan yang dibuat itu tidak dapat dibuat dengan cepat dan tidak ada had yang boleh diberi sebagai satu jaminan bahawa kerajaan negeri kerajaan yang telus dan bertanggungjawab ini untuk mengambil tindakan mengikut jadual sedangkan jabatan-jabatan kerajaan di bawah kerajaan negeri sendiri terutama Pejabat Daerah sudah ada ISO sudah pastilah ada jarak tertentu, jadual tertentu yang telah ditetapkan untuk menentukan tindakan-tindakan yang akan dibuat mengikut aduan tertentu. Sebab itulah, rakan-rakan kami menawar diri untuk berkhidmat bersama supaya dilantik Jawatankuasa Tindakan Daerah jangan duk ungkit yang kami tak terima cuba terima yang kami minta. Insya-Allah kita boleh bantu tadi rakan saya dari Permatang Pasir menyokong dalam pertimbangan yang lebih serius bukan kepentingan itu bila dapat Timbalan Perdana Menteri tidak jadi Perdana Menteri tapi Timbalan Menteri pun boleh dipertimbangkan insya-Allah.

Y.B. Tuan Speaker, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, satu lagi isu perumahan yang disentuh dalam ucapan Tun satu keluarga satu rumah alhamdulillah tapi saya rasa kita lambatlah nak dapat satu keluarga satu rumah kerana ada sesetengah suku kaum suka duk ramai-ramai supaya mereka boleh bergotong-royong. Isu perumahan ini saya nak bangkitkan dulu setiap skim perumahan ada wujud kuota 30% untuk bumiputera apakah sekarang masih adakah polisi ini dilaksanakan, dulu juga sekiranya bumiputera tak boleh beli dalam tempoh yang ditetapkan kuota bumiputera itu boleh dilepaskan dengan syarat pemaju mesti menjelaskan wang sumbangan kuota bumiputera sekarang ini siapakah ahli jawatankuasa yang menentukan projek rumah yang dilepaskan kuota mereka berapa banyakkah sudah wang tersebut terkumpul? Bagaimana ianya digunakan, di manakah ianya disimpan?

Y.B. Tuan Speaker, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, isu miskin tegar isu miskin tegar sudah banyak diperkatakan oleh rakan-rakan hasil siasatan semula 728 orang yang layak menerima bantuan dan alhamdulillah kawasan saya juga Adun Sungai Acheh 7 orang telah dipilih untuk diterima. Ini mungkin satu keputusan yang baik mungkin dulu banyak di Adun Sungai Acheh kerana kerajaan Barisan Nasional telah berjaya menyelesaikan masalah ini hanya tinggal baki 7 orang.

Walau bagaimanapun, kita nak minta jasa baik pihak kerajaan negeri yang mungkin telah membentuk satu jawatankuasa peringkat daerah yang mungkin telah mengarah JKKM ka atau sebagainya melalui penghulu untuk mendapatkan maklumat yang terkini setakat ini supaya bila ambil perhatian senarai-senarai yang masih ada tersimpan di Pejabat Daerah seperti senarai e-kasih supaya ianya dapat diteliti dan diperincikan moga-moga kot-kot ada yang tertinggal sebab pengalaman kita bukan mudah untuk kita menentukan seseorang itu sebagai miskin tegar kalau kita tunggu temu duga saja, kita tanya si polan itu berapa pendapatan dia ada sifat manusia yang pertama kerana dia malu nak beritahu dia kata dia dapat lebih tetapi kalau dia tidak malu kerana dia nak bantuan sudah semestinya dia akan sebut kurang daripada RM500.00, tidak ada bukti tidak ada penyata tertentu yang menyatakan si polan itu menerima bawah RM500.00. Walau bagaimanapun, kita haraplah supaya jawatankuasa kemiskinan peringkat daerah ini dapat meneliti sehabis-habisnya dan kalau perlu kita menawarkan diri bersama kerana kita faham ada juga wakil-wakil rakyat yang menduduki jawatankuasa ini bersama Pegawai Daerah dan pegawai tertentu. Jangan timbul soal yang tak terima dulu tapi yang penting sekarang kita mohon diri.

Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan, hadirin hadirat yang dihormati sekalian, terima kasih atas kerana menyatakan bahawa mereka memilih senarai-senarai ini tidak mengira kaum tidak mengira siapa termasuklah tidak mengira fahaman politik dan ini diulangi oleh rakan saya Jawi terima kasih banyak-banyak cuma saya nak pohon supaya kerajaan negeri dapat membentangkan berapakah orang mengikut majoriti kaum Cina India dan sebagainya, lepas itu fahaman politik juga harus disebut berapa ahli PKR berapa Ahli Barisan Nasional, MCA, MIC dan sebagainya. Nak membuktikan bahawa apa yang disebut itu sebagai satu kenyataan yang ikhlas. Y.B. Tuan Speaker, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian, isu seterusnya iaitu isu pasar malam walaupun hari ini tak banyak yang sebut soal isu pasar malam tapi saya ingin sebut pasar malam ini berlakunya di kawasan saya iaitu di Sungai Acheh dulu juga saya timbulkan tapi ianya belum selesai, saya nak nyatakan di sini pasar malam dulu, pasar malam ini dulunya dikelola JKK yang lama di bawah pimpinan Barisan Nasional selepas itu kita dapat faham kata pihak berkuasa tempatan mengeluarkan lesen kepada JKK berkenaan katanya bukan keluar lesen bagi kebenaran sementara. Walhal di situ ada JKKK Sungai Acheh, tetapi bagi kebenaran kepada JKK Sungai Cheenam yang bersempadan dengan Sungai Acheh. Katanya kerana Sungai Acheh tidak minta, Sungai Cheenam minta, Okey, yang menyedihkan mereka ini buat pasar malam, selain daripada tanah-tanah kerajaan negeri di *side table* mereka juga menggunakan tanah PERDA tanah Kerajaan Persekutuan yang sekarang di beri kuasa kepada Komuniti Bestari untuk mengelolanya. Dan PBT MPSP telah mengambil daya usaha untuk menyelesaikan biar mereka berniaga tapi JKKN Sungai Cheenam mesti bagi sumbangan kepada Komuniti Bestari. Hampir setahun pihak MPSP tidak dapat selesai, sampai sekarang JKK Sungai Cheenam tidak pernah memberi satu sen pun kerana menggunakan tanah itu, sudahlah menggunakan tanah itu tidak dapat kebenaran.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sebenarnya untuk diberikan kelulusan untuk pasar malam ini adakah hanya dihadkan kepada JKKK sahaja, di kawasan taman-taman tiada JKKK, maka harus dipertimbangkan KRT, *residential association*, macam mana Sungai Acheh setuju, sebab kawasan tiada pun.... setujulah tu.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud b. Zakaria):

Yang Berhormat Speaker, tanah PERDA diguna tidak minta kebenaran, MPSP bagi lesen tak pantau. Kalau ikut, kalau mereka ini guna tanah PERDA tanpa kebenaran, maksudnya MPSP tidak membenarkan pengelola pasar malam ini berniaga di kawasan tersebut. Mungkin ia hanya lulus di kawasan yang diluluskan di atas tanah kerajaan negeri tapi penguatkuasaan tidak mengambil apa-apa tindakan. Maknanya yang pertama tadi, tindakan hendak selesai masalah lambat, yang kedua, penguatkuasaan tidak dilaksanakan. Maka ianya bercanggah dengan pengertian cekap, bertanggungjawab dan telus.

Yang Berhormat tuan-tuan, puan-puan berikutnya isu Jeti Nelayan Tanjung Berembang, terima kasih kepada Y.B. EXCO yang berkenaan yang dulu pernah melawat hampir setahun, katanya jawapan bertulis sudah keluar sebut harga, hendak buat, bayangkanlah Tuan Speaker, saya bercakap dalam persidangan yang sudah baru sekarang jawab, keluar sebut harga, belum laksana juga bercanggah dengan pengertian CAT. Cekap hendak buat kerja maka satu lagi kegagalan berlaku, walau bagaimanapun sudah hendak buat saya hendak tanya adakah sebut harga ini dibuat dan telah mendapat keputusan, berapakah kosnya, siapakah kontraktornya?

Yang Berhormat tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian, kemudian dari segi menaikkan pencapaian akademik sekolah di negeri ini jadi banyaklah yang dijawab kepada saya macam-macam, kata bagi sumbangan RM200, RM300 pada SPM yang mendapat A1 mengikut subjek yang diambil penuh, STPM yang ini wakil-wakil rakyat kawasan yang sudah bagi. Lepas itu buat seminar dan bengkel, yang ini juga Pusat Khidmat sudah buat. Jadi kalau boleh dapat dikembangkan lagi kita mencadangkan kalau boleh kita bawa ke kampung-kampung supaya JKKN diberi peruntukan mengadakan kelas-kelas tuisyen kerana sudah banyak dewan-dewan yang dahulu ditakluki oleh AJK lama diambil oleh JKN, maka gunalah dewan ini sebaik mungkin untuk faedah masyarakat.

Yang Berhormat Speaker, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, sebab satu lagi berkaitan dengan pelantikan Pegawai Daerah sebagai Ahli Majlis, rakan-rakan sudah sebut. Sebagaimana yang saya sebutkan dahulu dalam persidangan dahulu saya sebut Pegawai Daerah, Penghulu diberi mandat untuk hendak pilih ahli-ahli AJK sebenarnya mereka pemimpin yang berada di *grass root* akar umbi Permatang Pasir bersetuju. Jadi, bermaksud kita sudah iktiraf, sekarang ini baru DO ini merupakan pemimpin akar umbi yang tahu selok-belok apa-apa yang berlaku di kawasan, soal agamanya, soal remaja, soal belia, soal pembangunan, malah segala apa yang berlaku di kawasan Insya-Allah Pegawai Daerah. Jadi orang macam ini patut mereka letak mereka sebagai Ahli Majlis Daerah untuk menyampaikan sungutan, aduan daripada masyarakat setempat. Atau pun mungkin kerajaan negeri agak kurang percaya, sangsi di atas Pegawai Daerah ini. Saya harap ditimbangkan semula.

Kemudian perkhidmatan Rapid sampai 150 hendak jadi 200 masuk habis ke kawasan saya Sungai Cheenam, bagus Alhamdulillah, Permatang To' Mahat, Bukit Panchor, terima kasih yang pertama kerajaan negeri sanggup terima, kalau bas banyak sahabat ku ADUN Jawi, stesen bas tiada, sekarang ini bas Rapid tumpang dekat masjid dekat *kiosk* itu, perasan tak, yang itu wakil JAWI patut ambil perhatian, saya bantu. Saya hendak pohon itu yang saya tahu, mungkin tempat lain pun ada tapi MPSP dia bagus, dia buat *advance*, dia buat pondok dulu, walaupun tiada bas, pondok berlambak, itu standard, bagus, tapi malangnya stesen bas tiada, kalau bas banyak sudah lalu hendak berhenti di mana?, letak mengganggu kepada masyarakat, jadi masalah pula, jadi kita minta kepada kerajaan negeri pertimbangkan supaya bas stesen ini dibuat, saya minta Nibong Tebal dibuat dahulu.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Sebenarnya masalah ini telah pun saya buat beberapa surat kepada JKP tapi jawapan dari JKP saya tidak faham, apa masalah yang sedang dihadapi oleh pihak mereka. Setahu saya JKP dia hendak memperlambat-lambatkan pembangunan itu, saya memang tidak bersetuju dengan jawapan yang diberi kepada saya. Kalau boleh, Sungai Aceh suruh JKP mencepatkan pembangunan itu sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud b. Zakaria):

JKP itu apa, Jawatankuasa Pemandu? Yang Berhormat Tuan Speaker, tuantuan dan puan-puan sekalian, berikutnya isu belia, hebat, EXCO Belia jawab cantik termasuk hendak bagi duit, membesar dan mengindahkan bangunan Majlis Belia Negeri, tapi malang yang paling penting persatuan-persatuan belia luar bandar yang masih lagi tidak pernah mengadakan Mesyuarat Agong, tidak ada aktiviti, di sana banyak JPP, BBB, 4B, HYO, TYBC, ABIM, Saint John Ambulance, Pengakap tidak mendapat pembelaan, tidak ada satu panduan ke arah kerajaan negeri di minta kalau boleh pemimpin kerajaan negeri yang berkaitan belia ini turun padang seperti mana rakan-rakan sebut, turun padang jumpa ahli belia, apa masalah mereka, bagi peruntukan tertentu untuk persatuan menjalankan aktiviti, terutama kemaskan daripada asas bagi pentadbiran mereka, bagi duit semuanya untuk mentadbir persatuan, panggil bila-bila jumpa kalau hendak bantu panggil ADUN kawasan, kita pergi tolong, kalau tidak kita hanya sebut di atas *paper* atau kertas kita buat di atas, di negeri sedangkan di luar bandar masih banyak belia-belie kita masalah sosial, dadah, mat rempit dan lain-lain lagi. Kalau kita bendung perkara ini kepada belia-belie insya-Allah bagi peruntukan, mereka buat aktiviti yang tidak bercanggah dengan hukum hakam agama masing-masing. Saya menyeru kalau boleh pihak berkenaan dapat turun ke padang secara yang bersungguh.

Kemudian, masalah pertanian, kita nampak Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional banyak memberi peruntukan, telah banyak bagi bantuan kepada petani-petani tapi nampaknya kerajaan negeri begitu sikit yang kita minta berkali-kali sudah, kalau boleh lot-lot sawah ini diwartakan sebagai lot sawah, tanah bendang yang dulu dia jawab telah mengarah JPS untuk buat. Hari ini jawapan yang sama juga telah mengarah JPS untuk buat, cuma naik markah sikit, dia kata JPS sudah siap 80% kertas kerja bentang dalam EXCO. Tahun sudah dia tanya, makna bercanggah juga dengan CAT bercanggah lagi, tapi kalau CAT itu letak di bendang boleh membantu menangkap tikus yang banyak kerana kelapa sawit ada.

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Sungai Aceh kalau boleh buat kepastian.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud b. Zakaria):

Saya hendak gulung, saya hendak gulung atas, nanti nampak bawah. Jadi saya minta kerjasama kerajaan negeri ambil perhatian yang serius kepada pertanyaan ini kerana padi ini makanan utama kita. Yang berikutnya saya hendak minta kerjasama kerajaan negeri bagaimana Batu Uban sebut tadi hendak minta buat pasar awam, jadi di Sungai Aceh banyak pembayar cukai, jadi bila bayar cukai, hendaklah barang, seperti Yang Berhormat Dato' Azhar sebut *barter trade*, bila hendak bagi yang itu hendak yang ini, jadi saya difahamkan dulu tanah telah dibuat sama ada pengambilan atau membeli saya tidak tahu, tapi saya minta diteruskan kerana jarak

pekan Sungai Aceh dengan Parit Buntar, Nibong Tebal itu hampir-hampir 10 km atau 8 km. Jadi makna kena naik bas pergi *market*, setakat ini orang sana hanya beli barang di kedai kopi dengan ikan kurang segar, sayur pun tidak elok dan barang-barang lain tidak elok. Tapi kalau *market* buat, elok. Saya mintalah kalau dapat perhatian.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta laluan, terima kasih, Y.B. dari Sungai Aceh kata sudah lama situ pun tidak ada pasar awam rakan saya dari Batu Uban pun sama kata juga kurang pasar awam dan tadi saya dengar semula Y.B. dari Seberang Jaya kata ini kena minta berbaik-baik dengan Kerajaan Pusat seperti bodek, *jet-jet* dengan pandang jasa baik kalau tidak sampai bila pun tidak ada sama sajalah, kalau begitu kena pun kena dengan jasa baiklah, tadi you kata orang daripada Sungai Aceh adalah seorang yang bayar taksiran juga, bayar cukai sama juga orang Pulau Pinang juga bayar cukai kepada Kerajaan Pusat mengapakah ini tidak adil, adakah Y.B. Sungai Aceh sama bersetuju juga Kerajaan Pusat kena saksama kepada kita, kena beri kepada kita apa yang perlu adakah betul, adakah bersetuju, kalau setuju katakan ya, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Y.B. Tuan Speaker, rakan saya dari mana Padang Lalang, dahulu dia seorang DJ dalam satu TV, kenal terima kasih, pasal itulah bila kita hendak minta macam isteri hendak minta apa pada suami dia kena pandai baiklah, ini dok kena maki ya, bila mai bercakap hentam Barisan Nasional tidak bagus, Ketua Pembangkang kami tidak bagus saya ingat kalau kita boleh buka dari mula hari ini jenuh yang itu saja malu kita.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Minta penjelasan, terima kasih, Y.B. Tuan Speaker, terima kasih jadi ini bermaksud Kerajaan Barisan Nasional telah memerintah 50 tahun sampai Sungai Aceh tidak diletakkan satu market pun sehingga hari ini, setuju begitulah.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Harap-harap Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) buat market di Sungai Aceh, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) jangan lupa buat market di Batu uban, tapi jangan bawa barang macam itu tadi di sini dari segi akta keselamatan salah tau.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat sila tujukan di sini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Terima kasih, Y.B. Tuan Speaker, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, ini berkait dengan Pembangunan Tanah Batu Kawan saya seronoklah Batu Kawan hendak dibangunkan, titi hendak siap tak lama, jadi cuma orang Batu Kawan bertanya kepada saya walaupun saya bukan wakil rakyat Batu Kawan tetapi saya pernah berkhidmat di Batu Kawan hubungan saya dengan mereka begitu baik, mereka bertanya mengikut pelan dahulu ada tapak masjid hendak dibuat, adakah

rancangan tapak masjid ini akan terus dibuat di situ, mengenai yang kedua mereka tanya pula ada baru ini PDC ada jual tanah untuk buat *booth* lepas itu ada pula kata hendak buat muzium Buddha di sana mereka tanya, mereka kata mereka jual harga murah, saya tahu depa jual tinggi hendak buat macam ini, jadi saya perlukan jawapan dan saya hendak balik kepada orang kampung hendak jawab balik.

Akhir sekali saya hendak memberitahu yang telus ini, penduduk mahu bumbung dewan serba guna dibaiki, dewan ini dahulu duit persekutuan tetapi hendak buat macam mana tanah hak kerajaan negeri mengikut kanun tanah negara kalau bangunan itu duduk di sana milik tuan itu. Tidak ada sesiapa yang baiki lamanya, ini bukan Jawilah ini Sungai Acheh, Sungai Chenaam, jadi saya minta beri perhatianlah, saya pun mula dah saya pergi pada hari itu ada Majlis Maulud itulah maknanya hendak gua, hendak guna, hendak jaga, hendak jaga tapi tak elok, saya pohonlah banyak dewan yang lain lagi jadi begini, ambil perhatian kemudian pasal mesyuarat kita ini bagus sebab ada pelajar-pelajar pun datang bukan hari ini, hari itu kita pun puji, kita benar *student* datang sayangnya sikit pelajar pun cakap begini. Dia kata, saya hendak bacalah tetapi saya kurang setuju dengan langkah kerajaan negeri yang memberikan bantuan kewangan kepada keluarga miskin tegar dengan hanya memberi wang anak keluarga miskin tegar yang sedang belajar tidak dapat menikmatinya, seeloknya kerajaan negeri menyediakan khidmat tuisyen tambahan mahu pun biasiswa kepada mereka katanya. Melalui pendidikan sahaja mereka dapat keluar dari belenggu kemiskinan tapi saya agak kesal apabila ADUN bertelagah sesama mereka disebabkan perbezaan fahaman politik, mereka sepatutnya memikirkan cara untuk memulihkan ekonomi negeri dan membantu rakyat di negeri ini bukannya asyik bercakar-cakaran seperti ini.....(gangguan), sinar, sinar saya pun tidak baca utusan dah baca sinar, kita bawa pelajar datang kita seronok, tapi mereka memerhati kita inikah pemimpin yang mereka sanjung?

Pemimpin yang kata CAT? Malu dan akhir sekali saya hendak, rakan saya dari Permatang Pasir kata dia tidak mahu kerana dia ada banyak jawatankuasa, tetapi di sini kata Pas tuntutan portfolio agama, ambillah perhatian, yang ada wakil Pas seorang saja, Pas tuntutan portfolio agama untuk Negeri Pulau Pinang, Pas kata kalau dia tidak mengikut ketua pemimpin macam mana, dia kena taat setia kepada pemimpin, bila Pas minta dia kena ikutlah jadi akhir sekali kita rujuk muka surat dua dalam ucapan perasmian ini saya ingat di antara ucapan yang saya hendak baca demi memastikan negeri yang kita sayangi maju ke hadapan sewajarnya ketepikanlah unsur perbalahan sebaliknya memberi tumpuan kepada aspek pembangunan bagi kemakmuran negeri, kita seharusnya menekankan kepada kesejahteraan Malaysia tanpa memperlihatkan perbezaan fahaman wawasan, kerajaan, negeri masih bertekad menyamakan reformasi yang boleh menjadikan Pulau Pinang dengan negeri bertaraf antarabangsa yang menjadi pilihan pertama untuk pelabur pelancong setelah habitat terpilih untuk penghuni yang mahukan pembangunan yang mampan, sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualikum warahmatullahiwarakatuh, saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker :

Terima kasih Y.B. Sungai Acheh. Silakan Ahli Kawasan Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Bismillahirrahmaniruhim, terima kasih Y.B. Tuan Speaker, yang pertama sekali saya ingin mengucapkannya terima kasih khasnya kepada TYT yang telah sudi memberi pandangan dalam ucapan perasmian penggal kedua di dalam Dewan yang

mulia ini dan juga saya mengambil kesempatan ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada TYT yang telah dilantik untuk kali 2 tahun, juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Y.B. Dato' Zainal Rahim di atas pelantikan sebagai Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri.

Y.B. Tuan Speaker, pertama kali dalam saya menjadi wakil rakyat bagi Barisan Nasional masuk Dewan kali ini saya terima satu surat notis yang dilarang merokok sebab itulah kalau kita lihat Y.B. Jawi dia sekarang ini banyak garang kali ini, sebab dia tidak boleh hisap rokok dia hendak beritahu kepada saya sebab dia takut, kerana dia parti kerajaan, takut nanti kena marah pula, tidak mengapalah walau bagaimanapun larangan merokok itu kita patuh, Y.B. Tuan Speaker

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Penjelasan, penjelasan, saya rasa Y.B. Bayan Lepas cakap tidak betullah, jangan tarik saya termasuk dalam hal ini, saya tidak mahu campur.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Ameruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Orang melawak pun mereka marah kita, tapi saya tahu rakan saya yang hisap rokok salah seorang ialah Y.B. dari Jawilah, walau bagaimanapun kita akur kerana Y.B. Tuan Speaker begitu tegas tentang dasar yang baru ini dan kita lihat dengan penempatan kakitangan kesihatan yang sedang tunggu untuk mengambil denda sebanyak RM500.00. Kami pun tidak jadi hisap rokok di dalam kawasan ini dan kami kena hisap dekat luar, yang menjadi cerita terok ini pemberita pun dok ikut kami sampai di luar hendak tangkap gambar, jadi walau bagaimanapun larangan ini kita akan patuh.

Satu lagi saya sentuh juga tentang apa ini krisis ekonomi di mana kita tahu krisis ekonomi ini bukan hanya berpunca di Malaysia tetapi satu dunia dan banyak telah dibahaskan dan banyak telah dijawab oleh khasnya daripada Y.B. Ahli Perai dan apabila saya mendengar Y.B. Perai menjawab krisis ekonomi saya memang terharulah kerana jawapan dari Ahli Perai ini agak berbeza dengan jawapan yang diberi oleh Y.A.B. Ketua Menteri, kerana Y.B. Perai ini nampak lebih profesional dengan mengatitkan fakta-fakta yang tertentu, bukan sahaja Ketua Menteri dia lebih profesional jadi pada hari ini saya memang tertarik dengan apa yang dijawab oleh Y.B. Ahli daripada Perai ini, cuma apa yang saya baca melalui daripada *The Gage*, *Bussines Times* kadang-kadang saya baca *The Edge* juga sikit-sikit kadang saya tengok *Bloomberg* tentang ekonomi dunia dan saya rasa kluatir sangatlah keadaan sekarang ini, saya kluatir apabila kita lihat bahas kita baru-baru ini cuma dibentangkan krisis untuk *short term*, apa yang ditanyakan hanya dijawab 300 orang yang jadi penganggur, 3000 pekerjaan telah disediakan tetapi mengikut apa yang saya tahu apa yang saya baca dan dengar krisis ekonomi ini akan melanda selama tiga tahun dia boleh lanjut hingga 4 tahun, setakat bulan sudah di Amerika sahaja penganggur telah meningkat hampir 1.2 juta walaupun projek stimulus yang dilancarkan oleh Presiden Obama tetapi pengangguran masih tiap-tiap bulan berlaku di Amerika dan ini secara tidak langsung akan *effect* kepada negeri kita yang banyak mengeksport *oriented* di mana kerajaan kita banyak bergantung pada multinasional syarikat yang bergantung penjualan-penjualan barang kepada negara-negara yang maju, jadi saya yang risau ialah kalau ini berlanjutan kita boleh melihat satu fenomena yang baru di mana kilang terpaksa *lay off* pekerja buang kerja tetapi dia terpaksa *lay off* pekerja untuk menjaga keuntungan, dua bulan sudah tidak silap saya Mitsubishi telah membuang pekerjaanya seluruh dunia hampir 60 ribu orang tetapi tahulah sama

ada dia terlibat dengan kawasan kita, jadi apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah jawatankuasa yang dicadangkan oleh Ahli daripada Perai iaitu Y.B. Timbalan Ketua Menteri 2 saya setuju cuma segi, apa ini dia kata pekerjaan ini ada pemantauan tetapi tugas jawatankuasa itu harus ditambah bukan hanya melepas tangan kepada Kerajaan Pusat, tetapi hendaklah mendapat data yang selalunya yang harus kata apa meninjau, melihat atau memantau tiap-tiap bulan sekali tentang pekerja asing kerana kita lihat kalau ini dibiarkan saya khuatirlah ia akan menjadi fenomena di masa hadapan tetapi kalau tiga tahun akan datang bukan hanya bila pekerjaan tiada, *inflation rate* Y.B. Perai tahulah harga roti naik, habis semua barang naik jadi perkara ini akan menjadi satu fenomena yang dahsyat khususnya Pulau Pinang kerana bergantung kepada eksport. Di Negara Indonesia tidak begitu rasa kerana mereka banyak *self sufficient* banyak barang-barang yang dijual kepada rakyat mereka sendiri.

Jadi saya mintalah kalau boleh jawatankuasa yang disebutkan oleh kerajaan negeri hendaklah memantau juga tentang keperluan pekerja-pekerja asing yang kadang kala diberi kebenaran oleh Imigresen kepada bukan hanya *multination company* tetapi juga kepada IKS, perhotelan dan lain-lain lagi, jadi kalau kita boleh memantau kita boleh membuat persediaan lebih awal untuk kita menghadapi krisis yang akan melanda di Malaysia ini, dan perkara ini saya melihat tidak harusnya kita hanya bergantung kepada satu pihak iaitu kita buat tuduhan kepada Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat buat tuduhan kepada kerajaan negeri seharusnya *first time* kita kena *joint hand* untuk mengatasi masalah ini, kalau ini melibatkan rakyat Malaysia, melibatkan pengangguran, melibatkan fenomena yang baru yang harus kita tangani bersama, jadi perkara ini seharusnya kita lihat perkara yang serius yang saya rasa boleh kata apa membankrapkan sesuatu negara itu sendiri, jadi saya rasa mungkin ahli daripada Perai dia lebih faham, lebih dapat melihat perkara ini untuk membuat persediaan lebih awal sebelum hujan orang kata, ya silakan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Penjelasan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Ya sila.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Cuma memberitahu Dewan ini, saya rasa hubungan kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat ini bukanlah kita terlalu konflik banyak kerjasama, misalnya melalui Jabatan Tenaga Kerja, kita kongsi maklumat, kadang-kadang kita tulis kepada Kementerian Sumber Manusia, supaya membantu sesama kita. Jadi gambaran bahawa kita sentiasa berkonflik dengan Kerajaan Pusat tidak betul, supaya jalan itu untuk menangani krisis ekonomi ini, so itu yang hendak kita beritahu.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Terima kasih, bila ada satu krisis ekonomi, dia akan melibatkan bukan hanya dari segi barangan harian, keperluan asas, tetapi yang melihatkan juga dari segi

perumahan, di mana apabila orang itu membeli rumah dia kena bayar, tidak boleh bayar rumah, jadi pengemis di negeri dia sendiri.

Jadi perkara ini harus juga dibuat persediaan, sebab itu saya mencadangkan bahawasanya satu projek yang telah diswastakan di Gat Lebu Noordin, di mana 334 unit akan diserahkan kepada kerajaan negeri dan saya cadangkan kalau boleh kita sewa rumah ini, jangan kita jual, kita sewakan seperti PPR yang telah kita ada di Pulau Pinang dan ini tergantung kepada jumlah banyak mana kepada kerajaan negeri, supaya kita sediakan payung sebelum hujan, *prepare* untuk krisis ekonomi yang akan melanda di Negeri Pulau Pinang ini yang kita jangka hanya *short team*, tetapi saya takut berlanjutan sehingga 3 tahun, dia akan lagi teruk.

Jadi saya juga tertarik tentang pembahasan yang telah di bawa oleh ahli daripada *back benchers* dan telah pun dijawab oleh EXCO Perumahan dan salah satu ialah memberikan satu gambaran bahawasanya projek perumahan oleh swasta akan diteruskan tetapi soalan saya ialah apabila OSC telah ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat di mana pelaksanaan untuk mendapatkan OC, boleh ditandatangani oleh PSP iaitu *principal submitting person*. Jadi kalau PSP mengatakan dia boleh berikan OC, dia akan sign OC, tanpa rujukan kepada kerajaan negeri.

Jadi kalau ini dijadikan satu dasar yang telah pun diguna pakai oleh pemaju, adakah ini akan mengugut masa depan pembinaan rumah murah di masa depan, dan kalau kita rasa, adakah kita boleh memaksa pemaju untuk mematuhi syarat yang sebenarnya yang telah ditetapkan sebagai non teknikal syarat, jadi tidak, sekiranya pemaju tidak membuat rumah pun tidak mengapa, sebab OC bukan kerajaan yang *sign* sekarang ini, ditandatangani, OC, PSP yang *sine*. Jadi bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini, jadi ini adalah sebagai satu cabaran kepada kerajaan negeri supaya dapat menyelesaikan masalah ini, kerana kalau kita lihat penyediaan untuk rumah murah kita akan tergugat, akan terbantut, berhenti sementara kalau perkara ini tidak dapat diselesaikan kerana kita hanya bergantung pembinaan rumah murah kepada kerajaan negeri atau agensi-agensi kerajaan, yang ini saya rasa Y.B. Perumahan memang dia faham, memang saya percaya dia boleh faham, dia faham apa maksud saya dan kalau boleh kita minta, kalau berikan jawapan bagaimana dapat mengatasi masalah ini seperti mana yang saya katakan tadi, sila.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Terima kasih Y.B. dari Bayan Lepas, tadi Y.B. Bayan Lepas berkata OC tidak perlu MPSP atau MPPP tandatangan dan dia boleh dapat, tetapi adakah Y.B. Bayan Lepas faham yang undang-undang ini bukan diluluskan oleh negeri, undang-undang ini diuruskan oleh KPKT, dua tahun lalu di Parlimen.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Y.B. Tuan Speaker, saya ingat, biar EXCO yang jawab, *you* faham, saya faham, dia tidak tahu, okey. Satu lagi yang saya tertarik juga dalam perbincangan ini ada juga menyebutkan iaitu Y.B. daripada Seri Delima ada menyebut, bahawasanya kerajaan negeri lain ada mempunyai rumah yang lebih mahal, perkara ini tidak dapat gambaran yang sebenarnya Y.B., kerana kalau kita lihat di projek PAKR sendiri iaitu Projek Perumahan Rakyat di Kampong Besar di sempadan Lunas, harga RM35,000.00, *Landed Property*, size 650 sqft, dengan ada ruangan hadapan dan belakang ada lagi. Di Kulim, *the same house size* yang sama Y.B. Tuan Speaker, dijual RM42,000.00. Jadi ini kerajaan negeri telah *subsidize* RM30,000.00 *extra* untuk memberi kepada sesiapa yang memiliki rumah ini. Jadi gambaran ini tidak betul, ia

tertakluk kepada kawasan tertentu, kalau di pulau mungkin ianya mahal kerana tanah, tetapi kalau di SPS masih RM28,000.00 kita boleh dapat rumah murah, ini tertakluk kepada kawasan-kawasan tertentu, tetapi saya minta kalau boleh Y.B. EXCO Perumahan nanti beri penerangan untuk semua. Cuma satu lagi saya hendak bertanya, ada satu projek yang akan dilaksanakan oleh PDC iaitu rumah murah di Bukit Jambul, di mana kawasan itu berhadapan dengan rumah banglo lot yang orang kaya di hadapan itu. Jadi saya hendak bertanya berapakah harga yang dicadangkan oleh PDC? saya dengar khabar angin macam-macam sangat, tetapi saya tidak mahu percaya khabar angin, saya hendak minta kalau boleh Y.B. EXCO memberi gambaran berapakah harga yang dijual oleh PDC apabila rumah ini akan dibuka kepada pembeli nanti?

Satu lagi juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada EXCO Perumahan yang telah di dalam perbahasan yang telah mengatakan bahawasanya tiap-tiap projek perumahan kalau hendak lulus, kalau hendak minta pelan diluluskan, kena *settle* dahulu setingga yang ini saya mengalu-alukan. Memang setiap satu kawasan yang dibuka untuk satu projek perumahan memang banyak terdapat penduduk. Di Pulau Pinang penduduknya *compact*. Bila jadi satu projek perumahan memang akan jadi kes-kes *eviction*. Jadi kes-kes *eviction* ini kadang-kadang pemaju dia akan menghantar notis terus kepada penduduk setingga itu untuk keluar tanpa bayaran, dia kadang-kadang kalau kena bayar ada nombor ini, kalau ada nombor seperti ini nombor rumah itu dia akan kena bayar melalui kes mahkamah. Bagi kes mahkamah, mahkamah akan ambil *valuer*, nilaian rumah itu bayar begitu, hendak minta lebih-lebih tidak dapat. Jadi saya berharap perkara ini dapat dipegang kuat oleh kerajaan negeri, cuma soalan saya ialah kalau kes seperti ini sekiranya berlaku siapa yang hendak kita ajukan, siapa yang boleh kita minta tolong, sama ada kepada Y.B. sendiri, Y.B. daripada Air Itam atau daripada MPPP atau daripada siapa yang harus kita ajukan di sini.

Satu lagi Y.B. Tuan Speaker, saya sentuh juga tentang pelancongan. Pelancongan kalau kita lihat dalam teks dalam ucapan TYT memang begitu menarik sekali, banyak yang dicadangkan seperti hendak menanam pokok *cherry blossom*, memang saya setuju juga bagi keindahan dan cantik, tetapi untuk projek kereta kabel saya tidak begitu setuju, kerana kalau kita lihat projek kebal ini, apa yang berlaku di Langkawi memang merugikan, tidak menguntungkan langsung. Projek di Langkawi ini, kerana hanya bulan Disember sahaja orang ramai dan apabila kita lihat satu keadaan yang telah berlaku di lain yang telah merugikan, kita harap di Pulau Pinang jangan ikut *step* yang sama, yang penting dalam projek pelancongan ini ada benda-benda keunikan di Pulau Pinang ini yang kita boleh utamakan yang kita boleh *interface* dan kita minta EXCO Batu Lintang dapat memerhati perkara ini dengan serius. Bukan hanya berminat hanya membuat lawatan ke luar negeri tetapi pengisian di Pulau Pinang itu masih kosong. Cuma yang lihat dalam teks dalam ucapan ini hanya kereta kabel untuk produk-produk baru, teks pengisian sebagai bandar warisan ini tidak ada pengisian, cuma apabila kita berharap ialah bila kita berkempen, bukan berkempen, kita keluar mengadakan pameran membuat promosi. Kita mengharap pelancong datang melihat bangunan-bangunan sahaja, bangunan fizikal, tetapi ini bukan kehendak pelancong yang sebenarnya.

Jadi di sini Y.B. Speaker, yang penting dan yang utama ialah kebersihan. Baru-baru ini saya ada menerima aduan daripada kawan saya yang tinggal di Telok Bahang. Saya melanggar sikit kawasan ini, dia kata baru-baru ini Pantai Batu Feringhi amat kotor, Y.B. kotor betul-betul, cuba bayangkan kayu-kayu dalam laut, sampah yang bekas orang minum, kotak dibuang ke laut. Jadi saya tidak percaya, jadi pada hari Sabtu saya ajak perempuan saya pergi berenang. Betul-betul itu, saya menyuruh

anak saya mengangkat kayu di laut dan buang di tepi pantai, cukup memalukan.

Jadi siapa yang bertanggungjawab sebenarnya untuk membersihkan pantai ini, adakah kita membersihkan pantai ini sebulan sekali, atau satu minggu sekali. Jadi yang pentingnya pantai kita cantik, airnya jernih tetapi tanggungjawab siapa untuk membersihkan pantai ini. Jadi kita jangan hanya lihat dari segi promosi, tetapi kita percayalah pelancong ...(dengan izin). Y.B. Tuan Speaker, *we have to come back to basic* dengan melihat kekotoran, perparitan, penjaja yang diatur dengan cara elok dan ini semua akan menarik pelancong. Selain daripada itu cadangan saya kepada Y.B. Batu Lancang, selalunya kita pergi ke luar negara, kita akan diberi *itinerary*, kalau kita bayar *full board*, kita akan melawat ke mana. Kita di Pulau Pinang ini, kita ada banyak keunikan, tetapi kita tidak pernah mengambil tahu, saya rasa Y.B. Batu Lancang harus banyak memberi tumpuan kepada benda-benda pameran, tetapi kesenian ini harus juga dibina, dipupuk, dijadikan satu bahan untuk pelancongan itu sendiri. Kesenian yang kita ada di tempat kita ini, harus kita jaga dan kita boleh juga membuat macam-macam seperti artis *colony*, kita boleh buat muzium, baru *up grading* Dewan Sri Pinang, jadikan satu dewan internasional untuk mengadakan satu persembahan muzik dan ini boleh menjadikan satu alternatif sebagai *part of itinerary* yang kita masuk dalam tulisan apabila dia tiba di Pulau Pinang. Jadi saya cadangkan di sini, kita ambil satu *itinerary* daripada agen pelancongan di Pulau Pinang, *we work on that*, apa yang kehilangan di Pulau Pinang ini, adakah pelancong pergi lihat kilang batik, pergi melawat ke Khoo-Jeti, atau Khoo-Kongsi, atau mana-mana selain daripada itu apa kawasan yang harus kita isi. Saya percaya dengan adanya seperti ini, baru kita fokus apa yang kita hendak buat, kalau tidak kita cuma hanya harap kebijaksanaan kita sebagai EXCO untuk kita membuatkan promosi di luar dan kita bergantung juga banyak kepada kerjasama daripada Kerajaan Pusat. Jadi ini saya percaya kita boleh *come back to the basic*, untuk kita melihat Pulau Pinang *is back on the right track*.

Y.B. Tuan Speaker. Baru-baru ini saya difahamkan ada satu pameran yang akan diadakan yang bertaraf *international* di mana 25% daripada art yang dipamerkan di *Olympic Beijing* akan di bawa ke Pulau Pinang. Saya difahamkan juga Y.B. Batu Lancang memang kawan saya, mereka jemput Y.B. tidak mahu datang, ada orang memberitahu kepada saya, mereka menjemput Y.B. untuk rasmi, tetapi Y.B. tidak mahu datang, tetapi benda ini saya rasa Y.B. kena pergi, kerana benda ini adalah *art* yang bernilai daripada China, yang *Olympic Beijing* akan di bawa ke Pulau Pinang dan diikuti dengan *theater group*. Perkara ini saya ingat, Y.B. kena pergi rasmi. Perkara ini ada orang beritahu, sama ada betul atau tidak mengapalah. Perkara ini Yang Berhormat, kena serius, kalau tidak Pulau Pinang kita ada banyak keunikan kalau tidak maka ini akan jadi kerugian yang banyak kerana kita tumpu banyak kewangan kita kepada benda-benda yang kita mengharap dapat hasil melalui promosi dan mengharapkan orang percaya apa yang di promosi tetapi kalau benda itu ada pada kita, benda ini akan *spread*, orang akan tahu sebenarnya Pulau Pinang adalah dan masih Pulau yang boleh dijadikan Pulau yang cantik untuk datang melancong.

Y.B. Tuan Speker:

Y.B. Bayan Lepas, menggulung.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Ayat yang akhir, okey satu lagi masalah nelayan. Masalah nelayan ini sekarang ini, saya telah bertanya soalan, masalah nelayan di mana sekarang ini

banyak kontraktor yang membuat *second beach*, bila kapal selut yang hendak pergi

buang, dia tidak buang di situ Y.B. dia sampai di Pulau Rimau, dia *start* lepaskan selut dia, lepas itu dia balik kosong begitu sahaja. Jadi ini menjadi kemarahan daripada ahli-ahli nelayan tepi pantai, jadi di sini Y. B. telah pun memberikan jawapan kepada saya, misalnya ada satu sistem pemantauan, pengurusan selut atau dipanggil *alternative indication system* (AIS) yang telah disyaratkan kepada kontraktor itu, tetapi soalan saya ialah adakah mereka betul-betul pasang alat yang dikatakan ini, kerana masih berlaku pembuangan selut di sana, ini nelayan memberitahu kepada saya, apabila mereka melalui di Pulau Harimau mereka membuat selut. Jadi mereka hendak *complain* pergi berjumpa dengan pegawai LKN yang satunya ada stesen di Telok Kumbar, pegawai tidak pernah ada, pembuangan selut hanya berlaku di waktu malam, atau waktu hampir subuh. Jadi benda ini orang yang menceritakan kepada saya sebab itu saya bertanyakan soalan ini, jadi kalau boleh saya hendak tahu, adakah sistem ini yang dicadangkan ini diguna pakai oleh kontraktor itu. Ini soalan saya, Y.B. boleh jawab sekejap lagi.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta penjelasan sedikit sahaja.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Sekejap lagi lah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta penjelasan sikit sahaja. Y.B. Tuan Speaker soalan ini saya juga ada tanya dalam Dewan Yang Mulia ini, bila saya duduk di sana di tempat Ketua Pembangkang. Saya telah diberi jaminan oleh kerajaan negeri pada masa itu, *perfect* tidak ada masalah dan saya adalah waris kepada apa yang telah dibuat dan dijamin oleh Barisan Nasional, kerajaan Barisan Nasional pada masa itu. Akan tetapi saya ucapkan ribuan terima kasih pada Ahli Y.B. daripada Bayan Lepas yang telah maklum pada saya, saya akan siasat dan jika benar akan mengambil tindakan tetap di sana. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, dengan kata itu saya ingin menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Dipersilakan Ahli Kawasan Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih walaupun tunggu banyak lama dan bagi saya peluang ini untuk saya berbahas usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi penghargaan saya kepada TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang atas perasmian Dewan Yang Mulia ini pada 20 April 2009.

Y.B. Tuan Speaker, pada soalan lisan saya telah bertanya tentang status usaha Y.A.B Ketua Menteri kita yang telah memohon peruntukan tambahan sebanyak

RM970 juta daripada kerajaan pusat untuk mengatasi masalah banjir di negeri kita.

Namun jawapan yang telah saya terima amat mendukacitakan, adalah difahami dalam RMke-9 Kerajaan Pusat telah hanya meluluskan sebanyak RM300 juta, namun demikian kerajaan negeri kita akan memohon semula RM670 juta yang selebihnya dalam RMke-10. Ingin saya tanya kerajaan pusat, adakah banjir boleh tunggu sampai RMke-10 baru banjir, baru ada banjir? Inilah sikap kerajaan pusat yang membelakangkan kepentingan rakyat Pulau Pinang yang sememangnya membayar cukai juga? Inilah punca utama Kerajaan Barisan Nasional kalah teruk dalam Pilihan raya Umum yang lalu. Sifat-sifat tidak mementingkan rakyat sebeginilah yang mengakibatkan beberapa kerajaan negeri telah beralih kuasa kepada Kerajaan Pakatan Rakyat.

Y.B. Tuan Speaker, berkenaan dengan papan tanda jalan yang berbilang bahasa, amat memeriahkan bila saya membaca surat khabar pada dua hari yang lepas. Pembangkang yang tiada dalam dewan ini iaitu Parti Gerakan yang telah membangkitkan isu bahawa papan tanda jalan berbilang bahasa tidak mencukupi. Sudahlah Parti Gerakan telah hilang kepercayaan rakyat tetapi masih lagi ingin bersandiwara bersikap jiwa rakyat. Ingin saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat beribu kali lebih baik daripada bekas kerajaan yang dipimpin oleh Presiden Parti Gerakan. Sekarang senator bila dia kalah dia kata saya tak masuk pintu belakang, jadi senator tapi satu tahun juga dia pun sudah lupa. Sudah ikut pintu belakang masuk jadi senator.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Minta laluan, Y.B. Tuan Speaker, kalau kita nak kata kat orang yang tak ada di sini, saya ingat tak boleh lah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tadi bila Pinang Tunggal tuduh Y.A.B Ketua Menteri itulah, inilah tak kata apa, duduk diam sahaja. Tak apalah duduk dulu. Jangan sibuk.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Tadi saya tak ada di sini

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Duduklah dulu, bagi dia ucap, jangan kacau. Koh Tsu Koon dia Gerakan, Gerakan jawab.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Sungai Pinang, teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Y.B. Tuan Speaker, tadi kita dah setuju bahawa kalau orang itu tak ada dalam Dewan yang tak berkaitan, jadi tak payah lah kita *attack*, tak payahlah kita ganggu. Kita nak jaga (gangguan). Kita dok cakap kita nak baik dengan kerajaan persekutuan ini, kita dok minta duit, kita kena baik bukan jenis bila kita minta duit, kita dok maki. Kalau saya jadi bapa pun, Y.A.B. Ketua Menteri jadi anak saya, dok maki saya, saya pun tak bagi duit. Anak maki bapa siapa mau bagi. Tak bagi. Sebab itu kita mahu cakap, cakap dengan elok minta dengan elok, ada budi bahasa barulah

orang kasihan nak bagi. Kita tuntutan nak hendak RM970 juta boleh bagi tapi minta dengan baik. Minta tolonglah, merayulah. Tetapi saya minta Y.B. Tuan Speaker, kalau boleh peraturan yang kita sedia ada, orang yang tak ada dalam Dewan janganlah kita sentuh.

Y.B. Tuan Speaker:

Teruskan Ahli Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Terima kasih. Semasa mereka berkuasa tiada satu papan tanda jalan berbilang bahasa yang dapat dilihat. Tetapi kita hanya bikin kerajaan baru Pakatan Rakyat satu tahun saja. Kalau papan tanda tak cukup, memang ada masa yang panjang, Barisan Nasional boleh 50 tahun pun 1 papan tanda berbilang bahasa tak ada. Kita satu tahun satu bulan lagi, lagi 15 hari sahaja, mereka sememangnya saya tak tahu macam manalah. Saya difahami mereka sememangnya tidak beranilah saya tau mereka bila mereka jadi kerajaan tidak berani. Mereka hanya tahu “kow tow ah” kepada UMNO sahaja atau *jeck-jeck* lah.

Y.B. Tuan Speaker, berkenaan dengan operasi premis Kafe Internet atau *Internet Café*, saya di sini ingin menyeru kerajaan CAT kita untuk mempertimbangkan syarat-syarat pemberian lesen. Salah satu syarat saya difahami pada menyatakan bahawa pengunjung yang berumur 18 tahun ke bawah boleh memasuki *Internet Café* tetapi hendaklah ditemani oleh ibu-bapa dan penjaga. Bagi pendapat saya syarat ini tidak membawa apa-apa manfaat dan saya cadangkan syarat ini dibatalkan, pasal saya difahamkan, selalu saya di sana dan nampak banyak budak mereka yang *boss Internet Café* kata mereka ikut ibu bapa mai tetapi budak itu kata mereka sendiri mai, oleh itu syarat ini sangat mustahak. Saya juga bercadang supaya syarat tambahan dikuatkuasakan iaitu jarak minima bagi sesebuah *Internet Café* haruslah tidak kurang dari 2 km daripada kawasan sekolah. Pasal kita tahulah, saya punya anak pun serupa, siapa punya anak pun serupa, jangan ponteng sekolahlah. Kalau terlalu dekat mereka banyak senang boleh pergi ke *Internet Café*. Yang ada, mereka pagi masuk sekolah masa rehat sudah ada di *Internet Café*. Saya pun sudah pergi ke satu *Internet Café* yang berdekatan dengan sekolah itu dan juga saya berharap masa operasi setiap *Internet Café* harus ditetapkan, mereka harus ada satu masa bukan 24 jam mereka boleh operasi. *That means* dia punya *business* 24 jam, harus ada satu masa sampai pukul berapa, kita harap budak-budak kalau mereka yang mengguna alasan dan masuk mereka pun boleh balik awal dan ini kerana kita harap mereka mementingkan pelajaran mereka. Saya difahamkan banyak budak kerana ke *Internet Café* untuk bermain *game* sahaja. Saya selalu pergi sana, main Internet punya *game* sahaja. Oleh itu saya harap kerajaan kita boleh pertimbangkan syarat-syarat ini.

Y.B. Tuan Speaker, ingin saya membawa perhatian Dewan Yang Mulia ini kepada isu projek-projek yang melibatkan bekas kerajaan negeri Barisan Nasional yang lalu, pasal tadi saya ada kata mereka selalu nak bandingkan oleh itu saya bagi sedikit bandingan apa perbezaannya 50 tahun sama dengan 1 tahun. Adalah amat sedih bagi saya kerana kepimpinan bekas Kerajaan Barisan Nasional yang lalu, sememangnya menampakkan kelemahan dan kepincangan yang drastik. Salah satu daripada projek yang ingin saya nyatakan adalah projek Jejambat Sungai Nibong hingga ke Bayan Baru. Adalah saya difahamkan bahawa pasal selalu saya guna itu jejambat juga lalu jalan itu, difaham bahawa projek ini telah melalui satu proses *merry go round*. Tahukah Ahli-ahli Y.B. di Dewan Yang Mulia ini apakah itu proses *merry go*

round? Saya difahami bahawa kontraktor pertama projek tersebut tidak dapat menyiapkan projek tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan. Justeru kontraktor kedua dilantik bagi menyambung dan menyiapkan projek ini. Mengapa ini boleh berlaku? Ini adalah kerana bekas kerajaan Barisan Nasional yang tidak mengamalkan sistem yang telus, transparensi dan adil dalam melaksanakan proses pengagihan tender. Satu lagi projek yang mengalami nasib yang sama adalah projek naik taraf dari Telok Kumbar ke Pekan Genting, Balik Pulau. Projek ini yang dibiayai oleh kerajaan pusat ini juga tergendala. Saya difahamkan projek ini baru-baru di tender semula dan satu kontraktor yang lain akan menyambung semula projek terbengkalai ini. Projek ini akan mula semua dalam beberapa bulan akan datang ini. Ini cara Barisan Nasional, semua kontraktor kena tukar dengan kontraktor baru, setiap kali kontraktor kena tukar harga kontrak pun naik. Ini tak serupa sebab tak transparensi. Mana serupa kerajaan kita ada CAT. Di sebalik projek-projek yang telah disebut di atas, salah satu projek yang ingin saya bawa perhatian Dewan Yang Mulia adalah projek, ah tadi itu kereta api kabel Bukit Bendera.

Tahukah anda bahawa peruntukan tambahan RM40 juta bagi membolehkan projek naik taraf terhadap kereta kabel di kawasan pelancongan di Bukit Bendera? Namun demikian amat menyedihkan kerana Kerajaan Pusat kita tidak meluluskan peruntukan tambahan tersebut. Akan tetapi, ucapan tahniah dan syabas kepada kerajaan negeri kita. Perlaksanaan projek ini merupakan satu landasan yang melihatkan kebolehan kepimpinan kerajaan pakatan rakyat dan Y.A.B. Ketua Menteri kita. Tahukah anda manfaat dan kelebihan seorang akauntan menjadi Ketua Menteri sememangnya beliau amat arif dan matang dalam pengurusan kewangan kerajaan? Inilah yang dapat kita lihat dalam Ketua Menteri kita. Beliau telah dapat mengurangkan kos membaiki kereta api kabel Bukit Bendera dengan kaedah sendiri dengan penawaran harga lebih rendah daripada tawaran tender. Kos asal yang berjumlah RM1.46 juta sehingga dapat kita menjimatkan sebanyak RM760,000.00 wang rakyat. Ini menunjukkan Ketua Menteri kita memang pandai kira setiap sen. *Because he is an accountant* ...(dengan izin), setiap sen dia tahu macam mana mau jimat duit rakyat Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker, Ini bukanlah satu penjimatan yang kecil. Penjimatan sebeginilah yang telah mendorong kerajaan negeri kita untuk melaksanakan bantuan pendidikan RM8.5 juta kepada 172 buah sekolah yang terlibat iaitu Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Misionary, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan sekolah menengah persendirian. Disamping itu kerajaan negeri kita juga berjaya melaksanakan program bantuan rebat RM100.00 kepada hampir 170,000 keluarga yang memperolehnya melalui potongan bil air PBA.

Ahli Kawasan Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Ya boleh.

Ahli Kawasan Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer):

Y.B. Tuan Speaker ...(dengan izin), saya juga ingin menyatakan di sini saya tertarik dengan perbahasan yang dikemukakan oleh Y.B. Pinang Tunggal tadi yang pada akhirnya menyatakan bahawa. Saya akan beri penjelasan.

Y.B. Tuan Speaker:

Nak tanya Y.B. Sungai Pinang atau(gangguan).

Ahli Kawasan Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer):

Berkenaan apa yang dikatakan oleh Pinang Tunggal.

Y.B. Tuan Speaker:

Pinang Tunggal tidak boleh.

Ahli Kawasan Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer):

Penjelasan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat telah menipu jadi saya nak tanya di sini macam mana pula projek-projek kerajaan Barisan Nasional yang merugikan wang masyarakat. Apakah penjelasan yang oleh Y.B. Sungai Pinang berbanding dengan Pakatan Rakyat, Kerajaan Barisan Nasional yang cuba meuar-uarkan projek-projek yang kononnya lah memberikan manfaat kepada rakyat di Pulau Pinang tetapi sebenarnya tidak memberikan manfaat, cuma memberikan manfaat kepada kroni-kroni Barisan Nasional sendiri. Bukankah itu merupakan satu penyelewengan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Terima kasih kepada Ahli Seri Delima. Y.B. Tuan Speaker, ya memang tadi kita dengar ucapan daripada Pinang Tunggal kata mahu potong gaji Ketua Menteri RM10.00. Betul-betul tak bagi peluang hanya 1 tahun 1 bulan 15 hari jadi Ketua Menteri sahaja, macam mana mahu banding dengan 50 tahun punya kerajaan. Harus bagilah peluang, bagilah kita masa banyak panjang lagi. Saya pun tahu rakyat akan terus menyokong Pakatan Rakyat yang dipimpin oleh Ketua Menteri kita Y.A.B.

Y.B. Tuan Speaker, beginilah kisah dua kerajaan yang mempunyai perbezaan. Satu selalu membazir, tidak telus dan mengabaikan nasib rakyat. Yang satu lagi cekap, akauntabiliti dan telus terhadap kepentingan rakyat. Kita semua harus berterima kasih dan bersyukur kepada tuhan yang maha mulia kerana memberikan kita dengan seorang Ketua Menteri yang berwibawa, arif dan berkepentingan rakyat. Syabas kepada rakyat Pulau Pinang yang membuat keputusan yang tepat dan cekap pada pilihan raya umum yang lalu. Y.B. Tuan Speaker, sekianlah saya memohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Saya hampir nak suruh gulung. Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk sesi perbahasan telah pun tamat. Dewan akan ditangguhkan dan akan disambung semula esok untuk sesi penggulungan, esok 23 April, 9.30 pagi hari Khamis.

Dewan ditangguhkan pada jam 9.50 malam.